

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 44</b>	<b>Isnin</b>	<b>25 November 2013</b>
----------------	--------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

- **Arahan Perpindahan Murid-Murid Sekolah Rendah dan Menengah St. Thomas, Kuantan**  
- *Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan)* (Halaman 24)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

- B.27 (Halaman 30)
- B.60 (Halaman 124)
- B.29 (Halaman 176)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

Usul Anggaran Pembangunan 2014

**Jawatankuasa:-**

- P.27 (Halaman 30)
- P.60 (Halaman 124)
- P.29 (Halaman 176)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 25 November 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah peranan masyarakat dan PIBG yang boleh membantu menjayakan PPPM dan apakah sumbangan atau insentif yang boleh diberikan pada PIBG untuk suntik semangat masyarakat memajukan sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui anjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013 hingga tahun 2025 telah menetapkan agenda untuk bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara luas. Anjakan tersebut adalah usaha membentuk satu ekosistem pembelajaran di kawasan masing-masing. Bagi merealisasikan anjakan tersebut, pada 24 Februari 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah. Sarana atau *tool kits* dengan izin, ibu bapa dan Sarana Sekolah telah menyediakan panduan dan mekanisme kepada ibu bapa untuk berperanan dalam menegakkan pembelajaran anak. Sarana ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk menilai, mengetahui tahap penglibatan mereka dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid.

Seterusnya, ibu bapa diberikan panduan atau *tips* dengan izin dalam mendidik anak dan contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu ibu bapa dengan konsep dengan izin, *parent guiding parent* dalam mendidik anak khususnya daripada aspek akademik. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan *task force initiative* penglibatan ibu bapa, komuniti dan swasta peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah sebagai mekanisme untuk pihak sekolah, PIBG, komuniti dan swasta bertindak dalam anjakan kesembilan PPPM iaitu kerjasama ibu bapa, komuniti dan swasta secara meluas. Sehubungan itu, pihak PIBG diminta untuk bekerjasama dengan pihak sekolah supaya ibu bapa didedahkan tentang bagaimana untuk menggunakan dan memanfaatkan Sarana Ibu Bapa.

PIBG perlu menganjurkan program bersama-sama ibu bapa untuk membolehkan ibu bapa sedar, faham, terima dan dapat menggunakan sarana bagi meningkatkan pembelajaran anak. Di bawah struktur PIBG sedia ada, biro kumpulan sokongan ibu bapa atau KSIB diwujudkan untuk membantu ibu bapa melalui perkongsian buah fikiran dalam menangani setiap isu. KSIB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, kerjasama, perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan biro maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Saya sedih juga hari ini baca surat khabar dan dengar berita Yang Berhormat Pokok Sena kalah. Sabarlah Yang Berhormat Pokok Sena, kerja kuat-kuat lagi. *Insyallah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah respons Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, dia kalah tapi *mai* awal pasal nak lawan UMNO dengan BN. Bab lawan dengan BN saya *mai* awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Sorry* ya, bab lawan UMNO dan BN tak ada tolak ansur, *mai* awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, soalan, soalan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya menjayakan sistem pendidikan negara yang baik sehingga membawa Malaysia kepada negara berpendapatan menengah atas. Sejak sekian lama, sistem pendidikan sekolah kita adalah bersifat Putrajaya ataupun *federal centric* dengan izin, iaitu kurikulum, perancangan, pengkaedahan, pengajaran, pembelajaran dibentuk oleh kementerian dan dibentuk dengan kemudiannya pejabat pelajaran negeri dan pejabat pelajaran daerah bertindak sebagai pelaksana yang membentuk keseragaman di kalangan pendidik. Saya amat tertarik dengan Pelan Pembangunan Pendidikan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan khususnya 11 inisiatif anjakan yang telah diumumkan termasuklah pemerksaan pejabat pelajaran negeri dan pengetua dan guru-guru di peringkat sekolah.

Soalan saya, bagaimanakah anjakan-anjakan ini dapat mencetuskan daya inovasi di dalam sistem pendidikan negara? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang berkaitan dengan inovasi dan memang sekiranya kita rujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan, inovasi dan kreativiti diberi keutamaan dan untuk mencapai fokus atau keutamaan ini, memang sekarang banyak inisiatif sudah diambil di mana bukan hanya Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan peluang untuk pelajar-pelajar melibatkan diri dalam program inovasi atau

kreativiti tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia juga mewujudkan kolaborasi dengan agensi yang lain seperti *The Star*, *Pizza Hut* dan bank seperti *Maybank Foundations* dan SME Bank untuk mengadakan pertandingan untuk inovasi.

■1010

Sekiranya kita merujuk atau membaca surat khabar, setiap kali apabila pertandingan inovasi diumumkan, memang kita boleh melihat kehebatan pelajar-pelajar dalam menjayakan dalam pertandingan ini.

Selain daripada itu, kejayaan bukan hanya diperolehi di peringkat negara kita, tetapi di peringkat antarabangsa juga. Saya percaya bahawa apabila soalan yang dikemukakan yang berkaitan dengan inovasi Yang Berhormat Timbalan Menteri II sudah memberi banyak contoh macam mana atau tentang kemenangan pelajar-pelajar dari Malaysia dalam pertandingan di antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. PIBG sememangnya memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha pembelajaran dan juga pengajaran di sekolah-sekolah bagi meningkatkan mutu pendidikan pelajar-pelajar kita di seluruh negara. Sepatutnya pun PIBG memainkan peranan itu. Saya tertarik tadi dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh PIBG. Soalan saya ialah memandangkan PIBG banyak sekali memainkan peranan dalam proses pengajaran dan juga pembelajaran di sekolah-sekolah, adakah peruntukan khusus oleh kementerian kepada PIBG untuk menjalankan program-program mereka. Ini adalah kerana mereka selalu memohon sumbangan daripada kita sama ada dari wakil rakyat ataupun dari kerajaan-kerajaan negeri? Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga tertarik dengan jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang wujudnya satu *task force* untuk membimbing PIBG ini. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh-contoh aktiviti dan program yang dijalankan bersama oleh PIBG dalam usaha membimbing PIBG menjalankan aktiviti mereka dengan lebih berkesan lagi, Terima Kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima Kasih Yang Berhormat atas soalan yang menunjukkan satu keprihatinan terhadap peranan yang dimainkan oleh PIBG dan saya mengucapkan terima kasih dan mengucapkan syabas juga tentang *concern* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Berkaitan dengan sumbangan kewangan di mana Kementerian Pendidikan Malaysia ada alokasi atau peruntukan yang diberikan kepada PIBG, ini kita boleh mempertimbangkan dan sekiranya ada satu cadangan, bolehlah tulis kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk buat pertimbangan. Akan tetapi pada masa yang sama itu saya rasa bukan hanya Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan satu peranan untuk memberi sumbangan dalam bentuk kewangan, tetapi saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen juga boleh memainkan peranan untuk memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah di bawah jagaan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Selain daripada itu, saya juga tahu berdasarkan

saya punya pengalaman sebagai pengetua, pihak PIBG juga memainkan peranan untuk mengadakan *fund raising programme*, dengan izin.

Soalan kedua adalah berkaitan dengan *task force* dan di sini adalah di mana Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan peranan untuk memberi insentif atau sumbangan dari segi bentuk intelek. Itulah kita wujudkan kita punya *tool kits* atau dengan izin kita punya sarana dan apabila kita memberi *tool kits* kepada ibu bapa, latihan dijalankan untuk ibu bapa. Selain daripada itu, untuk menghargai usaha dan peranan yang dimainkan oleh pihak PIBG, Kementerian Pendidikan juga ada rancangan untuk mengadakan anugerah PIBG Cemerlang pada tahun 2013 di mana pengiktirafan akan diberikan dalam bentuk sijil dalam sumbangan kewangan juga.

Selain daripada itu, untuk mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh PIBG khususnya, Yang Dipertua PIBG mereka akan dilantik untuk menjadi jurulatih utama kebangsaan negara daerah. Ini apabila mereka dilantik memanglah mereka akan diberi pendedahan atau latihan. Jadi, ini bermakna atau membuat satu implikasi yang begitu jelas bahawa peranan yang dimainkan oleh peranan yang dimainkan oleh pihak PIBG diberi pengiktirafan dalam PPPM. Sekian, Terima Kasih.

**2. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan cadangan pembinaan pusat perpindahan banjir yang tetap di kawasan berisiko tinggi berlaku banjir setiap tahun kerana penggunaan bangunan sekolah untuk dijadikan pusat perpindahan banjir menyebabkan banyak kelengkapan sekolah rosak dan hilang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim* Tuan Yang di-Pertua. Terima Kasih kepada soalan yang begitu prihatin kepada masalah mereka yang menghadapi banjir. Cuma saya tidak pasti kelmarin menang atau kalah. Saya tidak tahu hendak ucap tahniahkah macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan sekolah sebagai pusat perpindahan ini sememangnya telah menjadi norma atau amalan biasa. Selaras dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang mana memanfaatkan semua prasarana awam secara guna sama. Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM pada maklum balas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang telah diadakan pada 24 September 2013 yang lalu telah menyatakan bahawa daripada jumlah 4,969 buah pusat perpindahan yang telah didaftarkan, sebanyak 46% atau 2,331 pusat perpindahan adalah sekolah. Manakala selebihnya adalah Kompleks Penghulu, dewan orang ramai, pusat komuniti dan lain-lain.

Pembinaan pusat perpindahan yang khusus untuk digunakan semasa bencana dilihat masih belum wajar kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar di samping akan menyebabkan pembaziran kerana fungsi khusus tersebut akan menjadikan *facility* tersebut terbiar semasa ketiadaan bencana. Projek pembinaan sekolah dalam Rancangan Malaysia ke-10 ini Jabatan Kerja Raya telah mengguna pakai pelan standard di mana setiap sekolah baru akan turut dilengkapi dengan tempat mandi dan tandas yang mencukupi bagi menampung keperluan sebagai pusat perpindahan bencana. Pembinaan ini telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di negeri Johor,

Melaka, Perak dan Kedah dan akan diteruskan bagi pembinaan di negeri yang lain. Dengan pendekatan ini diharapkan dapat memberikan sedikit keselesaan kepada mangsa bencana yang dipindahkan dan mengurangkan kesesakan bagi kemudahan di sekolah-sekolah yang dijadikan sebagai pusat perpindahan.

Bagi maksud pengurusan sekolah pasca bencana juga turut telah dimasukkan ke dalam garis panduan menghadapi banjir yang telah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah-sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu juga pengenalan Ops Payung melalui Pekeliling Bil.6 tahun 2008 mengenai persediaan menghadapi banjir yang mengancam perjalanan peperiksaan yang dikeluarkan oleh KPM telah mengarahkan semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri untuk menyediakan bilik peperiksaan automatik yang selamat sekiranya sekolah yang dijadikan sebagai pusat peperiksaan terjejas akibat banjir. KPN akan turut bekerjasama rapat dengan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, MKN dan juga JPN dan JKM bagi memastikan calon dapat mengambil peperiksaan dalam keadaan selamat serta akan mengoperasikan bilik gerakan di Lembaga Peperiksaan bagi tujuan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Sebagaimana yang telah dijawab oleh pihak kerajaan tadi bahawa hanya 46% pusat-pusat pemindahan yang menggunakan sekolah selebihnya adalah menggunakan dewan orang ramai, pusat komuniti dan sebagainya. Isunya ialah di sini apabila terutama dalam kawasan Parlimen saya sendiri, hampir 30 pusat pangkalan hadapan untuk perpindahan banjir melibatkan juga surau-surau kampung, melibatkan juga dewan orang ramai yang sangat uzur dan tidak selamat untuk ditempatkan penghuni ataupun untuk perpindahan banjir. Jadi inilah yang saya harap supaya diberi perhatian oleh kerajaan.

■1020

Jadi kalau kita tengok dalam senarai sekolah yang dibina untuk persiapan banjir hanya terletak di sebelah Pantai Timur, apa di tempat lain di Pantai Timur sahaja, tidak di Johor, Melaka, di Perak, Kedah sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Soalannya di sini ialah kritikal apabila mangsa ini melibatkan ibu-ibu bersalin, anak kecil, pesakit kronik, warga emas, sebab saya mengalami setiap tahun. Jadi kita melihat keadaan yang sangat uzur, dengan keadaan mereka duduk di atas tempat yang sangat tidak sesuai. Jadi itulah saya mencadangkan supaya diberi keutamaan tempat-tempat yang dimaksudkan oleh kerajaan ini, di kawasan yang berisiko sangat tinggi, banjir setiap tahun dan kalau boleh ada penempatan khas untuk kaum wanita. Sebab apa yang ada sekarang ini, ia bercampur lelaki dan perempuan dan sangat tidak selesa. Ini saya dapat makluman daripada mangsa-mangsa banjir.

Begitu juga apa yang disebut jawapan Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu lagi minta maaf ya. Berkaitan cadangan kerajaan membina pagar di tebatan Sungai Golok sedangkan keperluan utama adalah tebatan banjir untuk menyelesaikan, mengurangkan risiko banjir dan ini menyebabkan

pembaziran duit negara juga. Sepatutnya tebatan banjir didahulukan dengan sekali gus, ia boleh menjadi serampang dua mata untuk menjaga keselamatan di sempadan. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, benda ini sebenarnya cukup mudah kita atasi sebab kita sudah kenal pasti masalah, lepas itu kita selesai masalah. Yang Berhormat, sejak daripada tahun 2008, ini sebab mungkin tidak ada rekod, saya beritahu pada Yang Berhormat bahawa tahun 2008 kita pindahkan 2,183, pusat perpindahan kita ialah 20. Kemudian tahun 2009 kita pindahkan 4,456, pusat perpindahan kita ialah 52. Kemudian tahun 2010, 3,213, pusat pemindahan kita 29, sementara tahun 2012, yang berpindah adalah 2,394, pusat pemindahan kita 22. Yang Berhormat, daripada 22 ini, yang ada ini, kita kena pasti secara khusus iaitu yang pertama sekolah,; yang keduanya, balai penghulu; ketiganya, keempat dan seterusnya.

Kita tidak perlu buat tempat baru. Kita boleh baiki tempat-tempat ini untuk terutamanya pembinaan bilik air dan sebagainya, sebab kalau kita buat tempat baru, dia hanya jadi pusat banjir. Kalau tidak ada banjir, pusat itu jadi pusat lain. Jadi kita hendak supaya- lebih baik kita perbaiki kemudahan tempat-tempat yang telah saya sebutkan. Kalau 22 tempat, kita sudah kenal pasti berapa sekolah, berapa surau dan sebagainya. Saya nak bagi tahu satu contoh Yang Berhormat, di sebuah negeri, penduduknya kita ada dewan, kita ada sekolah tapi penduduknya tidak mahu pindah ke dewan dan sekolah. Dia suka pindah duduk di atas *highway*, sebab di *highway* itu dia boleh nampak kampung dia, rumah dia. Walaupun tidak ada tempat *sanitation* dan sebagainya- diuruskan di dalam air di sana, tetapi dia lebih suka pindah di *highway*...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Bukan ini saya hendak tanya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Jadi saya percaya di Pasir Mas ini melihatkan kepada banjir setiap tahun yang berlaku, 22 pusat ini hendaklah dikenal pasti. Kerana soalan yang berikutan nanti, kalau tahun depan ataupun bulan Mac nanti, kenal pasti secara khusus tempat-tempat yang ada kekurangan untuk kita perbaiki. Itu janji kerajaan kepada kita bahawa kita akan perbaiki semua sekali pusat-pusat pemindahan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh terus berada di Parlimen ini kerana sekarang ini air di Sungai Golok masih lagi di peringkat hijau- bukan hijau PAS. Ini 'hijau' dalam maksud banjir iaitu ketinggian air ialah tahap 6.16 meter, di peringkat boleh pindah ialah pada tahap 9 meter. Jadi Yang Berhormat boleh terus duduk sini dan keadaan banjir sentiasa dipantau oleh pihak MKN dan juga jabatan-jabatan yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana bila berlaku bencana alam termasuk banjir, ribut taufan, maka pihak MKN melalui Jabatan Perdana Menteri akan membantu kita rakyat di kampung. Persoalan saya ialah, yang masalah ialah pada tahun masa yang sama, sekiranya berlaku berulang kali banjir, berulang kali bencana alam, dasar yang diberi setakat ini

setahun sekali. Persoalan saya, bolehkah setiap kali berlaku bencana, kita memberi bantuan-bantuan yang diperlukan oleh rakyat, dan satu lagi yang kita melihat Jabatan Kebajikan, dia tidak menyediakan makanan. Kita mengharapkan melalui bantuan yang disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri ini, bantuan kalau berlaku banjir yang lambat surut di setengah-setengah tempat, bolehkah disediakan bantuan makanan juga. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan yang cukup baik. Saya juga mengalu-alukan Yang Berhormat, selamat pulang ke tanah air daripada Ankara tetapi terlupa ucap terima kasih ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu benda ini pernah berlaku semasa saya menguruskan banjir selama 15 tahun, jadi pengurus banjir ini- kita tahu bahawa ada satu keadaan di mana kita bagi RM500, kemudian banjir berlaku tiga kali berturut-turut tapi di akhirnya MKN telah membuat keputusan untuk bagi dua kali ya Yang Berhormat, setelah empat kali berlaku pada tahun yang berkenaan, kita bagi dua kali. Dia kalau sekiranya banjir berlaku sebulan sekali, kita bagi RM500, maka kita akan mendengar 'doa-doa' turunlah banjir banyak kali lagi untuk mendapatkan RM500.

Kita bagi itu berdasarkan kepada- ini bukan ganti rugi ya. Ini ialah bantuan token daripada kerajaan sebab kita kena maklum bahawa banjir ini ialah kejadian, ujian daripada Allah SWT dan kita cuba mengurangkan masalah yang dihadapi.

Di pusat banjir semua makanan disediakan. Malah sekarang ini bila banjir berlaku, kita dapati orang itu belum pindah lagi tetapi makanan sudah ada di pusat perpindahan. Jadi benda ini penting, supaya setiap kawasan memastikan ada pasukan sukarelawan banjir, dan sukarelawan banjir ini bukan dia orang masa banjir saja hidup, masa-masa lain dia buat kerja-kerja lain. Sukarelawan banjir di Perlis, di Kedah, saya kurang pasti di Rantau Panjang, mesti ada sukarelawan banjir yang bersiap siaga di samping jabatan kerajaan, kerana jabatan kerajaan saja tidak mampu untuk katakan mesti gerakkan, pindahkan semua orang sekali gus kerana mereka juga memerlukan bantuan daripada orang ramai untuk menentukan di manakah mereka yang terlibat berada.

Kita pernah selamatkan orang yang rumahnya sudah hanyut, tetapi *backhoe* kita berjaya tampan rumah, dan berjaya ambil orang dalam rumah, kita keluarkan. Ini semua dibuat oleh sukarelawan. Jadi sukarelawan banjir kita sediakan dan semua sekali dengan makanan, minum kebanyakannya disediakan oleh sukarelawan banjir dan juga pertubuhan-pertubuhan NGO.

Jadi banjir di negara kita, urusan banjir di negara Malaysia ini adalah di antara yang terbaik. Kalau hendak dibandingkan dengan Amerika sebab ini Amerika menjadi bandingan semua orang termasuk Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Pokok Sena sering membandingkan dengan Amerika, saya nak beritahu, banjir di Amerika, seminggu baru askar dia mari tetapi banjir di Malaysia, sebelum orang datang, kita sudah sedia makanan.



**3. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang terhadap syarikat-syarikat yang mencemarkan alam sekitar serta apakah data dan status terkini bilangan syarikat-syarikat yang telah didakwa.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]:**

Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, semua pemilik atau pengendali sesuatu kemudahan premis industri mahupun kenderaan bermotor, dikehendaki untuk memastikan pelepasan bahan tercemar dari premis atau kenderaan masing-masing, mematuhi had yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling. Kawalan pelepasan ini meliputi pelepasan air buangan dan bendasing udara dari premis industri pembuatan, industri berasaskan pertanian iaitu kilang kelapa sawit dan kilang getah, industri perkhidmatan contohnya loji pengolahan kumbahan dan tapak pelupusan sampah serta kenderaan bermotor.

■1030

Syarikat atau individu yang melakukan kesalahan mencemarkan alam sekitar boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti kompaun, perintah larangan dan tindakan mahkamah di samping diberi notis supaya segera menggantikan pencemaran tersebut melalui penambahbaikan dan peningkatan kecekapan alat kawalan pencemaran di premis ataupun kenderaan masing-masing. Bagi tempoh Januari 2006 hingga September 2013, sebanyak 57,929 tawaran kompaun dan 10,477 notis telah dikeluarkan kepada pihak yang melakukan pencemaran. Sebanyak 2,449 kes telah didakwa di mahkamah, manakala 16 syarikat pula telah dikenakan perintah larangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, walaupun pelbagai aduan dan usaha telah diketengahkan untuk mengatasi masalah pencerobohan dan kerosakan alam sekitar di daerah Cameron Highlands, namun perkara ini tidak menampakkan usaha yang bersungguh-sungguh dan berkesan sehingga berlakunya kejadian banjir kilat di Cameron Highlands dan membawa kepada kehilangan jiwa.

Justeru itu saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah pihak kerajaan masih gagal mengatasi masalah ini khususnya aktiviti pencerobohan tanah haram yang berlaku secara berleluasa? Adakah pihak kementerian melakukan usaha bersepadu dengan jabatan dan agensi lain bagi mengatasi masalah ini? Apakah bentuk pemantauan yang dilakukan terhadap alam sekitar di Cameron Highlands? Lantas itu saya juga ingin mengetahui berapa ramai yang telah didakwa dan telah dikenakan hukuman ke atas kesalahan pencerobohan alam sekitar tersebut?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut kerana menimbulkan masalah ini lagi Cameron Highlands. Pertamanya, Cameron Highlands adalah tanah bukit. Apabila sesuatu kawasan itu sememangnya tanah bukit, maka sama ada pencerobohan haram atau pun membangunkan ladang ataupun kebun di tanah bukit seharusnya mengikuti garis

panduan alam sekitar. Ini kerana tanah berbukit apabila sahaja kita membangunkan di lereng bukit, maka waktu hari hujan aliran ataupun pengaliran tanah dengan air sama sekali masuk ke dalam sungai yang menyebabkan pencemaran sungai.

Oleh itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar membuat penguatkuasaan bersepadu dengan pelbagai agensi negeri terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun PBT, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pejabat Tanah Negeri. Selain daripada itu, pemantauan kualiti air juga dibuat dan diteruskan dengan kelengkapan inventori puncak-puncak penyamaran di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar dan di bawah bidang kuasa pihak-pihak lain yang berkenaan.

Setakat ini kementerian kita masih menunggu maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan dengan dakwaan atau sama ada perlu didakwa ataupun tidak. Hal ini kerana tanah adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah laporan *detail* EIA diberi keutamaan dari aspek kelulusan projek-projek sensitif dan berisiko tinggi? Mengapakah saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Kementerian Alam Sekitar tidak mengeluarkan *stop-work order* pada projek-projek atau syarikat yang tidak melengkapkan laporan sebelum kerja dimulakan? Selalunya EIA digunakan sebagai satu akademik *exercise* sahaja dan hanya disiapkan apabila projek telah hampir siap atau selepas siap. Di mana tidak banyak perubahan dapat dilakukan dan di mana banyak *damage*, dengan izin, akan berlaku di atas tidak mematuhi syarat-syarat tertentu.

Saya rasa ini merupakan satu keperluan yang penting dan saya ingin mengetahui kenapa jarang sekali kita dengan dalam projek-projek sensitif terutamanya tidak ada *stop-work order* walaupun kerajaan ada hak untuk mengeluarkannya. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu kerana menyentuh tentang EIA ataupun *detail* EIA. Yang penting untuk EIA ataupun *Environmental Impact Assessment* dengan izin, adalah untuk mengenal pasti apakah kerosakan yang boleh berlaku apabila projek-projek pembangunan lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang sensitif. Apakah kerosakan nanti yang boleh berlaku. Oleh itu perintah EIA, sememangnya membuat garis panduan supaya EIA dibuat dan siapa pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat EIA yang sudah pun diluluskan.

*Stop-work order* seharusnya diberi kepada mereka supaya mereka tidak boleh meneruskan projek sehinggalah masalah alam sekitar itu diperbaiki ataupun ditangani. Ini amatlah penting sebab EIA walaupun ianya sebagai *planning tools*, dengan izin seharusnya pemaju projek tidak boleh melaksanakan projek terdahulu sebelum EIA diluluskan. Oleh itu satu sistem yang rapi perlu juga diwujudkan supaya apabila EIA belum diluluskan, pelaksanaan projek tidak boleh diteruskan tetapi...

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat, kenapa seharusnya...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Nanti dulu saya habiskan ini dulu. Akan tetapi yang penting adalah kesinambungan antara agensi. Siapakah agensi yang meluluskan projek? Pihak Jabatan Alam Sekitar hanya boleh tahu bahawa ada projek besar di situ, di sana apabila membuat pemantauan dan tidak diberi notis bahawa ada satu projek pembangunan. Ini kerana kebanyakan projek pembangunan di dalam negeri adalah tanggungjawab kerajaan negeri juga. Jadi inilah permasalahan yang saya lihat di dalam EIA.

Dengan permasalahan seperti ini, dulu saya semasa bertugas dengan Kerajaan Negeri Sarawak, saya tukar. Banyak yang saya ubah suai, banyak yang saya pinda tentang langkah-langkah bagaimana untuk melaksanakan projek dan menjalankan EIA Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak puas hati pun tidak boleh bangun pada peringkat ini.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Beruas tidak berada di Dewan pada ketika ini untuk soalan nombor 4.

*[Soalan No.4 - YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) tidak hadir]*

**5. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad Wasali [Sipitang]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana persediaan dibuat bagi melengkapkan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) di Sabah untuk menghadapi kes-kes melibatkan gas/kimia berikutan wujudnya Projek SAMUR dan SGOT yang berasaskan minyak dan gas di Kimanis dan Sipitang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selamat kembali ke Parlimen.

■1040

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sipitang atas persoalan yang telah pun dibangkitkan.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada kawasan Sipitang, Jabatan Bomba dan juga Penyelamat Malaysia bagi negeri Sabah telah pun menjalankan kajian *Hazard and Risk Analysis*, dengan izin, bagi menilai risiko dan juga bahaya-bahaya yang diakibatkan oleh industri-industri seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Hasil daripada kajian yang telah pun dilaksanakan, terutama untuk melihat kepada risiko dan bahaya yang diakibatkan oleh industri bahan kimia berbahaya dan gas, maka satu pasukan khas Hazmat telah pun ditubuhkan dan ditempatkan di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu.

Selain daripada itu Yang Berhormat, pasukan Hazmat ini juga mempunyai kepakaran dan keupayaan untuk menangani sebarang insiden yang melibatkan bahan kimia yang berbahaya termasuklah bahan radioaktif dan bahan biologi. Setiap pegawai Hazmat juga telah dilatih ke tahap Hazmat *Technical Level*, dengan izin berdasarkan kepada piawaian *National Fire Protection Association 472* dengan izin, iaitu *Standard for Professional Competent of Responders to Hazardous Material Incident*, dengan izin. Pasukan ini juga dilengkapi dengan jentera-jentera khas yang direka bentuk bagi menangani masalah yang tersebut.

Bagi keperluan- untuk melihat kepada keperluan persekitaran semasa, tambahan pula dengan akan wujudnya projek *Sabah Oil and Gas Terminal* dan juga *Sabah Ammonia Urea Project* (SAMUR) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, maka kementerian sedang menjalankan satu kajian keperluan untuk dimasukkan dalam bajet bagi Rancangan Malaysia Kesebelas, *insya-Allah*, pada tahun 2015 kita akan menempatkan sebuah jentera Hazmat di Balai Bomba dan Penyelamat Sipitang untuk menangani sebarang insiden yang akan melibatkan bahan kimia di kawasan industri SAMUR ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih juga kepada kerajaan yang telah meletakkan SAMUR Petronas di Sipitang yang berbilion ringgit. Sipitang ini mempunyai taman industri minyak, *Sipitang Oil and Gas Industrial Park*. dan Kita juga mendapat makluman bahawa akan ada lagi projek-projek berterusan Petronas yang berasaskan ammonia. Sebab itu kita bertanya tentang kesiapsiagaan yang dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui bomba. Ini kerana kalau kita lihat bomba ini kadang-kadang lambat untuk seperti biasa. Akan tetapi ini satu projek yang impaknya besar sekiranya berlaku kebakaran.

Apakah langkah kesiapsiagaan untuk menghadapi kemungkinan kejadian Hazmat di Sipitang ini. Apakah persiapan dan peranan yang dimainkan oleh sukarelawan bomba untuk diberi kelengkapan dan peralatan bagi membantu sebarang malapetaka kerana kita ucapkan terima kasih kepada sukarelawan bomba yang sentiasa memberikan sokongan terutama sekali peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di kawasan saya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Sementara kita menunggu kementerian membuat kajian seperti mana yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat tadi untuk dimasukkan dalam bajet Rancangan Malaysia Kesebelas, *Insya-Allah* pada tahun 2015 kerana SAMUR dan sebagainya akan dimulakan pembinaannya *Insya-Allah* pada bulan Ogos 2015. Maka dengan itu, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun mensiapsediakan, kesiapsiagaan seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi supaya apabila berlaku sesuatu kejadian Hazmat, maka Balai Bomba dan Penyelamat Sipitang akan dapat diarahkan untuk menguruskan sementara menunggu pasukan Hazmat datang daripada Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia dari Kota Kinabalu.

Maka oleh kerana itu, beberapa program telah diadakan Tuan Yang di-Pertua. pertama, mengenal pasti kawasan berisiko Hazmat, mengadakan latihan dengan pasukan tindakan kecemasan yang melibatkan pelbagai agensi yang ada dan selain daripada itu mengadakan latihan-latihan yang berkaitan dengan Hazmat untuk melihat dan meningkatkan kemampuan bomba untuk melaksanakan operasi-operasi kecemasan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada ketika ini Balai Bomba Sipitang di kawasan Yang Berhormat telah pun dilengkapi dengan dua unit jentera *Fire Rescue Tender* (FRT) dengan kekuatan 28 keanggotaan balai bomba yang mampu untuk memberikan tindakan awal sekiranya berlaku insiden-insiden Hazmat kerana anggota-anggota di Balai Bomba dan Penyelamat Sipitang ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun diberikan latihan-latihan asas dalam Hazmat di samping dengan kekuatan dua jentera FRT yang saya nyatakan tadi, memadai untuk membantu menguruskan kes Hazmat pada peringkat awal.

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana telah membangkitkan bagi Pasukan Bomba Sukarela. Saya hendak menggalakkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu dan menggalakkan supaya banyak aktiviti-aktiviti yang dapat dibantu untuk mengurangkan risiko yang mengakibatkan kebakaran dan sebagainya. Ia bukan sahaja bertanggungjawab ke atas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga ia boleh dijadikan peranan bersama pada peringkat awal- peranan bersama dengan masyarakat. Maka dengan itu, Pasukan Bomba Sukarela ini ditubuhkan.

Bagi kawasan Sipitang, kita ada satu pasukan bomba sukarela dan saya mengharapkan dengan tertubuhnya Pasukan Bomba Sukarela ini ia akan berkemampuan untuk melibatkan penyertaan daripada masyarakat tempatan dan harapan Yang Berhormat tadi supaya kelengkapan-kelengkapan dan peralatan-peralatan akan dapat dibekalkan apabila ditubuhkan sahaja Pasukan Bomba Sukarela ini, kita akan lengkapkan dengan peralatan-peralatan serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti uniform yang biasa yang digunakan dan sebagainya untuk menyatakan bahawa penubuhan Pasukan Bomba Sukarela itu ada dan peranan itu dapat dilaksanakan secara bersama.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan kalau ada yang tika lengkap bagi kawasan Yang Berhormat, boleh maklumkan sahajalah, kita akan lengkapkan. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**6. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah bebanan dan implikasi yang ditanggung oleh peminjam PPTPN sekiranya gagal menjelaskan pinjaman berkenaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Tuan Yang di-Pertua, PTPTN telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang fleksibel dalam memungut semula hutang terhadap semula peminjam

PTPTN. Antara implikasi yang akan ditanggung oleh peminjam termasuklah langkah menyenaraihitamkan di Jabatan Imigresen Malaysia dan saman telah- pelbagai langkah peringatan dan ruang perundingan diberikan oleh PTPTN. Proses menyenaraikan hitamkan dan saman ke atas peminjam tidak sewenang-wenangnya diambil dan ianya merupakan tindakan terakhir selepas peminjam masih gagal membuat pembayaran balik atau tampil berunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan senarai hitam dibuat selepas lima notis peringatan dihantar kepada peminjam atau 16 bulan selepas tamat pengajian. Sehingga 31 Oktober 2013, seramai 132,801 peminjam telah disenarai hitam.

■1050

Daripada jumlah tersebut, seramai 45,550 telah tampil berunding dan membuat pembayaran melibatkan amaun sebanyak RM230.44 juta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa-apa pun yang perlu kita ambil ingatan ialah berkaitan dengan kos pentadbiran yang wajib ditanggung dan dibayar oleh siswazah yang sebahagian mereka ini masih ada yang menganggur. Ini kerana mengikut laporan daripada apa yang disebutkan, 56% penganggur adalah siswazah dalam jumlah yang sangat ramai iaitu 210,263 orang sehingga bulan Jun 2013.

Jadi, oleh kerana keperluan untuk membayar balik ini berdasarkan kepada asas penubuhan bantuan PTPTN ini adalah untuk meringankan kos bebanan pelajar dan juga bebanan ibu bapa dalam membantu pelajaran anak-anak mereka, maka setelah tamat mereka menjadi siswazah tetapi masih belum ada pekerjaan, apakah tidak boleh bagi kerajaan memikirkan mekanisme untuk membantu siswazah yang menganggur yang dibebankan dengan bayaran balik hutang dan juga kos pentadbiran ini, sedangkan apabila mereka hendak buat bayaran, hendak bayar dengan apa?

Jadi saya pohon pihak kerajaan supaya memikirkan mekanisme. Bagi yang telah bekerja, itu ada munasabahnya dan bagi yang tidak bekerja ini hendaklah difikirkan satu mekanisme bagaimana untuk mereka diberikan keringanan, bukan membebankan mereka dengan pelbagai bebanan dan implikasi yang akan mereka hadapi. Pohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan pelajar yang masih belum mendapat pekerjaan dan memang Kementerian Pendidikan Malaysia ada mempertimbangkan tentang perkara ini. Untuk penganggur yang tidak mampu membayar balik kerana tidak mendapat kerja, mereka diberi penangguhan selama dua tahun. Apa yang sangat penting di sini adalah sekiranya pelajar masih belum mendapat kerja, mereka mesti tampil ke PTPTN untuk mengadakan satu perundingan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan bahawa kita lihat pelajar yang tidak membayar hutang PTPTN ini tinggi. Pertamanya, seperti mana yang dikatakan tadi, bagi mereka yang tidak ada kerja. Itu memang okey. Itu kita tidak dapat tidak sepatut kerajaan kena mencari jalan untuk membantu mereka untuk

mendapat pekerjaan dan sebagainya. Akan tetapi sebahagian daripada mereka ini, yang sudah mendapat kerja tetapi tidak mahu membayar PTPTN ini.

Soalan saya, apakah boleh kerajaan mengadakan undang-undang untuk menolak ataupun *deduct* daripada gaji mereka di tempat-tempat mereka bekerja demi untuk menyelesaikan masalah hutang PTPTN supaya pelajar-pelajar yang lain selepas itu dapat menggunakan peluang kewangan ini?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas satu soalan yang berkaitan dengan integriti. Pelajar dapat kerja tetapi tidak bayar dan ada kemungkinan besar bahawa pelajar ini apabila dapat kerja tetapi gajinya agak rendah. Itulah mereka tidak mampu untuk bayar balik.

Apa yang PTPTN akan buat adalah yang mana seperti mana yang saya beritahu tadi bahawa kalau mereka tidak bayar balik dan apabila PTPTN atau kerajaan sudah kesan bahawa mereka sudah kejar melalui dapatan daripada JPA dan *Immigration Department* atau Jabatan Imigresen, jadi, PTPTN akan menghantar notis peringatan dalam jangka masa dua bulan.

Sekiranya, pihak yang menerima notis peringatan itu tidak bertindak, ini bermakna notis peringatan pertama akan dikeluarkan. Kedua akan dikeluarkan dalam tempoh masa dua bulan dan notis peringkat terakhir akan dikeluarkan kalau masih tidak mendapat tindakan atau pelajar tidak berunding atau tampil di PTPTN, *Letter of Demands* (LOD), dengan izin, atau senarai hitam imigresen akan dikeluarkan dan saman akan dikeluarkan juga dalam jangka masa enam bulan. Jadi, inilah tindakan yang akan diambil oleh pihak PTPTN.

Sekiranya, Yang Berhormat-Yang Berhormat hendak *information* selanjutnya, bolehlah mendapatkan buku ini yang diedarkan oleh PTPTN atau boleh masuk *website* [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) dan semua *information* yang berkaitan dengan pelaksanaan PTPTN diadakan dalam buku ini. Sekian, terima kasih.

**7. Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) jumlah orang yang telah berdaftar sebagai pengundi Parlimen Belia Malaysia; dan
- (b) kriteria-kriteria untuk memilih pengundi Parlimen Belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:**Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga 25 November 2013, seramai 102,529 belia telah mendaftar sebagai pemilih Ahli Parlimen Belia Malaysia (PBM).

Kriteria untuk menjadi pemilih atau pengundi Ahli Parlimen Belia Malaysia adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun tanpa mengira latar belakang mereka. Manakala kriteria utama menjadi calon Ahli Parlimen Belia Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia dan had umur daripada 18 tahun hingga 13 tahun semasa memohon;
- (ii) tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dan tidak muflis.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan ringkas tetapi menjawab segala persoalan pokok. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana mengambil inisiatif menubuhkan Parlimen Belia Malaysia. Penubuhan ini tentunya dibuat bukan tergesa-gesa. Difahamkan setelah mengambil kira dan membuat kajian terhadap 33 model di seluruh negara di seluruh dunia.

Akhirnya model-model itu menjadi susunan kepada Parlimen Belia Malaysia kita. Jadi tentunya ia yang terbaik untuk memberikan pendedahan kepada para belia tentang amalan dan sistem demokrasi bagi kepimpinan-kepimpinan muda ini. Jadi mereka boleh menggunakan platform ini untuk menyuarakan aspirasi-aspirasi, pandangan-pandangan dan juga nilai-nilai yang dikehendaki oleh kumpulan belia ini. Jadi oleh kerana itu, platform ini sangat penting dan sangat mustahak yang mana kerajaan juga boleh *engage*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dengan kumpulan belia ini.

Persoalan yang timbul kepada saya ialah ada dua perkara. Pertama, sejauh mana dan bagaimana kementerian atau kerajaan boleh menentukan Parlimen Belia ini tidak menjadi atau bersifat partisan apabila ia berjalan nanti yang mana tidak mahu terjadinya satu keadaan yang pandangan-pandangan itu mirip kepada parti-parti tertentu atau pemikiran-pemikiran politik dan fahaman kepartian. Itu soalan nombor satu. Jadi, bagaimana kerajaan dan kementerian boleh menentukan atau menjamin perkara ini tidak berlaku?

Keduanya ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Sedikit sahaja, satu sahaja. Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambunglah, sambung.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi, cadangannya ialah supaya kerajaan dan kementerian, sekarang sidang belia ini setahun sekali dan dua hari.

#### ■1100

Oleh sebab itu masanya tentu singkat. Jadi oleh sebab itu apakah aktiviti dan sumbangan Ahli-ahli Parlimen Belia ini yang dirangka oleh kementerian bagi memastikan mereka itu turut dapat menyumbang secara berterusan sepanjang tahun. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan telah mengkaji konsep Parlimen Belia Malaysia yang telah diamalkan di 33 buah negara di seluruh dunia dan mengambil konsep yang diamalkan oleh negara Australia di mana satu saluran komunikasi di antara generasi muda dan kerajaan. Apa yang disyorkan oleh



Yang Berhormat tadi mengenai pendekatan Parlimen belia ini, kita bagi jaminan tidak akan **bersalur mana-mana** - kita lihat generasi muda hari ini tidak boleh mengikut mana-mana saluran tertentu atau mana-mana parti tertentu. Mereka generasi muda hari ini suka konsep terbuka dan idea-idea baru untuk mengamalkan negara ini. Dari segi Parlimen Belia Malaysia merupakan satu platform untuk belia menyelenggarakan idea dan pandangan berkaitan isu-isu semasa ke arah membantu mempertingkatkan lagi usaha-usaha pembangunan negara.

Selain daripada berbahas dan membincangkan isu-isu terpilih di dalam persidangan Parlimen Belia pada setiap tahun. Ahli Parlimen belia juga diberi keutamaan untuk menyertai program-program belia yang dianjurkan atau melibatkan Kementerian Belia dan Sukan. Ahli Parlimen Belia akan diberi peluang untuk mengikuti program-program kepimpinan serta dilibatkan di dalam pelbagai program komuniti. Tumpuan akan diberikan supaya mereka dapat memaksimumkan potensi diri dan menyumbang kepada pembangunan negara. Misalnya Ahli Parlimen Belia akan diberi keutamaan untuk menyertai program Fellow Perdana dan mendapat faedah-faedah yang dapat ditetapkan termasuk penempatan bersama Menteri-menteri Kabinet.

Selain daripada itu, Ahli-ahli Parlimen belia juga akan diberi dorongan, sokongan dan galakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk merancang dan melaksanakan sendiri program-program pembangunan komuniti. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jelebu yang mengemukakan soalan yang begini baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1971 dalam negara kita ini telah ada satu entiti yang bernama Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) dan setelah dilancarkan mengikut laporannya hanya 20% sahaja daripada belia-belia dalam negara kita ini yang boleh mengikuti atau pun boleh menyertai majlis perundingan ini kerana hanya 20% sahaja yang menjadi ahli pertubuhan belia. MPBN ini katanya ala-ala Parlimen Belia. Jadi apabila diwujudkan majlis atau pun Parlimen Belia Malaysia ini, kerajaan mengatakan bahawa hendak beri peluang kepada 80% lagi yang tidak jadi ahli kepada pertubuhan belia.

Jadi persoalan saya, adakah atau pun apakah jaminan kerajaan bahawa Parlimen Belia ini tidak menjadi suatu entiti yang gagal seperti MPBN kerana hanya dapat menarik sebahagian kecil sahaja daripada belia ini dan saya juga ingin tahu adakah Parlimen Belia Malaysia ini membuka peluang kepada mahasiswa-mahasiswa di universiti untuk mereka mendaftar jadi Ahli Parlimen Belia dan juga bertanding menjadi calon-calon bagi wakil rakyat dalam Parlimen Belia ini.

Saya juga ingin mendapat penjelasan beberapa benda pelik yang wujud dalam kriteria untuk pemilihan Parlimen Belia ini yang pertama ialah saya melihat *website* Parlimen Belia ini dan ia menyatakan bahawa setiap yang dipilih menjadi wakil dalam Parlimen Belia ini perlu kepada perakuan pelantikan daripada Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan. Kenapa perlu lagi perakuan setelah dipilih? Kenapa perlu lagi perakuan daripada Yang Berhormat Menteri?

Keduanya ialah borang yang disediakan di dalam *website* untuk mendaftar menjadi Ahli Parlimen Belia ini ada satu kepelikan iaitu jantina. Saya tidak tahu sudah dipinda atau tidak. Jantainya lelaki, perempuan atau ragu. Ini pelik ini. Tiga kriteria seseorang ahli itu lelaki, perempuan atau ragu. Soalannya kenapa jadi begini? Tiga keraguan ini. Kita harap Parlimen Belia ini tidak menjadi Parlimen seperti yang dikendalikan oleh Pakcik Jamal suatu masa dulu lah, saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sedia maklum di Dewan yang mulia ini, kita tetapkan kriteria berdasarkan kepada warganegara Malaysia dan had umur 18 tahun hingga 30 tahun. Akan tetapi tidak kira mengira ideologi politik atau pun pendirian mereka sebagai mahasiswa atau tidak, asalkan mereka di bawah berkriteria warganegara, had umur 18 hingga 30 tahun. Dari segi jantina perempuan, lelaki atau ragu, biar saya semak balik sebab saya tidak pasti.

Apa yang saya sebut tadi tujuan hala tuju utama Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan boleh menyumbang untuk pembangunan negara. Sekian terima kasih.

**8. Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan perkembangan terkini tentang penyediaan draf Rang Undang-Undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah (RUU ABS), iaitu undang-undang yang diadakan bagi melindungi khazanah biodiversiti negara.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil, draf Rang undang-undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah telah dirangka oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertujuan mewujudkan kerangka undang-undang yang akan mengawal selia aktiviti ABS bagi memastikan perkongsian faedah yang adil dan saksama hasil daripada penggunaan sumber biologi.

Rang Undang-undang ABS ini dijangka akan dibentangkan kepada kabinet dan Parlimen pada tahun hadapan. Sekian terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum, Malaysia sekarang ini diiktiraf antara 12 negara yang kaya dengan sumber biologi atau pun negara mega biodiversiti di dunia. Tentunya bidang biodiversiti ini boleh menjana kekayaan baru.

Saya dimaklumkan bahawa Malaysia telah menandatangani *convention* kepelbagaian biologi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1994 lagi. Justeru saya ingin tanya kepada kerajaan, kenapa kah kerajaan mengambil masa selama 20 tahun untuk merangka satu undang-undang ini yang khusus saya fikir untuk mengekang kes-kes kecurian sumber biologi atau pun biopirasi. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri berapa banyak kah kes-kes

kecurian sumber biologi ini atau biopirasi ini yang berlaku yang tentu ia melibatkan kerugian berbilion ringgit kepada kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil atas pertanyaan ini. Pertanyaan ini seharusnya dijawab pada tahun 2001 apabila saya duduk di sana lagi, berbahas perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa itu Yang Berhormat Bukit Katil belum masuk Parlimen lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Perkara yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, saya adalah salah seorang daripada delegasi Malaysia yang membuat *negotiation* di dalam *Earth Summit* dulu pada tahun 1992. *Convention on biological diversity* ini lah di mana saya terlibat, sehingga lah saya bergaduh dengan delegasi daripada Amerika Syarikat, delegasi daripada Kanada, delegasi daripada Australia. Hanya Brazil yang bantu saya. Kita keluar tapi sepuluh minit masuk balik sebab sudah setuju. Sudah setuju dengan ini lah, artikel 10 dan 11 adalah untuk akses dan *equitable benefit* untuk *biological resources*.

#### ■1110

Memang benar Yang Berhormat bahawa kita adalah negara yang diiktiraf sebagai negara nombor 12 di dalam mega biodiversiti. Kita banyak pelbagai spesies biodiversiti yang diguna pakai. Setakat ini oleh kerana perundangan ini belum wujud, kita pun tidak tahu sama ada mereka mencuri ataupun tidak tetapi saya memang boleh menjadi saksi bahawa ada di kalangan mereka lebih-lebih lagi saintis daripada luar negara mencuri bahan-bahan tumbuh-tumbuhan daripada hutan kita dan bawa keluar. Selepas itu apabila mereka sudah buat *screening* dan ditemui bahawa ada bahan-bahan kimia yang paling bagus untuk ubat-ubatan, kita tidak dapat manfaat daripada mereka.

Oleh itu rang undang-undang ini adalah penting tetapi di Sarawak Yang Berhormat, saya sendiri yang draf rang undang-undang ini pada 1997. Di Sarawak sudah wujud, di Sabah sudah wujud. Cuma di sini lagi belum wujud. Jadi terima kasih sekali lagi saya mengucapkan kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan soalan ini.

**9. Dato' Henry Sum Agong [Lawas]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah Kerajaan bersedia memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan hasil produk pertanian, ternakan, nelayan dan perladangan yang boleh meningkatkan ekonomi bagi jangka masa panjang berbanding dengan pemberian subsidi yang bersifat sementara dan bergantung dengan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lawas. Memang di Malaysia ini sebenarnya petani-petani kira sangat bernasib baik. Kerajaan beri berbagai-bagai subsidi untuk membantu para petani sekalian bagi meningkatkan hasil dan juga pendapatan

mereka. Tidak kedapatan di mana banyak negara di seluruh dunia di mana petani-petani kita mendapat sokongan dan bantuan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, apakah langkah-langkah jangka panjang untuk kita membantu para petani supaya pendapatan mereka dan juga ekonomi negara dapat dipertingkatkan, tidak bergantung hanya kepada subsidi yang banyak bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan hasil produk pertanian yang sekali gus dapat meningkatkan ekonomi golongan sasaran untuk jangka masa panjang dengan penggunaan dan penggubalan dasar agro makanan negara bagi tempoh 2011 hingga 2020. Objektif utama dan adalah bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan menjadikan industri agro makanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani. Beberapa fokus yang diberikan ialah, satunya ialah meningkatkan pengeluaran makanan melalui projek berimpak besar seperti Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur, pusat fidlot, ladang kontrak dan pembangunan usahawan asas tani serta *entry point project* di bawah NKEA pertanian.

Kedua, mengenal pasti dan membangunkan sumber pertumbuhan baru seperti sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Saya pendekkan kerana saya hendak bagi peluang selepas ini, saya hendak menjawab soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan 11 Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan nombor itu?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nombor 10.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat daripada Pontian, dia hendak menjawab soalan. Jadi saya pendekkan sahaja. Kemudian ketiga membangunkan paip kawasan pembangunan pertanian seperti AIDA bersepadu iaitu di Pekan, Rompin, Pahang, Batang Lupar, Kota Belud. Selain daripada itu, kita menggalakkan penyertaan dan pelaburan daripada pihak swasta, jangan bergantung kepada kerajaan sahaja. Seterusnya kita juga membangunkan dan memberi penumpuan penyelidikan (*research and development*). Ada banyak hasil R&D yang telah kita capai dan memberikan sumbangan yang begitu baik kepada pembangunan industri asas tani. Lain-lain saya tidak payah sebut di sini sebab untuk memendekkan dan menjimatkan masa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Di Sarawak dengan tanahnya yang luas memberi ruang dan peluang bagi meningkatkan hasil pertanian termasuk ternakan dan nelayan dan sekali gus boleh meningkatkan ekonomi masyarakat tani. Selain usaha yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah usaha dan bantuan Kerajaan Pusat ke arah peningkatan tahap ekonomi masyarakat tani

keseluruhannya supaya tidak dilihat sebagai golongan yang kurang maju jika berbanding dengan golongan lain di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah sebut pun secara umumnya menyeluruh, seluruh perkara tetapi di Lawas katanya begitu banyak kawasan ataupun tanah yang boleh dimajukan. Ini satu peluang untuk kita membangunkan tanah terbiar di sana. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada, boleh berikan kawasan yang berkenaan, kita pegawai kementerian boleh buat kajian apakah jenis-jenis kawasan pertanian yang boleh dilaksanakan di sana. Kita memang ada skim sekarang untuk membangunkan tanah terbiar dan memberikan insentif-insentif yang boleh membantu petani-petani, penternak dan juga untuk industri asas tani. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan soalan daripada Lawas ini menanyakan tentang bagaimana untuk meningkatkan ekonomi bagi jangka masa panjang. Saya ingin bertanyakan mengenai projek NFC yang sudah tergendala. Apakah *revival plan* kerana dalam projek ini satu daripada objektifnya adalah untuk membangunkan *satellite farmers* yang mana akan membantu penternak di kawasan-kawasan pedalaman dan akan membantu dari segi *food security* ataupun *beef production* dalam negara kita. Apakah statusnya? Apakah *revival plan*? Ini kerana kita lihat seolah-olah kementerian acuh tidak acuh untuk membangunkan balik projek yang sepatutnya membantu rakyat dan meningkatkan ekonomi mereka. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Siapa kata kerajaan acuh tidak acuh? Itu Yang Berhormat anggap acuh tidak acuh. Saya lebih acuh daripada orang lain lagi. Kita sangat acuh. Maksudnya kita tidak abaikan perkara ini. Kita sedang membincangkan, mencari jalan bagaimana hendak memulihkan projek yang telah pun menjadi masalah ini iaitu di antaranya saya hendak beritahu Yang Berhormat Ampang, *satellite* fidlot-fidlot yang ada di seluruh negara di kawasan-kawasan luar bandar seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. *Insyah-Allah* kita hendak cari pengusaha-pengusaha baru. Kita tidak bergantung kepada satu, dua orang pengusaha sahaja. Kita hendak cari kalau ada pengusaha-pengusaha yang berminat, kita akan beri peluang kepada mereka untuk menggunakan fidlot-fidlot ini. Kita ada.

Kalau Yang Berhormat ada kenal pasti siapa-siapa yang berminat, kita boleh timbang. Kita boleh bincang untuk mereka menjadi peserta. Kita hendak hidupkan semua fidlot-fidlot satelit di seluruh negara berjumlah 50 begitu. Saya sendiri sangat mengambil berat tentang perkara ini. jadi jangan bimbang. *Insyah-Allah* beri masa, kita akan hidupkan semula. Terima kasih.

**10. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang negara setakat 30 Jun 2013, dan nisbah hutang ini kepada GDP negara. Berapakah jumlah itu jika termasuk semua liabiliti kontinjen (*contingent liability*) seperti jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan, semua Kementerian, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat dimiliki Kerajaan Persekutuan.

## ■1120

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini penting iaitu mengenai hutang kerajaan dan hutang negara. Hutang negara adalah hutang yang ditanggung oleh negara berikutan pinjaman yang diperoleh oleh kerajaan dan swasta daripada punca luar negeri sahaja. Hutang negara merangkumi hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, hutang luar negeri perusahaan awam bukan kerajaan (PABK) dan hutang luar negeri sektor swasta.

Pada akhir Jun 2013, jumlah hutang negara adalah sebanyak RM284.7 bilion, atau 28.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jika hutang negara yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah hutang Kerajaan Persekutuan, maka ia melibatkan hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan daripada sumber dalam dan luar negeri. Sehingga 30 September 2013, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM529.2 bilion, atau 53.6% daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM512.3 bilion atau 96.8% merupakan hutang dalam negeri manakala bakinya RM16.9 bilion, atau hanya 3.2% merupakan hutang luar negeri.

Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat mengurangkan risiko pertukaran wang asing. Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa, memberi jaminan kepada badan berkanun dan syarikat kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman Pertubuhan Perbadanan 1965. Sehingga 30 Jun 2013, baki pinjaman yang dijamin oleh kerajaan ataupun dalam bahasa Inggerisnya *contingent liability*, ataupun tanggungan luar jangka ataupun tanggungan tidak langsung, adalah sebanyak RM147.3 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM141.8 bilion iaitu 96.3%, dan pinjaman luar RM5.52 bilion atau 3.7% yang melibatkan tiga badan berkanun dan 27 syarikat berkaitan kerajaan. Prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual ditetapkan tanpa sebarang tunggakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang kerajaan tidak boleh dicampurkan dengan jumlah *contingent liability* ini, kerana jaminan kerajaan bukan merupakan satu bentuk hutang. Ia adalah merupakan tanggungan tidak langsung kepada kerajaan. Kerajaan hanya perlu menanggung hutang tersebut sekiranya peminjam gagal untuk membayar balik. Fakta ini dijelaskan dalam dokumen yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa IMF, atau dengan izin, "*Public sector debts statistics guide for compiles and uses international monetary fund.*"

Manakala dari segi piawaian perakaunan, tanggungan tidak langsung atau *contingent liability* ini tidak boleh diikat dengan hutang memandangkan ketidaktentuan mengenai tanggungan tersebut, sama ada akan menjadi kenyataan atau tidak. Jika tanggungan luar jangka diambil kira dalam pengiraan hutang kerajaan, maka ia akan memberi tanggapan yang salah daripada sudut perakaunan antarabangsa. Kita juga seolah-olah memandang rendah keupayaan syarikat-syarikat dan badan berkanun tersebut untuk membayar balik hutang mereka. Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga di atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Jadi di sini soalan saya *simple* sahaja. Apakah strategi kerajaan untuk mengurangkan hutang negara? Ini pun termasuk, kita pun tahu kerajaan sudah mengambil langkah-langkah mengurangkan subsidi kepada komoditi seperti minyak, gula dan sebagainya. Jadi, kalau dengan strategi ini, berapa jumlah kerajaan boleh mengurangkan hutang negara ini pada tahun hadapan? Ini yang satu kita harap dapat tahulah, sebab dengan mengurangkan subsidi ini sudah membebaskan banyak rakyat kita. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada beberapa kaedah cara untuk kita mengurangkan hutang Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ialah sebagaimana disebutkan tadi, penstrukturan subsidi. Kedua ialah penanganan, menangani defisit kita yang kita ingin kurangkan kepada 3.5% pada tahun hadapan. Ketiga kita ada Jawatankuasa Fiskal yang sentiasa bermesyuarat dan memastikan hutang kita ini berada dalam paras yang terkawal. Saya sudah sebut tadi 53.6% daripada KDNK.

Sebenarnya pada satu pandangan mungkin ia tinggi tetapi pada sudut yang lain saya ingin kongsi di sini bahawa Amerika Syarikat pada tahun 2013, ia 71.9% daripada KDNK, Austria 75.6% KDNK, Brazil 529.2% hutang Kerajaan Brazil daripada KDNK, Greece 176% daripada KDNK, Ireland 124.3% daripada KDNK, Itali 133.2% daripada KDNK, Jepun 226.1% amat tinggi, Jerman 79.9%, Perancis 93.8%, Portugal 127.8%, Singapura negara jiran kita- 112% daripada KDNK, Sepanyol 91.6%, United Kingdom 91%, kita 53.6%, dan 55% itu ialah *self-imposed ceiling* yang kita sendiri meletakkan 55% itu. Jadi ia masih dalam keadaan terkawal.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bahawa selain daripada GST yang dapat mengurangkan beban hutang negara, apakah perkara-perkara utama lain yang membebaskan negara seperti import kita yang tinggi, dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kesan-kesan yang boleh membebaskan hutang negara ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sekali lagi saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa hutang ini terkawal. Satu lagi contoh yang membuktikan bahawa hutang ini terkawal kerana hutang luar negeri kita cuma 3.2%. Jadi, dengan lain perkataan, kebanyakan daripada hutang kita adalah daripada hutang dalam negara melalui terbitan bon kerajaan, melalui dengan izin, MGS iaitu *Malaysian Government Securities* yang kemudian MGS itu dibeli oleh satu konsortium 12 buah bank, satu konsortium lagi 16 buah bank Islam dan kemudian kepada EPF, Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP), *Maybank*, CIMB itu di antaranya yang membeli terbitan bon kerajaan. Itu kaedah kita berhutang dalam negeri.

Memang benar, tadi telah dinyatakan bahawa apakah bebanan yang berat yang ditanggung oleh kerajaan, saya kira subsidilah yang paling berat. Subsidi berjumlah RM44 bilion ini, jika subsidi ini tiada, maka saya ingin memaklumkan di sini, defisit itu boleh diselesaikan dalam

masa setahun Tuan Yang di-Pertua. Jika kita tidak bagi subsidi, defisit boleh selesai dalam masa setahun.

Tak perlu tunggu tahun 2020. Itu bebanan yang terbesar. Akan tetapi oleh sebab kita ingin menyejahterakan rakyat dengan segala bantuan yang kita telah berikan, untuk menarik balik itu amat sukar. Jadi, saya kira itu tanggungan yang terbesar. Kalau kita melihat Belanja Mengurus, yang terbesar juga sebahagiannya ialah subsidi 15% daripada bajet kerajaan tahunan itu adalah subsidi.

Rasionalisasi subsidi ini perlu disokong tetapi pada ketika yang sama kita tidak akan membebankan rakyat. Apabila kita tarik sesuatu, kita akan memberikan sesuatu tambahan kepada kumpulan yang memerlukan. Terima kasih.

11. **Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [Parit]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan depot tahanan hasil tindakan pihak berkuasa untuk menangkap pendatang tanpa izin (PATI) dalam operasi pembersihan besar-besaran yang dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya dua minggu Tuan Yang di-Pertua datang, penyوال tak datang. Tak tahulah, nasib saya mungkin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya istilah bukan "Speaker" Yang Berhormat ya. Tak ditahu oleh Perlembagaan dan tak ditahu oleh peraturan. Istilah sebenar ialah "Tuan Yang di-Pertua", bukan "Speaker".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak sebut "Timbalan" tadi Yang Berhormat.

■1130

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita mempunyai 12 pusat tahanan dan kita mempunyai kapasiti yang masih kosong lagi 1,271. Pusat tahanan yang penuh sekarang ialah Tanah Merah, Ajil, Machap Umboo, KLIA, Langkap dan Juru. Jadi yang lain itu masih ada kekosongan.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mengatasi kesesakan di depoh-depoh tahanan, kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah bekerjasama dengan pihak kedutaan supaya mempercepatkan keluaran dokumen perjalanan tahanan untuk tujuan mengusir mereka keluar daripada negara ini. Selain itu, kementerian juga telah memohon bantuan daripada pihak kedutaan untuk menghubungi keluarga atau saudara-mara tahanan bagi tujuan mendapatkan pembiayaan kewangan bagi membeli tiket pulang ke negara asal.

Pihak kementerian pada masa ini juga sedang berusaha untuk membaik pulih depoh sedia ada bagi menjamin keselamatan tahanan supaya penumpangan tahanan boleh dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mahu penjelasan Yang Berhormat Timbalan



Menteri, berapakah bilangan PATI yang masih berada dalam tahanan sekarang dan berapakah kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi menanggung mereka. Saya juga ingin tahu, berapa lamakah seorang PATI itu ditahan sebelum dihantar ke negara masing-masing? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Perbelanjaan ini mengikut kadar tempat Yang Berhormat. Kalau di Semenanjung murah sedikit. Kalau di Sabah dan Sarawak, mahal sedikit. Perbelanjaan kos makanan tiap-tiap seorang PATI di Semenanjung ialah RM8 dan di Sabah dan Sarawak RM12 Yang Berhormat. Kos sebenar kepada kerajaan belum dapat dikenal pasti kerana melibatkan soal pengurusan, tempat diam, penyewaan dan sebagainya. Kita juga menghadkan masa tahanan itu kepada tiga bulan. Itu pun berlandaskan apa yang telah saya sebutkan tadi, kecepatan pihak kedutaan membantu kita mendapatkan dokumen-dokumen tertentu kerana kita tidak mengetahui di mana letaknya, kita hendak menghantar orang ini kalau tidak ada dokumen. Kita kena hantar kepada negara asal mereka dan negara asal itu mempunyai dokumen.

Kedua pula ialah kos penghantaran. Kita perlu meminta dahulu kepada pihak kedutaan ini supaya keluarga mereka membiayai. Jangan kos itu dilambakkan kepada Kerajaan Malaysia sahaja untuk menghantar mereka kerana sistem yang kita ada sekarang ini ialah pertama kita memohon kepada keluarga supaya keluarga itu membayar kos mereka kembali ke negara asal. Kedua, kita minta kepada kedutaan negara yang berkenaan. Ketiga, *the last result* dengan izin, untuk kita membiayai kos ini Yang Berhormat. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

#### **ARAHAN PERPINDAHAN MURID-MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH ST. THOMAS, KUANTAN**

**11.34 pg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dengan segala hormatnya, dan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk merundingkan perkara yang tertentu seperti di bawah yang berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya Puan Hajah Fuziah binti Salleh Kuantan, di sini mencadangkan bahawa mesyuarat ditangguhkan untuk membincangkan Isu Arahkan Perpindahan Murid-murid Sekolah Rendah dan Menengah St. Thomas Kuantan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Arahkan ialah untuk pindah dari sekolah yang sedia ada dan diarahkan juga untuk menumpang di sekolah

lain, sedangkan mereka tidak perlu sama sekali berbuat demikian memandangkan tuan punya sekolah ataupun tuan punya tanah membenarkan mereka terus berada di situ sehingga 31 Disember 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan usul ini di atas suatu perkara yang tertentu iaitu berkaitan murid sekolah rendah dan menengah St. Thomas berjumlah kesemuanya 1,190 pelajar yang telah menerima arahan menumpang di sekolah lain bermula sesi awal tahun 2014. Sekolah Kebangsaan St. Thomas diarah menumpang di Sekolah Kebangsaan Teruntum. Manakala Sekolah Menengah St. Thomas diarah menumpang di Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar. Arahan ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedangkan pihak kementerian tidak perlu berbuat demikian, memandangkan pihak tuan punya tanah iaitu pihak gereja dan sekolah telah pun memberi izin kepada murid-murid dan sekolah untuk menggunakan sekolah sedia ada sehingga 31 Disember 2015.

Tuan punya tanah iaitu pihak gereja di mana sekolah rendah itu dibina ialah *St. Gabriel, Montfort Brothers* dan tuan punya tanah tapak sekolah menengah ialah di atas nama *Archbishop of Kuala Lumpur*. Sekolah St. Thomas merupakan sekolah mubaligh yang mendapat bantuan khas. Ianya juga merupakan sekolah kluster berprestasi tinggi.

Buat makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak tuan punya tanah iaitu pihak gereja sudah memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia akan hasrat mereka untuk mengambil balik tanah mereka seawal 2008 lagi dan perjumpaan dengan PIBG sudah pun diadakan pada ketika itu. Akan tetapi tiada usaha KPM untuk mencari tapak alternatif untuk membina sekolah bagi menggantikan sekolah sedia ada. Sepatutnya pihak KPM berusaha mencari tanah untuk digantikan tanah gereja ataupun dibina sekolah baru. Namun sebaliknya, pihak KPM mahu pula mengambil alih tanah gereja tapak sekolah tersebut yang telah mendorong pihak gereja membuat semakan kehakiman. Selepas memenangi semakan kehakiman 2013, pihak gereja bersetuju membenarkan pihak sekolah kekal di tapak sekolah sehingga 31 Disember 2015 dengan syarat pihak Kementerian Pendidikan Malaysia membayar sewa.

Komunikasi pihak saya sendiri, pihak PIBG dengan pihak gereja, wakil tuan punya tanah jelas menunjukkan bahawa pihak tuan punya tanah sanggup menerima token dan tidak semestinya sewa yang mahal. Apa yang mereka mahukan ialah supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berunding secara terus dengan mereka. Saya yakin kemelut ini boleh diselesaikan dengan cara rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini merupakan kepentingan awam. Syarat yang kedua untuk usul tergepar kerana ianya melibatkan pelajar-pelajar sekolah serama 1,190 kesemuanya. Guru-guru dan seluruh institusi melibatkan sekolah yang perlu menumpang sekolah lain. Ianya juga melibatkan keselesaan pelajar di sekolah yang ditumpangi yang sudah sedia padat dengan pelajar dan tidak punya cukup bilik darjah serta kurang kemudahan awam seperti tandas. Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar kini sudah pun mempunyai 1,400 pelajar. Pelajar sekolah rendah dan

menengah St. Thomas merupakan pelajar berbilang kaum di mana majoritinya merupakan pelajar Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Dewan Rakyat perlu membahaskan mengapa pelajar-pelajar ini perlu melalui *stress*, berpindah, menumpang di sekolah lain yang tentu sekali akan mengganggu prestasi pembelajaran mereka terutama yang akan menduduki peperiksaan. Bukan sahaja pembelajaran pelajar-pelajar Sekolah St. Thomas akan terjejas tetapi pembelajaran pelajar-pelajar sekolah yang ditumpangi iaitu Sekolah Kebangsaan Teruntum dan Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar juga akan terjejas.

Mesyuarat Dewan Rakyat juga harus membahaskan sentimen perkauman yang sudah mula menular di antara pihak pelajar, ibu bapa pelajar terhadap tuan punya tanah iaitu pihak gereja yang hanya merupakan persepsi semata dan tidak benar sama sekali. Sekiranya tidak diperbetulkan persepsi ini, maka ianya akan menjejaskan hubungan antara kaum dan antara agama di Kuantan khususnya dan dalam Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini perlu disegerakan kerana operasi perpindahan akan bermula pada 15 Disember 2013. Saya telah berusaha membawa wakil PIBG sekolah rendah dan sekolah menengah bertemu dengan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Tawau pada 7 hari bulan November di mana wakil PIBG telah merayu supaya pihak kementerian berkomunikasi secara terus dengan pihak gereja untuk meleraikan masalah ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Akan tetapi tiada tindakan diambil. Di dalam keadaan di mana para pelajar, guru-guru dan ibu bapa merayu supaya Dewan yang mulia ini meneliti usul yang dibawa Yang Berhormat Kuantan yang melibatkan nasib mereka.

#### ■1140

Dengan itu saya sekali lagi pohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua untuk meluluskan usul ini untuk dibahas di dalam Dewan Rakyat demi nasib masa depan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah St. Thomas. Sekian usul dari saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Kuantan pada hari Khamis, 21 November 2013.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu;

- (ii) kepentingan orang ramai - ia adalah kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan - saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai tindakan dan pendekatan untuk menyelesaikan masalah ini sejak tahun 2009. Ini termasuklah rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan sehingga mencapai satu persetujuan dan keputusan iaitu memindahkan keseluruhan pengoperasian sekolah berkenaan ke sekolah-sekolah yang berdekatan. Dengan itu perkara ini tidak perlu disegerakan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah muktamad, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tidak boleh di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, perkara ini boleh dirunding dengan kementerian pada peringkat Parlimen. Setakat itu sahaja, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudahkan membawa rundingan perkara ini dengan Timbalan Menteri Pendidikan sendiri, tetapi tidak ada tindakan yang diambil. Oleh sebab itulah perlu dibawa dalam usul tergepar kerana murid-murid perlu pindah pada 15 Disember, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya kita maklum Yang Berhormat dan saya yakin seperti Yang Berhormat utarakan dalam usul, kemelut ini boleh diselesaikan dengan cara rundingan dan saya minta Yang Berhormat untuk terus berunding dengan pihak kementerian. Saya yakin satu penyelesaian boleh dibuat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya harap arahan Tuan Yang di-Pertua kepada pihak kementerian itu diambil kira kerana sebelum ini apabila saya membawa wakil PIBG, pihak Timbalan Menteri tidak membenarkan saya masuk pun ke dalam bilik rundingan. Menutup pintu dan tidak benarkan saya masuk. Saya yang atur, saya yang bawa PIBG. Tidak bagi saya masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Macam mana saya hendak bantu lagi, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, mereka mendengar, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** So, saya harap pihak- Timbalan Menteri pun tidak menjawab soalan saya dalam Dewan. Macam mana mereka hendak selesaikan masalah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Mereka tidak mahu pun jumpa pihak gereja sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ya?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Perkara 18(1) juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalah apa, Yang Berhormat?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Pasal apa?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menyerahkan satu notis pada hari yang sama pada 21 November. Saya rasa amat kecewa kerana usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuantan hari ini juga tidak dibahaskan sedangkan usul yang saya bawa pula telah ditolak dengan alasan bahawa- diberi alasan Peraturan Mesyuarat 18(5) kerana ada satu usul telah dibawa oleh Yang Berhormat Kuantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Usul Yang Berhormat Kuantan tidak dibahas, usul saya ditolak atas alasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, baik Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** ...Yang Berhormat Kuantan telah membawa usul. Jadi kedua-dua usul telah tolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya dengar.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua, usul yang saya bawa ini memang mengikut ketiga-tiga syarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlu baca, Yang Berhormat, okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini berkaitan dengan Pendidikan Moral. Pendidikan Moral SPM... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setakat itulah Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini adalah satu isu yang sangat-sangat penting *[Disampuk]* Diamlah! Dengar dululah! Apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, setakat itulah Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya bawa *point of order*. Dengar dulu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, setakat itu, Yang Berhormat. Yang Berhormat setakat itulah ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul Yang Berhormat Batu Gajah diterima bersama-sama dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuantan. Peraturan Mesyuarat 18(5) jelas, Yang Berhormat. Tidak lebih daripada satu usul menangguhkan mesyuarat mengikut peraturan ini, boleh

dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat. Maksudnya usul Yang Berhormat Kuantan telah diambil oleh Pejabat Tuan Yang di-Pertua dan kemudian diambil tindakan. Tindakan itu, itulah tindakan. Tindakan diambil itu adalah untuk membawa usul itu pada pagi tadi iaitu sebentar tadi. Maksudnya cuma satu usul yang boleh diambil tindakan menurut Peraturan Mesyuarat 18(5). Jadi Yang Berhormat, usul Yang Berhormat ditolak disebabkan oleh Peraturan Mesyuarat 18(5).

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh saya tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Saya membawa satu usul. Usul yang sangat penting berkaitan dengan isu Pendidikan Moral dan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak apa. Ini bukan soal isu, Yang Berhormat. Soalnya...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Perkara ini perlu disegerakan. Jadi saya akan serahkan notis sekali lagi. Saya mohon supaya ia dipertimbangkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh. Terima kasih Yang Berhormat.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.45 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 26 November 2013".

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Keenam]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.27 [Jadual] -**

**Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat, saya cuma ingatkan bahawa perbahasan di peringkat Jawatankuasa hanya had masa sepuluh minit.

**11.47 pg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sepuluh minit, tidak banyak Tuan Pengerusi iaitu saya ingin membahaskan Butiran 010000, 010100 - Pengurusan Jalan dan Lebu Raya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Saya cuma ingin mengingatkan kementerian iaitu berhubung dengan lebu raya Kota Kinabalu ke Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Jalan raya ini sebetulnya pada satu ketika memang elok tetapi pada hari ini, kebetulan hujan tidak berhenti maka jalan raya ini sebetulnya berlubang-lubang. Ini yang pengguna jalan raya muat turun di laman sosial, Facebook dan sebagainya iaitu menghentam pula kepada wakil-wakil rakyat sedangkan saya kata jalan raya ini bukan tugas wakil rakyat. Wakil rakyat ini cuma badan perantara untuk membawa isu ini ke pengetahuan pihak-pihak yang berwajib termasuk Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

Apakah perancangan kementerian untuk memperbetulkan jalan raya ini? Saya dimaklumkan bahawa jalan raya ini masuk dalam rangkaian Pan Borneo, tetapi masalah yang kita

hadapi, Pan Borneo ini mengambil masa - jangka panjang yang lama. Jadi bilakah jalan raya ini boleh diperbaiki dahulu sebelum projek peruntukan Pan Borneo ini masuk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila kawan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana memberi saya peluang dalam meminta penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat Kinabatangan mengenai penyelenggaraan jalan raya di Sabah, tetapi Yang Berhormat Kinabatangan sedarkah Sarawak pun ada masalah yang sama. Ini terutama sekali hujung tahun kita ada begitu banyak hujan lebat di kawasan masing-masing.

#### ■1150

Jalan raya memang berlubang-lubang di sini sana. Masalahnya sampai hari ini telah banyak kali kita persoalkan mengenai kualiti atau *standard specifications*. Contohnya di Bintulu, ada konsesi itu tidak mengikut *specifications* apa yang ada. *Machinery* untuk menyelenggarakan jalan raya pun tidak ada. *Specifications* pun tidak ikut. Dia *compact* bukan pakai *machine*. Dia *compact* pakai cangkul. Jadi, bagaimana kita boleh mendapat jaminan? Itu satu.

Keduanya, masalah hujung tahun ini Yang Berhormat Menteri. Selalunya kalau ada jalan berlubang-lubang di sini dan sana, Kancil kalau masuk lubang kita kena marah. Yang Berhormat Menteri mungkin tidak dengar tetapi masalah kita minta peruntukan untuk penyelenggaraan, Jabatan Kerja Raya selalunya kata peruntukan sudah habis, tidak boleh berbuat apa-apa. So, rakyatlah selalunya marah kepada kita. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kinabatangan kalau cara begini bagaimana kita hendak selesaikan isu-isu ini?

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya juga menghadapi masalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kalau kita lihat di laman sesawang bahawa rakyat menghentam kita. Ini sepatutnya tidak berlaku.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan kalau boleh di mana pihak-pihak yang berwajib tentang jalan raya ini seperti pejabat JKR di daerah atau pun KKLW, ataupun majlis-majlis perbandaran dan pejabat-pejabat daerah supaya rakyat memahami tugas wakil rakyat. Jikalau tidak, ia akan berterusan bahawa wakil-wakil rakyat akan menjadi sasaran. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Libaran. Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi:** Sepuluh minit Yang Berhormat telah berlalu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, *insya-Allah*, Tuan Pengerusi.



**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan, sepuluh minit sudah berlalu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Bukakah diberi sepuluh minit tadi?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru tiga minit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jadi ini cuma sebagai ingatan bahawa sepuluh minit itu janganlah diberi laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kawan-kawan masalah Tuan Pengerusi di kawasan mereka.

**Tuan Pengerusi:** Kadang-kadang ada kawan, kalau musim begini terdesak jangan ingat kawan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi Yang Berhormat Menteri, itulah sebetulnya masalah yang kita hadapi di Sarawak, di Bintulu. Sama. Masalahnya isu yang sama iaitu lebuh raya ini memang tidak elok dilalui.

Pertamanya, maklumlah kita di kawasan ini di Sandakan khususnya menggunakan kereta Kancil, kereta *MyVi* dan sebagainya. Kereta ini tidak sampai enam bulan sudah rosak teruk sedangkan mereka ini bukan orang senang. Ada yang kemalangan yang melibatkan nyawa. Jadi, ini pada saya harus dilihat macam di Semenanjung ada lebuh raya yang elok sampai tiga atau empat *lane*. Akan tetapi di tempat kita sudahlah *one way*, jalan teruk, memanglah sengsara. Jadi, kadang-kadang orang Sabah kata "Ini kalilah tukar kerajaan". Kenapa di Sabah jalan raya tidak baik? Saya kata bukan soal jalan raya mahu tukar kerajaan, sebab yang boleh menyelesaikan masalah jalan raya ini adalah kerajaan juga.

Jadi saya mahu bertanya Yang Berhormat bolehkah selesai masalah yang kita hadapi ini? Kalau tidak kenapa, kenapa tidak boleh selesai, apa masalahnya untuk diselesaikan? Di Semenanjung masalah jalan raya kurang tetapi kita di Sabah dan Sarawak yang banyak *contribute* kepada kerajaan bermasalah pula. Saya mahu bertanya Yang Berhormat, bilakah agaknya lebuh raya di antara Sandakan ke Batu 32 boleh siap dua *lane* sebelah menyebelah? Ini kerana jalan raya ini saya masuk kawasan hari-hari. Perjalanan seharusnya 30 minit, jadi satu atau dua jam sebab sudahlah banyak lori balak, lori kelapa sawit, jalan raya rosak, penuh sesak. Jadi, seolah-olah rakyat merasa teraniaya di atas tindakan-tindakan sebegini kurangnya tindakan dan perhatian daripada kerajaan.

Seterusnya saya dimaklumkan bahawa ada konsesi yang dilantik oleh kerajaan. Dua batang jalan raya iaitu satu Lebuh Raya Pantai Barat dan satu Lebuh Raya Pantai Timur. Akan tetapi pemilik kedua-dua konsesi ini seolah-olahnya tidak menjalankan tanggungjawab mereka. Betul kata Yang Berhormat Bintulu tadi yang ada yang pakai cangkul, ada yang pakai *compact*, yang main pakai tolak, pakai tangan. Akan tetapi, dia *claim* ratusan ribu.

Satu lagi jalan raya iaitu jalan raya PBT. Saya tidak tahu. Mungkin tidak ada kena mengena dengan JKR tetapi soalnya jalan raya. Di mana *synchronize* antara satu kementerian dengan kementerian yang lain? Apabila kita minta JKR buat *maintenance*, dia kata Yang Berhormat ini jalan PBT, ada konsesi yang dilantik oleh kerajaan. Pegawai daerah panggil, kita panggil dia tidak timbul-timbul. Jadi ini masalahlah. Masalahnya rakyat marah. Dia bukan peduli siapa PBT. Dia kata Barisan Nasional tidak bertanggung jawab. Undi diminta tetapi sudah menang lupa sama rakyat. Jadi, cuba tengok perkara ini. Tengok kalau Yang Berhormat boleh, saya bawa Yang Berhormat turun untuk melihat keadaan ini sebab terlalu membebankan fikiran saya. Ini kerana rakyat mengasak, mendesak kita supaya perkara ini dapat diselesaikan. Jadi itulah sahaja isunya yang jalan raya ini harus diperbaiki.

Keduanya sistem konsesi ini kalau boleh batalkanlah. Jangan lagi digunakan sebab itu membebankan kerajaan dan rakyat sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sembilan minit.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Sila Yang Berhormat Ampang.

**11.57 pg.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan perbahasan saya dalam Kementerian Kerja Raya ini dengan merujuk kepada Kepala Butiran 010000 – Pengurusan KKR yang mana kita dapati perbelanjaan peruntukannya pada tahun 2013 adalah RM376.4 *million* manakala pada tahun 2014 ialah RM121.1 *million*. Ada penurunan sebanyak 65% iaitu RM245 juta. Saya rasa penurunan ini amat drastik dan minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan di atas penurunan yang sangat drastik ini kerana saya rasa kerja-kerja dalam Kementerian Kerja Raya banyak yang harus diperbaiki dan dinaiktarafkan kerana teknologi dan pembangunan dan sebagainya harus berdaya saing di taraf dunia.

Saya dengan itu juga hendak mengaitkan dia dengan Butiran 010300 dan juga 08250 – Pembangunan yang mana peruntukan yang saya sebutkan tadi pun turun daripada RM376 juta turun kepada RM67.6 juta sebanyak 72%. Saya rasa ini adalah satu yang tidak wajar kerana dalam pembangunan dalam Kementerian Kerja Raya ini dari segi penyelenggaraan cerun atau *slope development* yang mana kita semua tahu pada tahun 2008 di Bukit Antarabangsa terjadinya satu *disaster* atau bencana yang meragut empat nyawa dan 14 buah rumah tenggelam ketika itu.

Sekarang ini kita lihat bahawa penduduk-penduduk di Bukit Antarabangsa mengalami masalah pinjaman bank kereta kerana nilai tanah di situ dikaitkan dengan ketidakselamatan dan sebagainya kerana bencana *landslide* itu. Jadi saya ingin memberikan cadangan kepada kementerian. Saya sudah sebut ini kepada tiga orang Menteri. Perkara ini harus dilihat dengan lebih serius kerana memandangkan satu peruntukan berbentuk pelaburan awal harus kita utamakan untuk menubuhkan satu bahagian cerun di Kementerian Kerja Raya itu. Ini kerana sekarang ada satu unit sahaja. Dengan adanya penubuhan bahagian pembangunan cerun ini,

maka ia akan dapat mencari atau membuat satu garis panduan kepada pemaju dan sesiapa yang ingin hendak membangunkan kawasan cerun ini.

■1200

Pembangunan di cerun atau lereng bukit yang lebih bersepadu dan teratur akan memberi keyakinan yang lebih tinggi kepada pihak pemaju dan pelabur. Jika diuruskan dengan baik, kawasan cerun dapat dijadikan kawasan perumahan elit seperti dilaksanakan yang di negara-negara maju seperti Hong Kong dan Switzerland. Bahkan mampu membawa hasil cukai yang baik dan dapat menampung kos penyelenggaraan cerun dan meningkatkan nilai hartanah di lereng bukit dan kawasan berhampiran dan sekelilingnya. Jadi saya mintalah biar kementerian lebih serius dalam merancang atau mengkaji garis panduan untuk pembangunan cerun. Ini amat penting bagi kawasan saya terutamanya di Ampang dan di DUN Bukit Antarabangsa.

Keduanya Tuan Pengerusi ialah saya ingin merujuk kepada Butiran 080100 – Bayaran Pampasan Tol yang mana kita sudah maklum bahawa di sini ada peruntukan *One Off* RM460 juta, hampir RM461 juta yang mana saya rasa tidak perlu peruntukan ini kerana menurut mantan Menteri Kerja Raya yang lepas menyatakan kerajaan tidak lagi perlu membayar pampasan kepada syarikat konsesi lebuhraya tetapi sebaliknya turut mendapat keuntungan setelah menstrukturkan semula hasil daripada kutipan tol menerusi konsep perkongsian keuntungan pada bulan Februari tahun ini. Beliau turut menyatakan buat pertama kalinya kerajaan mendapat bayaran keuntungan kutipan tol sebanyak RM35.8 juta pada tahun 2012. Ini bermakna kerajaan telah mendapat keuntungan daripada kutipan tol. Mengapakah kerajaan tidak memansuhkan tol untuk meringankan beban rakyat? Selaras dengan apa yang telah diuar-uarkan dan digembar-gemburkan oleh Barisan Nasional iaitu rakyat didahulukan tetapi kenapa tol masih lagi tidak dimansuhkan?

Ketiganya Tuan Pengerusi adalah Butiran 030400 - Cawangan Kerja Kesihatan. Di sini ada kenaikan iaitu pada tahun 2013 sebanyak RM10.6 juta, manakala pada tahun 2014 sebanyak RM13.8 juta. Ada kenaikan sebanyak 30%, tetapi saya harap dengan kenaikan ini ia dapat membantu kerana kita lihat keruntuhan, ada tiga kali keruntuhan yang terjadi di Hospital Serdang yang dibawa oleh Ahli Parlimen Serdang yang dahulu mengenai keruntuhan ini. Jadi dengan adanya penambahan ini, adakah keruntuhan-keruntuhan akan dapat dikawal sedangkan hospital yang menelan belanja ratusan juta sudah tiga kali berlaku keruntuhan sejak beroperasi Disember dahulu,

**Seorang Ahli:** Empat kali.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** ...Empat kali, sudah tambah satu lagi. Hah! Banyak lagi keruntuhan.

Jadi Kementerian Kerja Raya ini kena tengoklah. Sudahlah peruntukan turun banyak begitu tetapi banyak bangunan yang runtuh. Kita tidak mahu melihat perkara-perkara begini kerana ia memberi satu imej yang sangat kurang baik untuk kementerian dan juga kepada negara kita. Seolah-olah negara kita ini tidak bijak dan pandai dalam mencari kepakaran dalam bidang-bidang pembangunan, sedangkan kita kata kita negara membangun, ada bangunan-bangunan yang tinggi

dan sebagainya tetapi kita masih lagi ada hospital, masjid dan apa lagi runtuh? Jambatan runtuh dan macam-macam yang runtuh.

Saya juga nak merujuk seterusnya Butiran 040400 - Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan. Di sini kita melihat dalam laporan audit menunjukkan di sini peruntukan ada kenaikan tetapi dalam semakan audit, ada bon-bon yang tidak didapatkan kembali iaitu sebanyak RM4.89 juta dan juga bon pelaksanaan RM15.77 juta. Jadi apa guna penambahan ini kalau kita tidak cekap dalam menyelenggarakan peruntukan-peruntukan yang tidak dipulangkan balik, yang sepatutnya dipulangkan balik. Kalau peruntukan, kelebihan ataupun bon-bon ini dipulangkan balik wangnya, maka tidak perlu wang yang kita tambahkan itu kerana ia boleh digunakan untuk urusan yang lain yang lebih penting.

Dalam sektor pengurusan juga saya melihat satu penurunan yang drastik daripada 2013, RM1.24 bilion dengan izin, tahun 2014 adalah RM388.8 juta, penurunan 68% iaitu penurunan sebanyak RM858 juta. Saya tak faham bagaimana ada penurunan yang sangat drastik ini dalam pengurusan. Adakah kerana apabila bangunan runtuh, semua runtuh, semua orang pun runtuh. Jadi tak payah ada peruntukan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai Sarawak iaitu Butiran 09230 - Jambatan-jambatan. Saya mendapati bahawa perjalanan daripada Miri ke Marudi itu ada dua batang sungai. Satu Sungai Arang yang lebarnya dalam 100 meter, yang keduanya Sungai Baram lebarnya dalam 150 meter. Negara kita sudah merdeka lebih daripada 50 tahun tetapi api di situ masih lagi menggunakan feri tarik yang mengenakan kos pengangkutan untuk setiap orang sebanyak RM15 untuk satu perjalanan. Jadi ini amat membebankan penduduk kampung di Kampung Marudi ini. Kalau dua sungai itu dia harus seberang untuk urusan harian ke Miri, maknanya RM60 untuk satu hari.

Jadi saya tak faham kenapa sungai yang sekecil macam ini pun, kita tidak boleh kita buat jambatan. Saya rasa kosnya tidaklah sebanyak itu, mungkin dalam RM50,000 atau RM100,000. Orang Sabah sudah merdeka 40 tahun, Yang Berhormat Baram, mana Yang Berhormat Baram? Yang Berhormat Baram, tolong. Saya tolong Yang Berhormat Baram untuk suarakan ini. Saya pergi sana beberapa kali naik feri tarik itu dan saya difahamkan ia juga dikendalikan oleh pembalok-pembalok syarikat yang menarik feri ini. Jadi orang kampung amat terbeban. Saya minta Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini kerana ia amat penting untuk penduduk-penduduk Kampung Marudi dan orang Miri yang selalu berurusan pulang balik daripada Miri ke Marudi. Kesian rakyat, orang Sarawak ya. Kata rakyat didahulukan tetapi cuba lihat orang Sarawak, sebab itu orang Sarawak dalam bajet ini dia sokong tetapi dalam masa yang sama dia merengek-merengek juga. Ini tak ada dan itu tak ada. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan.

**12.07 tgh.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin membahaskan mengenai Maksud Bekalan 27, Kementerian Kerja Raya bagi Butiran 060000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Tuan Pengerusi, dalam bajet ini sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan untuk *Pan Borneo Highway* dan Yang Berhormat Menteri pun telah mengatakan bahawa beliau berpuas hati dengan peruntukan RM500 juta tersebut.

Tuan Pengerusi, saya tidak berpuas hati dengan RM500 juta itu kerana RM500 juta hanya untuk menaiktarafkan jalan daripada Tamparuli atau dari Telipok sampai ke Ranau pun saya fikir RM500 juta ini tidak cukup. Sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah sebenarnya kadar kos untuk membina laluan jalan ataupun *Pan Borneo Highway* dengan laluan dua jalan ataupun *dual-carriage highway*. Setakat ini kalau jalan daripada Tamparuli sampai ke Sandakan pada hari ini, ia *single way* atau satu laluan dan sebab itu dari Tamparuli sampai ke Sandakan memakan masa sampai saya fikir lebih enam jam sebab apabila ada kenderaan yang berat berada di hadapan, dia akan berjalan begitu perlahan dan sebagainya. Ia amat perlulah.

Semalam saya berjalan dari Kuala Terengganu sampai ke Kuala Lumpur, saya rasa lebih kurang dalam masa tidak sampai empat jam. Sebab jalannya cantik terutama sekali dari Kuantan ke Kuala Lumpur. Sebab itu kalau setakat RM500 juta memang tidak cukup. Saya ingin tahu sebenarnya dari Semantan sehingga ke Tawau itu berapa kilometer? Jika sekiranya setiap tahun kita dapat RM500 juta, berapa tahun lagi kah kita akan menunggu sehingga kita mendapat satu lebuh raya daripada Semantan sehingga ke Tawau yang bertaraf- saya tidak tahu dan saya tidak berapa pasti daripada segi JKR punya standard tetapi kalau laluan dua jalan, berapa lama? Adakah kita akan menunggu sehingga 200 tahun? Seperti mana kalau kita kira hal itu, daripada segi naik taraf jalan-jalan luar bandar, jalan JKR negeri hari itu dikatakan di negeri Sabah sahaja kita memerlukan RM33 bilion dan panjang jalan yang dinaiktarafkan lebih kurang 10,000 kilometer dan kalau dikira dengan bajet tahun ini yang diberi iaitu hanya RM140 juta, kita akan memerlukan lebih 200 tahun lagi.

Tuan Pengerusi, di Semenanjung ini jalan-jalan cantik sebab telah menggunakan duit bank dengan diberikan syarikat-syarikat konsesi dan akhirnya telah memungut tol. Dengan pemungutan tol itu dapatlah kita menikmati jalan-jalan yang begitu cantik dan sebagainya. Itu pun hari ini dituntut begitu hebat dan pihak sebelah sana pihak pembangkang telah menjanjikan supaya dihapuskan tol ini. Kalau dihapuskan tol kerajaan perlu membayar lebih RM60 bilion saya difahamkan dan sekiranya ini dibayar RM60 bilion ini kita di Sabah dan Sarawak kempunanlah untuk menikmati lebuh raya yang cantik. Sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ini Menteri dari Sarawak dan timbalan pun juga dari negeri Sabah. Dalam masa lima tahun ini apakah perancangan? Adakah tahun 2015 juga kita akan dapat hanya RM500 juta sahaja untuk pembinaan *highway* atau lebih tinggi? Kalau begitulah peruntukan yang diberi untuk lebuh raya yang besar ini, saya fikir rakyat sendiri pun tidak boleh menerima.

Sebab itu saya mohon mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil jalan apakah sebaik-baik mungkin syarat kita untuk menaiktarafkan jalan-jalan besar lebuhraya yang ada di negeri Sabah dan Sarawak ini supaya kita dapat juga dapat menikmati jalan raya seperti apa yang ada di semenanjung dan dengan itu saya fikir pelaburan-pelaburan dapat dipertingkatkan. Saya ambil contoh, kalau lebuhraya dari Tawau lalu Kalabakan, lalu Nabawan lalu Keningau sampai ke Kota Kinabalu, saya fikir pedalaman di Keningau itu dapat dijadikan sebagai satu perindustrian. Tetapi hari ini oleh kerana masalah logistik yang lori mahu naik dari Keningau ke Kota Kinabalu masalah ya, Yang Berhormat Tenomkan? Masalahnya sudah banyak kereta yang sudah rosak.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya juga ingin berbahas bagi Butiran 04000 Sektor Pakar, khususnya Butiran 040300 Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Juruteknik dan Butiran 040700 Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga. Dalam hal ini, kalau kita lihat muka bumi di negeri Sabah, dia berbukit bukau. Apabila dia berbukit bukau cara dan teknik pembinaan jalan saya fikir dia berlainan dengan apa yang terdapat di Semenanjung. Saya ingin mencadangkan pada pihak kementerian supaya memikirkan menggunakan teknologi *tunneling*. Kalau kita dapat buat *tunneling* dari Keningau ke Kota Kinabalu, daripada bukit dan cara kebetulan dia Taman Negara Sabah, lebih baik kita buat *tunneling* dan begitu juga apabila nanti dibina laluan jalan ataupun lebuhraya Pan Boneo dari Talipot lalu Pekan Teliu selepas itu sampai ke Randabong di Ranau, elok daripada Telipot ke Teliu itu dibuat sahaja *tunneling*. Dia murah dari segi jangka panjang. Pertamanya kita tidak perlu *acquire* tanah. Ini gara-gara tanah orang tidak perlu *acquire* sebab kita buat *tunneling* satu.

Kedua, dari segi penyelenggara saya ingat hampir sifar. Kita boleh lihat *tunneling* yang pernah dibuat di Semenanjung dan negara-negara lain dari segi penyelenggaraan dia, kos penyelenggaraan dia akan jauh lebih rendah berbanding dengan kalau kita lihat contoh jalan raya dari Tamparuli sampai ke Ranau. Yang Berhormat Menteri boleh kira berapa sudah kerajaan telah bayar telah membelanjakan dari segi penyelenggaraan. Setiap tahun ada *landslide* lain sebab keadaan muka bumi dan sebagainya. Kadang-kadang penyelenggaraan dia untuk cerun-cerun dan sebagainya dia hampir lebih besar perbelanjaan daripada bina jalan raya baru. Sebab itu teknologi baru harus difikirkan bagaimana membina jalan Pan Borneo Highway ini dengan mengambil kira keadaan muka bumi, keadaan dia punya geologi dia dan sebagainya supaya dari segi penyelenggaraan di masa akan datang jauh lebih murah berbanding apa yang ada sekarang.

Saya beralih ke Butiran 3100 - Pembinaan Jalan dan Jambatan. Dalam hal ini peruntukan sebanyak RM136 juta telah diperuntukkan dan dalam hal ini saya ingin bertanya adakah peruntukan ini juga termasuk di sini pembinaan jam Sungai Damit. Jambatan Sungai Damit ini di Tuaran sudah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sudah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi rakyat tertanya-tanya bila jambatan Sungai Damit ini akan dibina. Sudah kali-kali diumumkan tetapi belum ada tanda-tanda untuk dilaksanakan dalam pembentangan bajet tidak disebut sama ada ini akan dibina tahun ini juga.

Satu lagi jambatan ialah Jambatan Bayak di pekan Kiulu menyeberangi pekan Kiulu. Ini pun sudah diumumkan dahulu. Tetapi sehingga pada hari ini tidak ada apa-apa tanda untuk pelaksanaan.

Saya beralih ke Butiran 8100 - membina projek jalan-jalan baru. Dalam hal ini saya ingin bertanya, dalam bajet ini adakah juga dimuatkan bajet untuk naik taraf jalan Telipot-Kiulu-Lowcos-Rongdagun iaitu sebahagian daripada Pan-Borneo Highway. Untuk makluman sepanjang jalan ini ada beberapa batang jalan raya yang milik atau di bawah kawal seliaan JKR negeri Sabah termasuk jalan Pokok-Lokok-Pahut-Sinurihan yang sehingga pada hari ini memang keadaan jalan raya begitu teruk sekali. Saya sering ditanya oleh rakyat di kawasan ini sebab dia melibatkan tiga buah sekolah rendah saya menjelaskan bahawa jika sekiranya dinaiktarafkan dengan menggunakan peruntukan daripada Kementerian Luar Bandar setakat sebagai jalan luar bandar, tetapi akhirnya akan dinaiktarafkan dengan dilalui Pan-Borneo Highway di bawah jajaran jalan Telipot-Keiulu-Lowcos-Rongdagun, peruntukan itu sayang nanti. Sebab itu amat pentinglah naik taraf pelaksanaan Pan-Boneo Highway ini dilaksanakan dengan cepat supaya dapat membantu rakyat di kawasan itu khususnya guru-guru, sekolah-sekolah yang terlibat supaya mereka lebih selesa dengan naik taraf jalan raya tersebut.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya dari segi penyelarasan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah di antara JKR dengan kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Pendidikan. Sebab Kementerian Pendidikan melaksanakan banyak projek bangunan baru. Apabila pihak JKR membuat kajian tentang sekolah-sekolah ini selamat tidak selamat, banyak sekolah yang disenaraikan tidak selamat. Sekolah ini tidak selamat untuk *di/ocate*. Tetapi sehingga pada hari ini terpaksa bangunan-bangunan tersebut digunakan. Jadi saya ingin tahu apabila suatu bangunan sekolah yang diisytiharkan oleh JKR sebagai tidak selamat, tetapi pihak pengguna khususnya Kementerian Pelajaran masih menggunakan apa tindakan JKR? Satu.

Kedua, dari segi pembuatan struktur bangunan *design* bangunan yang baru dibina, adakah pihak JKR diminta oleh perunding atau pihak kementerian untuk melihat kesesuaian *design* kesesuaian tapak dan sebagainya. Saya ambil contoh hari itu saya ada sebut juga dalam bahagian Kementerian Pendidikan iaitu pembinaan SMK Nabalu dia di cerun tetapi apabila dibuat struktur bangunan dia, dia bertingkat-tingkat. Jadi akhirnya kalau dia terbina tentu sekali rakyat juga akan bertanya. Adakah pandangan JKR diambil kira sama-sama membuat reka bentuk bangunan tersebut. Hari ini apabila AIA telah menolak projek ini yang dibuat oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah.

■1220

Maka projek ini hari ini, tidak boleh berjalan lagi. Setelah projek bermula sehingga hampir 50% sudah siap dan akhirnya EIA ditutup dan tidak boleh berjalan lagi sebab apabila daripada Jabatan Geosains dan Mineral mengatakan bahawa kami tidak boleh beri jaminan sebab sekiranya ada berlaku gempa bumi dan sebagainya mungkin bangunan ini runtuh. Sebab itu di manakah letaknya kepakaran kita yang terletak di JKR? Apakah kementerian lain ini mendapat pandangan-

pandangan daripada JKR sebelum dibuat reka bentuk. Sebab jika tidak, kita ini membazir, membazir peruntukan lepas itu menimbulkan banyak persoalan di kalangan rakyat. Rakyat bertanya, apakah pekerjaan ini tidak ada penyelarasan, tidak ada *coordination* antara satu sama lain dan sebagainya. Jadi itu saya Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 12.21 tgh.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan di Peringkat Jawatankuasa, P.27 dan B.27.

Pertama, saya menyentuh 02800 yang berkaitan dengan membaiki, mengganti dan menaik taraf jalan dan jambatan di mana kita dapati banyak jalan-jalan yang rosak, yang tidak dibaiki dengan baik terutama akibat daripada kesan banjir dan yang diakibatkan daripada kenderaan berat, lori-lori berat dan sebagainya. Jadi ini menyebabkan di antara faktor utama jalan cepat rosak. Jadi masalahnya sekarang ia lambat dibaiki. Jadi saya minta perhatian terutama di kawasan yang selalu terdedah dengan banjir dan kita melihat kualiti jalan JKR kita berbanding dengan kualiti jalan di negara jiran, jauh kualiti negara jiran lebih baik.

Sebagai contoh di negara jiran Thailand, dalam pembinaan jalan yang melibatkan kawasan yang berisiko tinggi seperti banjir, mereka tidak menggunakan tar biasa yang kita gunakan di negara kita, tapi mereka menggunakan simen dan ini dari segi kesannya, ketahanannya berdepan dengan risiko banjir, dia lebih bertahan. Jadi apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji penggunaan jalan-jalan yang berisiko dengan banjir ini dengan menggunakan bahan-bahan simen, mengambil iktibar daripada negara jiran yang terbukti lebih berkesan dan lebih tahan lama.

Kedua ialah berkaitan dengan Butiran 60000 di mana kita melihat banyak lagi jalan dalam negara kita ini yang masih tidak rata. Contohnya ataupun jalan yang masih sempit dan tidak rata terutama jalan ke Kuala Lumpur ke Kelantan. Kita melihat walaupun penggunaannya begitu kerap tetapi naik tarafnya banyak lagi yang sangat tidak memuaskan. Jadi saya mencadangkan supaya pihak JKR untuk memerhatikan kerja projek ini untuk memastikan jalan yang menuju terutama ke sebelah Pantai Timur ini diberi perhatian dan meratakan mana-mana jalan yang tidak rata terutama selekoh-selekoh. Banyak lagi cerun-cerun yang berbahaya, selekoh-selekoh yang berbahaya yang berisiko tinggi dan kemalangan sering berlaku.

Begitu juga jalan ke Pulau Pinang, ke Perak, ke Kelantan sangat berbahaya dan sering berlaku kemalangan. Jadi apakah program yang akan dilaksanakan untuk tahun yang seterusnya untuk membaiki, memastikan kawasan-kawasan berisiko tinggi akibat daripada jalan yang cerun, yang tajam ataupun selekoh yang tajam ini yang membahayakan pengguna jalan raya. Seterusnya ialah masalah jalan-jalan di bawah penyelenggaraan JKR yang masih gelap. Ini juga penyumbang kepada kemalangan jalan raya. Jadi sejauh mana projek ataupun peruntukan pencerahan lampu-



lampu jalan diletakkan di kawasan-kawasan yang penting, yang berisiko sebab ia penyumbang besar kepada masalah kemalangan.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah permohonan jalan. Banyak kali apabila kita memohon dengan pihak Jabatan Kerja Raya ataupun daerah ataupun negeri, alasan yang diberi kepada kami ialah tidak ada peruntukan. Akan tetapi yang menghairankan apabila ada pilihan raya kecil, datang pula macam projek mi segera. Saya mengambil iktibar daripada pilihan raya kecil di Tenang. Saya melihat dengan mata kepala projek jalan ditar dalam air, dalam hujan. Apabila esoknya pilihan raya, tar itu terapung. *Masya-Allah* ini memang cukup-cukup membazir. Jadi kita melihat macam mana standard pembinaan jalan? Dalam hujan pun buat semata-mata kerana BN hendak menang dalam pilihan raya.

Jadi sebab itulah saya harap janganlah tunggu wakil rakyat mati barulah hendak bina jalan ini. Jadi sebab itu saya harap infrastruktur ini adalah satu amanah, satu tanggungjawab yang besar, jadi ini adalah harus diberi perhatian, diberi khusus, fokus utama oleh kerajaan. Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sekijang. Lain kali pakai *neck tie* merah [*Ketawa*]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, kalau perempuan?

**Tuan Pengerusi:** Kalau perempuan pakai tudung merah [*Ketawa*]

**12.25 tgh.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Kementerian Kerja Raya. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Saya hendak membahaskan yang pertama tentang pengurusan Jabatan Kerja Raya di peringkat JKR, aktiviti pengurusan Jabatan Atasan Kerja Raya. Bersesuaian dengan objektif program JKR dalam aktiviti satu, pengurusan atasan Jabatan Kerja Raya, kementerian menggariskan pertama, menggubal dasar dan polisi pengurusan aset, pengurusan projek serta perkhidmatan kejuruteraan cekap yang berkesan dalam pembangunan infrastruktur negara dengan memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

Kedua, memastikan dasar dan polisi jabatan dilaksanakan dengan baik dan berkesan sebagaimana yang ditetapkan untuk kepentingan pembangunan negara. Untuk Kepala 020000 pengurusan JKR pada sub 020100. Menurut *output* Prestasi Aktiviti yang ditunjukkan pada tahun 2011 daripada bilangan projek yang disiapkan mengikut kos yang dipersetujui adalah berjumlah 86% sahaja dan bukannya 100%. Kemudian Kementerian Kerja Raya menganggarkan pada tahun 2013, peratusan projek yang disiapkan mengikut kos yang dipersetujui ini berjumlah 80% sahaja dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM2,127,000 manakala bagi tahun 2014, Kementerian Kerja Raya menganggarkan angka 80% juga untuk peratusan projek yang mampu disiapkan mengikut kos yang dipersetujui dengan melibatkan anggaran RM2 juta pada tahun tersebut.

Soalan saya, kenapakah berlaku peningkatan kos dalam kerja-kerja yang diuruskan oleh pengurusan atasan Jabatan Kerja Raya sehingga menyebabkan projek yang boleh disiapkan

mengikut kos yang dipersetujui ini sekadar mencapai 86% sahaja. Kenapakah dari tahun ke tahun, 2012 ke tahun 2013 dan ke tahun 2014 akan datang, kos asal yang dipersetujui ini masih belum boleh mencapai peratusan sehingga sekurang-kurangnya antara 95% sehingga 99% daripada perancangan kos yang dirangka. Untuk program ketiga sektor bisnes untuk Kepala 030000 sub 030200 iaitu Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim, perbelanjaan Kementerian Kerja Raya bagi sektor bisnes untuk cawangan pangkalan udara dan maritim bagi tahun 2013 dianggarkan berjumlah RM8,960,000 dan dianggarkan akan mengalami peningkatan dalam perbelanjaan bagi tahun 2014 iaitu kepada RM10 juta.

Peningkatan dalam perbelanjaan yang berkaitan dengan penyediaan infrastruktur pertahanan ini adalah sangat baik. Ia rentetan daripada pengalaman pahit yang dilalui oleh negara kita ketika peristiwa berdarah pencerobohan Lahad Datu pada tahun ini kemudian diikuti pula baru-baru ini insiden pembunuhan dan penculikan pelancong asing di Pulau Pom Pom, Semporna, Sabah. Melihat kepada dua kes yang menggemparkan ini, melalui program sektor bisnes, Kementerian Kerja Raya dalam aktiviti yang kedua, cawangan pangkalan udara dan maritim, prestasi aktiviti yang ditunjukkan melalui perbandingan pada tahun 2012 dan 2013, menampakkan jumlah yang tidak setara dari segi peratusan bilangan projek siap dan diserahkan kepada pelanggan.

Pada tahun 2012, Kementerian Kerja Raya berjaya 100% menyiapkan dan menyerahkan projek bagi cawangan pangkalan udara dan maritim ini kepada pelanggan serta agensi-agensi yang berkaitan. Soalan saya, kenapakah pada tahun 2013 ini, bilangan projek siap dan bakal diserahkan kepada pelanggan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya ini hanya beranggaran 57% sahaja? Peratusan yang rendah ini tidak selari dengan hasrat rakyat untuk melihat perairan negara berada dalam keadaan selamat. Dalam keadaan negara kita yang pernah mengalami pengalaman hitam seperti yang saya kemukakan contoh tadi, kenapakah projek-projek ini tidak boleh disiapkan dan diserahkan 100% kepada pelanggan?

■1230

Untuk program lima sektor pengurusan merujuk Kepala 050000, sub 050800 – Pengurusan Projek dan 050900 iaitu Projek Khas. Aktiviti 8: Pengurusan Projek, yang mana Kementerian Kerja Raya dianggarkan berbelanja sejumlah RM135 juta pada tahun 2013 dan meningkat kepada RM146 juta pada tahun 2014. Bagi Kementerian Kerja Raya yang dianggarkan berbelanja sejumlah RM21 juta pada tahun 2013, dan dijangka meningkat pada tahun 2014 ini, kenapakah berlaku perbezaan dari segi jumlah pengisian pegawai untuk Skim 'J' iaitu Pengurusan dan Profesional, untuk Aktiviti 8 dan Aktiviti 9.

Untuk aktiviti Skim 'J' ini ialah "Jurutera". Sejumlah 91% pegawai yang mengisi jawatan bagi Pengurusan Projek Kementerian Kerja Raya, manakala bagi Pengurusan Projek Khas pula 100% kekosongan jawatan ini diisi. Kenapakah jawatan bagi Skim 'J' iaitu Pengurusan dan Profesional untuk Aktiviti 8: Pengurusan Projek, Kementerian Kerja Raya tidak diisi dengan sepenuhnya. Selain daripada itu, wujud juga jurang yang ketara antara pegawai Pengurusan dan

Profesional Skim 'J' yang mempunyai pensijilan profesional. Hanya 17% daripada pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Projek Kementerian Kerja Raya mempunyai sijil profesional berbanding pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Projek Khas iaitu sejumlah 41% yang mempunyai sijil profesional ini.

Sehubungan dengan itu, saya menyarankan supaya yang pertama- Kementerian Kerja Raya mengisi 100% perjawatan dalam Skim 'J' ini untuk Aktiviti Pengurusan Projek. Ini penting bagi memberi lebih peluang pekerjaan kepada mereka yang layak diambil bekerja dari tahun ke tahun iaitu pada tahun 2013 dan tahun 2014 ini, Kementerian Kerja Raya mestilah meningkatkan jumlah penjawat awam yang mengisi kekosongan jawatan bagi Skim 'J' tersebut supaya ia boleh mencapai kepada 100%. Kedua, Kementerian Kerja Raya perlu menambah atau meningkatkan jumlah pemegang sijil profesional daripada kalangan pegawai untuk Skim 'J'.

Kedua-dua aktiviti tidak kira sama ada Pengurusan Projek ataupun Pengurusan Projek Khas, jumlah pemegang sijil profesional ini perlu juga ditingkatkan. Ini penting untuk meningkatkan tahap kecekapan pegawai bagi memastikan segala perancangan kementerian berjalan secara efektif, efisien dan kompeten sebagaimana objektif Kementerian Kerja Raya dalam PROGRAM 5 - Sektor Pengurusan ini. Kementerian juga boleh meningkatkan sehingga sekurang-kurangnya 50% pegawai-pegawai yang mempunyai sijil profesional.

Bagi Kepala 040400 – Sektor Pakar, di bawah sub kepala 040300 bagi Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik.

Melihat kepada *output* peratusan projek jalan siap direka disasarkan mencapai 100%. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian. Cuma saya minta penjelasan Menteri berkenaan dengan Jalan FELDA Redung-Selancar di Parlimen Sekijang yang dimaklumkan sudah masuk kali ketiga ditenderkan semula, hanya kerana kontraktor yang telah dipilih gagal untuk meneruskan kerja kerana tidak sanggup. Katanya kos pelaksanaan itu terlalu tinggi berbanding dengan jumlah kerja yang ditawarkan.

Bagi Kepala 060000 – Program Khusus, sub kepala 060800 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, sebanyak RM640 juta. Saya amat berharap agar Jalan Persekutuan iaitu daripada Gemas ke Yong Peng diberikan perhatian kerana struktur jalan yang masih kerap berlaku kerosakan dan agak teruk dari segi penyelenggaraan, dari segi penurapannya. Mohon agar perbelanjaan untuk penyelenggaraan ini diberi tambahan, dan saya ingin penjelasan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi untuk penyelenggaraan jalan ini dan berapa kerap ia dibaiki untuk kemudahan awam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Selatan kah Utara?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Selatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selatan. Sila.

12.34 tgh.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membangkitkan Butiran 080100 tentang bayaran pampasan tol sejumlah RM460,860,000. Saya hendak dapat pecahan berkenaan dengan bayaran pampasan tol ini kepada syarikat konsesi tol terutama Lebuhraya Utara-Selatan dapat berapa jumlah pampasannya. Dalam Manifesto Barisan Nasional pada PRU-13 yang lalu, janji kata, hendak kurangkan bilangan tol, tetapi pada bajet tahun depan, tidak nampak pun ada pengurangan bilangan tol. Di mana pada tahun 2009, semasa Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan konsesi tol untuk menambahkan kadar tol, so selama lima tahun dan pampasan ini terpaksa dibayar kepada semua syarikat konsesi tol yang sedia ada.

Sehingga tahun 2014, dan tahun 2015, adakah selepas tahun ini 2014 dan tahun 2015, kerajaan akan membenarkan syarikat konsesi tol untuk menaikkan kadar tol lagi? Saya hendak tahu juga, statistik, berapakah pampasan tol ini selama lima tahun, setiap tahun berapa sejak tahun 2009 sehingga sekarang, di mana kalau ikut pampasan tol ini, bukan sekadar semasa pembentangan Bajet 2014. Semasa Perbekalan Tambahan juga ada pampasan itu, so saya hendak dapat pecahan setiap tahun- lima tahun ini, berapakah jumlah pampasan tol yang telah dibayar kepada syarikat konsesi tol?

Adakah kerajaan berhasrat untuk mengambil alih seperti mana yang dicadangkan pada empat tahun yang lalu, di mana Perdana Menteri mengatakan akan *consider* untuk kerajaan ambil alih syarikat konsesi tol ini supaya kadar tol tidak akan dinaikkan, dan juga plaza tol akan dihapuskan. Ini janji tetapi sampai sekarang tidak nampak pun ada usaha-usaha dijalankan untuk menghapuskan lebuhraya tol di negara ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Saya hendak tambah sedikit boleh tidak dalam laporan itu diberitahu juga setiap satu syarikat konsesi itu keuntungan yang telah diperolehi, dan sama ada tanpa adanya ganti rugi mereka tetap mencatat keuntungan atau sebaliknya, supaya kita hendak nampak justifikasi di sebalik pembayaran itu, dan tempoh masa yang kita kena ambil kira, sampai bila bayaran konsesi ini perlu dilakukan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, terima kasih. Masukkan ke dalam perbahasan saya.

Perkara yang kedua, tentang *traffic-jammed*. Di mana kawasan Petaling Jaya Selatan merupakan satu-satu kawasan yang dikelilingi oleh plaza tol. Kawasan saya memang satu kawasan yang semua arah dikelilingi tol- *Sprint Highway*, *KESAS Highway*, *LDP*, *Kerinci Highway*, *NPE Highway* dan *North-South Highway* juga di kawasan saya. So, kawasan penduduk saya kalau keluar masuk perlu bayar tol setiap kali- terpaksa!

Masalah sekarang ini tentang *traffic jam* di plaza tol, terutama di *Sprint Highway*. Saya sudah bangkitkan setiap tahun, di sebelah seksyen 16, seksyen 17 *Sprint Highway* plaza tol ini setiap kali, sebelum masuk tol *jam*, bayar- keluar pun *jam*. So macam mana kita hendak selesaikan masalah ini? Sebab itulah menyebabkan penduduk di seksyen 17 dan seksyen 16 keluar masuk

pun ada masalah. Tolong memberikan satu penyelesaian tentang masalah ini, dan juga hal ini juga berlaku di LDP dari arah Kuala Lumpur ke Klang dari *KESAS Highway* masuk ke LDP sekarang juga *jam*, setiap hari.

Selepas LDP di naik taraf di Puchong, dan dari KESAS masuk ke LDP, hanya satu lorong. Dulu ada dua lorong tidak *jam*, sekarang satu lorong sahaja. So, saya minta hal ini perlu diselesaikan sebab penduduk Petaling Jaya Selatan juga selalu gunakan jalan raya ini untuk masuk ke Puchong.

■1240

Apa yang berlaku di lebuhraya juga, tol ini, bukan setakat *traffic jammed* tetapi juga banjir. Bayangkan banjir boleh berlaku di lebuhraya yang bertingkat, bukan di bawah jalan raya yang bertingkat, di *SPRINT Highway*, sebelah seksyen 16, dan seksyen 17. Setiap kali hujan jalan ini banjir di atas jambatan. Masalah ini sudah berlaku dua atau tiga tahun ini. So, tidak ada cara penyelesaian. Kita hendak bayar tol, sesak. Sekarang guna jalan bertingkat juga sesak kerana banjir.

Ini juga berlaku di NPE, *New Pantai Expressway* dekat kawasan saya, di lebuhraya, di bawah lebuhraya di Jalan Klang lama juga selepas turun NPE ini sebab jalan ini di bawah penyelenggaraan NPE dan masalah selepas hujan, banjir juga berlaku. Ia berlaku di Lebuhraya Bentong.

So, saya mintalah pihak berkenaan, jangan hanya tahu kutip tol tetapi tidak tahu untuk menyelesaikan masalah ini [*Tepuk*] Banjir juga berlaku di lebuhraya di persiaran Kemajuan dekat Subang di sebelah SJMC. Bayangkan lebuhraya ini ia bertingkat, di atas lebuhraya tetapi juga selalu banjir dan tidak boleh diselesaikan. Saya haraplah, jangan hanya tahu kutip tol tetapi tidak tahu selesaikan masalah ini...

**Seorang Ahli:** Selangorlah yang buat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Selangor? Rompin tidak ada tol. Hendak bayar tol?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Sebab Rompin ini, jarang orang gunakan, tidak banyak kenderaan gunakan dan tidak perlu bina tol.

**Seorang Ahli:** Rompin mana ada tol.

**Beberapa Ahli:** Ada, ada.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [*Bangun*]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir saya hendak bangkit tentang Butiran 08260 - Menaik taraf dan Memulihkan Jalan di Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Rompin sudah berdiri. Itulah, cari fasal.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat sungguh fasih bercakap tentang isu permasalahan tentang tol. Akan tetapi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ini Selangor, kita ada kerajaan Selangor. Apakah pandangan tidak minta bantuan kerajaan Selangor? Sebab apa? *[Dewan riuh]* Berilah, berilah! Belum habis minta penjelasan sudah sibuk ini. Ini Yang Berhormat Shah Alam, yang dia mengerjakan kawan saya sana sehingga kalah apa cerita? Sudah lari Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Rompin siap payung.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Shah Alam kalahkan kawan- Parlimen mana ini? Shah Alam tidak undi. Betul tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Eh! Saya belum habis minta penjelasan. Duduklah dahulu. Saya belum habis lagi. Yang Berhormat, bila *jammed*, Yang Berhormat minta buat *highway*. Bila buat *highway* sudah tidak ada *jam*, marah tentang tol pula. Mengapa tidak kerajaan negeri Selangor bantu. Ambil alih yang tol ini gunakan wang RM3 bilion yang kerajaan negeri Selangor kata ini. Hah! Banyak wang kerajaan negeri Selangor ini.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya jawab, saya jawab.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kata duduk dalam kerajaan negeri Selangor. Apa peranan kerajaan negeri Selangor? Semua kata Kerajaan Persekutuan sahaja. Apa peranan Kerajaan Negeri Selangor, boleh tidak? Kata dia punya! Adoi! Cakap!

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin ini dia tinggal di US terlalu lama.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Dia tidak tahu keadaan di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia mana tahu masalah dalaman.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kita tidak mahu tahu apa?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Rompin sahaja malu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih rakan saya Petaling Jaya Selatan. Saya hendak tanya, bila Kerajaan Pusat hendak buat *highway*, dia buat *highway* lepas itu dia seksa pada rakyat kutip tol. Bagi Kerajaan Negeri Selangor kita jimat wang. Bila kita ada wang, kita bina jambatan yang telah pun di janji oleh Kerajaan Barisan Nasional di Klang dan kita percuma tol. Tidak kutip tol daripada rakyat. Apa kerajaan yang lebih baik antara BN dengan Kerajaan Negeri Selangor?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Rompin dengar itu Yang Berhormat Rompin. Dengar, dengar.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, itulah kehebatan negeri Selangor *under* Pakatan Rakyat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hebat, hebat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan isu *Pan Borneo Highway* ini. Butiran 08260 - Menaik taraf...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, sekejap ya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Petaling Jaya Selatan, tadi Yang Berhormat Rompin bangkitkan dia kata kenapakah kerajaan Selangor tidak selesaikan isu tol itu? Saya hendak tanya, adakah- pertamanya jalan itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri? Keduanya adakah duit tol yang dikutip itu diberikan kepada kerajaan negeri? Kalau kedua-duanya tidak, mengapakah sudah ambil tol, selepas itu suruh kerajaan negeri betulkan jalan?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini masuk akal atau tidak?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, masalah Yang Berhormat Rompin dia tidak tahu keadaan sebenarnya. Kuasa tol ini di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, bukan kerajaan negeri.

**Seorang Ahli:** Dia keliru.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Sebab itulah tidak tahu. Tinggal terlalu lama di USA. Baliklah.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak bangkitkan Butiran 09280 – Membina Jalan-jalan di Sarawak tentang *Pan Borneo Highway*. Sambungan *Pan Borneo Highway* dari Sarawak ke Sabah ini. Bila jalan ini akan dibuat? Berapakah jumlah yang akan digunakan? Kalau hanya bergantung kepada RM500 juta, tidak cukup. Katakan *Pan Borneo Highway* sambung dari Kuching sampai Tawau. Akan tetapi di sempadan, di Brunei, Miri ke Sabah. Siapa yang hendak ke Miri dan Sabah ini, sampai sekarang jalan tidak ada. Saya sudah minta. Bila jalan ini akan dibuat? Jangan kata *Pan Borneo* ini sudah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi jalan dari Miri ke Sabah belum buat lagi. Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Sulong.

12.47 tgh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama...

**Tuan Pengerusi:** Baik Yang Berhormat, bukan sahaja *mirror* saya nampak, yang begitu pun saya nampak juga.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi mata itu *sharplah*.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, macam mana ini boleh kuat sangat suara dari sebelah sana ini? Tuan Pengerusi, saya terus ke Butiran 70000 - Projek Memperelok Jalan-jalan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian bagaimanakah pihak kementerian membuat pengawasan untuk menyelenggarakan setiap jalan JKR ini terutamanya terhadap kualiti jalan-jalan bawah JKR ini. Oleh kerana apa yang saya tengok dan telah saya bangkitkan beberapa kali adalah apabila adanya *complaint* terhadap jalan tersebut, saya tengok dalam Malaysia seminggu sahaja, jalan itu sudah kembali semula kepada jalan asal. Sekiranya ia berlubang, seminggu selepas itu, lubang itu akan menjadi lagi besar.

Jadinya, kerana itulah saya hendak beri contoh ya di kawasan saya. Contohnya Jalan Batu Putih. Jalan ini adalah di bawah JKR. Saya telah membawa perkara ini ke peringkat daerah beberapa kali. Saya juga telah bangkitkan di dalam mesyuarat tindakan jalan daerah mengenai kuliti-kualiti jalan yang dibuat oleh JKR. Akan tetapi apa yang saya lihat, mungkin disebabkan jenis tanah itu sendiri. Oleh sebab di kawasan saya ini adalah tanah gambut. Jadinya apabila tanah gambut ini, apabila hujan sahaja, jadinya keadaan dia, pertamanya, ia akan menyebabkan kerosakan. Seperti apa tadi yang dibangkitkan oleh rakan daripada Kinabatangan.

Jadinya, apa yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi adalah apakah kementerian ada menetapkan satu jumlah yang diperuntukkan untuk memperbaiki dan memperelok jalan-jalan ini berdasarkan kepada jenis tanah itu sendiri. Apakah kementerian juga bercadang untuk menambah peruntukan untuk menyelenggarakan bagi jenis-jenis tanah gambut seperti di kawasan saya? Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak minta penjelasan dan syabas kepada Yang Berhormat Parit Sulung Tuan Pengerusi kerana masalah penyelenggaraan jalan terutama jalan luar bandar ini. Bandar atau luar bandar, penting kerana ramai rakyat yang biasa menggunakannya.

■1250

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, ia dalam penyelenggaraan ini banyak syarikat kecil, pemborong kecil 'Kelas F', saya tidak tahu berapa ribu. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh terangkan dan banyak 'Kelas F' ini, ia banyak yang tidak tulen, yang belakang ini, kadang-kadang seorang sampai tujuh, lapan, sepuluh. So, saya nampak kalau boleh, bila masanya kita dapatkan 'Kelas F' ini betul-betul tidak dipergunakan, diperkuda oleh mana-mana pihak.

Kedua, yang tulen itu elok diberikan kerja. Kadang-kadang kita dengar saban hari dia sudah tidak dapat kerja langsung. Ini merupakan anak orang-orang yang di bawah, yang pendapatannya masih di bawah yang perlu dibela. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju supaya bila ada projek besar-besar, supaya jangan lupa kepada 'Kelas F' yang di bawah. Kedua, bila hendak agihkan kepada 'Kelas F' ini, biarlah syarikat



yang tulen. Jangan satu orang yang tertentu, menggunakan tujuh, lapan untuk menjadi kuda mereka.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya setuju dengan apa juga cadangan tadi daripada Yang Berhormat Rompin nyatakan tadi. Mengenai jenis-jenis kontraktor itu sendiri, mungkin sebab diberikan kepada kontraktor yang sama, maka ia menjadi kebiasaan terutamanya dalam kualiti. Kualiti jalan ini sangat penting. Ini kerana apabila ada berlubang, ada sehingga menyebabkan kematian.

Apabila ada kematian, yang disalahkan adalah wakil rakyat. Apabila wakil rakyat disalahkan, mana kita hendak pergi? Kepada kementerianlah, kepada Yang Berhormat Menteriilah kita minta supaya peruntukan itu ditambah dan diperbaiki. Tidak perlu tunggu aduan. Buatlah secara bersekala. Ini kerana kalau kita adu baru hendak buat, adu baru hendak buat, ia mungkin akan memakan masa dan sesetengahnya mungkin di luar daripada kawalan kita Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya hendak teruskan Tuan Pengerusi kepada bawah P.27 Butiran 51000 – Pelbagai Pembinaan. Ini...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini saya sudah tidak ada masa lagi Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya, tolong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebab lepas ini, bolehlah atas izin Tuan Pengerusi. Ini parit, parit di sepanjang jalan utama, di sepanjang jalan dari Peserai sampai ke Semerah. Keadaan parit itu masih lagi tradisional. Banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, banyak kali juga saya bangkitkan dan kertas kerja pun telah dibuat. Keperluan untuk menaik taraf daripada parit tradisional kepada parit konkrit ini perlu dilakukan. Dalam keadaan kita sekarang ini sudah kata zaman moden, jadinya tidak akan parit itu tidak hendak kita modenkan.

Jadinya, adakah kementerian menyedari mengenai perkara ini dan sekiranya ada, apakah kajian yang telah dibuat oleh kementerian dan juga JKR untuk memastikan projek ini dapat dimulakan? Sekiranya ada, bilakah projek yang memang memberikan impak yang besar kepada masyarakat di kawasan Parit Sulong ini dapat dimulakan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mendengar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Telok Kemang.

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Terengganu? Okey, sila. Silalah Yang Berhormat Kuala Terengganu. Mana sahaja satu, ikut senarai. Menyindir itu Yang Berhormat. Lain yang saya panggil, lain yang ini. *[Ketawa]* Nanti lain kali saya tidak panggil Yang Berhormat. Sila, sila.

**12.53 tgh.**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya berkongsi pandangan mengenai dengan Jabatan Kerja Raya, Kepala P.27 mengenai dengan Anggaran Pembangunan 20000 dan juga 30000 – Aset. Akan tetapi jelas di sini seperti mana setiap tahun peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya menurun semenjak tahun 2008. Walaupun tugas kementerian ini iaitu merancang, melaksana, menyelaras ataupun memantau projek-projek pembangunan infrastruktur, menyediakan perkhidmatan perundingan dan sebagainya, tetapi mengikut peruntukan yang dia ada, tugas ini telah diambil alih, kemungkinan diambil alih oleh agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya. Kerja penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan pejabat kerajaan dan kuarters menurun, mungkin juga kerana ada *management companies* yang diambil alih tugas tersebut. Begitu juga khidmat nasihat kepakaran teknikal. Mungkin dalam soal khidmat nasihat kepakaran teknikal ini, tugas ini diserahkan kepada perunding-perunding luar. Mungkin ini justifikasinya kenapa perbelanjaan konsultansi meningkat setiap tahun iaitu dalam anggaran RM1.5 bilion. Jadi, apakah tugas Jabatan Kerja Raya ataupun Kementerian Kerja Raya sudah pun diturunkan tahapnya?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Telok Kemang, mencelah sedikit, Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak Yang Berhormat Telok Kemang. Sedarkah Yang Berhormat bahawa kalau dahulu pembangunan sekolah-sekolah ini, *supervisionnya* boleh dikatakan 100% dilakukan oleh JKR. JKR telah bertahun melaksanakan kerja yang cukup baik dan mendapat pujian. Akan tetapi akhir-akhir ini ada pula sebuah sekolah yang dinamakan **Project Monitoring by Consultant (PMC)**. Ini menyebabkan sekolah-sekolah ini, dia buat ikut suka dia sahaja. Kemudian, majlis perbandaran pun dia tidak *consult*, jabatan air pun tidak *consult*, TNB pun tidak *consult*, tahu-tahu sekolah siap. Bila masalah berlaku dengan sekolah PMC ini, JKR yang teruk kena. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Telok Kemang mengenai hal ini? Terima kasih.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Itu sebabnya saya sebutkan tadi, tugas yang dilakukan ataupun yang masih tinggal dalam tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ini telah pun diambil alih oleh agensi-agensi yang lain. Walaupun perkhidmatannya mengenai dengan penyelenggaraan ini, ini ialah satu-satu strategi dan tugas dan tanggungjawab yang masih lagi kekal dalam perbelanjaan setiap tahun. Akan tetapi daripada segi peruntukan, kita telah diberitahu setiap tahun telah menurun dan begitu ketara sekali. Umpamanya, Cawangan Kejuruteraan Selenggara. Kalau dahulunya berkenaan dengan menyelenggarakan kerja-kerja jalan dan sebagainya dilakukan oleh JKR tetapi sekarang ini telah dilakukan oleh agensi lain dan juga kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh kerajaan tempatan dan sebagainya.

Itu sebabnya dalam Butiran 050100, tahun 2013, peruntukan RM965 juta. Padahal dalam bajet ini tahun 2014, ia telah menurun kepada hanya RM85 juta. Bermakna, 90% peruntukan telah dikurangkan. Mohon kementerian menjelaskan pengurangan ini dan siapa yang mengambil alih tugas Cawangan Kejuruteraan Selenggara? Apakah mesin-mesin di dalam stor-stor kejuruteraan

sekarang ini dibiarkan tanpa penyelenggaraan kerana tidak lagi digunakan untuk tugas-tugas yang telah pun diambil oleh agensi-agensi kerajaan? Ini satu kerugian dan memanglah sedih kita melihat jentera-jentera berat yang dulu digunakan oleh JKR, menyediakan jalan dan sebagainya, membina jalan dan sekarang ini dibiarkan di stor-stor JKR di merata-rata tempat di negeri yang tidak pun diambil peduli berkenaan dengan penyelenggaraan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya sedikit Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Yang Berhormat, sebetulnya memang perkara ini berlaku. Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian teliti perkara ini? Ini kerana akhirnya, benda yang baik ini jadi besi buruk dan harganya akan dijual menjadi *scrap air*. Orang yang untung, saya tidak tahulah siapa, saya tidak menuduh sesiapa tetapi ini Yang Berhormat kena panjangkan kepada kementerian supaya diperiksa mereka yang terlibat dalam soal sebegini.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan kerana kalau dahulunya kita di mana-mana kita dapati kerja-kerja ini diselenggarakan, dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya. Sekarang ini tidak ada lagi papan tanda yang menyatakan bahawa JKR bertanggungjawab mengenai dengan pembangunan ataupun menyelenggarakan kerja-kerja tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada pilihan. Kalau panjang lagi, saya benarkan sebelah tengah hari. Kalau ada lagi dua minit atau tiga minit, saya benarkan Yang Berhormat berhujah.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Saya minta sambung.

**Tuan Pengerusi:** Sambung tengah hari?

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Tengah hari.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]***

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

**[Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera. Majlis bersidang dalam Jawatankuasa. Sila Yang Berhormat Telok Kemang.

**2.32 ptg.**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum ditangguhkan tadi, saya menyebut berkenaan peruntukan kejuruteraan senggara yang turun mendadak sebanyak 90%. Ini juga mengakibatkan peruntukan, pengurusan pun diturunkan. Maka ini timbul soalan apakah Cawangan Kejuruteraan Senggara ini akan diagihkan kepada agensi-agensi yang lain untuk melaksanakan tanggungjawab atau pun diswastakan. Ini perlu, kementerian memberi penjelasan kerana peruntukannya turun begitu mendadak sekali.

Saya beralih kepada penyelenggaraan jalan raya. Maka pernah mendapat jawapan bahawa beberapa projek jalan raya telah ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan. Begitu juga peruntukan mengenai dengan melaksanakan projek-projek yang masih ada pun diturunkan. Maka timbul persoalannya bagaimana projek-projek yang sedia ada dilaksanakan melalui perundingan terus yang seharusnya juga diselenggarakan oleh JKR tidak dapat diteruskan kerana prestasi kontraktor-kontraktor itu tidak memuaskan.

Saya pernah banyak kali membangkitkan persoalan dengan lebuhraya di Telok Kemang yang telah pun tertangguh dua kali dan yang menjadi pertanyaan ialah kenapa tender yang kedua yang dibuat untuk menyelamatkan kerja tersebut masih lagi diserahkan kepada kontraktor yang sama. Sekarang ini kontraktor juga telah pun- projek itu telah tergendala kali kedua.

Ini juga melibatkan perbelanjaan yang besar dan tiap-tiap kali hendak ditender semula maka peruntukan perlu disediakan dan peruntukan yang baru apabila dimohon oleh kementerian seperti mana dalam jawapan soalan saya yang lalu, mengakibatkan satu peruntukan yang baru, maka ini akan memakan masa. Dalam masa yang sama dalam penyelenggaraan jalan raya ini, ramai kontraktor yang telah tidak menyempurnakan kerja tersebut tetapi dalam Laporan Audit, kita dapati bahawa jarang sekali kementerian mengenakan denda LAD dan juga sering sekali memberi tambahan masa. Tambahan masa ini nampaknya macam diberi sewenang-wenangnya untuk menyelamatkan kontraktor-kontraktor daripada di kenakan denda seperti mana yang termaktub dalam perjanjian.

Tugas JKR waktu dulu memuaskan, dan sebelum tahun 2008 memang aktif tapi selepas tahun 2008 tidak tahulah sebabnya. Kementerian harus memberi penjelasan dalam Dewan ini kerana peranan Kementerian Kerja Raya ini telah pun diturunkan pada satu tahap yang tidak mencerminkan matlamat dan strategi untuk menjadi perancang dan juga menyediakan perkhidmatan perunding.

Maka apa akan jadi dengan kakitangan yang ada sekarang ini, golongan profesional yang ada sekarang ini yang telah pun menjalankan tugas yang baik daripada dulu hanya sebagai penyelia dan juga tidak langsung terlibat dalam urusan memberi khidmat perunding. Ini kerana khidmat perunding sekarang ini telah diambil alih oleh syarikat perunding yang besar di luar seperti mana yang saya sebutkan yang mengakibatkan kerajaan membelanjakan sekurang-kurangnya RM1.5 bilion satu tahun. Ini telah berlaku selama empat lima tahun. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya... Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak bangun. Hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Gombak. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Sebenarnya saya hendak tanya Yang Berhormat Telok Kemang sebab beliau memberikan perbincangan yang agak terperinci tentang peranan JKR. Akan tetapi nampak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sudah sampai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baru sampai, jadi saya tarik baliklah soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Telok Kemang telah menghabiskan perbincangan. Sila Yang Berhormat Parit.

### **2.38 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 010100 - Pengurusan Atasan KKR atau Kementerian Kerja Raya iaitu berhubung dengan isu kebergantungan kepada pekerja asing dan imej 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*, dengan izin yang masih menyelubungi industri pembinaan negara.

Berdasarkan kepada Laporan Ekonomi tahun 2010-2011 terdapat 1.8 juta orang pekerja asing berdaftar di Malaysia dan 16% daripadanya atau 288,000 orang yang bekerja di sektor pembinaan. Tuan Pengerusi oleh yang demikian, bahawa pekerja asing telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bagi mencapai aspirasi negara untuk jadi negara berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun kebergantungan terlalu ramai kepada pekerja asing telah menjejaskan sumbangan pekerja tempatan yang bilangannya semakin mengecil. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam dua dekad lepas membawa kepada taraf kehidupan yang lebih tinggi

dan menyumbang kepada ketiadaan minat penduduk tempatan terhadap sektor 3D yang akhirnya diisi oleh pekerja asing yang kebanyakannya tidak mahir.

■1440

Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing boleh memberi kesan yang memudaratkan dan oleh itu kerajaan perlu mencari jalan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Saya tahu kebergantungan ini tidak boleh ditamatkan dalam masa singkat memandangkan penghantaran pulang secara mendadak pekerja asing boleh memberi kesan serius kepada ekonomi negara. Justeru itu saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, apakah tindakan yang diambil bagi meningkatkan bilangan pekerja-pekerja tempatan dalam sektor pembinaan khususnya melahirkan pekerja tempatan yang mahir. Selama manakah negara perlu bergantung kepada pekerja asing dan apakah dasar yang diamalkan oleh kerajaan buat masa sekarang?

Saya berharap kepada pihak kementerian melalui CIDB hendaklah lebih giat lagi menarik minat rakyat tempatan agar menceburkan diri sebagai pekerja mahir dalam sektor pembinaan. Justeru itu dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan mengehadkan pemindahan wang oleh pekerja asing ke negara luar yang pada akhir 2012 sahaja bernilai hampir RM20 bilion.

Saya menyentuh Butiran 51000 – Pelbagai Pembinaan (Projek Baru) iaitu tentang inisiatif yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mewujudkan laluan khas motosikal khususnya di lebuh raya. Tujuan laluan khas motosikal ini adalah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di kalangan penunggang motosikal di negara ini. Buat masa sekarang lebuh raya yang dilengkapi dengan laluan motosikal ialah Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Butterworth-Kulim, Lebuhraya Koridor Guthrie dan beberapa laluan utama di Putrajaya. Banyak pandangan dan komen telah diutarakan oleh masyarakat bahawa perlu diadakan laluan khusus bagi motosikal memandangkan banyak kemalangan yang melibatkan motosikal berlaku di jalan raya.

Mengikut statistik tahun 2010 sebanyak 414,421 kemalangan yang melibatkan motosikal telah berlaku dengan 6,872 kematian telah dicatatkan. Statistik ini secara langsung menunjukkan bahawa kadar kemalangan yang melibatkan motosikal adalah tinggi. Oleh itu, kerajaan perlu melakukan sesuatu yang positif bagi mengurangkan kadar kemalangan.

Justeru idea untuk mewujudkan lorong motosikal ini adalah suatu idea yang baik memandangkan bilangan pengguna motosikal semakin tinggi. Oleh itu, saya meminta penjelasan kerajaan adakah kerajaan akan membina lorong-lorong motosikal khususnya di lebuh raya dan jalan-jalan utama khususnya di laluan yang kerap berlaku kemalangan ataupun kerajaan ada rancangan untuk tidak membenarkan motosikal melalui lebuh raya seperti mana yang dipraktikkan di Indonesia.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga mohon agar kerajaan mengambil insentif untuk memperbaiki lorong-lorong motosikal yang sedia ada yang didapati tidak selamat, sempit dan

rosak. Keadaan lorong motosikal yang ada sekarang perlu dibaikkan segera dan dipasang dengan lampu agar ia lebih selamat dan selesa seperti yang dipaparkan oleh TV1 pagi tadi.

Saya juga menyentuh Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru). Ini saya bangkitkan di kawasan saya. Saya telah membangkitkan cadangan pembinaan Jalan Parit-Seputeh sejak beberapa tahun yang lalu tetapi hingga sekarang masih lagi tidak ada dalam perancangan. Keadaan jalan yang semakin tidak selesa, sempit dan merbahaya perlukan pembinaan yang baru kepada Jalan Parit-Seputeh. Selain itu juga saya menimbulkan pembinaan Jambatan Lambo yang telah dicadangkan pada sesi yang lalu tetapi hingga ke hari ini tidak termasuk dalam rancangan kementerian. Oleh itu, saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbang semula cadangan pembinaan Jalan Parit-Seputeh dan Jambatan Lambo untuk dapat dimasukkan dalam *Rolling Plan* Yang Berhormat Menteri yang akan datang. Harap-harap sangat oleh orang Parit. Dengan ini Parit menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Sandakan.

**2.45 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pembangunan infrastruktur adalah amat penting untuk negeri Sabah. Negeri yang paling miskin di Malaysia pada masa kini. Selepas 20 tahun pentadbiran yang lemah oleh Kerajaan Barisan Nasional, Sabah masih jauh ketinggalan dalam pembangunan khususnya jalan raya. Ini membuktikan pagi ini Ahli dari Sabah yang duduk sebelah sana pun bersetuju. Saya ingin menyentuh perkara yang di bawah maksud pembangunan 27, di bawah butiran 08 tentang jalan raya diperuntukkan Sabah. Di bawah peruntukan RM476 juta untuk memulihkan dan naik taraf jalan, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memecahkan peruntukan tersebut diperuntukkan berdasarkan projek.

Tuan Pengerusi, saya ingin membaca sedikit informasi tambahan dan latar belakang untuk makluman Dewan yang mulia ini. Merujuk kepada dokumen koridor pembangunan Sabah, Sabah mempunyai 1,428 kilometer jalan Persekutuan dan 14,249 kilometer jalan negeri. Keseluruhannya hanya 6,094 kilometer atau *seal*. Akan tetapi ada 9,583 kilometer adalah *gravel and turf road*, dengan izin. Maksudnya hanya 38% jalan raya di Sabah yang sudah *seal* berbanding dengan 89.4% di Semenanjung Malaysia. Begitulah besar jurangnya di antara Sabah dan Semenanjung tetapi malangnya dalam bajet ini, jumlah peruntukan untuk Sabah hanyalah RM476 juta manakala RM2.836 bilion telah diperuntukkan kepada Semenanjung Malaysia.

Selain daripada itu berbanding dengan tahun 2013, peruntukan untuk Sabah telah dikurangkan. Sabah daripada RM548 juta pada tahun 2013 tetapi tahun 2014 dikurangkan sebanyak 13%, Sarawak turun lagi dikurangkan daripada RM303 juta ke RM2,217 juta sahaja. Akan tetapi pada waktu yang sama, peruntukan untuk Semenanjung Malaysia yang telah ditingkatkan sekurang-kurangnya RM900 juta iaitu 47% daripada satu RM1.9 bilion ke RM2.836

bilion. Kenapa peruntukan Sabah dikurangkan? Akan tetapi Semenanjung, tambahannya begitu banyak?

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa ada beberapa projek pembinaan jalan raya yang sudah lama dicadangkan untuk Sabah khasnya Sandakan tetapi Sabah sampai hari ini masih tidak ambil berat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Contohnya pertama, tiada Libaran *bypass* dari Batu 16 ke 32 Jalan Lambo. Kalau tidak silap projek ini telah dicadangkan sejak Rancangan Malaysia Kelapan lagi tetapi sampai hari ini pun masih belum dimulakan. Saya ingin tahu berapakah yang cadangkan untuk projek ini dalam bajet kali ini. Dalam jawapan kepada pada bulan Jun ini, Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada saya bahawa jalan ini akan dimulai dengan empat pakej. Pakej pertama akan ditender pada bulan September ini.

Tuan Pengerusi, pada minggu yang lepas, Tuan Pengerusi sudah menjawab soalan yang berkenaan dalam penggulungan bajet di Peringkat Dasar bahawa tender ini akan dijalankan bulan ini walaupun sudah lepas September, akan melaksanakan dengan *Rolling Plan*.

#### ■1450

Saya berasa kecewa, mengapakah projek ini telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi sampai sekarang masih dalam *Rolling Plan*. Tidak ada peruntukan yang ditetapkan. Apakah projek ini akan terus pada *Rolling Plan* sampai rancangan bila, Sampai Rancangan Malaysia Kedua Puluh, kah? Saya harap janji tersebut bukan janji kosong dan rakyat di Sandakan masih menanti-nanti. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan bahawa projek ini akan dimulai sekarang, dan diberikan peruntukan yang tetap dan mencukupi untuk kesejahteraan di Sandakan dan negeri Sabah.

Contoh yang kedua, projek perluasan dan naik taraf Jalan Labuh dari Batu 8 ke Batu 16, Daerah Sandakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek ini sepatutnya telah siap bina pada 27, April 2012 tetapi projek ini telah ditangguhkan pada Oktober 2013, baru-baru ini diberitahu projek tersebut akan ditangguhkan ke bulan April tahun 2015. Saya minta penjelasan dari kementerian, apakah jumlah peruntukan untuk projek ini? Adakah projek tersebut diperuntukkan di bawah perkara yang sama seperti yang saya hujah? Saya berharap projek ini boleh disiapkan pada tarikh yang ditetapkan dan tidak ditangguh-tangguhkan lagi.

Ketiga mengenai projek menaik taraf dan pemulihan Jalan Batu Sapi fasa 1, 3.5 kilometer dengan kos RM24 juta *on design and build basis* di Batu Sapi. Walaupun projek ini baru disiapkan dan saya diberitahu bahawa projek ini belum dapat *certificate of completion*, dengan izin, tetapi jalan ini sudah rosak dengan begitu teruk. Saya dimaklumkan bahawa projek ini akan ditender semula. Oleh yang demikian, apakah jumlah peruntukan untuk projek yang *retender* ini? Saya mendapati projek ini adalah di bawah kewajipan kerajaan negeri dan diperuntukkan dari Kerajaan Persekutuan. Saya ingin tahu, apakah status projek ini? Sila beri penjelasan bahawa kontraktor ini yang *failed* membina ini. Adakah dia mahu membayar balik RM24 juta yang sudah dipakai?

Keempat, mengenai projek pembinaan Jalan Pintas, Sandakan. Kita sebut ini *Southern Ring Road* sepanjang 7.05 kilometer. Projek ini telah dijanjikan oleh Barisan Nasional 18 tahun



lepas. Penduduk di Sandakan susah, menunggu lama. Selama 14 tahun rakyat Sandakan merasa amat kecewa dan marah kerana janji tersebut langsung tidak didapati. Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Projek Jalan Pintas Sandakan, fasa pertama yang sepanjang satu kilometer telah siap bina sejak 10 tahun yang lalu.

Manakala pembinaan fasa kedua masih belum dimulai. Memandangkan projek ini sepatutnya disiapkan pembinaannya 10 tahun yang lalu, juga merujuk kepada bekas Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Yang Berhormat Dato' Tan Soo Keat. Pada 30 Julai 2008, beliau telah mengumumkan bahawa Jalan Pintas fasa 2 diberi peruntukan sebanyak RM194 juta. Pembinaan tersebut akan bermula dengan sedikit masa dan dijangka akan mengambil masa dua tahun. Oleh itu, projek ini sepatutnya telah siap dibina pada tahun 2011.

Dalam perkara ini, adakah ini merupakan satu penipuan daripada Kerajaan Barisan Nasional? Haraplah kerajaan boleh memulakan pembinaan tersebut secepat mungkin [*Dewan riu*] Walaupun sudah lepas 20 tahun, janji itu masih dinanti-nantikan. Haraplah bukan satu janji yang 'dicapati'.

Di samping itu, di bawah perkara yang sama, adakah peruntukan tersebut disediakan untuk membina dua buah persimpangan bertingkat dan jejambat seperti dijanjikan? Baru-baru ini juga dalam sidang Dewan ADUN, Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Yang Berhormat Tan Sri Pairin Kitingan mengumumkan dan berjanji bahawa peruntukan RM140 *million* bagi projek tersebut sedia ada di Kerajaan Persekutuan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sandakan, gulung.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, sikit lagi. ...Dan boleh memulakan pembinaan bila-bila masa. Saya khawatir, janji tersebut kemungkinan tidak berupaya dalam masa yang tertentu untuk membina persimpangan bertingkat di Kota Kinabalu sebab ini pun dalam *Rolling Plan*.

Tuan Pengerusi, sedangkan rakyat Sabah sudah minta satu lebuh raya yang menyambung *major town*, dengan izin di Sabah, bertahun-tahun namun demikian sehingga kini Sabah masih belum ada satu lebuh raya seperti terdapat di Semenanjung Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia kita nampak lebuh raya dari utara ke selatan, dari timur ke barat pun lengkap dengan lebuh raya. Jangan bilang lebuh raya, jalan raya di Sabah pun selalu rosak dan berlubang. Oleh itu, saya harap kerajaan memegang prinsip keadilan dan konsep *copartner* kepada Sabah dan Sarawak. Saya mencadangkan kerajaan memberi peruntukan untuk membina lebuh raya persimpangan bandar-bandar di negeri Sabah seperti Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kota Kinabalu. Dalam bajet ini, saya langsung tidak nampak usaha dari kerajaan untuk menambah baik mutu jalan raya dan membina lebih banyak jalan raya di negeri Sabah berbanding dengan peruntukan kementerian kepada Semenanjung dan Sabah, kita nampaklah Sabah ini tidak diambil berat untuk membina jalan raya, meningkatnya jalan raya.

Bukankah Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum Ke-13 diselamatkan oleh Sabah dan Sarawak? Inilah cara Barisan Nasional membalas jasa baik rakyat Sabah dan Sarawak [*Tepuk*] Ini menunjukkan peruntukan antara Sabah dan Semenanjung adalah tidak adil memandangkan infrastruktur di negeri Sabah masih banyak dikurangkan.

Tuan Pengerusi, kesimpulannya, saya yakin bahawa rakyat Sabah tetap sangat kecewa terhadap bajet ini. Saya berasa sedih kerana inilah cara Sabah dilayan oleh Barisan Nasional walaupun Sabah dan Sarawak merupakan rakan kongsi, atau *copartner* dalam Malaysia. Peruntukan bagi Sabah dan Semenanjung adalah amat tidak seimbang. Oleh itu saya tidak menyokong. Sekian, terima kasih [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis, kita alu-alukan kembali bertugas Yang Berhormat Baling. Sila [*Tepuk*]

### 2.58 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana dapat memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia. Saya berbahas di bawah Butiran 060800 – Program Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Kita semua tahu jalan persekutuan amat panjang, melibatkan puluhan ribu kilometer yang terpaksa dijaga oleh Kementerian Kerja Raya. Di bawah kategori empat perkara utama iaitu jalan persekutuan utama, jalan persekutuan FELDA, jalan persekutuan ke institusi dan juga jalan persekutuan ke kawasan industri. Saya takrifkan juga salah satunya di bawah jalan PJK ataupun projek jalan kampung yang juga disenggarakan oleh pihak JKR. Kerja-kerja JKR, penyenggaraan ini meliputi berbagai-bagai perkara termasuk menampan, menebas dan sebagainya. Ini di bawah keseliaan yang mana ia juga sebahagiannya adalah penyelenggaraan ini diberi di bawah konsesi-konsesi mengikut negeri-negeri yang ditawarkan oleh pihak-pihak JKR.

Akan tetapi dalam hal ini kita banyak juga menerima beberapa rungutan ataupun aduan-aduan daripada pihak-pihak pengguna khususnya dalam penyelenggaraan yang melibatkan beberapa perkara khususnya dalam yang melibatkan lubang dan sebagainya termasuklah juga yang rakan-rakan sudah sebutkan tadi seperti laluan motosikal yang harus kita juga memberi perhatian kerana terlibat banyak lubang yang melibatkan kemalangan yang mungkin boleh juga meragut nyawa.

### ■1500

Rakan-rakan juga ada menyebut sebentar tadi, sebahagiannya di lebuhraya sendiri pun terlibat dengan banjir. Ini seharusnya KKR memberi perhatian sepenuhnya dalam hal ini supaya penglibatan yang menyebabkan jalan raya, contohnya akan menjadi *jammed* yang amat sangat. Ini juga dimasukkan di bawah mungkin KPI Kementerian Kerja Raya, dan kita mengharapkan supaya suatu penyelidikan yang menyeluruh bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah yang kita bangkitkan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang saya kaitkan tadi termasuklah dari segi *maintenance* jalan yang diberikan kepada konsesi-konsesi ini yang semua kita tahu dalam Dewan ini melibatkan 15 tahun. Saya mencadangkan juga supaya konsesi-konsesi ini memberi peluang kepada masyarakat tempatan khususnya. Kita ramai sebenarnya kontraktor-kontraktor tempatan yang daripada Kelas 'F', sehinggalah mungkin kepada Kelas 'A' sendiri pun wujud di suatu kawasan itu.

Jadi saya mencadangkan supaya peluang ini harus diberikan kerana semua tempat- 222 Ahli Parlimen saya jangkakan di sini semua ada kontraktor-kontraktor yang berkemampuan untuk melaksanakan. Saya sendiri di Parlimen Lipis saya melihat kadangkala orang datang daripada jauh melaksanakan projek-projek di bawah konsesi ini. Maka peluang ini akan mengecil kepada masyarakat tempatan dan kontraktor-kontraktor yang berdaftar di bawah PPK dan CIDB itu sendiri. Jadi dalam hal ini berilah perhatian khusus untuk kontraktor setempat ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal Butiran 06110 – Program Pembangunan Kontraktor. Ini saya melihat daripada bajet yang kita bentangkan ini saya tengok agak kecil kerana kita sekarang ini, apa yang kita maklum kita ada di bawah CIDB dan juga di bawah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Di bawah CIDB ini kita melihat mereka rancak menjalankan aktiviti-aktiviti yang mana boleh melatih anak-anak kita, sama ada tidak kira siapa, tidak kira kaum, tidak kira bangsa yang mana hari ini yang dimaklumkan kepada kita, ada di antaranya yang telah dapat latihan daripada CIDB ini mencecah gaji sehingga RM5,000.

Jadi saya mengharapkan supaya bajet ini diperbesarkan supaya CIDB ini dapat membantu lebih ramai. Sekarang ini tempat terhad. Jadi tempat terhad ini sudah pastilah akan menunggu giliran yang agak lama. Jadi kalau kita tambahkan pembangunan, dan kita *upgrade* dari segi profesionalismenya sendiri, mungkin ini akan dapat membantu dari segi yang sering kita katakan, ada yang menganggur dan sebagainya. Ini boleh kita latih sama ada membawa mesin-mesin tertentu, sama ada menjadi golongan profesional seperti yang rakan saya katakan tadi, mengelakkan daripada warga asing yang dapat menguasai bidang pembinaan dalam kawasan kita ini. Jadi itu cadangan saya supaya misi dan visi ini kita seharusnya besarkan dalam keadaan tersebut.

Tuan Pengerusi, perhatian seharusnya diberikan juga kepada beberapa perkara dalam hal yang boleh membantu dari segi KKR sendiri dan kontraktor itu sendiri. Maka haruslah kursus-kursus ini diambil kira dan setiap cadangan saya mohon kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri, jumlah yang setakat ini saya kira agak ramai dari segi kontraktor Kelas 'F' itu sendiri. Mungkin kelas besar agak berkurangan tetapi Kelas 'F' ini setiap daerah mungkin mencecah kalau daerah Lipis sahaja sudah 200 lebih. Daerah yang kecil. Kalau daerah yang besar mungkin 400 hingga 500, dan mempunyai jumlah yang begitu ramai sekali, dan statusnya mereka ini pendaftarannya berdaftar kepada yang telah kita tetapkan. Jadi dalam hal ini, berapakah sejak kebelakangan ini, kita membantu kontraktor ataupun ada kontraktor yang *determinate* atau

dibatalkan lesennya? Ini jumlah yang juga perlu kita tahu dari segi dalam Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Di bawah Butiran 060100 juga melibatkan bancian lalu lintas oleh JKR itu sendiri. Jadi kita mengharapkan supaya di semua kawasan yang dibuat bancian lalu lintas ini akan mengambil kira beberapa perkara yang mungkin boleh membantu sama ada dalam kawasan kita sendiri ataupun di dalam kawasan-kawasan rakan-rakan kita yang lain di dalam Semenanjung ataupun di dalam negeri Pahang itu sendiri. Saya mencadangkan supaya setelah kajian-kajian dibuat ini diberilah perhatian kepada beberapa projek yang mungkin dapat membantu dari segi perkembangan ekonomi dari segi kebaikan kawasan itu seperti projek pelebaran jalan dari Kampung Awah ke Bandar Pusat Jengka. Ini kawasan Tuan Pengerusi sendiri. Saya dapat tahu kawan-kawan bagi tahu, ia juga perlu pelebaran kemudian dari...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun catat ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Dari Simpang Jengka 8...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kebetulan orang kawasan saya wanita daripada Jengka ramai hadir hari ini dalam Dewan [*Tepuk*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya kerap juga melalui jalan tersebut menghubungkan daripada Lipis ke Kuantan. Yang saya lihat Simpang Jengka 8 juga merupakan jalan yang sempit sekali dan selalu juga berlaku kemalangan. Yang saya nyatakan selalu ini, kekerapan lori-lori besar menggunakan jalan tersebut menyebabkan juga berlaku kemalangan jiwa. Ini juga harus diberi perhatian kerana jiwa manusia itu lebih penting daripada segala-galanya.

Begitu juga dengan jalan yang telah lama dalam perancangan iaitu jalan daripada Benta-Jerantut-Lipis yang saya ingat daripada Rancangan Malaysia Kesembilan atau Kesepuluh yang telah dirancang dan pernah dimasukkan dalam program-program untuk membina jalan baru tersebut Jalan Benta-Jerantut. Kemudian yang juga masuk dalam rancangan iaitu Jalan Raub-Tanjung Malim, Perak. Ini boleh memberi perkembangan ekonomi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Dari segi penduduk setempat iaitu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Boleh saya tambah? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis.

Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak JKR kerana telah melihat program-program dan perancangan lebuhraya, jalan-jalan utama, jalan-jalan negeri, jalan-jalan kecil. Lanjutan daripada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi, memang penting pembangunan baru perlu dibuat.

Saya ingin menyentuh tentang *connection* ataupun perhubungan antara Pantai Barat dan Pantai Timur yang telah disebutkan, di mana sekarang sebenarnya ada laluan yang menghubungkan antara Raub dan juga Tanjong Malim, laluan balak dan juga laluan Orang Asli. Begitu juga dengan adanya laluan sekarang ini, laluan di antara Sungai Siput Utara di dalam daerah Kuala Kangsar yang menghubungkan Sungai Siput dan Gua Musang. Terdahulu dalam perbincangan ada dinyatakan bahawa pihak JKR memang ada cadangan tetapi kosnya begitu tinggi.

Saya ingin mencadangkan bahawa jalan-jalan ini sebenarnya tidak begitu panjang. Kalau kita buka kawasan ini nescaya kita tahu bahawa sebenarnya kita membuka kawasan-kawasan pedalaman di Pahang, di Perak dan juga di Kelantan, khususnya daerah Kuala Kangsar, Sungai Siput, Gua Musang, Raub dan kawasan Tuan Pengerusi juga, di selatan Perak, dan kalau kita lihat dari segi peta geografinya, ini sebenarnya terletak di 'ulu hati' ataupun di tengah-tengah Semenanjung. Maknanya *connection* di antara Sungai Siput-Gua Musang dan di bawahnya di antara Slim River dan Raub. Kalau kita dapat satu pendekatan yang *Blue Ocean Strategy* yang mana kosnya sedikit. Buat sahajalah *connection* itu. Koneksi antara dua ini yang sudah ada, laluan Orang Asli dan laluan pembalok-pembalok. Kalau kita buka jalan yang tidak besar pun, saya percaya kawasan pedalaman ini dapat dibangunkan. Apa pendapat Yang Berhormat Lipis? Itulah cadangan dan pemerhatian Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar yang memberi pandangan yang cukup baik sekali dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya tidak meninggalkan kawasan-kawasan lain, termasuklah Jerantut, Kuala Krau dan melibatkan Parlimen-Parlimen persekitaran, dan juga Raub.

■1510

Walaupun Yang Berhormat Raub, rakan baik saya tidak ada dalam Dewan yang mulia ini, tetapi termasuk supaya kita dapat pembangunan yang seimbang membantu. Sebenarnya ini sudah lama perancangan pembangunan seimbang ini. Daerah Lipis masih daerah yang kecil, Kuala Krau, baru. Parlimen baru, masih daerah yang kecil. Kita bangunkan bersama untuk pembangunan seimbang. Barulah kita dapatkan seluruh negara itu menikmati pembangunan seimbang khususnya jalan raya inilah yang amat penting menghubungkan bagi membantu perkembangan ekonomi di sesuatu tempat itu.

Yang saya nyatakan tadi ialah projek jalan kampung. Sebenarnya projek jalan kampung ini sudah ada yang melebihi 20 tahun, sepuluh tahun dan jangka hayat '*premix*' itu sendiri, membina jalan itu tidak tahan lama. Maka, ini harus diberi perhatian dan kalau boleh JKR, saya mengharapkan JKR supaya mendapat peruntukan yang lebih lagi supaya kita dapat menurap kembali jalan-jalan kampung yang memberi keselesaan pula kepada penduduk-penduduk luar bandar. Ini harapan orang kampung sebenarnya. Ini datang daripada Maran, semua sini harapan daripada Kuala Krau. Harapan supaya jalan-jalan kita dapat jalan yang baik. Jadi ini harapan kita semua.

Akhirnya saya juga menyeru kepada Kementerian Kerja Raya supaya di mana projek-projek di bawah konsultan seharusnya diberi perhatian sesungguhnya kerana projek konsultan ini, saya bimbang banyak perkara-perkara yang akan berlaku lagi runtuh-runtuh. Runtuh-runtuh ini kita kena ambil kira walaupun sering disarankan oleh pihak seberang tetapi kita juga sebenarnya merasa perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita mohon supaya penyeliaan itu hendaklah dilakukan oleh pihak JKR. Kita perlukan konsultan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kota Tinggi di belakang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta mencelah sikit, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya tadi hendak tambah sikit lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis? Di samping jalan-jalan baru ini, bila ada pembangunan besar-besaran, sementara pembangunan itu hendak siap, tiga hingga empat tahun orang sekeliling situ merana sebab jalan pecah, sebab bebanan tinggi disebabkan oleh *load* yang begitu besar disebabkan oleh tuntutan pembangunan yang berlaku di sekitar contohnya di Pengerang. Sebelum Pengerang siap tiga empat tahun, jalan sekeliling sudah rosak. Jadi saya minta supaya ditambah dari segi peruntukan dan tentukan pembangunan itu juga mempunyai peruntukan khusus untuk menaik tambah bebanan jalan-jalan sekitar supaya tidak membebankan orang kampung.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat Lipis tadi. Sahabat kita daripada Sandakan ada cakap dia kata di Sabah peruntukannya sedikit iaitu sebanyak RM500 juta dan di Semenanjung sebanyak RM2.8 bilion. Akan tetapi kalau kita bahagi per kapita, Sabah RM500 juta bahagi tiga jutalah. Tidak sampai tiga juta mungkin dalam sekitar RM180 atau RM190 per kapita yang dibelanjakan untuk setiap rakyat tetapi di Semenanjung, RM2.8 bilion bahagi 20 juta lebih per kapita, bukan RM130 sahaja per kapita. Maknanya, saya rasa pandangan saya, adakah sesuai kalau kita kata kita tidak memberi perhatian kepada Sabah? Pandangan saya, kalau RM180, di Semenanjung RM130, beza RM50 itu banyak itu. Jadi tidak betullah kalau kita kata kita tidak memberi pertimbangan kepada orang Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingat apa pandangan Yang Berhormat Lipis tentang ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, gulung ya? Gulung, gulung.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Lipis, minta sikit. Jiran, jiran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh sedikit tentang konsultan tadi. Tentang projek-projek konsultan ini. Kita mintalah agar konsultan. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis, setuju atau tidak dengan saya Konsultan ini sepatutnya ia lebih mengutamakan kualiti tetapi kita perhatikan ada beberapa projek yang konsultan projek ini macam dia- kualiti itu macam boleh bertolak ansur. Jadi perkara ini juga selain daripada melibatkan bangunan, ia juga melibatkan jalan. Jalan-jalan yang dibuat itu menyebabkan kadar ketahanan jalan itu tidak tahan lama. Misalnya Yang Berhormat Lipis sendiri sebut Jalan Jerantut-Lipis, Jalan Jerantut-Kuala Krau, kawasan Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Pengerusi, kemudian ke Temerloh. Ini laluan utama. Laluan utama ini pun sekarang ini sudah macam jalan yang lebih teruk daripada jalan kampung kerana bebanan muatan lori yang berlebihan ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Lipis dari segi jalan-jalan utama ini sepatutnya mestilah elok sebab ia jalan utama, Tuan Pengerusi.

Jadi saya harap Yang Berhormat Lipis bersetuju dengan saya bahawa jalan utama-utama ini sama ada di konsultan ataupun syarikat-syarikat tertentu yang buat ini mestilah berada dalam kualiti yang baik supaya rakyat tidak menimbulkan kerisauan kepada mereka dan marah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jugalah termasuk Yang Berhormat Lipis, Tuan Pengerusi dan juga saya sendiri di Parlimen Jerantut. Terima kasih Yang Berhormat Lipis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis, walaupun banyak kali tersebut Kuala Krau, masa tambahan. Sila gulung.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Kota Tinggi. Kalau dibahagikan dengan jumlah yang kita ada di dalam negeri-negeri, sudah pastilah Sabah sudah dapat jumlah yang paling tinggi sebenarnya. Saya bersetuju. Yang Berhormat Jerantut, saya bukan saya kata tidak setuju, saya bukan tidak setuju dibahagikan kepada konsultan tetapi saya hendak supaya, saya minta mohon kerajaan supaya konsultan ini tetap duduk di bawah Kementerian Kerja Raya itu sendiri. Kita tidak mahu penyeliaan itu di bawah konsultan itu sendiri. Maksudnya tidak ada pemantauan. Saya tidak kata konsultan ini tidak baik. Ada konsultan yang sangat baik. Kalau konsultan sudah *otai*, itu memang sangat baik juga.

Jadi sekarang ini kita takut konsultan-konsultan yang tumbuh bagai cendawan ini, yang muda-muda, yang tidak ada pengalaman, yang tidak pernah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya itu sendiri. Kementerian Kerja Raya ini saya hendak beritahu adalah satu kementerian dalam bidang pembinaan yang sangat baik melaksanakan program-program mereka...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis. Saya harap Yang Berhormat Lipis pun sangat baik.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Okey, untuk penggulangannya, saya menyeru kepada kementerian-kementerian lain juga walaupun tidak ada dalam kepalanya ataupun dalam bilangannya supaya sebarang projek di bawah konsultan-konsultan di bawah agensi lain,

kita serahkan balik semula kepada JKR seperti kita laksanakan dahulu-dahulu yang mana JKR dapat laksanakan dengan baik, yang saya percaya pembinaan-pembinaan mereka tidak ada yang gagal. Cuma kalau kelewatan dan sebagainya, itu biasa. Saya tidak kata yang terus menolak konsultan ini, tidak. Walaupun jalan, bangunan, *monorail* dan sebagainya, kita hendak supaya dalam bidang pembinaan, kepakaran yang amat penting, kita serahkan kepada Kementerian Kerja Raya. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**3.17 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk bersama dalam perbahasan berkaitan dengan B.27.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan khusus kepada Butiran 030100 – Cawangan Jalan. Ada *report* yang dimaklumkan kepada saya dan minta disampaikan kepada pihak kerajaan khususnya apabila projek membaiki jalan dan sebagainya. Kadang-kadang baiklah. Baguslah. Baiki jalan itu bagus untuk penyelesaian tetapi soal keselamatan kepada lalu lintas tidak diambil hirau.

Jadi saya harap pihak kerajaan harus melihat ini juga satu persoalan yang sangat penting supaya pemberitahuan kepada pengguna jalan raya itu untuk projek baiki jalan mestilah pada kadar yang munasabah supaya ia sudah membuat persediaan dan persiapan supaya berhati-hati apabila hendak sampai ke tempat baiki jalan. Itu juga termasuk juga saya harap pihak Kementerian Kerja Raya juga mengambil kira juga pihak-pihak lain yang juga kadang-kadang turut membaiki kabel dan sebagainya yang kadang-kadang tidak mengikut satu ketentuan, jarak pemberitahu itu terlebih dahulu. Jadi saya harap pihak kerajaan dalam usaha mengambil kira persoalan ini untuk memastikan supaya soal keselamatan pengguna-pengguna jalan raya ini dapat dipelihara.

Kedua, saya hendak dapatkan 020000 – Pengurusan JKR. Saya hendak dapatkan penjelasan. Sejauh mana pihak JKR ini dirunding oleh pihak-pihak lain yang di dalam kerajaan sendiri yang hendak melaksanakan projek-projek mereka sendiri? Sejauh mana pihak JKR diambil nasihat, pendapat dan pandangan dan juga meminta pihak JKR sendiri yang membuat pengiraan-pengiraan terlebih dahulu terhadap projek-projek *construction*, pembinaan dan sebagainya untuk memastikan supaya kos itu tidak melampau dan juga tidak menunjukkan satu- akhirnya akan berlaku ketirisan di dalam perbelanjaan kerajaan.

■1520

Saya hendak mengambil contoh sebab UTC iaitu Projek Transformasi Bandar khususnya di Alor Setar, Kedah. Walaupun ini bukan di bawah JKR tetapi saya fikir bahawa sepatutnya JKR harus diberikan nasihat dahulu oleh pihak-pihak yang hendak membuat projek ini. Ini kerana saya difahamkan bahawa projek tersebut adalah projek yang dibuat di bangunan milik Majlis Perbandaran Alor Setar. Kerajaan tidak membeli bangunan tersebut. Saya difahamkan macam



sewa tetapi ubahsuai bangunan tersebut pihak UTC yang kendali. UTC ini di bawah kerajaan. Saya difahamkan perbelanjaannya sampai RM50 juta. Kalau tidak lebih pun, hampir. Kalau tidak sampai pun mungkin hampir RM50 juta.

Pada perkiraan saya, RM50 juta ini bukan ubahsuai bangunan tetapi RM50 juta ini sudah tentulah perbelanjaan untuk membuat bangunan baru, bukan satu ubahsuai. Akan tetapi saya difahamkan bahawa ubahsuai sahaja hampir kepada RM50 juta. Itu dalam keadaan bangunan itu bukan milik UTC. Bangunan itu milik orang lain iaitu milik satu agensi di bawah Kerajaan Negeri Kedah iaitu Majlis Perbandaran Alor Setar. Tidak mengapalah hendak bayar sewa, baguslah untuk membantu Majlis Perbandaran Alor Setar tetapi saya katakan bahawa perbelanjaan itu terlalu tinggi bila hendak buat sampai RM50 juta atau hampir RM50 juta dengan hendak mengubahsuai bangunan, saya fikir bahawa tanyalah mana-mana orang yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam *construction* dia kata tidak boleh hendak terima ubahsuai bangunan itu sebanyak sampai RM50 juta.

Jadi, saya hendak tanya bahawa sejauh mana— ini satu contoh. Saya percaya bahawa banyak lagi agensi-agensi yang lain termasuk kementerian-kementerian yang lain yang juga mempunyai peranan untuk melaksanakan projek mereka sendiri. Jadi sejauh mana JKR yang sepatutnya dari segi kepakaran ini, dia ada cawangan pakar dan sebagainya, sudah tentulah sepatutnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan jalan, dalam pembinaan dan sebagainya, saya fikir bahawa perlu ada satu mekanisme yang lebih jelas. Ini supaya diambil nasihat kalau pun tidak ditentukan tetapi mengambil nasihat supaya JKR boleh tentukan had-had harga yang sepatutnya dilakukan sebab kepakaran itu tidak ada kepada pihak yang lain.

Apatah lagi bila UTC di Alor Setar ini. Saya diberitahu oleh kontraktor bumiputera di negeri Kedah bahawa semua kontraktor yang terlibat itu semua kontraktor daripada Kuala Lumpur. Jadi tidak mungkinlah kontraktor Melayu bumiputera dari Kedah ini tidak reti satu benda pun untuk hendak buat ubahsuai dalam keadaan projek yang begitu mahal iaitu RM50 juta itu. Saya percaya kalau JKR sudah tentu JKR akan lebih melihat kepada soal-soal ketelusan termasuk kepada memberi ruang kepada kontraktor-kontraktor yang sepatutnya diberikan hak mereka termasuklah kontraktor bumiputera.

Ketiganya, yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 050200 – Cawangan Pengurusan Projek Kompleks. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu Kompleks CIQ Langkawi. Saya difahamkan akan dibuat satu projek baru tetapi saya hendak dapatkan penjelasan kenapa tidak dibuat tender terbuka untuk projek CIQ ini yang saya fikir bahawa satu yang seharusnya lebih dilihat ialah ketelusan. Oleh sebab itu saya agak terkejut sama ada ini kemahuan JKR ataupun kerana wahyu daripada satu pihak untuk memastikan supaya projek ini tidak dibuat secara *open* tender iaitu dibuat secara runding terus yang saya difahamkan kerajaan macam sudah bersetuju sama ada benar atau tidak kepada Uzaimin Enterprise dengan kadar harga sebanyak RM86.5 juta. Oleh sebab itu saya katakan bahawa projek CIQ Langkawi ini kalau tadi kita lihat ubahsuai bangunan untuk UTC ialah hampir RM50 juta. Apabila kita hendak buat projek CIQ...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh mencelah? Penjelasan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Kalau kita tanya kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu pun memang kadang kala kos ubahsuai itu lebih tinggi daripada kos membina semula. Jadi sebenarnya inilah perkara dan skop yang begitu rumit. Itulah sebabnya kalau kita lihat kerja-kerja pengubahsuaian itu kadang kala lebih mahal daripada membina bangunan baru itu sendiri. Kalau kita melihat contoh rumah Yang Berhormat Pokok Senalah. Kalau harga dapur itu katakan RM30,000, ubahsuainya mungkin lebih dan juga belum termasuk peralatan. Kadang kala kos peralatan itu lebih tinggi daripada kos pembinaan dan juga kos ubahsuaian. Ini tanya Yang Berhormat Kuala Terengganu juga.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat yang memberikan sedikit pandangan. Saya boleh bersetuju bahawa kalau ada kos peningkatan yang tinggi di dalam ubahsuai tetapi isu yang saya bangkitkan tadi ialah kenapa tidak dibuat secara yang lebih terbuka untuk mendapat satu harga yang lebih munasabah. Saya bukan katakan bahawa memang ubahsuai sepatutnya harga lebih rendah dan sebagainya tetapi RM50 juta ini sepatutnya kalau sudah RM50 juta kata harga tinggi sepatutnya buat bangunan baru. Baik buat bangunan baru.

Saya tidak pertikai apa yang disebut oleh saudara Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar. Jadi saya ucapkan terima kasih. Secara logiknya kalau sudah tahu itu baik buat rumah baru daripada kita hendak ubahsuai rumah kita. Hendak buat sampai harga tinggi. Hendak kena pindah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Kalau buat rumah baru tidak boleh pakailah rumah lama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi lebih baik kita beli rumah baru.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Rumah lama tidak boleh pakai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita ada satu aset yang bertambah untuk kita. Jadi sebab itu saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat tadi berkaitan dengan Projek Kompleks CIQ Langkawi. Saya difahamkan bahawa harganya sampai RM86.5 juta. Apakah ini harga yang sudah pun ditentukan oleh pihak JKR? Ini kerana saya difahamkan bahawa sepatutnya kalau perkiraan ini, kalau harga itu dibuat secara *open* tender, saya percaya bahawa harga ini tidak melebihi daripada RM86.5 juta. Tidak melebihi RM80 juta sebab saya tahu bahawa projek itu membabitkan soal projek yang berkaitan dengan soal menaik

taraf jeti, bangunan terminal, pembangunan bangunan CIS dan juga membuat jeti baru di Jeti Kuah, Langkawi.

Juga termasuk komponen-komponen kerja-kerja marin adalah merupakan jeti antarabangsa yang baru di Langkawi. Begitu juga saya difahamkan mungkin akan termasuk juga untuk menaik taraf jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah iaitu kos-kos marin. Akan tetapi isunya ialah kenapa tidak dibuat secara yang *open tender*? Saya difahamkan kalau *open tender*, harganya akan diperoleh lebih murah. Maknanya kita boleh menjimatkan RM6.5 juta. RM6.5 juta ini Tuan Pengerusi, satu jumlah yang besar. Bukannya enam kupang lima duit!

**Tuan Pengerusi:** Ya, gulung.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi sebab itu saya cukup terkejut apabila diberitahu kepada saya bahawa— saya bukan mempersoalkan syarikat Uzaimin Enterprise itu tetapi saya difahamkan bahawa itulah syarikat yang diluluskan. Kalau dia dibuat secara *open tender*, diberilah kepada Uzaimin Enterprise atau mana-mana syarikat pun saya tidak ada masalah sebab bagi saya bahawa yang pentingnya ialah kos itu mengambil kira kedudukan kewangan negara.

Jadi ini yang saya katakan bahawa satu pembaziran. Kita telah membazir. Apakah ini tidak merupakan pengkhianatan kepada negara? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa kalau tidak bayar cukai, pengkhianat kepada negara. Akan tetapi kita katakan bahawa ini soal pengkhianatan. RM6.5 juta kita tidak anggap khianatkah? Saya katakan RM6.5 juta adalah merupakan satu pengkhianatan. Saya bukan kata bahawa kontraktor itu merupakan pengkhianat tetapi kita, kerajaan yang berkuasa meluluskan projek tidak melalui cara *open tender*, itulah pengkhianat kepada negara. Penderhaka kepada negara. Isunya ialah bukan isu soal duit tidak cukup, hendak ambil cukai daripada rakyat, hendak gagau daripada rakyat, GST gasak sampai tertonggeng. Isunya ialah..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Isunya ialah isu pengurusan kewangan negara. Ini isunya, isu pengurusan kewangan negara. Kemudian bila kita tidak ada duit, oh hendak kutip cukai GST daripada rakyat.

#### ■1530

Oh kalau tak kutip cukai GST, bankrap. *Come on* lah [Ketawa] Takkan la nak bankrap. Bila dah tak ada duit dalam poket, nak ambil daripada rakyat, ugut rakyat. Kalau tak bayar cukai GST ini, negara bankrap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Shah Alam bangun ini. Sebelum naik angin, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan naik angin.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Agak pelik ya Yang Berhormat Pokok Sena. Pagi tadi kita dengar Timbalan Menteri Kewangan kata tak ada masalah, hutang besar pun tak apa. Jepun pun lagi besar, Amerika Syarikat pun lagi besar, Singapura pun lagi besar. Tiba-tiba keluar dalam surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kalau tak ada GST, negara bankrap. Ini menunjukkan ada satu pembohongan yang dilakukan oleh kerajaan berhubung dengan keadaan ekonomi negara. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Kalau projek boleh buat RM80 juta kita bagi RM86.5 juta, inilah yang boleh bawa bankrap. Ini isu dia saya katakan ialah isu pengurusan kewangan negara. Bagaimana kita menguruskan kewangan negara, bagaimana kita membelanjakan kewangan negara kita, bagaimana kita nak mengelak daripada ketirisan dan kebocoran.

Tiba-tiba bila tak ada duit, kita nak ambil cukai, nak menghalalkan cukai yang kita nak kutip daripada rakyat, kita takutkan rakyat. Ha, kalau tidak bagi GST ini, tidak bayar GST negara bankrap. Kalau tak bagi, pengkhianat dan penderhaka kepada negara. Apakah ini kerajaan nak ugut rakyat supaya jangan nanti dilabelkan sebagai penderhaka? Kerajaan cuba melabelkan kononnya bahawa tak bayar cukai, penderhaka. Akan tetapi kerajaan sendiri yang membazir, apakah tidak penderhaka? Apakah tidak pengkhianat kepada negara?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cukup? Padan takat itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup. Nanti naik angin lagi payah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Makna Yang Berhormat Tuan Pengerusi setujulah bahawa hak yang buat tak betul ini pun, yang sampai RM6.5 juta ini pun pengkhianat kepada negara juga. Setuju? Terima kasih Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Ha, ini susah Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Bintulu ini. Bagi Yang Berhormat Bintulu dululah, ya?

**3.32 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kongkalikung, Yang Berhormat Pokok Sena memang kongkalikung. Dia kata kita Kerajaan Barisan Nasional ada projek rundingan terus...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh bangun ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya mahu tanya, Kerajaan Negeri Selangor sama Pulau Pinang adakah rundingan terus? Sama juga.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh minta Yang Berhormat Bintulu menjelaskan dalam bahasa Malaysia, apa maksud "kongkalikung".

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau tidak pandai maksud kongkalikung, nanti jumpa sama saya dekat luar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tak boleh jumpa luarlah. Tuan Pengerusi, kita haruslah minit dalam *Hansard* juga apa itu kongkalikung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* tanya sama saya, saya bukan Menteri mahu jawab. Nantilah, *you* tanya sama saya, di luar sana saya jawab, Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Menteri tidak payah. Yang Berhormat Menteri jawablah apa rakyat punya masalah, negara punya masalah.

Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang sama saya ambil bahagian dalam Kementerian Kerja Raya P.27 Butiran 060000, Butiran 09230, Butiran 09280. Ini semua sekali gus. Pertama, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian sudah lulus RM144 juta untuk menaik taraf daripada dua *lane* ke empat *lane* untuk empat kilometer dan 12 kilometer dari *roundabout* Samalaju sampai Samalaju Industrial Park. Jadi 4 kilometer itu dari Tanjung Kidurung Suai Pakurung. Sudah lulus tetapi saya difahamkan tender ini hujung tahun ini tetapi hujung tahun ini saya sendiri faham sudah tinggal satu bulan sahaja. Selalu jangan kita cuma jawab kepada rakyat, hujung tahun. Jangan tiba-tiba nanti satu tahun lagi pun belum tender lagi, belum selesai.

Jadi, di sini saya mahu ambil peluang sedikit nak beritahu bagi maklumat sedikit kepada Yang Berhormat Menteri mengenai jalan ini memang satu masalah yang besar, selalu rakyat ada suarakan. Di Bintulu ini, kita beri 10% *economy growth* untuk ekonomi negara tetapi selalu peruntukan lain-lain kawasan jaga dahulu. Rakyat kata, kita Bintulu sudah bagi bantuan dalam sektor ekonomi untuk negara tetapi peruntukan memang terakhir baru sampai. Contoh macam Jalan Koston-Bintulu-Miri. Jalan itu saya mahu memohon dan jemput kita punya Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita turun padang bersama-sama. Timbang rasa jalan itu, serupa jalan itu kalau kita naik dalam *four-wheel drive*, kita *from* Bintulu pergi ke Miri serupa macam dalam kereta kita disko dua jam dalam kereta sampai Miri.

Perkara ini memang kita sudah bahas banyak kali. Saya harap Yang Berhormat Menteri pun dari Sarawak, kita faham. Kalau boleh ambillah tindakan yang disegerakan untuk menyelesaikan isu-isu ini. Tuan Pengerusi, memang tadi saya ada dengar rakan-rakan daripada Barisan Nasional...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, tidak cantik membelakangkan Pengerusi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang dia nampaknya sekarang banyak kurus, sesuai dia. Mengenai kontraktor-kontraktor konsesi ini, memang rakyat banyak sudah persoalkan isu ini. Kontraktor ini sudah berapa kali kita bagi *extension*, dengan izin tetapi dia punya kerja tidak begitu sesuai. Tadi memang Yang Berhormat Kinabatangan bila membahaskan, saya pun ada mencelah. Isu ini kita di kementerian mesti mahu ambil perkara ini dengan serius.

Selalu dalam hujung tahun ini, jalan sini sana berlubang terutama sekali paling teruk apabila hujan, air tutup lubang itu dan apabila kancil lalu tidak perasan. Kadang-kadang sampai kereta terbalik, nyawa terbang. Orang kata kerajaan punya pasal ataupun kementerian punya pasal ataupun Menteri tidak bertanggungjawab. Rakyat cukup marah, dia kata jalan punya pasal, keadaan yang tidak begitu baik mengakibatkan ramai pengguna mati katak ataupun mati percuma ataupun kita Iban kata barai percuma.

Saya harap kita memanglah daripada kementerian ini selalu kalau sampai hujung tahun bila musim monsun, kita ada minta peruntukan lebih. Selalu jawab memang ini kongkalikung punya jawab, memang kita adalah jawab syok sendiri tapi sampai hujung-hujung, peruntukan tiada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bintulu, Pengerusi pun nak faham apa itu kongkalikung?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu kongkalikung kita cakap syok sendiri sahaja. Itu tak ada apa, ini Yang Berhormat Sri Gading dahulu punya kongkalikung. Dia ajar kita. Jadi peruntukan ini selalu mencukupi, selalu kita akan tunggu tahun depan, bajet lagi barulah kita boleh dapat penyelenggaraan jalan itu. Inilah rakyat tidak berpuas hati.

Dalam kita boleh pergi ambil statistik, setahun hujung tahun berapa ramai orang mati atas jalan raya? Bintulu–Miri, Bintulu–Siboro. Inilah orang marah. Kalau kontraktor penyelenggaraan dan kontraktor konsesi kalau dia tidak boleh menjalankan tugas, sepatutnya kita tukar ataupun kalau kita minta bagi kontrak ini dan konsesi jangan bagilah 15 tahun, 20 tahun. Bagilah tiga tahun ataupun lima tahun. Kalau dia bagus, kita sambung kalau dia tidak bagus, berhenti. Janganlah terus sekali bagi panjang-panjang, janganlah. Kalau dia tidak pandai buat tugas, kita boleh habis-habis pun beri sekali lagi *extension*. Rakyat kata kalau macam ini, Menteri tidak pandai mati tetapi rakyat pandai mati atas jalan yang mereka gunakan.

Inilah, sampai rakyat naik angin. Inilah, Kidurung punya kawasan, Pembangkang baru ada peluang. Kalau kita jalankan tugas dengan baik, Pembangkang memang tidak ada peluang. Jadi Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah *flyover* di Medan dan Tanjung Gidurung ini. Saya mahu tanya, bilakah *flyover* ini boleh dapat dipertimbangkan dan boleh memastikan peruntukan yang disediakan untuk membina *flyover* ini. Sudah lama rakyat kita minta ini.

#### ■1540

Isu ketiga, membina jalan Kuala Serupai ke Kuala Tatau RM230 juta. Jalan ini memang RM230 juta termasuklah jambatan ini. Kalau boleh saya minta kita bina jalan itu, jambatan jangan kita bina dahulu. Kita guna cara...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kongkalikung [*Ketawa*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Batu ini memang kongkalikung. *[Ketawa]* Kita menggunakan feri, kita boleh mengurangkan ini sebab Jalan Kuala Serupai ke Kuala Tatau sudah lama kita janji. Sudah lebih 10 tahun kita janji. Kita semua sudah rasmi demi rasmi, kita tidak selesai lagi. Saya difahamkan jalan ini belum lagi masuk. Saya memohon jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh sila tolong tahun 2014, bagi masuk.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sahabat Yang Berhormat Bintulu ini memang orang yang hebat bagi rakyat Sarawak termasuk Menterinya, asal dari Sarawak juga. Nombor satu Yang Berhormat Bintulu saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Bintulu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, soal jasa baik tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah pun melaksanakan beberapa peruntukan ataupun menyediakan beberapa peruntukan bagi melaksanakan penyelenggaraan dan menaiktarafkan jalan-jalan di Sarawak dan di Sabah.

Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Bintulu, kalau diselitkan juga janji-janji dalam manifesto Barisan Nasional ini supaya tidak lagi dipermainkan oleh Yang Berhormat Shah Alam, tidak lagi dipermainkan oleh Yang Berhormat Gombak bahawa kita ini betul-betul melaksanakan janji-janji kita semasa Pilihan Raya ke-13 termasuklah saranan jalan raya dari Kota Kinabalu ke Kudat disentuh oleh Yang Berhormat Kudat yang menyuruh saya bawa dan jangan lupa juga kawasan-kawasan Semporna juga ada juga perlu dilaksanakan. Menteri kita yang bijaksana yang duduk di sana dan mendengar bahawa jalan-jalan yang tidak baik itu dinaiktarafkan dan dilebarkan dan rakyat Putatan mengucapkan terima kasih kepada *Pan Borneo* kerana diperuntukkan setengah bilion sedang diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu, selepas ini gulung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana boleh. Saya bagi peluang, saya baru lima minit sahaja. Ada lima minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Telah diambil kira.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Celahan pun diambil kira.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Memang saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan peringatan kepada kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri ingat dan jangan lupa. Yang Berhormat Pokok Sena pergi mana? Dia pergi bertanding Naib Presiden, kalah. Kasihan sama dia.

Yang Berhormat Menteri, mengenai satu lagi menaiktarafkan Jalan Tanjung Kidurung ini. Kita minta RM65 juta. Akan tetapi jalan ini memang *traffic very congested*, dengan izin. Harap kita boleh secepat mungkin bagi bantuan atas peruntukan. Kita boleh laksanakan sebab kita boleh laksanakan, sebab di kawasan ini banyak perindustrian dan perumahan pun begitu banyak. Memang sudah lama minta, kali ini minta lagi RMKe-10 *rolling plan*. Akan tetapi banyak kali *rolling* tidak nampak apa.

Satu lagi, menaiktarafkan jalan ke Samarahan dan jalan baru sepanjang lima kilometer RM195 juta. Ini pun sudah lama minta termasuklah menaiktarafkan ataupun penyelenggaraan Jalan Federal FT803 Bintulu-Bakun, ini paling mustahak. Banyak kejadian berlaku di atas jalan raya ini. Ini semua sepanjang 24.5 kilometer, cuma hanya RM37 juta. Yang Berhormat Menteri, saya harap tolonglah cari atau mendapatkan peruntukan Jalan Bintulu-Bakun untuk membantu pengguna-pengguna jalan di Bintulu ini.

Tuan Pengerusi, saya mahu memohon jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri, kalau bolehlah saya rasa mahu ingatkan ambil pertimbangan bagi kontraktor tempatan. Kontraktor kita selalu kita bagi kontrak daripada Kuching atau terutama sekali daripada Kuala Lumpur ataupun datang dari Semenanjung. Akhir sekali dia orang sub kepada orang tempatan. Orang tempatan apabila pergi tender memang tidak dapat. Inilah rakyat tidak berpuas hati. Tidak ikhlas. Dia kata bila pilihan raya kita hendak minta undi, tetapi ada peluang tidak pernah diberi kita...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ada lagi?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pelantikan kontraktor Tuan Pengerusi. Saya dengar Naim Holding juga berminat kepada *Pan-Borneo*. Betulkah atau tidak Yang Berhormat Bintulu? Naim Holding dari Semenanjung yang akan melaksanakan *Pan-Borneo*, betul atau tidak?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ini bahas masuk dalam saya punya ucapan, minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Jadi Tuan Pengerusi, akhir sekali Menteri ucapkan ribuan terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian dalam perbahasan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri tolong kalau boleh jawab, kita mahu dilaksanakan. Jangan jawab, kongkalikung. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

**3.47 ptg.**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak mengambil kesempatan mengatakan bahawasanya saya ada meneliti peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini. Nampaknya pada tahun 2000 sehingga 2012, peningkatan yang cukup menggalakkan iaitu peningkatan sebanyak 40%. Akan tetapi dalam



tempoh masa tiga tahun ini iaitu 2012 sampai 2014, nampaknya sudah sampai ke tahap *stable*, dengan izin, seolah-olah ianya tahap Plato atau pun ibaratnya sudah sampai ke *maturity*. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan sama ada memang tidak ada projek baru ataupun memang itulah maksimum atau *optimum point* yang telah tercapai.

Kedua Tuan Pengerusi, saya melihat bahawasanya dalam tajuk Butiran 10000, emolumen kementerian adalah sebanyak RM468 juta pada tahun ini dan akan meningkat dengan 16% kepada RM542 juta pada tahun hadapan. Saya melihat bahawa KKR ini memiliki kepakaran teknikal yang hebat, yang tinggi dan berpengalaman lebih daripada 50 tahun. Saya percaya bahawasanya di bawah Butiran 040000 iaitu dari Butiran 040100 hingga Butiran 040700 kepakaran dari segi arkitek dan pelbagai bentuk kejuruteraan adalah hebat. Akan tetapi hanya saya berasa duka cita, mengapakah dengan kepakaran yang hebat ini kita masih menggunakan *foreign consultants*, dengan izin, yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM7.2 bilion atau RM7.5 bilion dalam tempoh masa beberapa tahun ini.

Saya percaya Tuan Pengerusi, bahawasanya sebahagian daripada kepakaran itu tidak dimiliki oleh kementerian ini. Akan tetapi saya minta kalau boleh kerajaan memberi pertimbangan agar di mana ada kepakaran di dalam kementerian ini, kita tidak harus menggunakan khidmat konsultan kerana ini boleh menyelamatkan banyak wang rakyat dan juga menyelamatkan wang kita daripada mengalir ke luar negara.

#### ■1550

Tuan Pengerusi ada beberapa perkara yang saya hendak secara sepintas lalu minta Yang Berhormat Menteri tolong perelaskan atau memberi penjelasan di atas tajuk 050100 iaitu Cawangan Kejuruteraan Senggara yang diperuntukkan sebanyak RM85 *million* dan juga program khusus iaitu di bawah Butiran 060200 iaitu bayaran balik pinjaman LMM sebanyak RM5 juta. Saya hendak tahu apakah pinjaman ini, pinjaman apa? Minta Yang Berhormat Menteri nanti memberi penjelasan. Begitu juga kepada tajuk kepada Kepala 070300 iaitu bayaran penyelenggaraan dan operasi lebuhraya lingkaran, Penyuraian Timur (EDL) sebanyak RM8 juta.

Tuan Pengerusi, bawah tajuk 080100 iaitu bayaran pampasan tol, saya merasa hairan, apa lagi bayaran pampasan yang perlu dilakukan oleh kerajaan kerana sebagai contoh saya melihat umpamanya tol di Damansara. Dahulunya tol itu digunakan oleh kenderaan yang terhad. Tidak banyak kenderaan yang lalu dan kerajaan telah mengenakan tol sebanyak 60 sen tetapi apabila kenderaan sudah banyak ibaratnya, *this is not the exact figure* Tuan Pengerusi, saya memberi contoh saja. Dulu 100 ribu buah sebulan kita *charge* 60 sen. Kemudian bila masa berlalu sekarang sudah ada satu juta buah sebulan contohnya. Pendapatan sudah meningkat tetapi kerajaan masih meningkatkan, menaikkan kos tol itu sebanyak RM1.60. *So you* sudah *multiply* beberapa kali dan mendatangkan hasil yang cukup hebat tapi di sini di bawah Butiran 080100 ada lagi bayaran pampasan tol. Itu yang saya tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Indera Mahkota mengatakan bahawa kenapa harus dibayar ganti rugi pampasan kepada syarikat pemegang konsesi. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Indera Mahkota, adakah Yang Berhormat Indera Mahkota sedar bahawa contohnya dari segi perjanjian konsesi antara pihak kerajaan dengan PLUS. Perjanjian yang hanya berakhir pada 2038 di mana dalam perjanjian itu setiap tiga tahun kerajaan dikehendaki membenarkan kenaikan tol 10%. Jadi saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Indera Mahkota sedar bahawa jadi kerajaan melambat-lambatkan pembayaran kenaikan tol, kerajaan kena bayar ganti rugi. Kalau sekiranya kerajaan tidak bayar, tidak naikkan pun kena bayar ganti rugi. Kalau kerajaan hendak ambil semula, *buy back*, untuk 2038 ada baki perjanjian itu kerajaan kena bayar bukan sahaja ganti rugi saya difahamkan tapi juga kena bayar keuntungan yang belum dapat lagi itu.

Jadi saya tidak tahulah siapa yang draf perjanjian ini. Kalau inilah perjanjian dia, mana-mana orang pun akan suka ikut perjanjian, syarikat pemegang konsesi, sentiasa dalam keadaan untung. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sepang, *insya-Allah* jawab selepas ini sebab *don't disturb my flow of thoughts*. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya akan jawab *insya-Allah* sebab saya ada tajuk bawah penswastaan.

Di bawah Butiran 060600 - Penyelenggaraan Bangunan Guna Sama Kerajaan Persekutuan dan Kuarters. Saya melihat bahawasanya banyak daripada bangunan-bangunan kerajaan yang lama, yang tidak diselenggarakan dengan baik. Saya mencadangkan agar sebahagian daripada bangunan itu, ada di Kuantan ada, sahabat saya di Lipis pun ada, tidak langsung digunakan. Kiranya ianya di bawah kementerian Yang Berhormat. Bolehkah dipertimbangkan, bagi kepada NGO.

Sebagai contoh Tuan Pengerusi, di persekitaran Hospital Kuantan, banyak bangunan-bangunan kerajaan tidak diselenggarakan tapi tidak digunakan tapi kalau sekiranya ianya dimiliki oleh kementerian ini, boleh diberikan kepada NGO atau digunakan untuk kebaikan umum bagi orang-orang yang miskin, tinggal di situ, menunggu keluarga mereka yang sakit, yang datang daripada jauh.

Di bawah Butiran 060800, penyelenggaraan jalan persekutuan Semenanjung. Sebanyak RM640 juta diperuntukkan. Saya ingin nyatakan bahawasanya penyelenggaraan saya minta kementerian melihat pada jalan-jalan saya sebut di sini. Yang pertama iaitu Jalan Kuantan ke Segamat. Jalan ini adalah jalan yang sangat popular, digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan sekarang terlalu sempit dan tidak diselenggarakan pada hemat saya dengan baik. Yang kedua ialah jalan persisiran pantai daripada Pekan ke Mersing. Tadi Yang Berhormat Kota Tinggi bangun tapi kalau saya pernah pergi Mersing ke Kota Tinggi saya tidak tahu tetapi saya tahu bahawasanya dari Pekan ke Mersing, jalan persisiran pantai itu adalah kurang memuaskan dan juga saya telah

sebut tadi dan saya tidak hendak ulang iaitu kawasan gugusan Jengka. Kawasan Yang Berhormat sendiri ada *point* yang saya akan sebut di bawah nanti.

Tuan Pengerusi, dua...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit, sikit ya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit saja sebab saya banyak perkara Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih ya, terima kasih. Saya juga ambil kesempatan untuk memasukkan beberapa jalan di bawah penyelenggaraan di mana dari *airport* Pulau Pinang ke Bayan Baru, jalan besar yang mendapat pengguna yang paling banyak, yang *first point*, pelancong-pelancong datang ke Pulau Pinang. Jalan terlalu teruk. Tidak ada *reserved facing* dan sebagainya begitu juga dari *airport* ke Bukit Hayun di Bayan Baru. Minta tolong masukkan dalam....

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya setuju dimasukkan dalam ucapan saya.

Begitu juga Tuan Pengerusi seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di Kuantan umpamanya di Pahang. Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada kerajaan memberi peruntukan memperbaiki Lembaga Pelabuhan Kuantan dan juga kawasan *airport*, lapangan terbang tetapi cuba Yang Berhormat Menteri ke *airport* daripada Kuantan. Seolah-olah Yang Berhormat Menteri akan merasakan Yang Berhormat masuk dalam estet. Sama ada *airport* ataupun Pelabuhan Kuantan. Saya mohon agar kementerian ini juga melihat pada penyelenggaraan kawasan persekitaran pelabuhan. Kawasan pelabuhan kita menggunakan *heavy duty lorries* tapi *the base*, dengan izin Tuan Pengerusi, jalan itu adalah terlalu nipis hinggakan selalu atau kerap diperbaiki. Jadi saya pohon agar kawasan Pelabuhan Kuantan persekitarannya dan juga *airport* di selenggara dengan lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya lihat bahawasanya di dalam tajuk 061200 - Bayaran pampasan tol. Pada 2013, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM582 juta dan pada tahun 2014 saya tengok NIL, kosong. Saya ucap tahniah dan saya harap bahawasanya tajuk 061200 ini akan jadi *amature, of the past*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk 21000 - Membina Persimpangan Bertingkat (Projek Baru). Yang ini saya hendak mengucapkan juga terima kasih bahawasanya nampaknya akhir-akhir ini belah Pantai Timur pun sudah di mula dengan memperkenalkan sistem persimpangan bertingkat. Saya mohon agar kementerian juga melihat fasal Kuantan, Temerloh, Bentong adalah bandar-bandar yang kadang-kadang pada hemat saya memerlukan kemudahan persimpangan bertingkat. Walau

bagaimanapun, saya ucap terima kasih ada dua-tiga yang telah dibina di dalam kawasan Kuantan dan saya mengharapkan agar dipertingkatkan lagi kemudahan seperti itu.

Tuan Pengerusi bawah tajuk 60000 dan 61000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, dan Naik Taraf Jalan-Jalan (Projek Baru). Saya ingin menyatakan di sini bahawasanya jalan menghubungkan Kuantan ke LPT. Saya sebut dalam Perbahasan Peringkat Dasar tapi secara umum tarikh milik tapak adalah pada bulan Mei tahun 2008. Tarikh siap, ianya melibatkan tidak silap saya hanya lebih kurang 4 kilometer sahaja tapi tarikh siap asal adalah pada bulan November tahun 2011 tapi yang mendapat EOT, disambung pada bulan Ogos tahun ini, tahun 2013 tetapi sehingga hari ini dalam Peringkat Dasar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawasanya akan siap pada penghujung tahun ini. Akan tetapi saya telah melawat kawasan tersebut, saya berasa dukacita bahawa saya merasakan bahawa tidak akan siap pada tahun ini dan saya percaya bahawasanya mungkin ada masalah dengan kontraktor. Saya harap kementerian akan turun melihat apakah masalahnya. Sama ada bantu atau sebagainya.

■1600

Tuan Pengerusi, saya ingat pada tahun penghujung tahun 90-an, masa itu saya dapat peruntukan daripada kementerian sebanyak RM25 juta untuk membina jalan daripada- saya minta pegawai catat ya? Jalan RM25 juta- Jalan Tanah Putih melalui Cenderawasih ke Indera Mahkota di Kuantan dan juga pembesaran atau penambahbaikan Jalan Bukit Setongkol tetapi ketika itu kita menghadapi masalah kewangan dan kerajaan telah memotong kepada RM25 juta tidak silap saya, lebih kurang RM13 juta...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota gulung ya?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Banyak lagi Tuan Pengerusi sikit lagi. Okey kalau begitu saya sebut beginilah.

Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong tengok yang ditarik balik itu diberikan balik. Saya hendak laju-laju ya Tuan Pengerusi, saya hendak sebut sahajalah jalan-jalan seperti *coastal road* tadi saya ada sebut, Bentong-Raub tadi. Minta maaf, Lipis pun sudah sebut. Ada di kawasan Jengka, ada satu batang jalan daripada Maran ke Batu 55 adalah dibina dengan baik lima tahun yang lalu tetapi selepas itu tidak disambung ke simpang daripada Batu 55 ke simpang Jengka 8. Minta kalau boleh juga membantu Tuan Pengerusi, saya ingat Tuan Pengerusi punya kawasanlah. Banyak sangat ini tetapi saya ringkaskan sahaja.

Saya gulung sekejap lagilah. Saya hendak, sebelum saya gulung saya hendak sebut satu lagi iaitu dalam penggunaan kuari-kuari iaitu tajuk 16000, 16001. Banyak kuari JKR menggunakan *blasting* dengan menggunakan bahan letupan yang kadang-kadang melayanglah batu-batuan yang akan membahayakan rakyat setempat. Baru ini saya baru dapat satu aduan tetapi ini bukan perbuatan JKR, daripada pihak swasta di Indera Mahkota 8 merosakkan rumah-rumah dan sebagainya. Saya hendak mencadangkan kepada kementerian agar menggunakan sistem kaedah

yang baru dari segi letupan iaitu apa yang dipanggil sebagai *chemical blasting* yang akan menyelamatkan penduduk setempat.

Akhirnya, saya hendak menutup dan menggulung dengan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, saya hendak minta kementerian ini, tadi siapa yang bangkitkan tadi Yang Berhormat Sepang. Berkenaan dengan- Yang Berhormat Sepang kah? Siapa..., saya tidak ingat Tuan Pengerusi. Minta pasal masalah penswastaan. Saya pohon masalah penswastaan ini, JKR *you have*, dengan izin Tuan Pengerusi, *you have all the expertise*. Jadi tidak mahu lagilah jadi macam dulu di mana buat jalan rugi, kemudian seperti mana yang dinyatakan tadi, kereta banyak tetapi tiga tahun sekali naik tol, tiga kereta lagi lebih banyak naik tol bermakna *you are compounding the benefit*, dengan izin Tuan Pengerusi kepada pihak swasta, dan ini mengorbankan kesejahteraan rakyat ramai. Saya pohon agar JKR/KKR ini *to put your feet down*, dengan izin, satu.

Kedua, tengok dulu SPANCO semasa JKR melaksanakan *Program Maintenance of Government Cars*. Saya tahu *firm personal knowledge* bila *privatize* kepada SPANCO harganya lebih melambung, lebih tinggi. Jadi dengan izin, *defeats the purpose of reducing cost and efficient treatment*. Jadi saya minta kalau boleh kementerian ini jaga dari segi ini.

Nombor dua, *negotiated tender*. Kementerian *must put your feet down* dan jangan terlalu cepat untuk membuat *privatization* kononnya atas alasan untuk menjimatkan kewangan kerajaan, akhirnya membebankan kerajaan. Bila bebankan kerajaan, kerajaan tidak ada duit. Tambah lagi GST dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak walau apa pun, saya hendak ucap tahniah kepada khususnya kepada Jabatan Kerja Raya. Saya tidak dengar lagi sudah. Dulu kita dengar kalau JKR Tuan Pengerusi, 'jangan kerja rajin'. Sekarang ini kalau kita dengar JKR ada tempat-tempatnya, 'jom kerja rajin'. Di atas perubahan itu saya ucapkan tahniah, dan ucapan terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Limbang.

#### 4.04 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara iaitu menjurus kepada Butiran 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan. Jadi pada masa ini kita sedia maklum di Sarawak pun ianya penyelenggaraan dibuat di jalan persekutuan oleh konsesi. Namun saya kalau di kawasan bahagian Limbanglah dan terus ke Lawas. Jadi, pada masa ini apa yang saya perhatikan di jalan-jalan raya pada masa ini saya ingin mengatakan boleh juga *thumbs up* untuk *maintenance* yang dia boleh, konsesi ini.

Akan tetapi apa yang saya perhatikan ialah tentang lori yang lebih muatan ini. *Because* saya melihat perkara ini, jalan adalah di bawah selenggaraan JKR kementerian, daripada persekutuan. Jadi saya ingin menyarankan Menteri sekiranya mungkin JKR *as a lead agency* berunding dengan *the other* agensi penguat kuasa yang lain *because* saya melihat perkara ini,

*even though they do a very good maintenance*, dengan izin, tetapi disebabkan bebanan yang berlebihan ini dan boleh menyebabkan juga umur jalan tidak tahan. Jadi ini juga boleh menyebabkan kerugian sebab oleh pengusaha-pengusaha kuari dan sebagainya dan mana-manalah pengangkutan yang lebih muatan.

Mungkin saya sarankan untuk di Limbang dan juga mungkin seluruh Sarawak juga saya tahu perkara ini bukan hanya menyeluruh. Tentang penyelenggaraan ini juga ada beberapa perkara *so far so good* di Limbang tetapi ada sikit tentang pelebaran jalan ini. *I don't know whether* macam mana mereka mengikut spesifikasi yang dibuat, spesifikasi untuk menyelenggarakan, menampal dan sebagainya. Saya berharap agar ianya dapat dipertingkatkan dari segi kualitinya supaya ia tidak cepat rosak. Apatah lagi bila ditambah dengan bebanan lori-lori yang membawa bebanan yang berlebihan ini.

Perkara kedua ialah Butiran 060900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Cerun di Jalan Persekutuan. Jadi saya ingin melihat daripada pemerhatian saya di bahagian Parlimen Limbang. Banyak dinding *retaining wall*, dengan izin, dilaksanakan. Saya difahamkan ianya daripada *Federal fund* juga. Akan tetapi yang menghairankan saya seolah-olah satu *design fits for all*. Sebab dari apa yang saya perhatikan seperti di kawasan bandar baru di Limbang itu saya perhatikan keadaan bukitnya, jenis tanah dia, *retaining wall* yang dibina di situ nampaknya macam tidak berfungsi dan masih juga menyebabkan jalan tersumbat, parit tersumbat, *erosion* dan sebagainya.

Jadi perkara ini saya mintalah kepada- mungkin perkara ini mungkin pemanggilan tender dan *design* ini juga dibuat oleh JKR negeri. Akan tetapi saya rasa sebab ini peruntukan daripada persekutuan dan kita tahu di JKR Malaysia kita ada pakar bahagian cerun ini, mungkin juga *go down*, mungkin melihat, memberi *advise* kepada mereka. Sebab dari pengalaman saya tidak semestinya *retaining only* satu *design fits for all* dia mengikut kawasan, keadaan setempat. Jadi perkara ini saya takut ia akan menjadi satu pembaziran. Akhirnya kerajaan juga disalahkan, jadi itu satu.

Satu lagi ialah butiran tentang penaikan taraf jalan dan 09260 – Menaik Taraf Jalan. Jadi kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab di Limbang pada masa ini dan juga Daerah Lawas ini Yang Berhormat Lawas sebelah saya, kita telah pun diperuntukkan RM140 juta, 70 untuk Limbang dan 70 untuk Lawas. Jadi saya ada beberapa perkara, yang dari pemerhatian saya. Kita ingin hendak melihat sebab ini seperti apa tadi pagi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada sebut yang sebenarnya kerajaan prihatin memang ada peruntukan untuk menaik taraf menyambung hingga ke sempadan Sabah untuk Limbang, Lawas dan seterusnya kepada Sabah.

Apa yang saya perhatikan, daripada peruntukan yang begitu besar, kita mengharapkan hasil penaikan taraf- *they spend this money*, kita hendak, ingin melihat impak dia. Sebab ada juga yang saya menerima aduan bahawa kerja-kerja ini mungkin dipecahkan tetapi kita tidak tahulah mengapa mereka buat begini? Jadi saya minta jugalah kementerian untuk melihat perkara ini mencari satu kaedah yang terbaik supaya RM70 juta untuk menaik taraf jalan persekutuan di

Limbang yang hanya sepanjang 52 kilometer dari sempadan Kuala Lurah menuju ke pekan, 42 daripada Pekan Limbang menuju ke Temburung, jambatan baru Pandaruan hanya 14 kilometer.

■1610

Kita ingin melihat supaya RM30 juta ini digunakan sebaiknya. Apabila ianya sudah dinaikkan taraf, nampak impaknya dan rakyat pun itulah yang dinanti-nantikan di Limbang sebab saya tahu jumlah ini tidak akan datang ke Limbang lagi kerana Sarawak itu besar. Ini yang kita ingin hendak lihat. Jadi ada satu lagi juga ialah tentang kerja-kerja...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Minta maaf, saya masih banyak lagi cerita fasal Limbang. Tidak mengapa ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan. Macam mana Yang Berhormat boleh tahu yang RM140 juta diperuntukkan kepada Limbang dan Lawas.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Sorry, sorry.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini soalan saya sahaja tetapi saya tidak tahu berapa yang diperuntukkan kepada Seputeh.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tidak apa, tidak apa. Saya tidak *answer you* punya soalan. *I don't give you my floor.*

Jadi, saya hendak kalau bolehlah ya, kerja-kerja penaikan taraf ini seperti pelebaran dan sebagainya, pembinaan struktur jalan, dan menaik taraf ini sebab sekarang ini dengan terbinanya jambatan Pandaruan ini, sekarang kenderaan yang dari Sarawak menuju ke Sabah makin banyak. Dengan terbinanya jambatan, perjalanan makin lancar ke Sabah ya- *twin for the vice versa* lah. Jadi ini semuanya akan memberi kesan kepada jalan kita. Jadi saya mintalah kerja-kerja ini daripada kementerian khususnya melihat, mungkin bekerjasama dengan JKR Negeri untuk memastikan apa juga cara atau kaedah untuk menaik taraf ini mengikut, *the most professional way*lah, dengan peruntukan yang ada, supaya ianya nampak memberi impak. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong hendak berucap ya? Ya, sila Yang Berhormat Kepong.

4.11 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi. Butiran 060000 dan 070000 secara ringkasnya Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya, mengenai keselamatan jalan dengan peruntukan RM15.7 juta Ini, memang saya ada tengok dari media massa dan sebagainya. Tengok ada kempen terutamanya semasa Aidilfitri dan sebagainya. Balik kampung ada kempen-kempen ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, bagaimana kesannya daripada kempen-kempen ini?

Kempen ini saya nampak ada melalui media keselamatan jalan raya, *community based program*, advokasi keselamatan jalan raya, dan kempen musim perayaan. Kita nampak itu, kempen musimlah itu. Setakat ini walaupun dari masa ke semasa, kita ada nampak angka yang menunjukkan sedikit ada kekurangan dan sebagainya.

Bagi sayalah Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting, kita setiap tahun ada 7,000 dan 6,000 penunggang motosikal yang maut. Cedera pula tidak tahulah bilangannya berapa ribu orang. Dengan ini Yang Berhormat Menteri, ada rancangan ataupun program untuk mengurangkan nahas seperti yang berlaku di Genting Highlands. Ini kali yang kedualah yang berlaku. Ini di bahagian Pahang, saya ingat itu. Ini untuk pihak Tuan Pengerusi jugalah di bahagian Pahang.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan, bagaimana kita dapat mengurangkan, dan bagaimana kita dapat meninjau, mengawasi dengan lebih berkesan? Ini kerana kita nampaknya pemandu bas yang berlaku nahas yang baru-baru ini sudah menerima banyak saman.

Oleh kerana itulah, bermakna kita mesti mempertingkatkan kawalan terhadap pemandu-pemandu terutamanya pemandu bas. Kalau kita pergi ke jalan raya Utara-Selatan dan sebagainya, kita nampak kenderaan seperti bas-bas itu tidak ikut- walaupun di situ tulis "110 kilometer sejam" dan di belakang itu berapa? Bukankah "70/80 kilometer sejam"? Akan tetapi satu kali ganda dia punya kelajuan. Macam inilah masalah kita...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Masalahnya berbalik kepada butiran.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Hah? Ya, ada butiran yang...

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Butiran 060000. Ini mengenai Pengangkutan Darat. Maksud kita, hendak menentukan sistem pengangkutan jalan yang selamat, cekap dan teratur.

Jalan Kepong kita itu Jalan Persekutuan. Jalan Persekutuan itu bukan sahaja di Kepong dan di seluruh negara itu. Itu termasuk seluruh Kuala Lumpur. Bila ada Jalan Persekutuan itu, mungkin kerana musim tengkujuh atau hujan itu, ia memang banyak lubang. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kita macam mana kita boleh mengurangkan lubang-lubang, kerosakan dan sebagainya di Jalan Persekutuan itu termasuk di Jalan Kepong, MRRII dan sebagainya.

Dengan itu Tuan Pengerusi, kita berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian supaya kita dapat jalan yang lebih selamat, cekap dan teratur. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ramai lagi ya? Saya minta lima minit sahaja sebab kita hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab pukul 5 petang. Ramai ini. Yang Berhormat Jasin.

**4.17 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Lima minit Yang Berhormat Jasin ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Jadi satu, perkara tentang Butiran 050000, Butiran 050800 dan juga Butiran 60000.

Pertamanya, tentang cadangan membina dan menaik taraf jalan empat lorong persimpangan daripada Seri Negeri ke Jasin dan terus ke Tangkak. Sebenarnya projek ini telah diluluskan dalam pakej rangsangan pada tahun 2010. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah meluluskan projek ini. Akan tetapi ia dapat dilaksanakan hanya untuk pakej pertama dan pakej keempat sahaja. Jalan ini cukup perlu Tuan Pengerusi dan cukup penting bagi meningkatkan lagi pembangunan dalam Bandar Jasin. Ia hanya dilaksanakan untuk dua pakej sahaja sedangkan pakej dua dan pakej tiga tidak dapat dilaksanakan. Kita telah dijanjikan untuk *Rolling Plan* Kedua tetapi sekonyong-konyong telah hilang dan katanya dalam *Rolling Plan* Keempat pun sudah tidak ada lagi. Saya berharap semoga Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kerajaan supaya dapat menyegerakan pembinaan empat lorong ini iaitu pakej dua dan pakej empat dengan segera.

Keduanya, saya pergi kepada polisi JKR supaya dapat diseragamkan di seluruh negara. Perkara ini amat penting. Pertamanya, kita dapat lihat di Melaka. Setiap jalan telah diperuntukkan oleh JKR, longkang sebanyak 3 kaki. Ini memang harganya mahal dan cukup menyulitkan sekali. Bahkan di negeri-negeri lain kita dapat lihat, Jalan-jalan Persekutuan dan jalan JKR tidak diperlukan untuk mengadakan lorong longkang sebanyak tiga kaki.

Keduanya, di negeri Melaka, kita dapat lihat JKR telah mensyaratkan supaya jalan-jalan perumahan diserahkan kepada JKR termasuk juga longkang. Perkara ini tidak berlaku di negeri-negeri lain bahkan negeri Melaka pada ketika ini adalah sebuah negeri pelancongan yang pesat membangun. Kita berharap semoga pihak JKR dapat menyeragamkan dan menyerahkan apa juga penyelenggaraan dan pembinaan untuk semua kawasan perumahan kepada pihak PPD.

Ketiganya, untuk masalah jabatan. Terdapat banyak daripada projek pembinaan yang diuruskan oleh pihak-pihak kementerian kebanyakannya diserahkan kepada JKR. Akan tetapi kita dapat lihat, banyak daripada projek-projek dilaksanakan oleh kementerian sendiri.

#### ■1620

Contohnya macam sekolah. Apa akibatnya JKR tidak akan menyelenggarakan ataupun membuat *maintenance* kerana setelah projek ini diserahkan untuk kegunaan, JKR lepas tangan. Jadi, kita mahu kalau boleh pihak JKR dan juga kementerian yang menyelenggarakan ataupun pembinaan apa-apa juga projek supaya ada satu keseragaman di antara negeri dan juga negeri dan di antara jabatan dan juga kementerian.

Terakhirnya, di bandar raya-bandar raya ketika ini cukup sesak sekali. Di negeri Melaka, sebagai pusat pelancongan, kita dapat lihat apabila pelancong-pelancong masuk ke tol di Ayer Keroh untuk sampai ke pekan mengambil masa sampai dua jam atau tiga jam. Jadi, kita mencadangkan supaya pihak kerajaan membuat satu perancangan yang rapi bagi memastikan

kesesakan ini dikurangkan. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat membuat satu perancangan yang cukup konkrit terutamanya saya ingin mencadangkan supaya diadakan satu *strategic plan* untuk *traffic disposal system* supaya kita dapat meleraikan apa juga kesesakan dan memastikan supaya tidak mendatangkan masalah kepada penduduk-penduduk.

Terakhir sekali Tuan Pengerusi, saya ringkaskan sahaja tentang *trap lane* iaitu lorong-lorong yang memerangkap. Misalannya kalau kita pergi ke bandar-bandar kita dapat lihat dua lorong tiba-tiba kita dapat satu lorong sahaja. Jadi, apabila kita mahu membelok ke kanan ataupun ke kiri terpaksa kenderaan-kenderaan terus terperangkap. Fenomena ini sebenarnya berlaku di seluruh negara. Kita berharap supaya perancangan yang rapi bagi JKR dan juga kerajaan supaya dapat membuat apa juga perancangan dan dalam masa yang sama, memastikan supaya pengguna-pengguna jalan raya dapat satu kesejahteraan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Lima minit Yang Berhormat Kuala Terengganu. Silakan. Lima minit ya.

#### 4.22 ptg.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Tuan Pengerusi, *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Kementerian Kerja Raya B.27 Butiran 400000 – Sektor Kepakaran *Profesional Services*. Dengan wujudnya perkhidmatan perunding oleh JKR kepada agensi-agensi kerajaan, adalah diharapkan profesional dan juga pihak-pihak profesional daripada JKR seperti jurutera ukur bahan, perancang bandar dan sebagainya akan memainkan peranan yang peting untuk membangunkan negara.

Di bawah B.27 dinyatakan objektif Kementerian Kerja Raya mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global. Memang baik dan mulia objektif tersebut tetapi malangnya apa yang berlaku bertentangan dengan kadar yuran profesional yang diluluskan di Parlimen oleh kerajaan sendiri dikenakan diskaun yang begitu tinggi sehingga pihak-pihak profesional tidak dapat menjalankan kerja mereka dengan baik.

Inilah di antara masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi. Ini bertentangan dengan apa yang diamalkan di negara-negara membangun lain. Di dalam masa yang sama juga, anehnya kerajaan menurunkan yuran profesional tetapi semakin banyak semakin hari kontrak diberi kepada kontraktor dengan cara rundingan terus dengan harga yang tinggi. Ini adalah bertentangan dengan pengesyoran Ketua Audit Negara.

Sekarang ini profesional diminta pula masuk tawaran tender untuk projek kerajaan bagi mendapat tawaran yang lebih rendah. Bayangkan kalau kita hendak mengadakan satu pembedahan, *operation* adakah kita hendak panggil tender untuk doktor hendak *operate* perut kita? Itulah sebagai gambaran *profesionalisme* yang diperlukan untuk menjalankan projek-projek hari ini.

Jadi, kontraktor diberi secara runding terus sedangkan perunding diberi satu diskaun yang begitu tinggi sehinggakan menyukarkan cara mereka menjalankan kerja mereka.

Inilah yang telah menimbulkan begitu banyak- boleh dikatakan tidak puas hati profesional yang telah menyebabkan ramai yang telah keluar daripada negara. Bayangkan untuk projek RM100 juta untuk kontraktor, perunding hanya mendapat antara 1% atau 2% daripada RM100 juta tetapi memulakan kerja dua tahun atau tiga tahun sebelum kontraktor buat kerja dan tamat dua tahun atau tiga tahun selepasnya. Jadi, untuk projek dua tahun untuk kontraktor, perunding menjalankan kerja untuk enam tahun atau tujuh tahun. Kosnya amatlah tinggi.

Laporan Bank Dunia, *World Bank* pada bulan November 2013 menyatakan *brain drain* penghijrahan keluar cerdik pandai dari Malaysia terutamanya profesional di tahap *severe brain drain*, dengan izin, tahap teruk modal insan yang hilang. Ia bukan hanya sebab kurang peluang pekerjaan tetapi juga kurang kepuasan profesional kerana status tidak diberi pengiktirafan yang sepatutnya. Inilah sekali lagi apa yang telah dibentangkan oleh sahabat-sahabat daripada Barisan Nasional tadi, daripada Yang Berhormat Lipis dan sebagainya.

Malaysia telah menjadi negara dengan begitu ramai pekerja buruh kasar asing dan akan pula menjadi negara yang berkurangan profesional tempatan yang akan digantikan oleh konsultan asing luar. Seperti dicerminkan dalam bayaran RM7.1 bilion yuran perunding asing. Untuk apa? Bukan kita tidak ada kepakaran. Kenapa kita ambil orang luar tanpa menyelidiki kepakaran yang sedia ada? Ini belum lagi TPPA, kalau ada proses TPPA pula bagaimana lagi dahsyat keadaan untuk perunding tempatan mencari makan.

Laporan terkini badan antarabangsa *Randstad World Report 2013-2014* menyatakan, "*Dua per tiga atau 65% pekerja Malaysia terutamanya profesional merancang untuk meninggalkan pekerjaan mereka dalam 12 bulan akan datang dan 70% majikan Malaysia akan mencari pekerjaan mereka dari luar negara kerana susah mendapat peluang tempatan*". Jadi, apakah gunanya kita ada TalentCorp? Ini kerana kita masih boleh menahan cerdik pandai kita, profesional yang masih ada di dalam negara kalau kita memberi pengiktirafan yang sepatutnya kepada mereka. Masalahnya, TalentCorp hanya mencari mereka yang sudah keluar dan amat susah untuk memujuk mereka pulang dengan keadaan yang masih belum berubah.

Satu lagi saya hendak sebut di sini, Yang Berhormat Gua Musang sendiri dalam ucapannya di Perak, satu upacara di Ipoh, Perak pada 23 November 2013 telah menyatakan, satu *million* profesional berada di luar negara kerana gaji yang didapati di Malaysia sangatlah mendukacitakan kalau dibandingkan dengan pihak antarabangsa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Dan pihak Randstad Malaysia juga, Jasmin Kaur telah menyatakan, "*Malaysia menghadapi talent crisis yang amat teruk dan di tahap kritikal*". Jadi Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, minta gulung.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** ...Kita bukan hanya menghadapi *professional plight* tetapi kita dalam masa yang sama menghadapi *capital plight*. Jadi, ini merupakan dua aset yang diperlukan untuk membangunkan negara. Kalau tiada *capital*, tiada profesional bagaimanakah kita akan berharap untuk mencapai status tahun 2020 dengan bermakna. Mungkin *on the surface*, dengan izin kita dapat mencapainya tetapi dalam erti kata yang sebenarnya, adakah kita hanya akan bergantung akan kepada profesional luar negara dan kita tidak menghargai mereka yang ada di dalam negara sendiri. Itulah di antara yang kita perlu fikirkan.

Segala teguran daripada *Auditor General, Accountant General* auditnya perlulah diberikan perhatian yang khusus daripada segi pemberian tender secara terbuka dan bukan lagi rundingan terus kerana *Auditor General* telah menyatakan bahawasanya ia tidak menguntungkan negara langsung bahkan merugikan negara dengan begitu banyak dan ketirisan akan terus berlaku jika teguran-teguran ini dan pembaikan keadaan pekerjaan profesional yang boleh membantu JKR untuk membina negara. Saya memang akui JKR ada satu peranan yang amat penting tetapi JKR perlu bekerjasama dengan profesional untuk mencapai matlamat membangunkan negara kita bersama. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bangun sudah Yang Berhormat Paya Besar? Tadi *register* Yang Berhormat Paya Besar.

#### 4.29 ptg.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran pertama 030600 – Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi Saya tidak tahu sama ada relevan atau tidak bagi saya untuk membangkitkan perkara ini di bawah Kementerian Kerja Raya kerana apabila saya merujuk perkara ini kepada pihak-pihak jabatan pelajaran daerah dan juga negeri mereka juga tidak tahu. Pembinaan SK Padang Garuda sehingga ke hari ini saya tidak tahu ia punya status sama ada sudah siap atau belum. Akan tetapi dua bulan yang lepas menjadi isu oleh orang kampung kerana musim kemarau ini berdebu dan tambah pula musim hujan sekarang ini, jalan itu sudah menjadi berselut.

#### ■1630

Keduanya Butiran 310000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru). Saya menyentuh sekali lagi berkenaan jalan Sungai Lembing ke Jerantut yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membenteng RMK-10 di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi itu Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya mengusulkan kepada kerajaan negeri supaya memasukkan projek jalan Sungai Lembing ke Jerantut ini dalam *Rolling Plan* Kelima.

Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya menyentuh tentang jalan Indera Mahkota ke kampung Tanjong Pasir iaitu *exit* LPT di Sungai Lembing. Saya rasa tadi Yang Berhormat daripada Indera Mahkota sudah membangkitkan isu jalan ini kerana jalan ini berbahaya kerana belum siap. Saya tengok sudah banyak kali kemalangan yang berlaku. Jadi minta disegerakan pembinaannya.

Butiran 71000 - Memperelok dan Membaik Pulih Jalan (Projek Baru). Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk melalui Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan ke Kuala Lumpur. Daripada Kuala Lumpur ke Karak jalan itu memang elok tapi bila masuk Tol Karak sampailah ke Kuantan ia agak berbahaya sedikit kerana jalan bukan sahaja bergelombang tetapi ada yang tinggi rendah.

Saya mengalaminya minggu lepas apabila saya balik ke Kuantan, antara Maran dengan R&R Gambang. Jadi saya dapati jambatan itu lebih tinggi sedikit daripada jalan biasa, jalan raya ini, lebih kurang dalam setengah inci. Jadi ini yang membahayakan, apatah lagi ia berlaku di sebelah kanan, kalau di sebelah kiri kita masih lagi boleh mengelak tetapi ia berlaku di sebelah kanan. Sekiranya ada kenderaan yang tidak tahu jalan itu bahaya, besar kemungkinan kenderaan tersebut akan masuk ke gaung. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Kota Melaka

#### 4.32 ptg.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyertai perbincangan bajet di bawah Maksud Pembangunan 27 - Kementerian Kerja Raya. Saya ingin merujuk kepada Butiran 31000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru).

Tuan Pengerusi, pada pertengahan tahun 90-an iaitu mantan Perdana Menteri kita iaitu Tun Dr. Mahathir pernah mengumumkan satu cadangan untuk membina satu jambatan yang menyambung negeri Melaka dengan Indonesia, negara Indonesia iaitu dari Telegong ke Melaka, satu jambatan akan menyambungkan sementara iaitu dengan Dumai iaitu Pekan Dumai.

Selepas itu projek ini tidak dapat dilaksanakan mungkin ada sebab-sebab tertentu. Beberapa tahun yang lepas bekas Ketua Menteri Melaka juga bangkit projek ini sekali lagi dan juga umumkan Powers Exim Bank dari negara China sudah sedia untuk memberi iaitu *financial assistant* dengan 85% jumlah kos pembinaan. Selepas itu tiada sebarang maklum balas atau yang *follow up*. Akan tetapi baru-baru ini cadangan membina jambatan ini sekali lagi dinyatakan atau diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka yang baru.

Saya baca laporan ini dan memang saya ingat amat jelas bahawa cadangan ini adalah mengikut dengan cadangan yang sebelum ini. Dikatakan jambatan ini 48.69 kilometer akan dibina oleh negara kita. Bakinya 71.2 kilometer dari Pulau Rupidang sementara ini akan dibina oleh negara Indonesia. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah kedudukan sebenar tentang projek ini? Adakah negara Indonesia sudah sedia dan setuju tentang pembinaan, pembahagian jambatan ini. Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri, berapakah kajian yang telah dilaksanakan atau dijalankan baik pun *EIA feasibility study* tentang wajarnya *the financial potential* dengan kita wujudkan jambatan ini.

Memang kita tahu, kita dapat banyak bantahan dari beberapa badan termasuk NGO dan termasuk beberapa kewangan negara kita bahawa jambatan ini memang tidak sepatut kita

laksanakan kerana ini tidak akan membawa kebaikan kepada kita tetapi kita akan mendapat satu bebanan yang amat besar akan kita tanggung.

Saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri adakah pihak kementerian sudah terima sebarang permohonan tadi di negeri Melaka atau dari mana-mana pihak? Ini kerana setiap kali dia umumkan satu projek mega, dia memang akan membawa kesan kepada hartanah di persekitaran projek itu. Jika kita umumkan satu projek mega yang katakan kita akan melaksanakan memang pelabur carikan peluang melaburkan kawasan itu, membelikan hartanah itu.

Selepas itu projek tersebut tidak dapat dilaksanakan atau dibatalkan. Kerugian akan ditanggung oleh pelabur, macam kita menipu pelabur ini, *we trap them*, satu perangkap. Oleh sebab itu saya ingat projek ini sudah dua tiga kali dibangkit. Dibangkit selepas itu barulah beberapa tahun senyap dan selepas itu sudah bangkit semula. Saya harap kita dapat satu penjelasan atau jawapan yang cukup jelas supaya kita tahu adakah kita masih hendak teruskan projek ini.

Tuan Pengerusi, Bandaraya Melaka sekarang selepas diikhtiarkan sebagai satu bandar raya warisan memang lalu lintas begitu sesak terutama pada hujung minggu. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adakah sebarang cadangan untuk bina jalan baru iaitu jalan keluar dari kawasan warisan- jalan baru yang menggalurkan lalu lintas keluar dari kawasan warisan?

Apakah kedudukan sekarang tentang jalan persisiran pantai yang sudah beberapa kali saya dapat jawapan dari kementerian dalam Dewan yang mulia ini katakan kajian sampai peringkat terakhir, sekarang mungkin sudah mahu sampai memilih kontraktor untuk mengendalikan projek ini tetapi sampai hari ini kita masih tidak nampak sebarang kegiatan atau *any form of action* pun tidak ada, kita tidak nampak. Akan tetapi saya ingat punca utama kesesakan lalu lintas ialah kawasan warisan terutama di Taman Melaka Raya ialah saluran baru untuk jalan yang mengeluarkan perarakan semua lalu lintas keluar dari kawasan itu. Oleh sebab itu jadikan kesesakan yang paling ketara.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang ingin saya bangkit iaitu tentang yang pernah dinyatakan oleh kementerian iaitu tentang Lebuh raya Pantai Barat, *the West Coast Highway*.

■1640

Saya ingin tahu kedudukannya sekarang. Adakah projek ini telah dilaksanakan dan juga dilaksanakan sudah sampai ke peringkat mana? Di negeri Melaka ini berapa panjang jalan-jalan yang akan dilibatkan dengan *Malacca Coastal Highway* ini? Harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu gambaran yang lebih jelas supaya kita tahu keadaan *West Coast Highway* ini bila akan dapat dilaksanakan terutamanya yang melibatkan negeri Melaka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Libaran. Ramai lagi Ahli Yang Berhormat berhujah dalam JKR? Okey, sila Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja. Saya meneruskan ucapan saya. Saya amat sedih dengan dakwaan rakan saya dari Sandakan di mana mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak berbuat apa-apa. Sebenarnya sebagai kenyataannya, kita ada lima Parlimen di Sandakan. Kita ada 10 Dewan Undangan Negeri. Kesepuluh-sepuluh ini kita menangi dan daripada lima Parlimen hanya satu sahaja kita kalah. Ini bererti rakyat di kawasan Sandakan ini faham kedudukan kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi, ada dua perkara sahaja iaitu Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulihkan Jalan, dan Butiran 08280 – Pembinaan Jalan-jalan (1). Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah menyasarkan untuk menurap jalan sejauh 7,000 kilometer yang dijangka menelan belanja lebih kurang RM10 bilion menjelang tahun 2020. Mungkin ini juga termasuk cadangan Pan Borneo yang menyambung bandar-bandar utama di negeri Sabah. Contohnya pembinaan jalan lintas Libaran. Ia disuarakan oleh banyak rakan-rakan saya sama ada daripada Barisan Nasional ataupun daripada gerakan pembangkang di mana jalan ini dinamakan 'Lintas Libaran'.

Saya difahamkan jalan ini akan dilaksanakan. Saya ingin bertanya kepada kementerian kerana jalan ini amat penting. Ia keluar daripada Pusat Bandar Sandakan melalui kawasan Parlimen Libaran. Bilakah ia dilaksanakan dan bilakah siap pembinaan jalan ini? Saya difahamkan juga bahawa jalan ini yang menghubungkan pusat bandar Sandakan daripada Batu 8 sejauh *check point* 32. Saya difahamkan bahawa jalan ini dibahagikan kepada dua fasa. Jadi saya ingin tahu sama ada fasa pertama ini dilaksanakan dalam berapa tempoh yang diambil.

Keduanya pembinaan jalan pintas Pekan Sungai Tiram. Jalan ini amat penting kerana daripada kawasan Sungai Tiram yang meliputi beberapa kampung di situ dan terlibat juga beberapa buah sekolah dan juga ada dua daerah mengundi di situ. Jadi kalau belum dimasukkan, saya berharap kementerian supaya dapat memaklumkan kepada JKR daerah supaya mengangkat jalan ini dalam cadangan sama ada pada tahun-tahun seterusnya ataupun dalam Rancangan Malaysia seterusnya.

Keduanya pembinaan rangkaian Jalan Kuala Gum-Gum Utara, Sungai Gondol, Sungai Tiram, Kuala Semawang. Jalan ini adalah merupakan jalan pesisir pantai yang menghubungkan beberapa buah kampung yang terdiri daripada masyarakat nelayan, petani dan di situ juga ada penternak ketam yang terbesar di Sandakan. Jadi sekiranya jalan ini dibina, sudah tentu bukan sahaja menyenangkan rakyat di kawasan luar bandar tetapi sudah tentu ia menaik taraf sama ada dari segi sosialnya ataupun dari segi ekonomi rakyat di luar bandar ini.

Jalan Tinosan ke BDC, Sandakan. Jalan ini juga merupakan jalan keperluan. Ia terletak di utara kawasan Libaran meliputi kawasan Batu Putih, Sungai Kayu-Tinosan dan juga kawasan tentera di Kem Sri Kinabatangan yang menggunakan jalan ini nanti iaitu lebih kurang 50,000 orang penduduk keseluruhannya. Sekiranya jalan ini terbina, sudah tentu akan mengurangkan kesesakan jalan yang hari ini hanya menggunakan jalan daripada lapangan terbang ke kawasan Sandakan.

Satu lagi jalan yang amat penting iaitu pembinaan jalan bertingkat di Bulatan Helang ini. Tuan Pengerusi, kesesakan aliran kenderaan yang berlaku di kawasan bulatan sekarang ini adalah akibat daripada aliran kereta yang tidak sama. Kesesakan teruk berlaku di waktu pagi dan waktu petang. Sekiranya jejambat ini atau *flyover* ini dilaksanakan, sudah tentu ia mengurangkan kesesakan dan sudah tentu ia menyenangkan penduduk bukan sahaja di sekitar Sandakan tetapi mereka yang datang melalui lapangan terbang ke pusat bandar.

Tuan Pengerusi, satu lagi jalan yang perlu diambil kira oleh Kementerian Kerja Raya iaitu menaik taraf jalan sedia ada. Jalan Dandulit, Yang Berhormat Gombak dan juga Ampang pernah melawati situ, dia bandingkan kawasan Dandulit ini dengan kawasan Ampang dan juga Gombak. Sebenarnya kawasan ini dahulunya sebelum Barisan Nasional memerintah di Sabah, rata-rata penduduk di sekitar kawasan ini, mereka menggunakan bot ke pusat bandar tetapi hari ini mereka sudah menggunakan jalan *gravel*. Jadi untuk itu, saya memohon supaya kementerian melihat jalan ini, segera dinaiktarafkan bagi memudahkan penduduk-penduduk di kawasan itu.

Begitu juga saya ringkaskan Jalan Lalason. Ia juga merupakan jalan yang penting kerana menghubungkan Pulau Libaran dan Pulau Silingan di mana Tuan Pengerusi memang maklum kawasan ini. Jadi sekiranya jalan ini dapat dilaksanakan, bukan sahaja penduduk di sekitar kawasan itu tetapi pelancong-pelancong sudah tentu dapat menggunakan jalan ini dengan baik dan secara tidak langsung ia memberi impak yang besar kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu

Begitu juga jalan Kampung Pamaguan, Jalan Utama Gum-Gum, Jalan SPE 1. Kesemua jalan ini adalah berada di luar bandar. Oleh itu sudah tentu jalan-jalan yang disebut ini saya tidak meminta kementerian melaksanakannya esok tetapi sudah tentu apabila saya sebut jalan ini, saya mengharapkan supaya kementerian dapat melihat dan dapat mencadangkan supaya mungkin ia berkala, setahun, dua tahun ke tiga tahun, akhirnya jalan ini dapat kita laksanakan dengan baik. Mudah-mudahan dengan keprihatinan Kerajaan BN ini terutama sekali Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang baru datang daripada Malaysia Timur ini dapat membantu kita dalam cita-cita supaya rakyat di semua kawasan khususnya di kawasan yang saya sebut ini Tuan Pengerusi. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang.

■1650

4.50 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru). Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri, apakah perkembangan terbaru tentang jambatan di persimpangan bertingkat yang berdekatan dengan *Selangor Science Park 2* yang mana telah berlakunya keruntuhan pada tahun lepas sedangkan kita tahu jambatan tersebut juga sebenarnya telah pun diarahkan tutup pada bulan Disember. Saya dapati tidak selamat ketika lawatan bekas atau mantan Menteri Kerja Raya pada 7 November 2012.



Sekarang ini, di jalan tersebut, di *highway* tersebut berlakunya lencongan di jalan persimpangan bertingkat antara Plaza Tol Putrajaya dan Putrajaya, Cyberjaya. Jadi, ia telah banyak menimbulkan kerumitan khususnya hari Jumaat, selepas balik kerja itu, satu keadaan *jammed* yang panjang di situ. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mungkin terangkan kepada Parlimen ini, apakah telah dibuat satu siasatan dan apakah *finding* siasatan tersebut?

Keduanya, bagaimanakah, sebenarnya ada *dispute* dengan izin PKNS kata mereka yang bina projek itu semasa Barisan Nasional memerintah Selangor. Setelah selesai, dikatakan telah diserahkan kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia untuk urusan kawal selia tetapi LLM pula menafikan. Jadi saya harap, Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan dalam hal ini. Saya ingin juga bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah projek di bawah JKR ini yang mempunyai masalah keruntuhan ini? Itu yang kedua.

Seterusnya, saya ingin juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Butiran 71000 dan Butiran 80000 berkaitan dengan pembinaan jalan. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri tentang satu jambatan yang terbenkakai di pertengahan Lebuhraya Putrajaya-KLIA yang berdekatan dengan Lebuh Raya Nilai-Shah Alam di mana jambatan itu tergantung dan difahamkan jambatan itu adalah untuk pembinaan lebuh raya dari Bangi ke Sg. Pelek.

Akan tetapi jambatan itu tergantung dan *highway* juga antara Bangi ke Sg. Pelek itu juga saya difahamkan tidak dibina. Jadi apa guna bina jambatan, *highway* pula tidak dibina? Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan berkaitan dengan perkara ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin juga bertanyakan tentang kualiti jalan-jalan di dalam negara kita ini. Amat malang setelah beberapa tahun kita merdeka, kita di Parlimen ini masih bercakap lagi tentang jalan bocor, jalan berlubang, jalan dipenuhi dengan apabila hujan, lopak-lopak dan sebagainya. Kalau kita bersidang dalam tahun 50-an berkaitan dengan jalan lopak ini okey jugalah. Ini sudah tahun 2013 masih lagi bincang tentang jalan berlubang. Jadi ini satu perkara yang amat memalukan [*Dewan riuh*]

Saya hendak tanya kualiti jalan ini sebab kita pun hairan kenapa? [*Disampuk*] Tadi dinyatakan oleh daripada wakil Pahang tadi, Ahli Parlimen mengatakan bahawa keadaan lebuhraya daripada Kuantan ke Kuala Lumpur. Kalau kita lalu jalan itu, setiap kali kita lalu, tak pernah jalan itu kita tidak akan tempuhi ada orang betulkan jalan. Tidak pernah sekali. Saya selalu berulang-alik ke Mahkamah Kuantan itu, setiap kali, pergi-balik. Malam, siang, pagi atau petang ada sahaja dilencongkan. Selepas itu betul dia kata, oleh Ahli Yang Berhormat Parlimen tadi bahawa memang berbahaya dan pernah berlaku kemalangan. Apa lagi dalam waktu hujan. Jadi persoalannya, bagaimanakah boleh diluluskan jalan seperti ini? Kalau beginilah boleh diluluskan, bermakna kita mengakui bahawa tak kisahlah, asal benda buat. Keselamatan...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, minta pencilahan. Yang Berhormat Sepang minta...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap sahaja, sekejap, saya pun masa pendek ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ini berkenaan dengan jalan berlubang. Setiap kali ada jalan berlubang, kita perhatikan pihak JKR menurap jalan tersebut. Akan tetapi masalah ini tetap berterusan seperti yang dikatakan oleh para Yang Berhormat tadi.

Ini berkaitan dengan mekanisme yang digunakan. Kalau tak silap saya, kaedah yang digunakan oleh pihak JKR ialah kaedah pembinaan *macadam* iaitu ada beberapa lapisan, di antaranya yang paling bawah ialah *subgrade* dan paling atas ialah lapisan *hose wearing course*. Akan tetapi bila ada situasi yang ada kena mengena dengan penurapan jalan, kaedah ini tidak dapat digunakan. Mekanisme ini adalah mekanisme lain. Saya ingin memerlukan jawapan daripada kementerian, ada tidak kaedah ini yang masih digunakan untuk menurap jalan-jalan bila ada berlubang-lubang kecil? Oleh sebab pemendapan tidak akan berlaku dan situasi ini tidak akan mengakibatkan satu penyelesaian kepada masalah ini.

So saya perlukan apakah ini mekanisme atau adakah perancangan atau mekanisme yang lain selain daripada ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kapar. Saya mohon supaya dijadikan sebahagian daripada ucapan saya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Butiran 080100, berkaitan dengan pampasan tol ini. Kita difahamkan dalam butiran ini, tahun 2013 tidak ada pampasan. Akan tetapi untuk tahun 2014, akan ada pampasan. Jadi pertamanya, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah pihak kerajaan tidak mahu dengan izin, *invoke expropriation clause* dalam perjanjian konsesi bagi untuk dengan izin, *naturalize PLUS Highway* ini? Maksudnya *PLUS Highway*.

Oleh sebab saya difahamkan pada tahun 2009, telah ada pun pihak berkuasa lebuhraya telah mengutip data daripada seluruh pemegang konsesi lebuhraya dengan tujuan untuk penstrukturan semula industri lebuhraya ini. Saya juga difahamkan bahawa perincian telah dikumpulkan oleh firma *accounting* dan kajian komprehensif penyelesaian yang mungkin telah pun dikemukakan kepada pihak Kabinet. Jadi persoalannya, kenapakah kerajaan tak mahu dengan izin, *invoke expropriation clause* itu?

Saya sekali lagi ingin menegaskan kalau kita lihat kepada perjanjian *concession* ini, saya rasa oleh sebab untuk PLUS khususnya akan hanya berakhir pada tahun 2038, masih panjang lagi. Dalam perjanjian itu setelah kerajaan bersedia untuk *declassify* perjanjian itu, kita dapati memang ada peruntukan yang memperuntukkan setiap tiga tahun kerajaan mesti membenarkan kenaikan tol sebanyak 10%.

Jadi, isu pertamanya, saya hendak tanya, hendak dapatkan butiran daripada pihak kerajaan, berapakah keuntungan yang diperlukan oleh *concession* ini, pemegang konsesi ini semenjak mula mereka memungut tol ini? Kalau mereka kata mereka perlu tanggung kos,

persoalannya, Yang Berhormat Menteri pun sebelum ini pernah menteri yang lawan saya pun, pernah menyatakan di dalam Parlimen ini, mereka telah pun sudah dapat modal kembali. Maknanya sekarang ini mereka dalam tahap untuk pungut untung sahaja yang dibayar oleh rakyat semua. Jadi persoalannya, hendak tunggu tahun 2038 itu, berapa yang mereka akan dapat keuntungan itu, yang kita terpaksa akan tanggung? Itu yang pertama.

Keduanya, mengapakah kerajaan tidak boleh hendak *review* balik perjanjian ini sedangkan dalam perjanjian ini kalau saya silap, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan, saya difahamkan kalau sekiranya kerajaan ini ambil semula pun tol ini, kerajaan bukan sahaja perlu bayar ganti rugi, tetapi juga ganti rugi dalam bentuk kehilangan keuntungan untuk baki lagi perjanjian itu. Maknanya kalau tahun 2013 kerajaan ambil, bayangkan lagi, tahun 2038 itu ada baki berapa tahun itu, kerajaan juga kena bayar keuntungan yang mereka belum dapat lagi. Ini satu perjanjian yang kalau dalam Islam ini dikata ada unsur *gharar, uncertainty*. *You* belum lagi buat untung, sudah hendak *claim*. Mana boleh buat satu perjanjian yang kamu belum, maknanya kamu sentiasa dalam keadaan untung, dalam keadaan sentiasa untung.

#### ■1700

Jadi ini satu perjanjian yang memang tidak masuk akal, tidak munasabah. Sepatutnya kalau perjanjian seperti ini, kalau di negara-negara di Eropah atau di England, mereka ada satu akta yang dipanggil *unfair terms* untuk kerajaan boleh kalau ada unsur-unsur *unfair* ataupun terma-terma yang berat sebelah ini, perjanjian itu boleh dibatalkan. Jadi saya mengharapkan kerajaan menjelaskan, adakah kerajaan merasakan kalau kerajaan *nationalize highway* ini ia adalah satu diskriminasi kerana Sabah dan Sarawak kemungkinan tidak akan dapat manfaat daripada *nationalization* ini. Kita pun hairan bagaimanakah Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak ini boleh lagi menyokong Barisan Nasional dalam keadaan sudah 50 tahun, *highway* pun tidak dapat lagi. Apalah Sabah dan Sarawak, tidak ada maruahkah? [*Dewan riuh*]

Tidak ada maruahkah kamu ini? Tolonglah ada maruah sedikit, ada integriti sedikit. Tidak akan asyik mengadu jalan lubang, tolong bina jalan kampung, tolong jalan ini. Sudah 50 tahun mengadu benda yang sama sahaja. Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak, cukuplah. Sudah sampai masanya lompatlah ke sini, kita sama-sama tukar kerajaan. Lepas ini tidak payah lagilah hendak bincang-bincang pasal jalan-jalan ini. Malulah Sabah dan Sarawak. Jadi saya harap kerajaan dapat menjelaskan perkara yang saya bangkitkan ini sebab kita dalam satu situasi di mana pemegang konsesi ini pertama, ada hak untuk naikkan tol. Kalau kerajaan lewat sedikit pun bayar ganti rugi, kerajaan *dismantle* tempat kutipan tol kena bayar ganti rugi, kerajaan tidak naikkan tol kena bayar ganti rugi, kerajaan ambil alih tol pun kena bayar ganti rugi sampai ke peringkat keuntungan yang belum lagi mereka dapat. Jadi kalau inilah perjanjian, ini memang bukan menyusahkan rakyat, ini satu perjanjian yang tidak masuk akal, yang hanya orang gila sahaja yang boleh *sign* perjanjian seperti ini.

Saya tidak tahu adakah apabila kerajaan *sign* benda itu macam mana *the state of mind* orang yang *sign* itu. Dalam undang-undang, kalau keadaan gila perjanjian tidak sah. Kalau *you sign*

perjanjian dalam keadaan *you insane*, gila, perjanjian tidak sah. Adakah kerajaan masa *sign* itu ada masalah otak ini sampai tidak tahu isi perjanjian? Di manakah Jabatan Peguam Negara? Di manakah penasihat-penasihat perundangan? Malulah. Hendak *sign* perjanjian pun tidak tahu terma perjanjian. Kita rugi, orang lain untung. Ini perjanjian apa *wallahua'alam*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Pengerusi.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Saya difahamkan tadi oleh Timbalan Yang di-Pertua bahawa Menteri menjawab jam lima tetapi tidak apa, saya berasa *generous*. Saya panggil Yang Berhormat Jerlun. Selepas Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya belum.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Shah Alam, masa telah diambil oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Terlampau lama dia berhujah. Sila Yang Berhormat Jerlun.

### 5.03 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih syukur *alhamdulillah* dapat juga bersama-sama membahaskan bajet untuk Kementerian Kerja Raya. Secara ringkasnya untuk Kepala 060800 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang diberikan peruntukan sebanyak RM649 juta seperti yang telah saya sebut di awal peringkat kita bertemu kali pertama di F7 Jalan Persekutuan Alor Setar ke Kangar, kilometer 15 Baur Karang ke sempadan Perlis minta diperluaskan jalan tersebut. Kemudian di bawah Butiran 02800 iaitu untuk meningkatkan jambatan di Pekan Kerpan, Jerlun yang menjadi *bottleneck* kepada trafik terutama sekali di hari minggu di mana trafik boleh *jammed* sehingga dua kilometer *boost waist* kiri kanan. Jadi kerana kita sedar bahawa jambatan itu memang kecil dan perlu dilebarkan.

Seterusnya soalan saya kepada kementerian macam manakah sebab saya cuba mencari tajuknya di dalam bajet ini tentang peruntukan *road maintenance* jalan-jalan negeri kepada kerajaan-kerajaan negeri dan kita kira bahawa kita mengharapkan JKR pusat juga dapat memantau penggunaan bajet tersebut agar ianya tidak diselewengkan oleh mana-mana pihak. Ini kerana pernah berlaku di Kedah satu ketika dahulu peruntukan itu diberikan tetapi tidak dibelanjakan mengikut keperluan memperbaiki, menyelenggara jalan-jalan negeri melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya untuk lebuhraya Butiran 080100 dan juga Butiran 061200. Sebelum itu saya hendak sentuh sedikit tentang *bottleneck* di antara Tol Sungai Dua di Pulau Pinang ke Juru di mana ketika ini dan sudah pun lama apatah lagi ketika ini musim cuti, lebuhraya tersebut amat-amat sesak apatah lagi esok bila dibuka jambatan kedua Pulau Pinang, maka sudah tentulah ianya akan menjadi *bottleneck* yang amat teruk.

Maka di Kedah kita mengharapkan kementerian melihat tentang kemungkinan atau kebarangkalian (*feasibility*) untuk membuat laluan pintas iaitu Lebuhraya Kedah Selatan antara Sungai Petani Selatan ke Bandar Baru. Ini telah pun dimohonkan, namun kita mengharapkan sangat kerana kita melihat dalam tempoh dua tiga tahun akan datang lebu raya antara Sungai Dua yang *open system* itu ke Juru amat-amat sesak.

Jadi mungkin di bawah kepala tajuk 060100 - Banci Lalulintas Kebangsaan, kementerian boleh melihat untuk dibuat dengan segera. Mungkin hendak gunakan tol punya rekod itu tidak boleh kerana ianya adalah satu *open system* dan melibatkan banyak lencongan ataupun persimpangan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di Bandar Seberang Jaya dan sebagainya.

Jadi seterusnya bila kita bercakap soal lebu raya ini maka memanglah saya pun tadi dekat-dekat hendak bangun hendak tanya Yang Berhormat Sepang, tetapi kita kena sedar semasa mula-mula lebu raya diwujudkan semua orang bergembira ketika Tun Mahathir mewujudkan Lebuhraya Utara-Selatan, E1 E2. Masa itu orang amat-amat seronok tetapi hari ini kita melihat lebu raya ini pun sudah terlalu sesak. Saya dimaklumkan sebentar tadi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Jerlun. Fakta Yang Berhormat Jerlun tidak betul. Boleh saya masuk? Boleh beri laluan?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *You* tunggu sekejap. *You* tunggu sekejap. Sekejap lagi saya bagi *you*. Selepas ini Tuan Pengerusi bagi *you*. Sekarang ini kita melihat bahawa walaupun ada lebu raya tetapi sudah sesak. Sekarang di Terowong Menora-Ipoh *jammed* yang amat sesak lebih satu setengah jam katanya. Dahulu kalau perjanjian asal konsesi dua lorong tetapi ketika ini PLUS diminta membuka KL-Slim River tiga lorong dan ketika ini Bukit Lanjan ke Subang sudah buka tiga lorong.

Jadi apa yang saya cuba maksudkan ialah pada mulanya apabila kita hanya ada dua lorong, dua hala maka keperluan ketika itu sudah cukup tetapi hari ini kalau Lebuhraya Utara-Selatan E1 KL-Utara kita sudah bercakap tentang Lebuhraya Pantai Barat di mana kita sedar bahawa keperluan lebu raya PLUS itu sudah optimum, sudah lebih akses kapasiti. Jadi diperlukan Lebuhraya Pantai Barat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Kemudian kita sedar bahawa contohnya macam ada juga lebu raya yang macam LDP yang merentangi bandar Kuala Lumpur ke PJ dan sebagainya Lebuhraya Damansara–Puchong yang melalui bandar, memang sesak. Kemudian ada juga lebu raya hari ini mungkin dilihat tidak mendesak iaitu DUKE Jalan Duta ke Ulu Klang. Nampak macam tidak sesak tetapi mungkin dalam tiga empat tahun lagi akan sesak. Dahulu kita tengok AKLEH atau *Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway* tidak sesak tetapi hari ini amat sesak. Jadi kita sedar bahawa apabila wujudnya lebu raya, maka timbullah dipanggil *development generated traffic*.

Jadi hari ini kita melihat bahawa ada setengah-setengah keperluan yang amat mendesak dan sudah tentulah macam PLUS ini menjadi habuan. Kita sedar soal kutipan tol itu memang dalam konsesi lebuhraya, tetapi PLUS juga diminta untuk membuat perkhidmatan yang terbaik. Apatah lagi ketika ini musim cuti sekolah, apatah lagi ketika musim raya. Bukan kata raya, hari ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat *drive* dari Ipoh ke Kuala Lumpur, hari minggu pun sesak.

Jadi kita sedar bahawa dalam usaha kita untuk hendak meningkatkan lagi perkhidmatan yang terbaik, ia tidak pernah cukup-cukup. Jadi kita mengharapkan kepada kerajaan supaya melihat lagi berapa puluh lagi yang perlu dibuka. Hari ini mungkin sudah hampir 40 syarikat konsesi lebuhraya tetapi masih tidak cukup. Akan tetapi ada juga contoh macam dahulu Seremban-Port Dickson dibuka lebuhraya tersebut tetapi tidak cukup trafik, akhirnya ia mendatangkan masalah.

#### ■1710

Jadi sudah tentulah saya mengharapkan sangat kepada pihak kerajaan untuk melihat semula tentang *concession* tersebut, keperluan untuk mengkaji struktur tol. Kemudian, sudah tentulah kita hendak supaya dijadikan PLUS ini sebagai contoh di mana pada hari ini, PLUS telah cuba memberi perkhidmatan yang terbaik, contohnya di R&R dan kita ada *facilities* yang *world class*, kita ada *facility toilet* dan sebagainya, tempat-tempat untuk berehat. Namun tidak cukup. Memang tidak cukup. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke Tapah. Tapah di kiri, kanan, utara, selatan memang mendesak tetapi perlu dibukakan lagi. Jadi apabila daripada perjanjian asal sebanyak dua lorong, dijadikan tiga lorong, maka sudah tentulah kita perlu *extend concession period*.

Mungkin sudah tentu kita juga perlu mengkaji kadar tol itu. Jadi inilah yang menjadi masalah dan saya kira kerajaan, kementerian perlu *educate the public* tentang kesan daripada keputusan-keputusan yang dibuat kerana kita tidak mahu *concession* lebuhraya ini menjadi mangsa kerana mungkin kononnya mereka membuat untung yang beribu-ribu. Kita tidak sedar bahawa *linesman*, jalan tar itu hanya tujuh tahun. Perlu diturap semula dari semasa ke semasa secara berkala. Bila diturap, sudah tentu meningkatkan kos dan inilah yang menjadi perdebatan yang saya kira memerlukan kementerian untuk *educate the public* supaya mereka betul-betul memahami keperluan-keperluan ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Seputeh. Kalau saya beri tiga minit, yang belakang pun tiga minit. Selepas Yang Berhormat Seputeh dengan ringkas, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Kepada yang tidak dapat dijemput untuk bercakap itu, mencelahlah sewaktu nanti Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya akan benarkan. Sila, Yang Berhormat Seputeh.

#### 5.12 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Akan tetapi kalau kita lihat ikut jadual ini, satu hari semua untuk Kementerian Kerja Raya. Jadi sampai sepuluh...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Oh, kongsi. Okey, Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk kepada Butiran 050400 – JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di sini saya hendak tanya kenapakah *MARRIS Fund* yang disalurkan kepada DBKL itu begitu kurang. Kita lihat macam di Selangor, RM360 juta disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor di mana terdapatnya 4,000 kilometer jalan di Selangor manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kita ada 2,000 kilometer jalan, tetapi hanya RM33 juta sahaja disalurkan kepada DBKL? Saya hendak minta penjelasan.

Kedua tentang Pulau Indah dan kawasan berdekatan dengan *North Port*. Di situ adalah kawasan perindustrian di mana banyak lori masuk ke sana. Sudah banyak kami dengar yang kementerian ada rancangan untuk menambah baik jalan dan membesarkan jalan kerana itu adalah kawasan perindustrian yang mana banyak pelabur asing menempatkan kilang mereka di tempat itu. Jadi apakah keadaannya? Adakah dalam bajet akan datang, kementerian akan menyalurkan lebih peruntukan untuk menambah baik keadaan jalan di Pulau Indah?

Isu ketiga ialah banyak persatuan penduduk dekat Selangor, Kuala Lumpur dan kawasan bandar mereka protes terhadap *telco tower*. Sebenarnya kita boleh cari satu jalan di mana kita perlu *telco tower* kerana kalau tidak, telefon bimbit kita tidak akan berfungsi khususnya yang 3G, 4G dan sebagainya. Jadi saya ada memberi satu cadangan kepada pihak Jabatan Kerja Raya di Selangor di mana kita sebenarnya boleh gunakan jalan utama di bawah jagaan Kementerian Kerja Raya itu, macam *Federal Highway* dan sebagainya ataupun LDP. Kita sepanjang jalan bila kita ada lampu jalan, kita sebenarnya boleh pasang *equipment telco* itu supaya pihak JKR boleh dapat sewa daripada syarikat *telco*.

Penduduk di persekitaran, mereka tidak dapat protes apa-apa kerana ia terletak di tengah-tengah jalan di sepanjang *Federal Highway* ataupun jalan di bawah Kerajaan Pusat. Jadi kita juga boleh memberi perkhidmatan *telco* kepada penduduk di sekitar. Jadi saya hendak minta pandangan kementerian tentang cadangan seperti ini supaya boleh meringankan dan mengurangkan lagi kritikan para persatuan penduduk terhadap kerajaan tempatan.

Isu keempat ialah tentang *Shah Alam Convention Centre*. Saya sebagai salah seorang dalam Lembaga *Shah Alam Convention Centre*, sudah empat tahun kita memohon daripada LLM dan juga pihak JKR supaya kita mahu buat satu *signage* dari *Federal Highway* di Shah Alam untuk tunjuk di mana tempat *Shah Alam Convention Centre*. Akan tetapi sampai sekarang sudah lebih tiga tahun tidak ada jawapan daripada LLM, tetapi dikatakan tidak sesuai dan sebagainya. Saya rasa ini saya pun tidak tahu apakah pendirian pihak kementerian ataupun LLM terhadap isu ini kerana saya lihat macam i-City, kita dari *Federal Highway* sudah boleh tahu di mana mahu masuk ke i-City? Macam di kawasan saya, *Nirvana* di Jalan Lapangan Terbang Lama itu, kita sudah boleh lihat di manakah *Nirvana Memorial Centre* itu ada dan kenapakah *Shah Alam Convention Centre*, satu *convention centre* yang terbesar di Shah Alam, sudah tiga tahun lebih masih tidak diberikan

*signage* untuk tunjuk bagi kereta masuk ke *Shah Alam Convention Centre*? Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Di sini saya juga berminat untuk tahu bagi Butiran 061000 – Pertandingan Kemahiran Antarabangsa (ASEAN) di mana RM1.2 bilion ini diberikan ke dalam projek ini. Jadi apakah itu pertandingan kemahiran antarabangsa itu? Boleh minta penjelasan? Akhirnya ialah tentang tadi Yang Berhormat Limbang dia kata RM140 juta telah pun diperuntukkan untuk jalan di kawasannya. Saya rasa hairanlah Tuan Pengerusi. Kami di sini pun tidak tahu berapa juta disalurkan dalam kawasan atau sekurang-kurangnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadi macam mana Yang Berhormat Limbang tahu berapa juta ringgit disalurkan dalam kawasannya. Saya rasa mungkin butiran maklumat seperti ini harus juga diberi kepada wakil rakyat di Selangor, di Shah Alam, di Seputeh, Kuala Lumpur dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri.

**5.17 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 peringkat Jawatankuasa di bawah Maksud Bekalan dan Pembangunan 27. Kementerian Kerja Raya mengambil segala pandangan, cadangan dan juga teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan semua bidang tugas di bawah Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensinya di bawahnya.

Begitu banyak persoalan yang dibangkitkan, Tuan Pengerusi. Saya cuba ringkaskan dan kalau dapat memendekkan waktu perbincangan ini untuk memberi peluang kepada Kementerian Pertahanan selepas ini dan kementerian-kementerian yang berikutnya untuk membuat penggulungan di peringkat Jawatankuasa. Saya akan pecahkan jawapan saya ini kepada beberapa peringkat.

Pertama, berkaitan dengan peruntukan Bajet 2014 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Ampang, Indera Mahkota dan juga Telok Kemang iaitu mengapa berlaku penurunan yang ketara bagi Program Pengurusan KKR sekiranya dibandingkan dengan tahun 2013 dan juga tahun 2014. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan yang dimaksudkan ini melibatkan komponen penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan dan juga kuarters berjumlah RM160 juta yang telah dipindahkan daripada Program Pengurusan KKR kepada program khusus iaitu di bawah kod 060600 – Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters. Oleh yang demikian, perkara ini bukanlah suatu penurunan tetapi suatu pemindahan butiran supaya komponen ini lebih mudah untuk dikenal pasti dalam konteks kita membuat pengurusan pentadbiran.



Begitu juga berkaitan dengan Pengurusan Cawangan Kejuruteraan Senggara iaitu 050100 mengalami penurunan sebanyak 90%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Belanjawan 2013 ini, nilai ataupun kos bagi penyelenggaraan jalan dan cerun persekutuan adalah sebanyak RM888 juta dan diletakkan di bawah program 050100. Bagi tahun 2014 pula, komponen penyelenggaraan jalan dan cerun persekutuan ini telah dikategorikan semula di bawah program khusus iaitu 060700, 060800 yang berjumlah RM1.164 bilion.

■1720

Berkaitan dengan cerun yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen daripada Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Ampang iaitu apakah program yang dilaksanakan untuk memastikan jalan-jalan yang terlibat dengan cerun berbahaya selamat digunakan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2006 lagi JKR melalui Bahagian Kejuruteraan Cerun telah menjalankan kerja pemetaan cerun bahaya dan berisiko untuk jalan persekutuan JKR di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak. Kerja ini dijalankan secara berperingkat-peringkat. Kerja pemetaan Jalan-jalan Persekutuan di Semenanjung telah siap dijalankan dan untuk jalan persekutuan di Sabah dan Sarawak, sekarang ini *insya-Allah* akan siap pada akhir tahun ini. Inventori cerun di Sarawak telah juga dijalankan cuma kerja pemetaan bahaya dan berisiko yang terperinci perlu dijalankan. Peta bahaya yang telah siap diserahkan kepada JKR negeri untuk kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan.

Berkaitan dengan penubuhan Unit Cerun di JKR pada bahagian cerun sama ada perlu ada garis panduan supaya kita dapat timbulkan atau pun hasilkan garis panduan untuk pembangunan di cerun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ampang, Kabinet telah mengarahkan JKR untuk membuka cawangan Kejuruteraan Cerun pada tahun 2003. Cawangan Kejuruteraan Cerun telah ditubuhkan pada 2 Februari 2004. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2009 telah menyediakan garis panduan perancangan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi untuk diguna pakai oleh semua PBT.

Pada tahun 2010, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor juga telah saya kira *diadopt* untuk program-program garis panduan itu dilaksanakan di semua peringkat. Untuk makluman juga sebenarnya di Mesyuarat Majlis Jawatankuasa yang melibatkan semua Majlis Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, perkara ini dibentangkan dan dibincangkan supaya di peringkat negeri akan setuju untuk melaksanakan garis panduan yang telah ditetapkan sebab semua pembangunan untuk tanah tinggi diluluskan oleh Majlis Perbandaran Tempatan bukannya diluluskan oleh peringkat Persekutuan. Jadi sebab itu jalinan dan kerjasama di antara negeri dan daerah amat perlu sekali sebab kelulusan segala projek perancangan adalah dibuat di peringkat majlis daerah atau pun majlis perbandaran tempatan.

Seterusnya berkaitan dengan *Pan-Borneo* yang telah dibangkitkan. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkaitan dengan *Pan-Borneo* khususnya Yang Berhormat Tuanan meluahkan perasaan beliau peruntukan agak sedikit kalau dibandingkan dengan manifesto yang telah diumumkan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa *Pan-Borneo* ini dapat disiapkan

dan apakah perancangan yang dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM500 juta untuk kerja-kerja permulaan projek yang mana keutamaan diberikan pada lorong-lorong memotong dan rawatan *blackspot*. Peruntukan tahun-tahun berikutnya telah dirancang mengikut keutamaan dan peruntukan akan dipohon mengikut tempoh *Rolling Plan* yang akan datang.

Keseluruhan panjang jalan daripada Sematan ke Tawau adalah sepanjang 2,239 kilometer iaitu 1,988 adalah masih *single carriage way* dua lorong dan 251 kilometer adalah *dual-carriage way*. Anggaran kos untuk menaik taraf jalan *Pan-Borneo* ke *dual-carriage way* adalah dalam lingkungan RM22 bilion dan mengikut perancangan *Network Development Plan* akan siap menjelang tahun 2025. Kos pembinaan jalan *dual-carriage way* di Sabah banyak bergantung kepada kos pengambilan tanah dan juga kos pengalihan utiliti yang banyak dan berbeza antara luar bandar dan bandar. Setakat tahun ini kos projek-projek naik taraf *dual-carriage way* adalah dianggarkan berjumlah RM11.3 juta untuk satu kilometer ke RM28 juta sekilometer bergantung kepada keadaan permukaan bumi dan juga nilai-nilai tanah yang perlu kita ambil.

Antara projek *Pan-Borneo* yang akan dilaksanakan dalam lima tahun akan datang ialah naik taraf jalan Sibu-Bintulu, 95 lorong memotong sepanjang jalan Kuching ke Miri, menaik taraf jalan Kuching-Serian, *mile 10th to 115th* dengan izin, naik taraf jalan Donggongon ke Papar, pakej 2 dan 3, naik taraf Jalan Kepayan, persimpangan Lok Kawi fasa 1 dan juga dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi iaitu untuk memperkenalkan sama ada kita akan memperincikan pembangunan jalan raya khususnya di Sabah yang berbukit bukau dengan memperkenalkan *tunnel link system*, dengan izin. Pada pandangan kami setakat ini daripada anggaran kasar yang dibuat, harga pembinaan untuk membuat *tunnel* berbanding dengan kaedah yang sedia ada, *tunnel link system* lebih mahal tetapi dari segi kebaikan ianya akan dapat mengurangkan tanah runtuh. Akan tetapi dari segi penyelenggaraan kosnya agak mahal.

- (i) kesemua *tunnel system* memerlukan *lighting* atau pun pencahayaan;
- (ii) memerlukan *ventilation* untuk pengudaraan; dan
- (iii) ia memerlukan *drainage* atau pun sistem khususnya di kawasan yang *flood front area* atau pun kawasan yang kerap berlaku banjir.

Ini sudah pasti memerlukan *pump requirement* dan akhirnya kos untuk *maintenance* atau pun penyelenggaraan mungkin lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kita mengambil maklum dan serius akan pandangan daripada Yang Berhormat Tuaran dan kita akan melihat dan mengkaji kesesuaian untuk dilaksanakan seperti mana yang telah dicadangkan tadi. Begitu juga Yang Berhormat Tuaran menanya berkaitan dengan Jalan Telipok, Pekan Kiulu, Lokos, Toboh, Randuagung sama ada telah diluluskan dalam Bajet 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini setakat ini tiada mendapat peruntukan di bawah *Rolling Plan* Keempat ataupun di bawah peruntukan tahun 2014. Namun, *insya-Allah* saya akan memohon balik supaya ianya dapat dipertimbangkan dalam tahun 2015 yang akan datang.

Seterusnya berkaitan dengan Jambatan Sungai Damit di Tuaran yang telah diumumkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk Jambatan Sungai Damit ini kita akan membuat proses tender pada bulan Disember ini dan tertakluk juga kepada keputusan kewangan negeri Sabah mengenai kaedah perolehan yang akan digunakan.

Untuk menjawab Yang Berhormat..

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Jalan Telipok-Pekan Kiulu-Randuagung ini satu jalan alternatif yang amat penting dan sebahagian daripada *Pan-Borneo Highway*. Jadi kalau projek ini tidak dapat dimulakan pada tahun depan sedangkan pengumuman telah pun dibuat dari segi kelulusan peruntukannya, saya mohon supaya pihak kementerian dapat menyediakan pelan sebaik-baik mungkin walaupun kewangan tidak dapat diperuntukkan pada tahun depan tetapi perancangan harus dibuat sebab seperti mana yang saya katakan kita perlu membuat penyelarasan. Kalau ini tidak dibuat ini Kementerian Luar Bandar harus melihat jalan-jalan yang terletak di jajarannya sebab kalau tidak naik taraf, rakyat akan sengsara dengan keadaan jalan-jalan raya yang tidak baik diperhatikan ini. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Pandangan Yang Berhormat akan kami ambil maklum seperti mana saya katakan tadi dari segi perincian termasuklah design dan kajian akan kita buat dan kita akan kemukakan pada *central agency* untuk dipertimbangkan bagi keseluruhan projek tersebut.

Untuk Yang Berhormat Kinabatangan menyentuh berkaitan dengan jalan daripada Sandakan ke Batu 32 sama ada ianya akan di naik taraf atau pun tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, projek ini diluluskan untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* yang ketiga secara berfasa. Pada ketika ini fasa 4 dilaksanakan dahulu iaitu dari Pekan Gum-Gum sepanjang 7.16 kilometer dengan kos lebih kurang RM92.5 juta. Projek sedang di tender dan dijangka mula awal tahun 2014. Kita menjangkakan mengikut anggaran projek ini diharapkan akan dapat disiapkan pada tahun 2016.

#### ■1730

Bagi fasa seterusnya, *insya-Allah* akan dilaksanakan dalam *Rolling Plan* berikutnya tertakluk kepada sudah pasti kelulusan daripada *central agency*. Yang Berhormat Ampang ada juga membangkitkan berkaitan dengan beberapa jalan khususnya yang menghubungkan Miri ke Marudi, di mana masih terdapat dua sungai masih menggunakan feri dan meminta KKR membina jambatan di kedua-dua jalan tersebut.

Untuk makluman semua, sebenarnya memang kita komited untuk memastikan bahawa kita akan dapat merapatkan jurang pembangunan di semua tempat dan *alhamdulillah* banyak yang telah dapat dilaksanakan dan memang ada tempat yang masih tertinggal dan sebab itu kita sedar dan dalam setiap perancangan kita, kita ada apa yang dikatakan *highway development network*

yang telah dibuat untuk seluruh Malaysia. Untuk Miri ke Marudi, ia merupakan jalan kampung dan jalan ini sudah pun dilaksanakan di bawah Program Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Di bawah Program Jiwa Murni ini, jambatan di Sungai Arang ini juga akan dibuat *daily bridge* iaitu jambatan kecil yang hanya cukup untuk dilalui oleh kenderaan yang tidak berat dan *insya-Allah* ia akan dimulakan pada tahun hadapan. Manakala di jambatan Sungai Baram tidak dimasukkan di bawah Program Jiwa Murni tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, perancangan berterusan akan terus dilaksanakan untuk memastikan bahawa setiap tempat akan dapat memiliki infrastruktur sekurang-kurangnya yang asas untuk memudahkan perhubungan di antara semua rakyat kita.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Sandakan, adakah? Bilakah Jalan Libaran *bypass* akan bermula? Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Libaran *bypass* telah diluluskan pada akhir tahun 2012. Setelah melalui proses makmal pengurusan ataupun pengurusan nilai ataupun *value management*, dengan izin, ia akan mula dilaksanakan untuk tender bagi pakej yang pertama pada tahun ini dan pembinaan awal pada tahun 2014. Baki tiga pakej akan ditender pada tahun-tahun berikutnya mengikut peruntukan yang diluluskan.

Manakala untuk naik taraf Jalan Labuk, Batu 8 hingga Batu 16 yang sepatutnya siap pada tahun 2013 tetapi ditangguhkan sehingga bulan April 2015. Ini merupakan jalan negeri dan projek naik taraf jalan tersebut terletak di bawah *Sabah Development Corridor* dengan peruntukan disalurkan terus daripada Unit Perancang Ekonomi ataupun UPU Jabatan Perdana Menteri kepada kerajaan negeri.

Untuk pemulihan Jalan Batu Sapi yang sudah rosak walaupun sijil siap belum dikeluarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Batu Sapi bukan di bawah seliaan Kerajaan Persekutuan tetapi kerajaan negeri. Kementerian difahamkan projek ini adalah masalah umum, yang ada masalah ini dan sekarang ini dalam pertimbangan untuk diselesaikan oleh kerajaan negeri.

Manakala Jalan Pitas-Sandakan Fasa II sudah diminta 18 tahun dahulu tetapi masih belum dibuat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, *feasibility study* untuk projek ini telah dijalankan pada tahun 2005 tetapi tidak diluluskan atas sebab keutamaan banyak projek-projek lain yang juga merupakan keutamaan. Oleh sebab itu mungkin projek ini di peringkat kerajaan negeri bukan berada di kedudukan keutamaan dan juga kita seperti mana yang saya katakan tadi bila kita membuat perancangan, kita berasaskan kepada *highway development network plan* yang telah pun dilaksanakan dan keutamaan akan disusun mengikut pelan-pelan tersebut. Lorong ketiga dan persimpangan bertingkat Kota Kinabalu, setakat ini projek untuk membina dua jejambat dan membina 10 kilometer lorong ketiga di Jalan Lintas KK telah diluluskan pada tahun ini. Makmal pengurusan nilai bagi projek ini dijangka pada awal 2014 dan jangkaan tender adalah pada bulan April 2014, jangkaan kita.

Yang Berhormat juga minta supaya Pan Borneo dapat dihubungkan untuk semua pekan di negeri Sabah agar sama taraf dengan Semenanjung. Kalau kita dapat analisa daripada semua

perbahasan tadi, kalau di Semenanjung kebanyakan *highway* boleh katakan semua *highway* adalah dibuat berasaskan kepada *privatization* di mana ia dibina oleh swasta menggunakan *funding* daripada pinjaman bank dan sebagainya dan disebabkan di Semenanjung, ini mungkin kemungkinan ianya dapat dilaksanakan sebab kependudukannya besar, ramai manakala di Sabah dan Sarawak, kita perlu mencari kaedah yang lain bagaimana kita dapat memastikan kalau hendak membuat *highway*, adakah pelabur yang sanggup melabur untuk membuat *highway* seperti mana *standard* yang berada di tanah Semenanjung?

Jadi ini bergantung dengan pihak swasta, sama ada mereka mahu melabur dan membina dan sama ada *viable* atau tidak untuk mereka bina dan cukup dana untuk mereka kutip balik daripada hasil tol tersebut untuk membayar balik semua pinjaman dan pembangunan yang mereka lakukan.

Oleh sebab itu ia bukan semudah seperti mana Yang Berhormat Sandakan katakan dan untuk saya melihat daripada dahulu sehingga sekarang, 50 tahun yang dahulu kita jarang bercakap dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional sebab begitu banyak sudah jalan dilakukan tetapi jarang kita ucap terima kasih sebab kita hanya bercakap 100 kilometer jalan yang cantik, yang baik kita jalan, kita akan hanya mengutuk satu lubang yang kita lalui itu. Begitulah lumrahnya kita. Jadi saya mengharapkan kita bersama-sama kena praktikal... [Tepuk] Bahawa begitu banyak telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Pengerusi, boleh minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri?

Jadi, mengikut Yang Berhormat Menteri punya kata-kata bahawa Sabah langsung tiada peluang mengadakan satu lebuhraya yang begitu penting, *you know*. Jadi ini termasuk *Sabahan* sini, berniat mahu minta satu lebuhraya untuk menyambung semua *major town you know*, dengan izin. Akan tetapi kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri kita langsung tidak ada peluang. Saya fikir ini bukan sahaja mahu mengikut bayar balik bagaimana daripada penduduk-penduduk sana, sumbangan kita yang diberikan daripada Sabah yang kita beri begitu banyak tetapi tiada satu lebuhraya pun boleh dapat. Ini kita tidak puas hati. Saya tidak tahulah bagaimana Ahli Parlimen yang duduk di sebelah sana dari Sabah.

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Okey, saya sudah faham Yang Berhormat. Biar saya respons kepada Yang Berhormat Sandakan. Saya bukan katakan tiada peluang. Bukankah kita melihat apa telah diumumkan, Pan Borneo misalnya memang itulah komitmen dan penambahbaikan ini kita buat daripada semasa ke semasa mengikut kemampuan kerajaan, mengikut dana yang kita ada dan sentiasa ditambah baik. Adakah kita memejamkan mata daripada dulu jalan *gravel*, jalan tanah sekarang ini sudah pun bertar. Berapa banyak jalan di Sandakan yang sudah bertar?...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Kan? Jadi sebab itu saya kata kita kena melihat pada keadaan yang realistik. Begitu juga termasuk Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan tadi di Klang, jambatan telah dilaksanakan. Apakah tidak kita mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan

juga telah memperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui peruntukan MARRIS untuk mereka jalankan kerja-kerja supaya jalan-jalan negeri pun dapat diselenggarakan, dapat dibuat dan sebagainya.

Adakah bukan itu merupakan satu keadilan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Itu kita kena adil. Apabila kita menyebut sesuatu perkara, kita kena adil dan realistik dan yang pasti, saya juga daripada tanah Borneo. Saya juga memberi komitmen bahawa kita akan membuat yang terbaik mengikut kemampuan yang ada pada kerajaan, mengikut dana yang ada untuk memastikan bahawa kita akan dapat melaksanakan yang terbaik untuk bukan sahaja Sabah, bukan sahaja Sarawak tetapi seluruh Malaysia. Itulah komitmen yang kita berikan...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Jadi sebab masa Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja, pasal dah sebut Selangor tadi. Tak patutlah kalau dah sebut tak beri peluang Selangor.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** *Pan-Borneo.*

**Datuk Fadillah bin Yusof:** Okey, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa bahawa Yang Berhormat Menteri pun janganlah membutakan mata. Banyak negara lain yang telah membina *highway* tapi tak ada tol dan tak ada penswastaan. Hakikatnya kerajaan dapat duit daripada hasil bumi berbilion-bilion di negeri Sabah. Berapa bilion setahun yang dapat? Kenapa tak boleh dibina? Janganlah beri alasan bahawa oh ini penswastaan dan penswastaan tak boleh buat, tak boleh guna dekat Sabah. Tak perlu guna penswastaan. Berapa banyak negara-negara yang lain bina *highway* tak ada tol, tak ada penswastaan. Tiap-tiap bulan, tiap-tiap tahun kutip duit cukai jalan, cukai ini cukai itu, cukai eksport atas kereta dan sebagainya, cukai pendapatan *[Tepuk]*

#### ■1740

Mana pergi duit itu? Kenapa tidak diberikan keutamaan kepada pembinaan infrastruktur? Saya hendak betulkan Yang Berhormat Jerlun tadi apabila projek penswastaan *PLUS Highway* dilakukan, bukan semua setuju. Saya, Pemuda PAS kita buat bantahan dan demonstrasi kerana kita bantah penswastaan yang telah dilakukan yang tidak didedahkan segala maklumat dan *detail* termasuklah soal hendak kena bayar balik pampasan kalau kutipan tol tidak cukup. Ini merupakan satu pengkhianatan yang telah dilakukan kerana duit rakyat digunakan di tempat lain.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Okey, cukuplah itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak bayar cukai, dia kata pengkhianat. Menghabiskan duit rakyat dengan cara sebegini juga merupakan pengkhianat. Lebih-lebih lagi apabila perkara yang merupakan keperluan asasi dinafikan dan rakyat dipaksa

untuk membayar kadar yang jauh lebih tinggi. Lalu saya minta Yang Berhormat Menteri, jangan kata kami ini buta, tidak akui hakikat dan sebagainya. Yang Berhormat Menteri kena buka mata. Tengok negara-negara lain berapa banyak, berapa ribu kilometer dibina tanpa tol, tanpa penswastaan. Kenapa mereka boleh, kenapa negara Malaysia tidak boleh?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sebab itulah. Duduk, duduk. Kalau Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Pengerusi:** Saya komen sedikit, saya komen sedikit sahaja.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sila, sila Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya tertunggu-tunggu suatu hari nanti Yang Berhormat Shah Alam akan jadi Menteri Kerja Raya. *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Amin, amin, amin.

**Tuan Pengerusi:** Saya mahu mendengar pada ketika itu apabila dia... macam mana cara dia menjawab. Sila.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *Mike, mike, mike...*

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau kata tol itu tidak perlu bayar tol, ada orang hendak buat jalan dalam lautan pun, ada yang hendak *charge toll* apabila ditanya. Itu belum jauh, baru dekat sahaja satu pulau kecil di negara kita Tuan Pengerusi. Jadi kita cakap soalan yang lebih besar tadi pun kadang-kadang semangat itu lebih sedikit.

Oleh sebab kita maklumlah Yang Berhormat Shah Alam, sebab itu kadang-kadang Yang Berhormat Shah Alam itu kalau hendak diberi dia kena mungkin cari ilmu untuk sejukkan badan sedikit. Supaya tidaklah tinggi sangat suaranya. Oleh sebab kita semua sedia mendengar sebenarnya Tuan Pengerusi. Tidak payah berteriak pun kita dengar dengan jelas apa yang dimaksudkan. Oleh sebab itu saya kata tadi...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebab Yang Berhormat Menteri kata tadi membutuhkan mata. Tidak betul itu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Siapa yang kata buta mata itu, Yang Berhormat Shah Alam yang kata.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, tadi Yang Berhormat Menteri kata.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kita kena lihat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri sendiri kata.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tidak perlu pergi jauh. Pergi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pembangkang jangan butakan mata, tengok benda jalan yang banyak...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Shah Alam duduk. Itu fakta, *check Hansard*. Ikut peraturan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Check Hansard* esok.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Kalau negeri yang tidak ada tol...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** ....Tengok Asia Tenggara sahaja buat lebuhraya.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** *Singapore*, Indonesia, Thailand, tidak ada tol kah?

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada sebahagian ada tol. Akan tetapi ada tempat juga yang tidak ada tol.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Cukup, cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, pergi tengoklah di negara lain.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Sebab itu kita tengok di negara lain kaedah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Banyak tempat tidak perlu. Thailand ada *highway* yang konkrit beratus kilometer tidak ada tol.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Pengerusi, saya kira konsep untuk kita membina tol *highway* ialah untuk *per user basis*.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau kita guna, kita bayar. Sebab itu di tanah Semenanjung sudah ada jalan alternatif, jalan *federal*, jalan pun bagus. Kalau tidak hendak bayar tol, kita boleh guna jalan *Federal Highway* yang juga baik kedudukannya. Oleh sebab itu di Sabah Sarawak kita tidak memikirkan berkaitan dengan tol.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Federal Highway* pun ada tol Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sebab itu ada Pan Borneo...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri kena tengok *Federal Highway* pun ada tol Yang Berhormat Menteri. Tidak betul fakta itu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Mana *Federal Highway*...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Highway* yang telah dibina 40 tahun yang lepas...

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tiba-tiba bagi orang pasang tol.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau hendak cakap, tadi buta mata. Sekarang ini ada orang pula buta hati. Susah, nanti ada yang kecil hati.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Betul, betul.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sebab ada peraturan, tidak ikut peraturan. Itulahnya Tuan Pengerusi.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** No, fakta Tuan Pengerusi. Yang mula kata buta mata, Yang Berhormat Menteri. Yang mula kata buta hati, Yang Berhormat Menteri. *Kang* saya jawab dia nafi pula.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Duduklah, ikut peraturan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri, Labuan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau tidak ikut peraturan nanti tidak selesai masalah kita.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bagi Yang Berhormat Lanang.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Yang Berhormat Labuan sedikit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi Tuan Pengerusi saya teruskan. Isu seterusnya berkaitan dengan tol.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bagi laluan?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tidak apa. Biar saya selesaikan dahulu. Oleh sebab waktu kita agak pendek. Saya belum sembahyang asar lagi, saya hendak habiskan untuk saya sembahyang asar.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri, Labuan sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tentang tol...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Berkaitan dengan tol Tuan Pengerusi, sila duduk ya. Berkaitan dengan mengapa pampasan perlu dibayarkan. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan. Saya katakan bahawa perbincangan adalah untuk kita bayar disebabkan penangguhan kenaikan kadar tol seperti mana yang dipohon oleh kebanyakan pihak dahulu. Apabila ditangguhkan maka di bawah peruntukan perjanjian ianya perlu dibayar sebab peruntukan perjanjian itu sudah ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Manakala perkongsian pula diterima oleh kerajaan kutipan tol melebihi unjuran pada tahun operasi tersebut. Ini bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang dan hasil kepada keuntungan itu berasaskan pada hasil atau kutipan sebenar tol dan kalau ada keuntungan maka ia akan dikongsi antara konsesi dan juga kerajaan. Kalau mengikut perincian, sejumlah RM460.86 juta adalah seperti berikut. RM381.86 adalah untuk bayaran pampasan tol, RM68 juta untuk Program *rebate toll*, dan RM11 juta untuk kos operasi dan penyelenggaraan persimpangan bertingkat Indah Putera iaitu di Lebuhraya Link Kedua.

Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang mengapa tol tidak dimansuhkan berdasarkan makmal subsidi PEMANDU pada tahun 2010 kos rasionalisasi lebuh raya beroperasi adalah ditangguhkan. RM400 bilion yang merupakan implikasi kewangan tinggi kepada kerajaan. Pengambilalihan ini boleh memberi kesan kepada imej kerajaan di kalangan

para pelabur. Pengambilalihan ini juga bermakna kerajaan perlu menyediakan peruntukan setiap tahun untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan lebuh raya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Penjelasan Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Adakah kita akan mansuhkan plaza tol buat masa ini. Kerajaan belum mempunyai sebarang cadangan untuk memansuhkan plaza tol kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, setelah perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi untuk mengenal pasti kaedah untuk meringankan bebanan rakyat maka kadar tol ada yang telah dibuat kajian semula, ada yang ditangguhkan dan ada juga kaedah pembayaran yang berlainan yang telah kita perkenalkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Soalan dari Yang Berhormat PJ Selatan sama ada kerajaan bersetuju untuk mengurangkan kadar tol. Cadangan pengurangan tol perlu dilaksanakan secara berasingan bagi setiap syarikat konsesi lebuh raya sebab berbeza. Setiap konsesi mempunyai perjanjian yang berbeza daripada awal dahulu sehinggakan sekarang banyak perubahan penambahbaikan yang telah pun kita laksanakan. Sehingga kini pengurangan tol telah dilaksanakan dapat Lebuhraya Kesas, Plaza Tol PJ S2, Lebuhraya NPE dan juga Plaza Tol Sungai Nio, Lebuhraya BORR dan di samping itu kerajaan telah melaksanakan penstrukturan semula kadar tol di Lebuhraya PLUS dan MTD di mana tiada kenaikan tol untuk lima tahun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ampang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan kerana tadi sebut kena bayar itu dan ini tadi mengenai wang peruntukan RM460 juta. Tetapi tolong beri penjelasan tentang kenyataan mantan Menteri yang menyatakan bahawa kerajaan tidak lagi perlu membayar pampasan kepada syarikat konsesi lebuh raya tetapi sebaliknya turut mendapat keuntungan setelah menstrukturkan semula hasil daripada kutipan tol menerusi konsep perkongsian keuntungan pada Februari tahun ini. Tahun ini dia buat *statement* ini di *Utusan*. *Unless Utusan* ini memang surat khabar yang tidak boleh pakai.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejap. *Let's me responds* ini dahulu dengan izin. Seperti mana yang saya katakan tadi, dia banyak perbezaan antara satu syarikat konsesi dengan perjanjian daripada yang dahulu sehingga sekarang. Misal katanya PLUS yang kita buat perbincangan akhirnya mereka sudah menstrukturkan tol mereka dan daripada tarikh persetujuan itu untuk lima tahun tidak akan ada kenaikan iaitu *supplement agreements* kepada perjanjian tersebut.

Manakala untuk perkongsian untuk perjanjian-perjanjian baru ini, kita ada aliran trafik yang kita buat kajian berasaskan apa yang telah mereka beri jaminan. Kalau ada keuntungan daripada aliran trafik untuk tahun tersebut, maka perkongsian akan dikongsi dengan kerajaan untuk syarikat

konsesi di lebuhraya yang tertentu tersebut. Akan tetapi tidak semestinya setiap tahun mereka akan dapat keuntungan sebab ianya bergantung dengan jumlah trafik yang melalui kawasan tersebut. Di situ kita dapat berunding dengan mereka dan mereka bersetuju untuk memberi kembali kepada kerajaan.

■1750

Di samping itu sudah pasti saya yakin maka bahawa syarikat konsesi juga membayar cukai kepada kerajaan dengan keuntungan di samping pada keuntungan laluan trafik yang telah dipersetujui untuk diberikan kembali kepada kerajaan. Itu memang wujud. Akan tetapi tidak mengatakan dihapuskan. Tiada mengatakan maka dihapuskan. Tiada. Apa yang dimaksudkan ialah perkongsian dan kadar tol adalah ditetapkan di bawah perjanjian sama ada ada kenaikan atau tidak, ianya ditetapkan pada perjanjian tersebut. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, lepas ini saya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Menteri ada kata tol yang disebut tadi, yang telah dihapuskan bilangan itu, itu berlaku sebelum PRU ke-13, yang janji Barisan Nasional semasa PRU ke-13 akan dia kata hendak kurangkan bilangan tol tetapi dalam bajet tahun depan tidak ada langsung sebut begitu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bilakah kerajaan akan menghapuskan Tol PJS 2, NPE. Sudah janji lama hendak hapuskan tol ini tetapi langsung tidak ada. Hanya kurangkan sebelah tol tetapi sebelah lagi masih kutip RM1. Jalan itu, Jalan Klang Lama sedia ada dinaik taraf, dilebarkan tetapi buat satu tol di sana. So saya harap Yang Berhormat Menteri, saya mohon hapuskan plaza tol ini, PJS 2, NPE. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sambung sikit Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri. Okey Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya ini, Yang Berhormat Menteri kata untuk perjanjian dengan PLUS tadi, Yang Berhormat Menteri kata ada *this structure* dalam bentuk *supplemental agreements*. Dalam masa lima tahun tidak dibenarkan untuk menaikkan tol. Persoalan saya, boleh tidak Yang Berhormat Menteri *declassify* perjanjian *supplemental* itu untuk kita Ahli Parlimen kita ini diberikan salinan, satu. Keduanya saya hendak tanya, apabila kita *review* untuk lima tahun tidak ada kenaikan tol, adakah kerajaan dikehendaki membayarkan pampasan. Itu yang kedua. Ketiganya, lima tahun itu, maknanya perjanjian masih lagi berbaki sebab saya difahamkan untuk perjanjian dengan PLUS ini berakhir 2038. Lima tahun itu daripada bila sampai bila? Selepas lima tahun, apa berlaku? Adakah keadaan yang normal seperti biasa yang dulu kekal.

Kalau begitu, masih lagi kenaikan itu akan berlaku dan kerajaan juga akan kena bayar ganti rugi. Jadi saya hendak tanya, apakah yang menghalang untuk kerajaan, takut sangat hendak ambil balik ini dan biarkan. Sekarang kenyataannya mereka telah pun mendapat keuntungan. Saya rasa untuk PLUS ini tidak ada orang yang akan menafikan bahawa *volume* trafik ini, PLUS ini, *volume* yang paling tinggi. Kalau tempat lain, kalau Desaru ke Senai memanglah kita tengok dia punya

*volume* memang kecil tetapi untuk Lebuhraya PLUS ini, saya rasa *volumenya* terlalu tinggi. Mungkin sehari sahaja mereka sudah boleh untung banyak sudah.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Okey, saya faham maksud Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sikit tentang pampasan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kita tertakluk kepada perjanjian dan apa pun perjanjian tersebut, kita kena patuhi dan kalau pelanggaran kepada perjanjian maka ianya akan mendedahkan kerajaan kepada...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, kerajaan boleh buat sesuatu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejap, sekejap. Biar saya selesaikan menjawab.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kerajaan boleh gunakan kuasanya untuk hapuskan tol itu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Duduk, duduk.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tidak perlu terikat pada perjanjian.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ikutlah peraturan. Duduk dulu. *This is my floor*. Saya baru hendak selesai menjawab. Kalau tidak saya tidak menjawab nanti. Okey. Ini kerana kita terikat pada perjanjian dan bila perjanjian itu mengandungi peruntukan terma tertentu, maka kita kena patuhi. Pelanggaran pada perjanjian akan mendedahkan kepada kerajaan akan tuntutan daripada syarikat konsesi. Apa yang saya katakan tadi, kita sudah pun mendapat perbincangan dan bersetuju untuk mengurangkan kadar tol bukan menghapuskan. Ia tertakluk kepada perbincangan berterusan dan *insya-Allah* kita akan cuba sedaya upaya memenuhi kehendak apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Sepang begitu juga. Sama ada kita boleh *declassified*. Kalau kita hendak *declassify* satu perjanjian yang *confidential*, ia memerlukan *mutual concern* dan *concern* itu kita perlu peroleh dan tertakluk kepada sama ada syarikat konsesi bersetuju ataupun tidak, itu hak mereka dan kita tidak akan memaksa. Kemudian sama ada pampasan akan dibayar kepada PLUS...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Sama ada pampasan akan dibayar kepada PLUS ataupun tidak, seperti mana saya katakan tadi, ia sudah dipersetujui tidak dinaikkan kadar tol untuk lima tahun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lepas lima tahun?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejaplah. Kalau tidak mahu mendengar jawapan, macam mana *you* hendak faham. Oleh sebab itu jangan tanya dulu, biar saya menjawab dulu. Kita kata lima tahun dan kaedahnya banyak cara sama ada kita membayar pampasan ataupun kita *extendkan time frame* supaya dilanjutkan tempoh masa tol tersebut dan kita tidak akan membayar pampasan dan banyak kaedah perundingan yang telah dilakukan, kaedah-kaedah. Seperti mana

saya katakan tadi, untuk *PLUS Highway, North-South Highway* ini, kita kena melihat bahawa kalau kos-kos penyelenggaraan, siapakah yang menanggung?

Seperti mana dikata Yang Berhormat oleh Jerlun tadi. Yang Berhormat Jerlun mengatakan bahawa PLUS Highway dulu standardnya patut dua lorong. Sekarang ini sudah jadi tiga-tiga, jadi enam. Ada juga diminta ditambah lagi. Banyak tempat-tempat diminta untuk ada *interchange* untuk mengurangkan kesesakan dan banyak kerja tambahan yang dilaksanakan. Adakah ini tidak diambil kira?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit Yang Berhormat Menteri, sikit saja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri kata ada banyak cara. Satu caranya ialah kita mungkin *extend period agreements* itu. Makna 2038 mungkin *extend* lagi. Kalau itu yang berlaku Yang Berhormat Menteri, sampai bila. Sampai kita mati hidup semula pun kita bayar tol. Mesti ada satu pengakhiran terhadap bayaran tol ini. Mana dia *cut off*? Oleh sebab itu saya tanya. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat Menteri kata kalau hendak *declassify* kena dapat dapatkan *mutual consent*. Bagaimana *consent* pembayar tol ini? Adakah pembayar tol ini kita bukan *stakeholders* juga. Kita yang bayar. Dua-dua pihak dapat keuntungan, kita bayar lepas itu kita tidak ada apa-apa. Dapat tengok *agreement* pun tak boleh. Ini apa punya...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau kita selaku peguam, kalau *consent* hanya melibatkan pihak yang menandatangani perjanjian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** But *your are representing, the government is representing the people.*

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Duduklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kamu adalah mewakili kerajaan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof :** Akan tetapi dari segi perundangan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau kerajaan mewakili rakyat, kerajaan tidak boleh bela rakyat, jangan jadi kerajaanlah. Biar kami jadi kerajaan. Tukar. Apalah. Kerajaan tidak boleh bela rakyat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, pampasan tol.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya sikit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dulu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan sikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, pampasan tadi.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya hendak selesaikan berkaitan dengan isu tol. Sekejap.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sikit saja. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Sikit saja.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk, berkaitan dengan pampasan itu tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak, perjanjian, perjanjian. Saya hendak minta penjelasan Tuan Pengerusi, apakah kerajaan pada hari ini khususnya Yang

Berhormat Menteri berpuas hati dengan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini semasa menandatangani perjanjian itu dengan pihak syarikat konsesi. Adakah maknanya kerajaan telah buat kajian bersetuju bahawa itu memang betul ataupun memang ada satu pandangan lain tetapi tidak boleh hendak apa sudah. Itu saya hendak minta penjelasan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau perjanjian, sebab itu yang saya katakan tadi, apa-apa kita hendak buat, perjanjian sudah ditandatangani sama ada saya puas hati atau tidak, bukan persoalannya. Kita kena patuh kepada perjanjian dan kita akan kena laksanakan apa yang telah dipersetujui. Oleh sebab itu negara kita akan dihormati kalau kita mempunyai sebuah kerajaan yang sentiasa memegang kepada perjanjian. Oleh sebab negara luar pun akan lihat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perjanjian royalti Terengganu, *you* langgar boleh pula. Tiba dekat sini cakap mengenai perjanjian.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Duduklah, ikut peraturan, ikut peraturan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada perjanjian Terengganu, Petronas dengan kerajaan Terengganu langgar. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri cakap fasal perjanjian. Perjanjian apa ini?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ini bukan *floor*, *this is not your floor*. Duduk, duduk.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kena hormat perjanjian, tetapi royalti langgar. Tidak bayar royalti boleh pula.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini cakap berbelit-belit ini. Apalah Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Sepang. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat Menteri duduk dulu. Yang Berhormat berdiri di sana duduk dulu sekejap. Saya boleh biarkan perbincangan, saya biarkan pihak pembangkang untuk *grill* siapa saja Yang Berhormat Menteri tetapi jangan menjangkau batas peraturan mesyuarat. Ini bukan lagi berbincang, bertengkar. Itu sebab tadi apabila saya cakap sama Yang Berhormat Shah Alam, saya tertunggu-tunggu bila dia jadi Yang Berhormat Menteri Perhubungan Kerja Raya. Dia belum pernah jadi Menteri begitu. Saya pernah jadi Menteri. Bukan senang untuk menjawab apabila kita mengambil kira semua fakta. Setahu saya penswastan ini adalah satu dasar dulu yang belum negara orang lain pun buat. Fahamlah sikit, lebih-lebih lagi peguam. Janganlah bertengkar macam mesyuarat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Berdiri lagi, saya belum habis untuk bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, cakap.

**Tuan Pengerusi:** Janganlah bermesyuarat macam mesyuarat JKKK di kampung yang langsung tidak tahu peraturan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** JKKK itu UMNO.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan Tuan Pengerusi.

■1800

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena, walaupun cakap begitu jangan terlampau serius nanti ada orang jawab lagi panjang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Saya sendiri perkara begitu pun boleh jawab tetapi janganlah panjangkan dengan perkara yang tidak perlu panjang. Sila Yang Berhormat Menteri, dengarlah apa pencelahan. Teruskan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Baik, baik Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi Kementerian Pertahanan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, boleh celah sikit?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Pengerusi, biar saya teruskan. Saya hendak selesaikan masalah tol ini. Ada satu lagi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan iaitu kesesakan di Lembah Klang. Khususnya sebab terutama di waktu puncak. Untuk makluman kesesakan di lebuhraya di lebuhraya Klang berlaku pada waktu puncak pagi dan petang. Selaras dengan pembangunan yang pesat di Lembah Klang terdapat sejumlah hampir lima juta kenderaan bergerak setiap hari. Penyelesaian kesesakan ini hendaklah ditangani secara holistik iaitu diintegrasikan dengan sistem pengangkutan awam di samping penggunaan lebuhraya baru bagi tujuan penyuraian trafik seperti di kawasan Mont Kiara, Damansara dan juga di kawasan pusat komersial seperti Seksyen 16 yang merupakan kawasan berkepadatan tinggi.

Saya akan beralih seterusnya berkaitan dengan isu yang dibangkitkan iaitu kualiti penyelenggaraan jalan raya. Saya menerima teguran daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara terbuka misalnya untuk Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Bintulu membangkitkan untuk penggunaan perniagaan jalan di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman di Sabah, ada dua syarikat penyelenggara manakala di Sarawak ada tiga syarikat penyelenggara jalan persekutuan. Bagi jalan negeri dan PBT dari Sabah dan Sarawak adalah di bawah kerajaan negeri. Bagi memastikan kualiti perniagaan memuaskan, kementerian senantiasa memantau melalui lawatan pemantauan iaitu tiga kali setahun dan juga mesyuarat pemantauan empat kali setahun.

Walau bagaimanapun, pihak JKR telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja syarikat konsesi melalui *quality assurance* dan juga kualiti kontrol sebelum pembayaran dibuat. Antara faktor keadaan jalan yang rosak dan tidak rata adalah faktor kenderaan yang berat yang membawa muatan melebihi had. Untuk makluman, kementerian senantiasa berbincang dengan pihak kerajaan negeri serta agensi penguat kuasa seperti polis dan juga JPJ supaya dapat memastikan had muatan ini dipatuhi oleh kenderaan-kenderaan dan penguatkuasaan dapat dilakukan oleh agensi berkenaan.

Sebab ianya bukan di bawah tanggungjawab kementerian kami. Begitu juga berkaitan dengan peruntukan. *Insyah-Allah* kita akan terus memastikan dan memohon daripada *central* agensi supaya peruntukan untuk perniagaan ini dapat diberikan secukupnya supaya kita akan dapat senantiasanya melaksanakan perniagaan jalan dengan sebaik mungkin. Sekarang ini apa yang kita lakukan untuk syarikat penyelenggara ialah untuk kita sentiasa mempertingkatkan *monitoring* ataupun *supervision* dan bekerjasama untuk memastikan bahawa mereka akan menjalankan semua kerja penyelenggaraan ini mengikut spesifikasi dan standard yang ditetapkan.

Sudah pasti saya rasa ini akan dapat kita lakukan dan saya mengharapkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau melihat bahawa kerja-kerja penyelenggaraan ini tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya ataupun pada fikiran Ahli Yang Berhormat ada jalan-jalan yang dilaksanakan dengan atau disenggarakan dengan tidak sebaiknya bolehlah memaklumkan kami. Atau pun boleh berhubung terus kepada saya untuk melaporkan secara spesifik jalan-jalan yang terlibat, supaya kita boleh mengambil tindakan untuk memeriksa dan akhirnya mengarahkan syarikat-syarikat konsesi ini menjalankan dengan kerja-kerja sebaik mungkin.

Saya memerlukan semua Ahli Yang Berhormat membantu kami dalam hal ini, selaku telinga dan mata kepada rakyat untuk menyampaikan maklumat ini kepada kami. Ada beberapa perkara lagi yang dibangkitkan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Iaitu berkaitan dengan – Biar saya selesaikan. Kalau ada masa nanti saya beri peluang.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mengenai penyelenggaraan sebelum beralih kepada topik yang lain.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tolong ringkaskan ya?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi sebahagian daripada jalan adalah tanggungjawab kerajaan negeri melalui PBT untuk menyelenggarakan jalan-jalan yang berkenaan. Namun, kita sedia maklum di bawah peruntukan perlembagaan yang sedia ada, Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab untuk menyalurkan sejumlah peruntukan kepada kerajaan negeri yang disebut sebagai peruntukan MARRIS setiap tahun bagi tujuan yang sama.

Persoalan saya ialah apakah dasar dan polisi yang diguna pakai oleh kementerian untuk menentukan jumlah yang akan disalurkan bagi sesebuah kerajaan negeri? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh nyatakan berapakah jumlah tahunan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam konteks peruntukan MARRIS ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Memang benar, memang ada peruntukan khas daripada Kerajaan Pusat kepada setiap kerajaan negeri di bawah MARRIS iaitu untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri. Peruntukan ini diagihkan mengikut panjang jalan yang diisytiharkan oleh peringkat negeri. Saluran duit ini adalah diberi salurkan oleh



Kementerian Kewangan terus kepada kerajaan negeri dan ianya tidak melalui JKR ataupun kementerian kami pada masa ini. Cuma kita akan memantau bersama dengan JKR peringkat negeri untuk memastikan bahawa penyelenggaraan jalan ini akan dilaksanakan sebaik mungkin.

Sebagaimana kita sedia maklum, ada empat jenis jalan. Satu jalan lebuhraya bertol, satu Jalan Persekutuan, satu jalan negeri dan juga jalan majlis-majlis daerah ataupun PBT. Tanggungjawab kami hanyalah lebuhraya bertol dan juga Jalan Persekutuan. Manakala yang lainnya adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa kerajaan negeri. JKR negeri adalah teknikal kepada kerajaan negeri dalam hal ini. Untuk Selangor, Selangor menerima peruntukan sejumlah keseluruhan satu untuk *standard road* untuk sebahagian lagi untuk *substandard road*. Keseluruhannya RM498 juta lebih setahun untuk tahun 2013, RM498,033,993.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi itulah peruntukan yang telah diagihkan kepada negeri Selangor untuk itu. Jadi kalau diizinkan saya tidak akan menjawab secara spesifik kepada setiap persoalan yang dibangkitkan oleh...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri....

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Oleh Ahli Parlimen tetapi saya akan mengikut pada tajuk.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah satu soalan sahaja. Ini berhubung kait dengan keselamatan rakyat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dulu. Nanti kalau ada masa saya akan bagi. Biar saya selesaikan pada apa yang diujahkan tadi.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kalau saya boleh, tidak mengapa Menteri jawapan bertulis pun tidak mengapa.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tidak mengapa, duduk dulu nanti *you* boleh *last* sekali kalau ada apa.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Nanti kalau saya lepaskan peluang ini macam mana Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Seterusnya kepada Yang Berhormat Sekijang, Ahli Yang Berhormat Sekijang membangkitkan sama ada KKR akan menambahkan bilangan pegawai mempunyai profesional *engineer* untuk memastikan pegawai kompeten untuk kerja-kerja pengurusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekijang, bilangan pegawai pengurusan yang bertaraf profesional sama ada *engineer*, arkitek mahupun *surveyors* adalah berjumlah 594 orang iaitu 17%. Kementerian memang menggalakkan semua pegawai-pegawai peringkat profesional untuk mengambil bidang-bidang ataupun *certification professional bodies* yang berkaitan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sama ada berkaitan dengan penjelasan pegawai Skim J ataupun pengurusan projek iaitu 91% berbanding 100% projek khas. Sehingga Oktober 2013, peratus pengisian pegawai pengurusan dan profesional bagi butiran pengurusan projek adalah

94% manakala butiran projek khas adalah 93%. Untuk pegawai lantikan baru, dan pelantikan dibuat dengan anggaran empat kali setahun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Kuala Kangsar mencelah. Seminit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Boleh *last* sekali nanti.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Sektor pakar. Okey.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, nanti-nanti. Biar saya selesaikan dulu. Seperkara lagi iaitu sama ada apakah tindakan yang kita ambil supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit dan juga Yang Berhormat Lipis. Usaha industri pembinaan untuk membangunkan keupayaan tenaga kerja tempatan di samping mengurangkan kebergantungan kerajaan kepada tenaga asing. Apa yang telah kita lakukan ialah pertamanya untuk menggalakkan penggunaan Sistem Binaan Berindustri ataupun IBS singkatannya.

#### ■1810

Program Akreditasi Pekerja Tempatan dan Asing, Program Pembangunan dan Latihan Kemahiran Belia meningkatkan penguatkuasaan, peraturan dan prosedur pengambilan pekerja asing seterusnya, membuat promosi kerjaya dalam bidang industri pembinaan. Syarat menguatkuasakan pekerja mahir yang bertauliah serta menjalankan kursus-kursus binaan yang dianjurkan oleh CIDB melalui enam buah Akademi Binaan Malaysia di seluruh negara supaya kita dapat meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja dalam bidang industri.

Selain itu Tuan Pengerusi, kebanyakan adalah permohonan kursus berkaitan dengan projek-projek di kawasan masing-masing. Kalau saya hendak menjawab satu persatu mungkin mengambil masa yang agak panjang. Jadi semua mengharapkan saya akan mengambil maklum semua permohonan berkaitan dengan projek dan saya akan respons secara bertulis disebabkan ianya ada perkara yang spesifik, mungkin saya memerlukan banyak *detailing* yang perlu dihuraikan dan disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat kalau Tuan Pengerusi dapat mengizinkan. Saya mohon kebenaran ini untuk menyampaikan projek-projek secara bertulis.

Satu lagi topik ialah berkaitan dengan 'Kelas F'. Untuk makluman, sekarang ini kita mempunyai lebih kurang 35,000 orang kontraktor 'Kelas F' di seluruh negara dan sekarang ini kita mengambil tindakan untuk memperincikan siapakah kontraktor 'Kelas F' yang benar-benar tulen. Bila katakan tulen iaitu mereka yang benar-benar melaksanakan kerja secara sendirian, bukannya memberi subkontrak kepada orang-orang lain. Melalui pemutihan dan dengan penelitian tersebut, kita memang dari segi dasar sentiasa membantu bukan sahaja 'Kelas F' tetapi juga 'Kelas E' dengan kita mengagihkan projek termasuk juga projek penyelenggaraan jalan -ditetapkan bahawa berapa peratus mesti diagihkan kepada kontraktor 'Kelas F'.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Begitu juga ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengharapkan bahawa kita akan dapat memberi keutamaan kepada syarikat berdaftar di kawasan masing-masing untuk diberikan keutamaan mendapat projek di kawasan mereka.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** *Insya-Allah*, perkara ini kita akan mengambil maklum. Cuma kalau projek-projek yang berasaskan kepada tender sebab sekarang ini di bawah kementerian kita, semua projek adalah berasaskan tender...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan sedikit.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau tender, ianya kadang-kadang tender terbuka kepada semua rakyat kita, syarikat yang berdaftar di Malaysia. Oleh sebab itu ianya ditentukan oleh bukan kontraktor berasal di tempat tersebut tetapi berasaskan kepada pertama, penilaian dari segi kemampuan kewangan. Kedua, dari segi teknikal dan juga kemampuan mereka melaksanakan projek tersebut. Akan tetapi apa pun kita mengambil maklum akan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita akan mencari jalan bagaimana kita dapat melihat.

Akan tetapi, kalau kontraktor tempatan memang ada kemampuan kewangan dan teknikal dan juga mempunyai *rating* yang baik dari segi penilaian tender itu sudah pasti mereka akan diberi peluang untuk menempatkan projek. Ya, diharapkan singkat ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri bincangkan tentang bagaimana kita kurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** [*Bangun*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya nampak bahawa di tempat-tempat lain seperti di Korea di mana *construction workers* semuanya orang tempatan. Bagaimana mereka boleh buat begitu? Ini disebabkan oleh mereka ada satu *training* yang cukup baik di mana ada kontraktor Korea memberitahu bahawa kalau mereka menggunakan seorang Korea di Malaysia, dia boleh ganti tujuh orang pekerja Bangladesh. Jadi kalau gaji ditingkatkan, maka semua rakyat Malaysia, kalau kita ada *training* yang begitu baik, contohnya CIDB mempunyai tabung yang cukup besar. Kalau digunakan untuk *train* anak-anak muda sekarang untuk menjadi pekerja *contraction workers*, mereka akan menjadi pekerja yang baik dan tingkatkan pendapatan dan kurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit tentang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, kemudian...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kapar?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang sektor pakar yang mana kita

lihat akhir-akhir ini kekerapan berlaku di mana kita lihat gegaran *seismic* dan juga gempa bumi berlaku di sekitar negara-negara rantau dan perkara ini memberi kesan yang lebih buruk dari hari ke hari kerana kita lihat bahawa plat bumi itu sudah hampir ke negara kita. Saya ingin menanyakan tentang adakah pihak KKR mempunyai kepakaran ataupun unit-unit khas yang mana telah ditubuhkan untuk melihat kepada kajian dan juga menangani kesan-kesan bencana dan juga gegaran *seismic* ini.

Saya dapat maklumat juga mungkin cadangan jambatan kedua dan juga terowong di bawah dasar laut itu telah mengambil kira tentang kesan-kesan gempa bumi ini. Adakah ia akan dipanjangkan kepada bangunan-bangunan kita yang bakal mendatang ini dan apakah – kerana ia akan memberi satu implikasi kepada kontrak, kajian, kos dan juga kaedah mengimplementasikan projek itu? Jadi, sejauh manakah pihak KKR bersedia menghadapi ancaman yang bakal mendatang ini? Sekian, terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada isu yang telah – ramai di kawasan saya Batu Kawan terutama sekali terutama sekali di kawasan Bukit Tambun dan Bukit Tengah yang mengalami satu isu keselamatan jalan raya disebabkan keadaan jalan raya yang amat teruk.

Banyak penduduk melalui JKKK, melalui ADUN, melalui Pejabat Ahli Parlimen, melalui kerajaan negeri mahupun telah menghantar surat kepada JKR negeri dengan JKR pusat maksudnya kepada kementerian tetapi maklum balas yang telah diterima amat mengecewakan iaitu sama ada tiada peruntukan ataupun tiada jawapan. Sejak bulan enam partisipasi ahli-ahli yang telah dipilih oleh rakyat, wakil rakyat, ADUN dan Ahli Parlimen dalam kawasan Batu Kawan terutama sekali yang telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah telah banyak kali membawa isu keselamatan jalan raya yang berhubung kait dengan keadaan jalan yang amat teruk.

Akan tetapi, maklum balas yang kami terima dari wakil JKR yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah belum dapat maklum balas dari pihak atasan yang saya pasti bermaksud kementerian ataupun tidak ada peruntukan, sampai permohonan untuk *traffic light* pun tiada peruntukan. Ini dari bulan Jun tahun ini. Jadi, saya amat dukacita Yang Berhormat Menteri sebab isu ini tidak seharusnya dipolitikkan oleh mana-mana pihak tetapi pendapat saya adalah negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat tidak harus terus dianaktirikan sama ada peruntukan tidak diberikan atau diberikan lambat atau permohonan tidak diluluskan. Jadi saya mohon satu penjelasan supaya boleh dibawa balik kepada penduduk-penduduk di kawasan saya. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Cuma...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri saya ringkas sahaja.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Batu Kawan, adakah jalan negeri atau pun jalan persekutuan?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Jalan persekutuan. Jalan negeri saya faham di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Spesifik di mana?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Jalan Paboi, Jalan Tasik...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Nanti – sebab perkara ini adalah perkara spesifik. Kalau dapat, Yang Berhormat boleh buat surat terus kepada saya. Nanti saya perincikan sama ada apa kedudukan dan mengharapkan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey, terima kasih Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** ...Sebab JKR negeri biasanya akan melaporkan kepada negeri dan melaporkan kalau jalan persekutuan kepada kita.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sebab saya...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya akan perincikan perkara tersebut.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sebab saya sendiri dalam mesyuarat...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sebab ianya perkara spesifik dan boleh mengemukakan secara bertulis.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi saya pasti suara saya boleh mewakili banyak daripada Ahli Parlimen di sini yang sering kali mendapat jawapan sama ada tiada peruntukan atau tiada dapat apa-apa maklum balas sama ada di peringkat negeri atau peringkat kementerian. Jadi, saya mohon...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi sebab itu saya katakan tadi, kalau melibatkan projek, begitu banyak lagi yang berkaitan dengan projek. Sebab itu yang berkaitan dengan projek, saya akan perincikan dan saya akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Berkaitan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan dengan *technical workers* dan juga kenaikan gaji. Kenaikan gaji seperti mana kita sedia maklum, industri ianya bergantung kepada industri. Kerajaan kalau campur tangan pun hanya boleh memperkenalkan undang-undang. Undang-undang itu sama ada ianya akan diterima ataupun tidak oleh masyarakat kita. Ianya melibatkan banyak *stakeholders* tetapi cadangan yang baik daripada Yang Berhormat, mungkin kita boleh kita sampaikan.

Oleh sebab banyak lagi kementerian yang terlibat dalam perkara ini termasuklah Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya kira sudah pasti di peringkat kementerian khususnya JKR ada kemahiran dalam memastikan bahawa bangunan-bangunan baru didirikan mesti mematuhi sekurang-kurangnya standard antarabangsa iaitu daya tahan daripada ancaman gempa bumi.

#### ■1820

Sebahagian daripada bangunan-bangunan di negara kita sekarang ini memang sudah pun mematuhi dan sudah pasti bangunan lama dan bangunan baru, perancangan baru, adakah ia akan

menjadi dasar tertentu. *Insyah-Allah*, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar akan kita bawa dan perincian untuk diputuskan oleh kerajaan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Akhirnya kepada Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Kota Bharu sedikit. Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Boleh, apa sekejap?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar dari tadi minta Yang Berhormat Menteri. Tidak beri pun.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Kota Bharu sekejap. Selepas itu Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejap, sekejap. Saya selesaikan isu Yang Berhormat Pokok Sena sekejap. Yang Berhormat Pokok Sena ini kalau tidak selesai...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Selepas itu beri ya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Nanti dia naik angin lagi susah. Sebab sahabat saya ini...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak ikut naik anginkah Yang Berhormat Menteri? Tidak bolehlah macam itu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya kena jawab betul-betul supaya angin dia – tambah lagi sekarang ini keadaan angin itu mungkin kejadian baru-baru ini dia lagi panas baran.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi saya rasa tengok bukti yang naik anginnya Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Bila berdepan dengan Yang Berhormat Shah Alam dan dengan Yang Berhormat Sepang tadi Yang Berhormat Menteri yang naik angin sampai Tuan Pengerusi pun jadi sukar untuk hendak *control*.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya tidak naik angin.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya relaks sahaja. Saya tanya Yang Berhormat pun relaks sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ini kali tidak apa, jangan sahaja panjat pokok.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Iaitu berkaitan dengan *[Disampuk]* berkaitan dengan CIQ Langkawi, mengapa ia tidak dibuat secara tender terbuka? Untuk makluman, RM65 juta yang dikatakan adalah siling yang ditetapkan sebab ia di bawah projek KDN tetapi kos kontraktor asal adalah RM53.51 juta. Akan tetapi setelah ditender semula, sekarang ini yang berjaya mendapat ialah RM41.66 juta. Ia dalam proses tender dan juga ada proses-proses tertentu dibuat disebabkan berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

Begitu juga untuk proses, CIQ jeti baru di Kuah, Langkawi ...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Projek ini ia melalui proses *value management* dan kos yang telah dipersetujui, kos siling ya, yang dipersetujui ialah RM89.9 juta dan kos rundingan adalah RM86.5 juta. Ia adalah rendah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** ...Daripada siling yang ditetapkan dan mengapa ia dibuat secara rundingan terus? Ia ditentukan di peringkat jawatankuasa, di peringkat Kementerian Kewangan. Ia melibatkan kerja yang bukan *straightforward, normal construction method* sebab pertama sekali ia projek ini adalah projek yang kompleks dan berisiko tinggi kerana kontraktor terpaksa melaksanakan projek ini yang mana melibatkan bangunan dan infrastruktur yang sedia ada. Maknanya, ia dalam kerja-kerja kontrak sebahagian operasinya kena berjalan. Apabila operasi berjalan, ia kena terus memberikan khidmat kepada semua pihak yang menggunakan CIQ tersebut termasuklah pelancong dan sebagainya. Apa yang lebih utama projek ini mesti disiapkan dalam tempoh yang tertentu. Apabila kita menetapkan tempoh tertentu bukan mengikut *norms* sebab itu ia terpaksa menggunakan kaedah yang agak ditentukan oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian Kewangan untuk dibuat secara *design and build* dan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Bharu. Boleh habis sudah ya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya beri dia bertenang, saya dengar dia dahulu. Oh! Saya tanya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat jangan buang masa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi Yang Berhormat Menteri itu dia terlalu cepat ada persepsi negatif. Tidak macam Yang Berhormat Tenggara, tenang sahaja. Tengok kakilah. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab. Cuma saya hendak tanya bahawa, itu menunjukkan projek itu adalah projek wahyu, diarahkan JKR untuk buat, tentukan siling harga siling itu dan akhirnya apabila *nego*, maka jatuh pada RM86.5 juta. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau saya katakan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kalau JKR buat dan dipersetujui oleh semua pihak dalam bentuk *open tender*, malah pihak kerajaan akan dapat harga yang lebih murah iaitu sekitar dalam RM80 juta.

Keduanya, saya juga agak hairan kerana projek ini ia bukan hanya membabitkan soal *construction*, pembinaan biasa tetapi ia juga berkaitan dengan soal marin. Ia punya ini berkaitan dengan marin dan saya difahamkan bahawa kontraktor ini pun bukan ada kepakaran yang berkaitan dengan soal marin. Dia hanya ada kepakaran dalam *construction*, pembinaan semata-mata. Jadi sebab itu saya lihat bahawa saya takut bahawa akan berlaku keadaan-keadaan seperti ini kerana ada banyak kes yang telah pun diperakui di mana akhirnya kita akan berhadapan dengan masalah yang sangat besar.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena yang mengatakan projek ini wahyu, bukan. Sebab, memang kaedahnya. Ada projek yang dilakukan

secara *direct nego* tetapi walaupun *direct nego*, penglibatan JKR, ia ada jawatankuasa yang menilai daripada segi teknikal dan kemampuan kewangan yang akhirnya akan dilaporkan kepada jawatankuasa pula di peringkat kewangan untuk memastikan bukan sahaja keupayaan tetapi daripada segi teknikal, kewangan, pengalaman, semuanya akan diambil kira berdasarkan keseluruhan laporan tersebut, maka ia akan ditentukan. Sudah pasti apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi sama ada mereka mempunyai teknikal dan sebagainya, ia sudah pun dianalisa. Saya berkeyakinan penuh bahawa jawatankuasa yang terdiri daripada kumpulan pakar di kementerian dan juga di kewangan sudah melihat perkara yang dimaksudkan.

Saya kira...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Satu lagi, sedikit sahaja. dengan benda yang sama. Adakah Kementerian Kewangan sudah pun bersetuju dengan harga itu ataupun masih di dalam pertimbangan? Saya haraplah bahawa kalau masih belum ada kata putus daripada segi harga harus disemak balik. Saya telah membangkitkan benda- beza ini benda yang sama seperti mana kes Istana Negara sejak satu ketika dahulu. Apabila saya bangkitkan akhirnya, harga yang tinggi itu telah berjaya dapat dikurangkan. Jadi sebab itu saya minta supaya benda-benda dikaji – saya bukan melihat bahawa ia bukan satu keperluan tetapi satu keperluan tetapi soal harga itu sangat penting kalau dapat dijimatkan. Kalau dahulu Istana Negara itu hampir sampai RM1 bilion, kalau tidak silap saya bangkit tetapi apabila saya dedahkan, saya hantar memorandum kepada Menteri JKR pada waktu itu iaitu Dato' Seri S. Samy Vellu dan sebagainya, akhirnya JKR diarahkan balik untuk buat satu semakan dan sebagainya maka berlakulah penurunan harga.

Jadi sama juga saya katakan sebab saya ada maklumat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tidak apa. Yang Berhormat Pokok Sena, saya dapat sudah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau betul-betul JKR menggunakan kepakaran yang ada kepada golongan pakar mereka itu melalui *open tender* ataupun melalui penyemakan...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya sudah dapat apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya percaya bahawa sekitar RM80 juta

...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya ambil maklum dan *insya-Allah*, nanti...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya akan semak dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, beri sekali sama Yang Berhormat Kota Bharu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Okey, terakhir ya Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan tentang perancangan kerajaan untuk KKR ini. Akan tetapi saya hendak bertanya, apa terjadi



kepada beberapa projek yang sebelum ini dijanjikan oleh kementerian ini untuk dilaksanakan tetapi nampaknya sehingga setahun selepas itu pun belum dilaksanakan dan sekarang ini dijanjikan pula projek-projek baru.

Sebagai contoh, pada 17 Oktober 2012 untuk Bajet 2013, Yang Berhormat Menteri Tampin semasa itu menjadi Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah memberikan jaminan di dalam Dewan ini bahawa *“Kerajaan tidak pernah membatalkan pelaksanaan projek menaik taraf jalan persekutuan dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan”*, kata Menteri Kerja Raya semasa itu. *“Sebaliknya projek itu ditangguhkan sementara bagi membolehkan kerajaan menilai skop, spesifikasi dan kos projek berkenaan dan projek ini sebagaimana yang kita maklum adalah projek sebahagian daripada jajaran jalan persekutuan Central Spine dari Pahang ke Kelantan dengan cadangan untuk menaik taraf Jalan Kota Bharu-Kuala Krai ini yang diluluskan secara prinsip pada tahun 2008”* lagi.

Jadi saya hendak Yang Berhormat Menteri, sejauh mana seriusnya kementerian Yang Berhormat untuk melaksanakan projek ini yang saya difahamkan oleh Yang Berhormat Ketereh baru-baru ini telah diambil tindakan. Hendak tahu sejauh mana perancangan ini telah diambil tindakan. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Dan saya juga...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** ...Telah mendapat ingatan daripada Yang Berhormat Ketereh berkaitan perkara ini. Sebahagiannya saya sudah jawab waktu soal ada jawapan soal jawab dan saya tidak ingin untuk mengulanginya sebab sebahagiannya sudah pun dalam pelaksanaan. *Insya-Allah*, untuk Kota Bharu sehingga ke Ketereh manakala perhubungan di *Central Spine* itu saya sedang memperincikan setelah disuarakan oleh Yang Berhormat Ketereh. *Insya-Allah*, kita akan berusaha dan berdoalah sama-sama moga ia dapat peruntukan dan kelulusan untuk kita laksanakan pada masa akan datang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

■1830

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Kapar, perkara baru atau ada hubungan?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hubungan, ada hubungan dengan kualiti jalan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kualiti jalan tadi saya sudah jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Belum secara terperinci. Saya hendak berbangkit dengan apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi tentang kita turap jalan, selepas itu benda itu berulang-ulang, yang pertama.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Betul.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kedua ialah *soil investigation*, adakah *soil investigation* dilakukan secara terperinci? Oleh sebab itu yang mengakibatkan jalan yang berlubang kita turap, benda berbalik-balik tidak ada penyelesaian. Ketiga ialah ada kena mengena dengan parit yang perlu dikongkritkan, itu pun di bawa oleh Yang Berhormat Parit Sulong tetapi belum dijawab lagi oleh kementerian. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Memang saya sudah katakan tadi dari segi penyelenggaraan kita akan monitor keseluruhan pelaksanaan penyelenggaraan oleh syarikat penyelenggara. Sama ada kita akan menggunakan kaedah teknologi baru atau pun untuk menjalankan penambahbaikan *upgrading of the road and so on*, dengan izin. Ianya bergantung sebab di negara kita ini muka buminya berbeza, tanahnya berbeza, di Johor, di Perak, di utara termasuk di Sarawak dan sebahagian daripada Sabah banyak tanah paya gambut. Tanah paya gambut ini cabarannya agak besar. Kita boleh membuat jalan paya gambut ini supaya ianya boleh tahan lama. Kalau kita membuat secara kaedah *by way of suspended* seolah-olah kita membuat *much bridge*, maknanya *you* kena *piling* buat konkrit *structure* dulu kemudian baru dibuat jalan yang akan menelan belanja yang begitu besar.

Jadi pada masa itu kita kena tentukan keutamaan. Dari segi keutamaan dengan kemampuan kewangan yang ada apa patut kita lakukan. Adakah kita hendak membuat jalan asas dulu atau pun adakah kita akan membuat jalan mengikut kualiti tertentu supaya *less maintenance cost* dengan izin. Jadi ini perimbangan yang perlu diputuskan. Ianya bukan tidak lah semudah tetapi akhirnya apa yang diputuskan pada waktu itu adalah berasaskan kepada kemampuan dari segi kewangan dan perancangan yang ada untuk kita beri keutamaan kepada rakyat. Sudah pasti apabila negara kita semakin berkembang maju, kemampuan kewangan kita berkembang baik, sedikit demi sedikit kita akan tambah baiklah jalan yang sedia ada ditambah baik supaya grednya daripada gred yang paling rendah mungkin R5 supaya ia berada dalam kedudukan yang mampu menampung kenderaan berat disebabkan kepesatan penduduk dan sebagainya. Itu semua kita akan ambil maklum.

Kita memberi komitmen dari segi kementerian untuk memberi yang terbaik untuk negeri, negara dan rakyat kita dari segi bukan saja jalan, penyelenggaraan dan juga bangunan-bangunan yang kita bina untuk memastikan kita akan dapat tangani apa juga masalah termasuk yang dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi berkaitan dengan kedudukan bangunan, ada bangunan yang runtuh dan sebagainya. Saya ada maklumat itu, saya akan berikan secara bertulis yang berlaku di Terengganu misalnya adalah di bawah bidang kuasa negeri yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan ada berapa unit sahaja tidak banyak sebenarnya daripada keseluruhan projek yang kita laksanakan.

Akan tetapi kita sedar banyak kejayaan yang telah dibuat oleh Kementerian Kerja Raya melalui agensi Jabatan Kerja Raya, CIDB dan juga Lembaga Lebuhraya. Pada masa yang sama kita mengakui bahawa kita bukan 100% *perfect*. Akan tetapi, kita akan memberi komitmen untuk menambah baik dan memberi yang terbaik kepada rakyat dan negara kita. Itu yang kita lakukan

dan insya-Allah kita boleh interaksi secara *detail* lagi berkaitan dengan, sebabnya ianya melibatkan begitu teknikal apa yang dibangkitkan berkaitan dengan kaedah *maintenance* dan sebagainya. Saya rasa boleh kita adakan perbincangan di luar untuk bertemu dengan pakar-pakar, bila-bila kita boleh berjumpa berkaitan perkara ini sebab untuk dibincangkan secara *detail* butiran, apa kaedah dan sebagainya, begitu banyak kaedah yang perlu kita perincian. Jadi saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Satu lagi cadangan Yang Berhormat Menteri tentang pembinaan yang sedang berlaku dan sebagainya. Di sana kalau lori yang besar-besar keluar masuk dan sebagainya menjejaskan jalan raya yang berkaitan. So, minta kementerian juga memantau projek-projek pembinaan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya jawab tadi, itu adalah dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri iaitu polis atau JPJ, yang bukan dalam bidang kuasa kita. Kita hanya membuat jalan dan kita menyuarakan dan berbincang dengan mereka untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk itu Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk yang perkara-perkara lain yang dibangkitkan untuk saya menjawab secara bertulis dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi berkaitan dengan apa saya maklum sebab jambatan itu memang dibina oleh PKNS di bawah kerajaan negeri.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Dan ianya jatuh dan sebagainya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kota Melaka, bertulis ya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Begitu juga dengan... Semua-semua, saya sudah ambil maklum.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Okey.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Disebabkan masa, saya minta izin untuk jawab secara bertulis yang lain.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh-boleh. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Termasuk Yang Berhormat Kota Melaka. Saya ada maklumat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Begitu juga Yang Berhormat Seputeh, saya akan jawab Yang Berhormat Seputeh. Bagi *chance* saya boleh jawab secara bertulis. Kalau Yang Berhormat Seputeh tidak puas hati, kita boleh duduk berbincang minum kopi kita bincang untuk perinci jawab pada Yang Berhormat Seputeh. [Ketawa] *No problem*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh-boleh. Sikit, sikit, sikit Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri lagi satu. *Last one, last one.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis masa Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tentang yang jambatan PKNS itu. Dibuat PKNS itu. Memang jambatan itu dibuat oleh PKNS. Akan tetapi JKR, LLM pergi korek, korek, korek jalan sehingga jambatan itu runtuh.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Alahhh..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi pihak JKR haruslah bertanggungjawab lah tidak boleh hanya semua ini tolak kepada PKNS saja. Itu sahaja untuk penjelasan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih. Saya ambil maklum.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya minta maaf, satu lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** RM4 juta diperuntukkan untuk pembelian aset, saya perlukan jawapan bertulis aset secara terperinci yang diperlukan oleh kementerian ini.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang ini..

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Untuk perbelanjaan selama empat...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ini perkara baru yang dibangkitkan. Tadi tidak dibangkitkan,

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu yang saya minta. Saya tidak ada peluang untuk bahas, saya minta dengan jasa budi baik Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Baik-baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tulis surat Yang Berhormat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang itu boleh kemukakan secara bertulis kepada saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, itu yang saya minta, bertulis. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,605,544,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM2,605,544,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,585,980,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,585,980,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.60 [Jadual] –  
Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan B.60 di bawah Kementerian Pertahanan dibuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

**6.38 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Nibong Tebal dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sebelum itu Yang Berhormat Menteri tidak ada.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri yang berkaitan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada nanti...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak jadi masalah pun Yang Berhormat.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Siapa dulu Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya panggil Yang Berhormat Gerik dulu.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Saya berdiri dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Yang terpandang dahulu, bukan yang berdiri dulu, yang terpandang oleh Tuan Pengerusi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan dalam masalah Kementerian Pertahanan. Pertama, saya akan bercakap berkenaan dengan Kepala B.60 dan juga P.60. Pertama kita ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan soal bekas-bekas tentera yang telah menamatkan perkhidmatan yang kita tahu. Pertama, sebab mereka berpencen, satu lagi mereka tidak berpencen.

Maknanya mereka berkhidmat mungkin kurang daripada 21 tahun manakala yang berpencen lebih daripada 21 tahun. Apa yang saya hendak minta kementerian menjelaskan apakah manfaat-manfaat yang kita tengok peruntukan yang besar di bawah pentadbiran kepada mereka yang tidak berpencen, kadang-kadang kita mendengar macam-macam rungutan, sebutan di peringkat akar umbi. Akan tetapi, kita mengetahui sebenarnya banyak yang kerajaan telah berikan kepada mereka yang tidak berpencen umpamanya anak yang berjaya dalam pelajaran dan pelbagai lagi yang lain.

Begitu juga yang berpencen. Cumanya saya ingin minta kerajaan menjelaskan sekiranya tentera kita seperti di Lahad Datu bertugas kena tembak, apakah pencen yang diperolehi oleh isteri

mereka memenuhi atau pun dapat menanggung keluarga atau pun tidak? Kita melihat pada hari ini ada kerjasama di antara Kementerian Pertahanan dengan negara-negara luar.

■1840

Tentera-tentera kita dihantar ke Timur Tengah di bawah lambang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kemungkinan tentera kita berlaku kematian disebabkan kena tembak ataupun kemalangan, bagaimanakah pencen yang akan diperoleh oleh keluarga mereka? Kalau ada anak yang hendak melanjutkan pelajaran, bagaimana? Minta pihak Kementerian Pertahanan menjelaskan kerana kita kadang-kadang tidak mengetahui secara jelas seolah-olah macam kerajaan biarkan tentera-tentera yang telah memberi perkhidmatan untuk negara. Kita yang berada dalam negara ini cukup aman damai kerana dengan adanya pasukan keselamatan seperti tentera ini, kita tidak bimbang dengan ancaman daripada luar negara kerana mereka akan berkawal di peringkat sempadan. Oleh sebab itu, saya amat mengharap kementerian menjelaskan kemudahan-kemudahan yang diperoleh oleh bekas-bekas pasukan tentera ini sama ada berpencen dan juta tidak berpencen.

Perkara yang kedua, dalam perkhidmatan tentera juga kita melihat pembinaan rumah untuk tentera. Sebenarnya yang kita nampak daripada luar kerajaan-kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan memberi tapak rumah setelah mereka bersara. Akan tetapi bila kita faham kalau mereka berpencen, bagaimana mereka hendak membina rumah? Maka adalah lebih baik semasa pasukan keselamatan ini berdasarkan kepada peruntukan yang banyak disediakan supaya rumah-rumah tersebut dapat dibina semasa mereka berkhidmat. Dengan adanya peruntukan membeli rumah, saya yakin tentera kita ini akan dapat memiliki rumah. Akan tetapi setelah mereka bersara baru kita anugerahkan tapak rumah, mungkin tapak tadi hanya untuk anak-anak ataupun tidak dirasai sendiri oleh tentera-tentera itu sendiri, bekas tentera tersebut.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sebut juga di bawah B.60 – 03333 iaitu bahagian di tempat saya ada dua – Kem Tentera RS4 dan RS3. RS4 di Gerik manakala RS3 di rejimen sempadan di Pengkalan Hulu. Sejauh mana sebab saya dengar-dengar di tiga rejimen sempadan telah diluluskan peruntukan untuk membina kawasan tentera yang baru di tapak yang sama. Begitu juga difahamkan disediakan kemudahan *flat* ataupun perumahan untuk anggota tentera. Buat setakat ini 3RS terpaksa menyewa rumah di Baling, di Pekan Pengkalan Hulu dan sekitar. Begitu juga di 4RS Gerik saya tidak dengar. Cuma ada sebutan cadangan untuk membangunkan tentera dengan perumahan sama ada masuk ataupun tidak, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertahanan kerana apa yang membimbangkan saya ialah dalam Parlimen Gerik ada dua kem tentera.

Bila perumahan tidak disediakan kepada anggota, mereka terpaksa menyewa di luar. Apabila menyewa di luar, kita dapati sama ada di Pekan Pengkalan Hulu ataupun di pekan Gerik, sewa rumah melambung tinggi di mana rumah kos rendah sendiri pun, mungkin kerana pemilik-pemilik rumah kekurangan rumah, terpaksa menyewa daripada RM400 ke RM600. Saya rasa lebih baik kerajaan membina perumahan dalam kem di kedua tempat sebabnya ini adalah kawasan

bersempadan dengan Thailand yang mana pelbagai kemungkinan akan berlaku kalau kita tidak menyediakan kemudahan seperti yang disebut, sedangkan kita ada satu batalion di Pengkalan Hulu iaitu Kem PJA yang dibina lengkap dengan segala kemudahan termasuk perumahan. Saya yakin kalau 3RS dan 4RS ini dibangunkan kerana mereka ada tapak yang sedia sudah ada tapak tanah dan segala-galanya, kalau kemungkinan yang dengar-dengar di RS4, RS Gerik, 4RS rejimen sempadan Gerik, kemungkinan tanah yang ada di lapangan terbang hari ini kurang mencukupi.

Kita boleh berunding dengan kerajaan negeri untuk melihat semula sama ada tanah kerajaan yang berada di jalan Gerik ke Kulim yang masih ada tanah kerajaan yang boleh memberi keuntungan, keselesaan kepada tentera tadi yang mana tujuan sebenarnya mereka ditempatkan di dalam Parlimen Gerik di Daerah Hulu Perak, pada pandangan saya ialah untuk menjaga di peringkat sempadan sekurang-kurangnya dapat nikmat kepada kita di sebelah utara yang macam mana yang saya pernah cakap sebelum ini iaitu kita pun ada kebimbangan jangan berlaku perkara kedua seperti di Lahad Datu. Di utara Semenanjung Malaysia ini juga daripada Perlis, Kedah, Perak, Kelantan kita bersempadan dengan Thailand dan kita faham di Patani, orang-orang Patani hendakkan kuasa autonomi dan keluarga ramai di antara sempadan dengan keempat-empat negeri yang bersempadan ini.

Oleh sebab itu saya percaya kerajaan telah menyediakan kemudahan infra yang ada pada hari ini, cumanya kalau dapat diperengkap lebih baik kerana sudah ada daripada Perlis, Kedah, Perak, Kelantan. Cumanya kita hendak dibangunkan segala kemudahan infranya lebih kemas, lebih baik. Dengan adanya peruntukan yang ada pada kali ini, bagaimana bolehlah pihak kerajaan memberitahu kepada Dewan pada hari ini, sekurang-kurangnya saya ingin melihat Parlimen Gerik dua rejimen sempadan ini dapat kemudahan yang diperlukan.

Dalam pada itu, di kawasan Gerik juga belum ada PLKN iaitu yang untuk melatih mereka selepas SPM. Maka kalau ada perancangan baru kerana di sini tengok pun banyak peruntukan Latihan Khidmat Negara di bawah perkara 060000, maka kalau dapat pilihlah Gerik sebagai salah satu daripada kawasan untuk buat tempat Latihan Khidmat Negara di mana sekurang-kurangnya anak-anak muda yang selepas SPM akan mengenali kawasan utara pertama bekas tempat Komunis. Kalau dulu orang sebut Gerik sahaja tempat Komunis. Kedua kawasan hutan dan yang ketiga, sempadan dengan negara Thailand di samping dua jiran saya Kelantan dan juga Kedah iaitu Jeli dan juga Baling. Sekurang-kurangnya kalau ada di sini, jalan pun telah ada menghubungkan antara Pantai Barat dan Pantai Timur di Semenanjung. Sekurang-kurangnya kalau ada satu pusat Latihan Khidmat Negara ini, memberi ruang dan peluang kepada anak-anak muda kita dapat masuk ke sini.

Kedua, saya minta supaya pihak Kementerian Pertahanan melihat semula *syllabus* yang kita ajar di Pusat Latihan Khidmat Negara kerana sekurang-kurangnya biarlah mereka yang masuk ke Pusat Latihan Khidmat Negara ini setelah keluar mengenali erti sebenar negara kita Malaysia, janganlah bila sudah masuk Pusat Latihan Khidmat Negara sekalipun, masih terpengaruh dengan dakyah hasutan daripada pihak yang tidak menyayangi negara ini. Semata-mata walaupun kita

tahu negara kita aman damai, rakyat boleh hidup bersatu padu, pelbagai agama, pelbagai keturunan tetapi ada sekumpulan daripada kita yang kerana inginkan kuasa, sanggup buat apa sahaja untuk menghancurkan negara. Sekurang-kurangnya kalau *syllabus* baru diberi pertimbangan, maka saya yakin keluaran daripada Pusat Latihan Khidmat Negara ini boleh memberi pulangan yang baik untuk negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih. Saya akan habiskan dalam masa seminit untuk penggulungan. Sekali lagi saya mohon Kementerian Pertahanan melihat dan memberi. Kebaikan di bawah Kementerian Pertahanan ini, sebenarnya rakyat boleh rasa bangga dan setiap yang dibelanjakan berbilion yang kita peruntukan lebih daripada RM13 bilion. Jadi sesuaikanlah peruntukan yang besar ini untuk memastikan negara kita dirasai selamat sama ada rakyat dalam negara ini ataupun rakyat yang datang daripada luar negara. Dengan ini, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

**6.49 ptg.**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

■1850

Saya merujuk terus kepada Butiran-butiran 020000 iaitu Bantuan Bersama dan 080200 juga Bantuan Bersama dan 090200 - Penyelenggaraan Kelengkapan dan Kemudahan Bantuan Bersama.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 merupakan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi bantuan bersama yang telah ditambahkan daripada RM1121.1 juta dalam tahun 2013 kepada RM1189.9 juta dalam tahun 2014 iaitu penambahan sebanyak RM67.8 juta atau lebih kurang 6% penambahan. Manakala Butiran 080200 merupakan dasar baru bagi bantuan bersama yang berjumlah RM54.1 juta. Sementara itu butiran 090200 adalah peruntukan *one-off* bagi penyelenggaraan kelengkapan dan kemudahan bantuan bersama yang berjumlah RM31 juta. Jumlah keseluruhannya yang dapat kita catat untuk bantuan bersama ini adalah RM1.275 juta ataupun RM1.275 bilion.

Bantuan bersama ini ia berobjektif ataupun bertujuan untuk menyediakan satu sistem pertahanan negara yang bersepadu seiring dengan pelan strategik Angkatan Tentera Malaysia iaitu untuk menjadikan angkatan tentera yang berkredibiliti.

Tuan Pengerusi, persoalan kredibiliti ini saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan langkah-langkah yang kita telah ambil bagi menjamin peristiwa-peristiwa yang telah berlaku seperti di Lahad Datu dan juga Sauk di satu ketika dahulu tidak berulang kembali. Ini kerana ia mencemarkan kredibiliti ATM dan membangkitkan kebimbangan seluruh rakyat negara kita ini.



Di Sauk terutamanya berlaku peristiwa pecah masuk dan juga rompak, mengambil alih semua bahan ketenteraan. Jadi ini terjejas sekali keselamatan negara dan persepsi ramai adalah cukup negatif. Yang keduanya sehubungan dengan butiran ini Tuan Pengerusi, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang peranan dan fungsi MKN ataupun Majlis Keselamatan Negara yang diperuntukkan sebanyak RM638.5 juta. Adakah ada pertindihan fungsi di sini berkaitan dengan kementerian?

Seterusnya yang ketiga berhubung dengan butiran ini berkenaan dengan kesiapsiagaan tentera kita. Kalaulah diandaikan Singapura serang Malaysia, membuat serangan ke atas Malaysia. Jet pejuangnya *take-off* sahaja sudah masuk ruang udara Malaysia dan ada juga pendapat yang mengatakan dalam masa setengah jam sahaja, setengah atau sebahagian daripada Selatan Johor boleh ditakluki. Jadi apakah kesiap sediaan angkatan tentera kita tentang perkara ini Tuan Pengerusi?

Itu saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri jika sekiranya persepsi ini maka apakah langkah-langkah ataupun jaminan yang kita boleh berikan supaya kita dapat dengan penuh keyakinan dapat mengekang serangan ini. Berhubung dengan yang kedua Tuan Pengerusi tentang Butiran 070400, iaitu Material Pertahanan.

Butiran ini telah diletak di bawah program khusus dan diberi peruntukan sebanyak RM388 juta. Kita dimaklumkan yang tidak ada sebarang peruntukan dalam tahun 2013. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan tujuan dan apakah jenis kegunaan peruntukan tersebut, memandangkan ianya merangkumi sebahagian besar daripada jumlah peruntukan program khusus iaitu 77.8% Tuan Pengerusi. Dan seterusnya Tuan Pengerusi...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** ...ialah berkenaan dengan butiran 08...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta maaf, Yang Berhormat. Butiran 070, ya terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 070400 itu adalah kena mengena dengan pembelian aset. So, saya tekankan Yang Berhormat Menteri bila memberi jawapan kepada Yang Berhormat, juga tekankan apakah keperincian aset yang akan dibeli untuk program khusus ini? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya harap dapat dimasukkan ke dalam ucapan ini. Butiran 08400, ini berkenaan dengan Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gerik.

Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Gerik tadi yang timbulkan persoalan kebajikan dan kesejahteraan angkatan tentera terutama sekali angkatan tentera yang telah bersara ataupun veteran ATM ini. Dalam tahun 2013, diperuntukkan sebanyak RM24 juta dan tahun 2014 dikurangkan kepada RM21.3 juta sahaja. Jadi adakah ini mencerminkan pendirian kerajaan ataupun kementerian yang tidak mahu memberi perhatian ataupun prihatin tentang permasalahan perumahan ini?

Kita ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya tentang isu berkenaan dengan bekalan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Gerik tadi ataupun bekalan rumah tempat kediaman angkatan tentera sama ada di dalam kem, adakah ia mencukupi hari ini untuk memenuhi keperluan keseluruhan angkatan tentera, anggota angkatan tentera dan begitu juga dengan rumah-rumah di luar kem. Kita mohon pihak kementerian memberi pertimbangan supaya memberi perhatian yang secukupnya kepada persoalan perumahan ini, kerana ia melibatkan kesejahteraan dan kebajikan anggota angkatan tentera. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Yang kedua juga, berkenaan dengan pesara ATM terutama sekali OKU. Ini anggota tentera yang terlibat dalam kemalangan dan mengalami permasalahan disifatkan sebagai orang-orang OKU. Adakah usaha-usaha tertentu yang khusus yang dirancang untuk kumpulan ataupun kategori anggota ATM ini Tuan Pengerusi?

Saya dapati dalam hal ini, tidak ada sebut langsung berkenaan dengan terutamanya pesara dalam Bajet 2014 ini. Adakah ini bermakna yang perkara ini tidak diberi perhatian? Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dan dengan bilangan anggota tentera yang terlibat khususnya dalam program-program *replacement* ataupun peralihan kerjaya selepas bersara ini dalam bidang pertanian. Itu yang pertama.

Keduanya, bilangan mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan ataupun dalam usahawan ini. Adakah rancangan-rancangan khusus untuk mereka ini? Seterusnya berhubung dengan perkara ini ialah peranan yang dimainkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk kebajikan, kesejahteraan anggota-anggota tentera terutama sekali bagi mereka yang telah bersara. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**6.59 ptg.**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.60, Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara dan juga P.60, 08400. Seperti mana yang kita tahu bahawa Latihan Khidmat Negara ini, kerajaan memperkenalkan Latihan Khidmat Negara ini adalah kerana untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

■1900

Kalau kita lihat daripada peruntukan yang telah diagihkan untuk Latihan Khidmat Negara ini ia mencecah hampir RM632 juta. Jadi saya ingin bertanya setakat mana keberkesanan latihan khidmat negara ini dalam memupuk matlamat untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda kita di samping untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional?

Saya ingin tahu sama ada Latihan Khidmat Negara ini benar-benar mencapai matlamat. Sekiranya kalau kita boleh lihat perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak RM632 juta kalau dibandingkan dengan tahun lepas RM627 juta. Adakah perbelanjaan yang sebesar begini kalau kita

gunakan untuk mencapai matlamat yang sama tetapi kita buat di peringkat sekolah sewaktu pelajar-pelajar ini habis peperiksaan SPM kerana kebanyakan daripada mereka ini adalah mereka yang diambil selepas mereka habis sekolah SPM. Di peringkat sekolah ini, saya rasa kita dapat mengelakkan isu-isu dari segi soal kematian dalam kem-kem latihan ini, keracunan makanan dan juga pergaduhan, *sexual harassment*. Banyak isu ini walaupun dari segi *percentagenya* adalah kecil tetapi dari segi implikasi persepsi kepada masyarakat begitu besar terutama di kalangan ibu bapa yang anak-anak mereka ini belum lagi dipanggil untuk pergi ke latihan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Jadi saya hendak tahu bahawa sama ada latihan khidmat negara ini benar-benar memberi kesan dan mencapai matlamat yang kita harapkan selama kita memperkenalkan latihan khidmat negara ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, sedikit sahaja. Terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Titiwangsa. Saya amat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Titiwangsa dan saya juga mengharapkan satu jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Saya juga pernah membawa usul tentang perbincangan berlaku kematian pelajar. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Titiwangsa, adakah Yang Berhormat Titiwangsa bersetuju dengan saya apabila berlakunya baru-baru ini ada salah seorang peserta iaitu Adik Muhammad Suhaimi Nurhamiidi, 18 tahun yang telah didapati meninggal dunia di Kem Pinggiran Pelangi, Muadzam Shah di mana kes kematian ini bukan sahaja berlaku lebih daripada sepuluh. Yang saya tahu dekat-dekat 20 jugalah.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Titiwangsa adakah wajar dalam keadaan adanya berlaku kematian itu tiba-tiba kerajaan masih lagi memperbaharui kontrak Pengarah PLKN itu iaitu Datuk Abdul Hadi Awang Kechik? Bukankah ini nampaknya bertentangan dari segi akauntabiliti. Walau apa pun sebab kematian, dia adalah sebagai pengarah sepatutnya ada satu *sense of accountability*, dengan izin untuk dia tidak terus memegang jawatan itu dan pihak kerajaan pun tidak harus meneruskan perkhidmatannya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Secara spesifik saya agak tidak bersetuju kalau sesuatu kematian itu berlaku maka pengarah kena letak jawatan. Kalau macam itu saya ingat banyak isu kita dalam kementerian-kementerian lain seperti di dalam tahanan polis *for example* kalau ada orang dalam tahanan maka IGP kena berhenti. Jadi saya ingat yang ini kita minta penerangan lebih lanjut.

Akan tetapi isu kematian ini selalunya dia ada sebab-sebab tertentu. Kebanyakan daripada *post mortem* yang dilakukan yang kita lihat kematian ini yang saya lihat dan saya baca adalah

disebabkan pada mula mereka masuk itu kesihatan mereka itu sebenarnya tidak diperiksa sebelum mereka dibenarkan masuk dalam kem latihan.

Saya hendak meneruskan soalan saya seterusnya iaitu 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Kalau kita lihat banyak anggota tentera yang bersara ini saya lihat mereka ini masih menyewa rumah terutama dalam bandar raya Kuala Lumpur apabila mereka bersara daripada tentera, mereka akan datang ke Kuala Lumpur atau bandar-bandar besar dan cuba mencari pekerjaan dan sebahagian daripada mereka berniaga penjaja dan juga ada sebahagian menjadi *security guard* di bandar raya seperti di Kuala Lumpur.

Yang saya hendak tanya ini ialah kalau kita lihat dari segi *rolling plan* yang telah diperuntukkan untuk perumahan angkatan tentera ini saya percaya yang ini adalah perumahan yang diperuntukkan kepada mereka yang masih berkhidmat dalam tentera. Akan tetapi apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ada tidak perancangan daripada kementerian untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik yang boleh kita gunakan *fund* Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk membina rumah-rumah PPR Lembaga Angkatan Tentera. Kita gunakan Lembaga Tabung Angkatan Tentera punya kewangan untuk membina rumah-rumah PPR ini khas untuk anggota-anggota tentera yang bersara yang tidak mempunyai peluang untuk membeli rumah sewaktu mereka berkhidmat.

Maka, secara tidak langsung kita boleh menggunakan anggota-anggota tentera yang bersara ini diletakkan dalam satu kawasan penempatan seperti mana sewaktu mereka berkhidmat dan pengalaman mereka ini masih boleh diguna pakai untuk kita melakukan perkara-perkara ataupun untuk menjaga keselamatan negara dari segi secara holistik di tempat mereka tinggal tersebut. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri ada tidak perancangan untuk kementerian mewujudkan rumah-rumah mampu milik untuk mereka yang telah bersara ini supaya mudah mereka dapat tinggal dalam satu kawasan seperti mana waktu mereka bekerja dahulu. Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**7.07 mlm.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.60 Kementerian Pertahanan – Butiran 010200 iaitu berkaitan dengan logistik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan ataupun kementerian berkaitan dengan status projek APC yang bernilai hampir RM8 bilion pada tahun 2010 yang telah pun diberikan kepada Kontraktor Deftech kalau tidak silap saya di bawah DRB-Hicom. Apa status kedudukan projek itu sekarang? Bilakah jangkaan untuk kita memperoleh sejumlah yang saya difahamkan bahawa satu jumlah agak besar iaitu untuk kita memperoleh sebanyak 257 buah APC untuk kegunaan tentera kita? Ini sangat penting kerana kita berhadapan dengan berbagai-bagai permasalahan seperti yang dibangkit sebelum ini apa yang berlaku di Lahad Datu dan sebagainya, maka sudah tentu kita memerlukan kepada kesegeraan projek itu dapat disiapkan.

Namun begitu Saya ingin dapat penjelasan Tuan Pengerusi, apakah perolehan-perolehan yang akan diperolehi oleh pihak kerajaan ini menggunakan kaedah-kaedah yang sangat strategik untuk memastikan nilai kos ringgit itu dapat dijimat dan dapat dipastikan bahawa harga yang kita dapat itu harga yang terbaik dan barang yang kita dapat itu pun adalah barang yang terbaik, yang setanding standardnya dengan negara-negara lain. Hal ini kerana apa yang kita dapati bahawa kalau dilihat perbandingan harga antara kita dengan negara-negara lain ini menunjukkan kepada kita bahawa sangat berbeza.

Walaupun dari segi perolehan kita itu berlainan negara. Kita daripada menggunakan teknologi variasi Turki, Thailand menggunakan variasi Ukraine tetapi saya percaya bahawa keperluan dalaman dan sebagainya sama sahaja. Akan tetapi, kalau kita lihat dari segi harganya kita jauh lebih tinggi sampai kalau *average* satu unit itu RM30 juta berbanding dengan negara lain dalam lingkungan seperti Thailand dalam RM4 juta.

■ 1910

Begitu juga kalau dilihat yang kita akan peroleh ini kalau tidak silap saya ialah daripada generasi lapan tetapi ada yang lebih terkini. Generasi sepuluh itu harganya yang lebih murah. Kalau dilihat perbandingan dengan negara-negara lain seperti yang diperolehi oleh— kalau kita lihat di *Singapore*. Dia menggunakan teknologi saya difahamkan bahawa *Tarrack* lebih hebat ataupun kalau tidak hebat pun, setanding dan sama dengan kita tetapi harganya lebih murah. Begitu juga daripada US yang menggunakan generasi sepuluh. Harganya juga lebih murah. Sebab itu saya ingin mendapatkan penjelasan yang jelas. Begitu juga dengan kereta *tank*. Kereta kebal PT91 Pendekar generasi lapan juga.

Kita juga memperoleh dengan harga yang lebih tinggi berbanding dengan negara-negara lain. Jadi saya hendak minta apa kaedah pengiraan dalam perolehan ini. Kita beli dengan harga yang begitu tinggi, tetapi orang lain dapat benda yang sama tetapi harga mereka lebih rendah. Jadi tolong beritahu macam mana kaedah, cara kira-kira matematik apa yang digunakan oleh pihak kerajaan sehingga kita terpaksa berbelanja. Saya bukan tidak bersetuju untuk membeli kereta kebalkah, hendak beli kereta perisaikah, hendak beli binatang apa pun, boleh beli kerana itu keperluan sememangnya kepada pertahanan negara kita dalam menghadapi cabaran-cabaran yang berkaitan dengan soal keselamatan negara kita dan kepentingan keselamatan tentera juga harus diambil kira.

Akan tetapi sudah tentulah kita mahu harga itu harga yang baik supaya lebih daripada harga yang kita dapat peroleh dengan harga yang baik itu kita boleh gunakan untuk kebajikan angkatan tentera. Ini kita beli dengan harga yang lebih tinggi, kita bayar kepada pihak asing tetapi tentera kita tidak dapat sesuatu yang baik dari sudut kebajikan mereka. Saya tidak menafikan ada kebajikan tetapi sepatutnya mereka peroleh secara yang lebih baik kalau kita berjaya menjimatkan perbelanjaan dalam perolehan ini.

Kedua dan terakhir Tuan Pengerusi, berkaitan dengan P.60 iaitu 00100 – Pembinaan. Saya hendak minta kerajaan menjelaskan kepada saya tentang status projek penswastan pembinaan

menyiapkan Kompleks 7 Briged Skudai di Mukim Pulai, Johor. Projek ini telah pun dibincangkan dalam laporan audit dan saya difahamkan juga telah pun dibincangkan dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada tahun 2009 dan juga 2010. Dalam laporan audit pada tahun 2002 dan 2009 telah pun dicatat. Projek ini ialah projek– kaedah pelaksanaannya penswastaaan *land swap*. Nama syarikatnya ialah KCSB Konsortium Sdn. Bhd. ataupun ringkasannya KCSB. Harga kontrak asalnya bernilai RM256 juta. Tarikh perjanjiannya pada 10 Julai 1997. Tarikh milik tapak 10 Jun 1998. Tarikh siap asal pada 10 Jun 2001. Tarikh siap selepas EOT (1) pada 16 Januari 2003 iaitu 584 hari. *Performance* bon bernilai RM12.8 juta, *land* bon bernilai RM256 juta.

Saya hendak dapatkan penjelasan sebab apabila saya baca laporan audit dan juga laporan PAC menunjukkan bahawa projek itu pada tahun 2012, saya pergi *check* pada tahun 2012 sebelum pilihan raya. Masih lagi kekal 18%. Sama seperti mana Laporan Audit Tahun 2002. Laporan audit tahun 2002 mengatakan projek tersebut 18%, dia punya *progress report*nya ialah 18% dan saya *check* pada tahun 2012 juga sebelum pilihan raya pun masih berada dalam keadaan lebih kurang 18%, 18 *point* beberapa *percent*. Tidak naik sama seperti mana dalam tahun 2002. Projek ini untuk saya jelaskan sedikit lagi, Tuan Pengerusi ialah projek untuk menempatkan pemindahan pasukan tentera darat daripada beberapa kem iaitu daripada Kem Tebrau dan juga Kem Majidi ke Skudai. Ini tujuannya supaya angkatan tentera kita dapat kem yang lebih baik dengan perumahan yang lebih selesa. Ini antara tujuannya supaya mereka bekerja dengan lebih baik.

Kalau kita lihat Kem Majidi itu memang teruklah. Kem lama zaman Tok Nadok dulu. Ibarat kata tolak dengan lidah pun boleh. Jadi macam mana? Kem Majidi ini kem hadapan untuk berhadapan dengan cabaran daripada sempadan negara Singapura dan sebagainya dalam keadaan yang tidak baik. Jadi sudah tentulah kita memerlukan kem hadapan yang lebih baik yang mempunyai kepakaran dan kelengkapan yang strategik apatah lagi untuk kemudahan angkatan tentera kita dari segi pekerjaan dan juga penempatan mereka.

Akan tetapi apa yang dilaporkan oleh laporan audit 2002 dan juga 2009. Ini laporan audit 2002 dan ini laporan audit 2009. Saya melihat bahawa ia masih dalam 18% lebih kurang. Isunya sekarang ini Tuan Pengerusi, pihak ini telah pun mendapat pindah milik tanah ini kepada mereka. Kerajaan telah pun meminda milik. Ini mengikut laporan audit dan juga laporan PAC yang telah pun diberikan kepada kita sebelum ini yang menunjukkan bahawa syarikat KCSB ini telah berjaya mendapat pindah milik tanah ini tetapi tidak tanah Kem Majidi sebab asalnya memang tanah Kem Majidi oleh kerana tanah Kem Majidi itu ialah milik kerajaan negeri lalu digantikan dengan tanah daripada Kem Plentong. Jadi projek ini pun jadi kelentong. Jadi dipindah milik. Dia telah mendapat persetujuan dan akhirnya tanah itu telah dipindah milik kepada syarikat ini dan syarikat ini telah cagar kepada institusi kewangan iaitu MBSB walaupun ia pada asalnya tidak diiktiraf sebagai institusi kewangan. Namun apabila pihak kementerian melalui EPU telah memohon kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan meluluskan dan mengiktirafnya sebagai institusi kewangan.

Jadi projek ini tidak siap. Dia punya tamat tempoh bon apa semua sudah habis. Sudah habis. Bon pun sudah tidak ada. Dari segi laporan ini, kalau mengikut Laporan Audit mengatakan bahawa kerajaan perlu menamatkan segera kontraktor ini. Mesti *terminate* segera. Akan tetapi persoalannya saya hendak tanya adakah kerajaan telah *terminate* syarikat ini? Kalau *terminate*, adakah kerajaan boleh dapat balik tanah tersebut sebab tanah tersebut sudah di cagar. Maknanya bahasa kampung saya kata sudah pun digadai ke bank iaitu kepada MBSB. Ini tanah yang sangat berharga. Tanah di Johor ini tanah yang sangat berharga.

Sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan sebab keadaan ini sudah berlarutan. Jadi saya hendak tahu bagaimana proses perbincangan awal itu. Macam mana kontraktor itu dipilih. Sepatutnya bila kita hendak buat *land swap* ini, maknanya pertukaran tanah ini, kita mestilah mencari kontraktor yang betul-betul dia mempunyai kekuatan kewangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kekuatan kewangan. Dia tidak boleh mengharap bahawa daripada tanah tersebut mesti dipindah segera kemudian dia cagar ke bank. Akhirnya, dia guna duit tersebut. Dia cagar ke bank lebih kurang daripada harga yang dia peroleh sebanyak RM465 juta. Projek tadi harganya RM256 juta. Dia cagar kepada MBSB sebanyak RM465 juta. Dekat dengan Tenggara kah ini? Jauh? Tidak ya. Jadi RM465 juta. Jadi saya cukup kesal bahawa projek ini yang sudah lama sepatutnya kita telah boleh pindah. Kem Majidi, Kem Tebrau, Kem Plentong dan sebagainya. Anggota tentera kita boleh hidup lebih selesa, penempatan mereka lebih baik, tempat bekerja mereka lebih baik, anak-anak mereka akan mendapat persekitaran yang lebih tetapi hari ini kelemahan kerajaan akhirnya berlaku.

#### ■1920

Ini saya katakan pengkhianatan, penderhakaan kepada negara. Ini pengkhianatan, penderhakaan kepada negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang telah menyebabkan kita terpaksa kerugian dan kehilangan tanah!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalah berapa kali?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita telah mengalami kehilangan tanah yang sangat berharga dalam negara kita. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat kalau...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Memang mereka silap tidak pilihlah. Sepatutnya pilih Naib Presiden, silaplah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Lawan UMNO tidak kira. Tidak ada jawatan pun boleh lawan UMNO. Tentera yang tidak ada jawatan, koperal pun tidak ada, lans koperal pun tidak ada, prebet cabuk pun lawan UMNO!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ada jawatan kalah, tidak ada jawatan lagi kalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan. Ini isu yang sangat besar. Isu menyentuh kepentingan keselamatan negara kita, pertahanan negara kita, isu menyentuh kebajikan tentera. Ini pengkhianatan kepada negara. Kita bercakap untuk membela tentera tetapi kita khianat mereka! Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata orang tidak bayar hutang khianat, penderhaka kepada negara. Kalau tidak ada GST, negara bankrap. Sekarang apa jadi?

Ini saya katakan tadi bahawa isunya ialah pengurusan kewangan negara kita. Bagaimana kita mengurus kewangan, bagaimana kita menguruskan projek, bagaimana cara pemilihan. Kita pilih projek yang diberi kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri daripada kroni-kroni mereka untuk apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Untuk mendapat balasan bagi keuntungan mereka. Bagi saya ini suatu yang sangat mengecewakan dan saya sebut ini sebagai mewakili kepada golongan anggota tentera dan keluarga mereka yang mengharapkan pembelaan terhadap kehidupan mereka supaya memperoleh tempat yang lebih selesa, jaminan keselamatan untuk rakyat negara kita.

Ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri seorang lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini soal tanah sudah tergadai di bank. Kem tentera tergadai. Ini bukan pondok jual durian kena gadai. Bukan pondok jual durian kena gadai. Kem tentera! Apa hendak jadi dengan negara kita? Kem tentera kena gadai! *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Penjelasan ini, penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Yang marah sangat ini kenapa? *[Ketawa]* Saya dengar ucapan Yang Berhormat Pokok Sena tadi ada juga bernasnya, tetapi pelik orang PAS tidak pilih dia. Ini asyik cakap pengurusan negara, pengurusan kewangan, pengurusan tanah, yang PAS hendak mengurus pilihan raya parti pun tidak reti kenapa?

Jadi sebab pemilihan pengurusan parti yang tidak betul inilah Yang Berhormat kalah. Jadi betulkan pengurusan parti itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah jawablah Yang Berhormat. Tidak cukup masa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bercakap pengurusan parti, pemilihan pengurusan parti pun tidak betul pilih. Ingat kalau kira lagi ke empat Yang Berhormat mungkin menanglah jadi Naib Presiden.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat dari Arau yang jaga SPR - telus. Ada



orang kompelin - berhenti! SPR cagak berpuluh kali, beratus ribu orang keluar tunjuk perasaan tidak reti, pekak badak!

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pekak badak! Betul atau tidak?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini butiran apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kena tangkap, kena sembur dengan gas pemedih mata pun tidak reti juga. Apa punya pekak badak sampai tidak dengar langsung!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Biarlah dia tidak dengar. Yang Berhormat Pokok Sena ini marah semalam itu. Yang Berhormat Pokok Sena marah sebab kalah semalam, biarlah dia.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** SPR apa ini? Dia mohon maaf. Yang ini SPR hendak suruh mohon maaf pun tidak mahu minta maaf.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Pokok Sena lepas geram dalam Dewan. Dengan PAS dia tidak sempat hendak minta maaf. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan. Hendak beritahu bahawa...

*[Dewan riuh]*

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terus, terus.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terus, terus, terus. Kita faham perasaan, perasaan orang yang tidak puas hati memang macam itu.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi... Bukan, saya tenang daripada pagi sebab saya datang awal hendak lawan UMNO.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Datang awal hendak lawan UMNO. Saya kata aku hendak lawan UMNO walau pun aku tidak ada jawatan, aku datang langkah kanan hari ini hendak lawan UMNO!

*[Dewan riuh]*

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Bukan tidak hendak! Kalah!

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Hendak celah sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu sebab kalah kepada presiden sebab hendak lawan UMNO. Itu yang konsep sudah lari. Orang PAS pun tidak sokong konsep itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu tidak ada apa. Kalau menang lompat naik atas meja.

Jadi Tuan Pengerusi, ini isu besar.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Duduk, duduk. Saya hendak habis. Isu besar.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bagilah peluang sedikit Yang Berhormat Pokok Sena. Pasal bekas tentera.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya sudah beri hak *senior* itu tadi.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bagilah yang *junior*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak sebut bahawa ini bukan pondok jual durian, kena gadai. Bukan pondok jual durian. Bukan pondok bela kera dan monyet, kena gadai. Ini pun tempat penginapan, kem, tempat kerja, tempat duduk mereka tentera dan keluarga mereka digadai di bank. Apa hendak jadi dengan negara kita? Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa habis. Yang Berhormat Pokok Sena sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pasir Mas rekomen Yang Berhormat Pasir Mas? Lantik Jawatankuasa itu. Yang Berhormat Pasir Mas, nanti rekomen lantik jawatankuasa, kesian tengok.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena, ada berjanji dengan bekas tentera dua ekar. Hingga sekarang masih tidak boleh ditunaikan. Jadi macam mana Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hendak tanya komen Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena sudah duduk Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan. Sudah habis pun. Bercakap lagi yang jadi payah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah. Tidak payahlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tegur mereka sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran.

**7.25 mlm.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun bangun untuk turut berbahas Bekalan 60 – Kementerian Pertahanan, Butiran 01000 – Pentadbiran Pertahanan.

Setelah ESSCOM ditubuhkan dan kita pun baru-baru ini telah diberi taklimat tentang peranan dan tanggungjawab ESSCOM, kita pula dikejutkan dengan kejadian di Pulau Pom Pom baru-baru ini. Sehingga pada hari ini perkara ini belum lagi selesai yang berkemungkinan melibatkan seorang pelancong diculik dan besar kemungkinan berada di negara Filipina pada ketika ini. Kejadian ini dengan sendirinya memberi kita tanda tanya tentang kemampuan pihak pertahanan, pihak keselamatan kita dalam menjaga keselamatan kita termasuklah tempat-tempat pelancongan dan sebagainya. Dengan kejadian ini juga banyak persoalan telah dilontarkan tentang apakah

sebenarnya peranan ESSCOM dan bagaimanakah ESSCOM ini dapat menyelaras hal-hal keselamatan dan pertahanan di negeri Sabah khususnya di kawasan Pantai Timur.

Saya telah bertanya kepada beberapa pegawai di ESSCOM tentang perkara ini bagaimanakah ESSCOM dapat memainkan peranan? Dalam butiran ini Tuan Pengerusi, walaupun ESSCOM ini bukanlah satu tanggungjawab di bawah Kementerian Pertahanan tetapi ini juga menjadi satu persoalan sebab ESSCOM ini di bawah pentadbiran atau pun kawal selia Majlis Keselamatan Negara. Oleh sebab itu bagaimanakah ESSCOM ini dapat menjalankan tugas sebaik-baik mungkin kerana ESSCOM ini tidak ada jalinan kerjasama dengan Kerajaan Filipina. Dalam soal mempertahankan keselamatan di Pantai Timur negeri Sabah, suka atau tidak suka kita lihat ESSCOM ini perlu mempunyai satu jalinan kerjasama dengan Kerajaan Filipina.

Dalam keadaan sekarang ini pengalaman yang kita sedang alami di Pulau Pum-Pum ini, membuktikan bahawa kerjasama itu harus ada. Akan tetapi apa yang kita lihat dalam fungsi ESSCOM ini fungsinya samalah dengan fungsi imigresen iaitu sebarang pergerakan manusia daripada Filipina di Pantai Timur ke negeri Sabah ini harus melalui ESSCOM dan mendaftar dengan mereka. Walau bagaimana pun dengan keadaan yang ada sekarang di mana sepatutnya ESSCOM ini membina lima batalion yang sudah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya pada 7 Mac yang lepas. Akan tetapi saya difahamkan setakat hari ini satu batalion, satu kem pun belum lagi dibina. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya mohon supaya pihak kerajaan mempercepatkan pembinaan lima kem ini supaya penyelarasan khususnya dari segi pertahanan itu dapat diperkukuhkan fungsi ESSCOM. Banyak persoalan tentang kemampuan dan keupayaan ESSCOM dari segi pertahanan itu sedikit sebanyak dapat dijawab.

#### ■1930

Keduanya daripada segi perjawatan. Saya difahamkan ESSCOM ini dia memerlukan lebih kurang 434 perjawatan yang perlu diwujudkan termasuklah keperluan anggota Special Quick Response Force yang bakal ditubuhkan dan harus perlu diberi keutamaan untuk dilantik kepada orang-orang tempatan. Di sinilah letaknya apabila kita bercerita tentang pertahanan, Tuan Pengerusi. Mereka yang dilantik dalam jawatan ini hendaklah diambil daripada orang-orang tempatan. Apabila saya mengatakan orang-orang tempatan, hendaklah dia benar-benar anak Sabah dengan lain perkataan kita harus melihat daripada segi, kita harus tapis sebab di Sabah sekarang ini daripada segi kewarganegaraan ada sedikit persoalan. Jangan lagi nanti apabila diambil 434 orang ini, terjadi pula macam *security guard* yang ada di Semenanjung yang mengaku orang Sabah tetapi akhirnya didapati dia ini bukan orang tempatan Sabah tetapi hanya menggunakan kad pengenalan atau MyKad dari Sabah.

Ketiganya, perlu ada *engagement* yang lebih erat di antara pasukan keselamatan di kawasan ESSZONE ini dengan pengusaha-pengusaha khususnya pusat peranginan yang ada. Saya ingat sudah sekian lama tempat-tempat yang sensitif ini, yang penting ini di mana kita ada perusahaan sebab memang sudah menjadi pengetahuan umum kalau di Selatan Filipina ini, soal

culik menculik ini adalah merupakan satu perniagaan. Sudah menjadi satu *livelihood* bagi orang-orang di Filipina Selatan. Oleh sebab itu adalah amat penting supaya tempat-tempat perusahaan seperti pelancongan dan sebagainya, perusahaan-perusahaan seperti *seaweed* dan sebagainya yang beroperasi di kawasan Pantai Timur khususnya di kawasan Lahad Datu, Semporna dan sebagainya diberi dan diwajibkan untuk mengambil sekurang-kurangnya *security guard* yang terlatih dan sekali lagi hendaklah ditapis dengan teliti. Jangan lagi diambil *security guard* yang seperti mana yang dialami di Semenanjung baru-baru ini, di mana *security guard* sendiri dikatakan datang dari Sabah dan sebagainya tetapi dia ini menggunakan kad pengenalan yang palsu, yang tidak teratur.

Keempatnya, kuasa ESSCOM perlu diperjelaskan supaya masyarakat umum dapat memahami sebenarnya apa kasa ESSCOM ini. Banyak persoalan timbul apabila insiden di Pom Pom ini berlaku, maka sasaran utama dia ESSCOM. Semua orang tanya ESSCOM sudah ditubuhkan, kenapa perkara seperti di Pom Pom ini masih boleh berlaku? Akan tetapi apakah sebenarnya tugas ESSCOM ini daripada segi ini? Apakah ini tanggungjawab mereka 100% ataupun apakah tanggungjawab Kementerian Pertahanan, semua cabang-cabang tentera ataupun polis ataupun mana-mana pasukan keselamatan. Saya difahamkan di pulau tersebut ada juga pasukan PGA tetapi pusat perangnya ini langsung tidak mempunyai atau melantik apa-apa *security guard* dan sebagainya dan tetapi tidak ada penyelarasan. Apabila ini berlaku daripada waktu dia datang, PGA sendiri pun tidak boleh buat apa-apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh sedikit?

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin dapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Tuaran. Di negara ini kita lihat kita ada *South East Asia Centre for Counter Terrorism*. Kita juga ada pihak polis, kita ada Kementerian Pertahanan, ada angkatan tentera. Nampaknya tidak ada koordinasi bila ancaman ini sebenarnya datang dari luar. ESSCOM seolah-olah dia serah kepada pihak polis sahaja yang buat kerja. Pandangan Yang Berhormat Tuaran sama ada kita perlu satu penjelasan tentang bagaimana koordinasi semua agensi ini boleh dilakukan demi keselamatan negara. Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Persoalan itu kita serahkan kepada pihak kementerianlah untuk menjawab tetapi ada kenyataan CP Sabah yang menyatakan bahawa ini adalah satu insiden yang *isolated*. Kalau itu boleh memberi gambaran tentang koordinasi, tentang penyelarasan dalam hal keselamatan, sedikit sebanyak boleh memberi bayangan kepada kita bahawa soal penyelarasan, soal jalinan di kalangan pasukan-pasukan keselamatan ini adalah amat penting.

Begitu juga apabila ada pencerobohan di Tando awal tahun ini di mana Menteri Pertahanan sendiri atau Menteri Dalam Negeri sendiri menyatakan bahawa orang ini adalah *just a*

*group of bandits* dan sebagainya. Akhirnya apabila masalah ini semakin besar dan sebagainya, barulah dilihat secara rupanya terpaksa pula pihak tentera akhirnya mengebom dan sebagainya. Sekali lagi kita lihat bahawa walaupun ESSCOM ini salah satu daripada tugasnya ialah bekerjasama daripada segi perisikan dan sebagainya dan setakat ini nampaknya pihak ESSCOM belum lagi dapat menjalankan tugas dengan baiklah. Apa yang kita lihat dan apa yang kita nampak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya cawangan-cawangan ESSCOM khususnya di Kudat, Sandakan dan Tawau dapat diselaraskan dan dapat ditubuhkanlah. Ini kerana orang-orang di Sabah ini bukan sahaja pengusaha-pengusaha tetapi penduduk di Sabah memang begitu risau, memang kita merasa agak tidak selamat. Oleh sebab itu ESSCOM ini perlu diperkasakan lagi bukan sahaja daripada segi kakitangan yang saya sebut tadi tetapi daripada segi pejabat-pejabat. Setakat ini dia beroperasi di Lahad Datu dan tidak ada di Tawau. Saya difahamkan dia menumpang dengan apa-apa kemudahan tentera di Tawau pada masa ini.

Begitu juga daripada segi peralatan di pos-pos kawalan. Saya difahamkan peralatan-peralatan seperti motor bot dan sebagainya belum ada. Jadi saya menyokonglah jika sekiranya ini dipercepatkan. Walaupun ini bukan di bawah Kementerian Pertahanan, di bawah Majlis Keselamatan Negara tetapi saya rasa pihak keselamatan, pihak Kementerian Pertahanan juga mempunyai peranan untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan apa yang diperlukan oleh pihak ESSCOM.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas sedikit pada Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara. Seperti rakan sebentar tadi berbahas tentang perkara ini, saya juga ingin bertanya, dalam bajet tahun depan diperuntukkan lebih RM632 juta untuk tujuan ini. Tujuannya cantik, tujuannya semua kita bersetuju. Saya berada di Dewan ini pada ketika itu apabila dimulakan dan saya juga telah menjadi Ahli Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara pada ketika itu.

Kita menjelajah di seluruh negara dan kita telah mendengar pelbagai pandangan daripada masyarakat. Daripada pandangan-pandangan itu kita bersetuju bahawa memang diperlukan tetapi apa yang dipersoalkan oleh rakyat pada hari ini iaitu setelah berbelanja begitu banyak. Selepas lebih enam tahun dan setiap tahun membelanjakan lebih RM500 juta setahun, apakah objektif penubuhan khidmat negara ini sudah dicapai ataupun tidak. Ini kerana kalau kita lihat daripada segi perpaduan, daripada segi keharmonian kaum termasuk dalam hal-hal hubungan di antara agama, di antara kaum, di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, saya ingat dia punya jurang saya tidak nampak mana-mana yang sudah semakin dekat, semakin rapat.

Barangkali saya silap tetapi saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian telah menjalankan kajian-kajian daripada segi pencapaian program Khidmat Negara ini. Bolehkah kita katakan yang duit sebanyak itu telah mencapai matlamat ataupun apakah seperti mana beberapa pandangan ketika kita mengadakan pendengaran awam Select Committee dahulu yang

mengatakan bahawa barangkali objektif itu boleh dicapai melalui sistem pendidikan yang ada dan bukan seperti ini di mana kita ada dia punya kem latihan kemudian pelbagai lagi hal-hal pentadbiran yang begitu besar untuk menjalankan latihan khidmat negara ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1940

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

#### 7.40 mlm

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas tentang Butiran Belanjawan 040000 tentang Belanjawan Pertahanan Maritim yang melibatkan perbelanjaan RM2.05 bilion. Baru-baru ini di akhbar tempatan dan antarabangsa ada melaporkan satu kes di mana seorang rakyat Malaysia yang bernama Glenn Francis Leonard atau dikenali sebagai Fat Leonard pemilik syarikat Glenn Defense Marine Asia (GDMA) telah terlibat dalam dakwaan kes rasuah melibatkan pegawai-pegawai kanan dalam Angkatan Tentera Laut (Navy) Amerika Syarikat. Media antarabangsa telah menggelarkan kes ini sebagai satu skandal rasuah yang paling besar dalam sejarah moden Navy Amerika Syarikat.

Dipercayai sejak 2011 GDMA telah diberikan kontrak bernilai lebih kurang USD200 juta atau lebih kurang RM640 juta oleh Navy di Amerika Syarikat. Laporan akhbar *The Star* menyatakan bahawa antara modus operandi Fat Leonard adalah untuk mengalihkan kapal perang Amerika syarikat di rantau ini untuk berlabuh apa yang dipanggil '*pearl ports*' seperti di Phuket, Thailand dan Pelabuhan Klang di Malaysia. Maksud *pearl ports* ini diberi laporan akhbar tersebut sebagai *where it would be easier to take invoices and check out charges*.

Pencarian juga mendapati bahawa syarikat GDMA milik Fat Leonard sememangnya beroperasi di Pelabuhan Klang dan sebuah syarikat di Glenn Marine Group mengendalikan terminal kapal pelayaran Port Klang Cruise Centre. Ini jelas menunjukkan kegagalan pengurusan dan penguatkuasaan di Pelabuhan Klang sehingga menjadi satu pusat untuk sindiket penipuan. Laporan media antarabangsa menunjukkan dokumen mahkamah di Amerika Syarikat mendedahkan bahawa lawatan kapal perang USS George Washington ke Pelabuhan Klang pada Oktober 2012 adalah sebahagian daripada rancangan penipuan Fat Leonard melibatkan pegawai kanan dalam Navy USA. Ini sekali gus merupakan tamparan serta penghinaan ke atas Menteri Pertahanan Malaysia pada ketika itu Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang begitu yakin menolak kecaman Naib Presiden PAS ketika itu Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar bahawa kehadiran USS George Washington adalah untuk meningkatkan hubungan dua hala dan diplomasi ketenteraan pada hal ini merupakan sebuah skandal penipuan dan rasuah.

Timbalan Menteri Pertahanan ketika itu Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad turut berkata bahawa lawatan USS George Washington merupakan peluang ekonomi untuk Malaysia. Namun jelas ia lebih merupakan peluang ekonomi untuk Fat Leonard. Skandal Fat Leonard ini adalah perkara yang penting dan harus dipandang serius. Bukan sahaja Kerajaan Amerika Syarikat, malah

Kerajaan Singapura, Thailand, dan Australia sudah pun mula menyiasat skandal Fat Leonard ini yang melibatkan operasi di negara masing-masing.

Di sini saya hendak mohon kerajaan untuk menjawab lima soalan atau melaksanakan lima perkara berikut dengan serta-merta, pertama menurut laman web GDMA, Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) merupakan antara pelanggan GDMA. Saya hendak tahu di sini berapakah nilai urus niaga dan apakah jenis urus niaga tersebut yang telah berlaku antara GDMA serta syarikat berkaitan dengan GDMA dan Fat Leonard dengan TLDM selama ini. Satu siasatan serta audit menyeluruh perlu dilaksanakan terhadap TLDM untuk memastikan tiada elemen rasuah, tiada elemen pecah amanah dan yang paling penting sekali tiada elemen pecah rahsia ketenteraan negara seperti yang terjadi di dalam Navy USA. Laporan siasatan tersebut mestilah dikemukakan kepada Parlimen di Dewan ini kerana melibatkan kepentingan negara yang amat mustahak.

Keduanya, SPRM juga patut menyiasat untuk membersihkan nama Mantan Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan ketika itu daripada sebarang penglibatan dalam sindiket penipuan Fat Leonard terutamanya dalam kes mengalihkan pelayaran USS George Washington ke Pelabuhan Klang dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan syarikat Fat Leonard.

Ketiga, memandangkan Kementerian Pertahanan telah menyatakan bahawa lawatan USS George Washington adalah peluang ekonomi kepada Malaysia. Saya hendak tahu berapakah bayaran doket dan yuran-yuran lain yang telah dibayar oleh USS George Wahsington semasa mendarat lima hari di Pelabuhan Klang pada Oktober 2012? Dan apakah keuntungan kewangan lain yang telah diperolehi serta syarikat manakah yang memperolehnya.

Keempat, Kerajaan Amerika Syarikat telah menggantungkan segala urusan dengan GDM. Justeru saya hendak menyeru supaya kerajaan juga perlu menghentikan segala urusan dengan syarikat berkaitan dengan Fat Leonard sehingga satu siasatan penuh dilakukan untuk memastikan tiada unsur jenayah berlaku selama ini.

Kelima, skandal Fat Leonard ini bersifat krisis kerana ia melibatkan kepincangan dalam aktiviti ketenteraan dan pentadbiran pelabuhan. Malah pencarian telah menunjukkan bahawa salah seorang pengarah dan pegawai tinggi dalam Glenn Defense Marine dan Glenn Marine Group Malaysia merupakan bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia. Justeru saya menggesa kerajaan untuk mengeluarkan satu kertas putih bagi menjelaskan kepada semua rakyat Malaysia tentang perkara ini terutamanya hasil siasatan skandal Fat Leonard tersebut.

Seterusnya ingin saya sentuh dua perkara lagi secara ringkas iaitu Butiran 040100 iaitu Emolumen Pengurusan di bawah Pertahanan Maritim. Emolumen dalam unit pengurusan ini telah meningkat dalam tahun 2014 daripada RM705 juta kepada RM768 juta iaitu peningkatan kira-kira RM63 juta, walaupun bilangan staf tiada sebarang penambahan. Ini bermakna kenaikan tahun hadapan untuk staf-staf di Unit Pengurusan Pertahanan Maritim adalah lebih kurang RM39 ribu setahun untuk seorang ataupun bersamaan dengan RM3000 sebulan. Jadi kita hendak tanya mengapa kenaikan yang mendadak tersebut walaupun tiada penambahan staf.

Keduanya Butiran 050100 iaitu Unit Pengurusan di bawah Pertahanan Udara di mana emolumen pengurusan juga meningkat mendadak daripada RM653 juta kepada RM720 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM67 juta. Yang peliknya bilangan staf untuk Unit Pengurusan Pertahanan Udara berkurangan daripada 1,129 orang kepada hanya 1,091 orang. Jadi ini bermakna pada tahun hadapan secara puratanya setiap staf dalam Unit Pengurusan Pertahanan Udara akan mendapat kenaikan lebih kurang RM61 ribu bersamaan dengan RM5000 sebulan. Jadi kita hendak tahu mengapa staf-staf di unit pengurusan kedua-dua Jabatan ini Pertahanan Maritim dan Pertahanan Udara mendapat kenaikan yang begitu mendadak, sedangkan tiada sebarang peruntukan kenaikan sedemikian untuk unit di Pertahanan Darat?

Jadi, terima kasih. Sekian sahaja ucapan saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

#### 7.48 mlm.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran Pertahanan Darat Operasi 030400 dengan Pertahanan Ruang udara. Sedikit sahaja, spesifik untuk area di Labuan. Labuan adalah pusat ataupun pusat ketenteraan udara yang terbesar di Malaysia Timur, di mana ia juga adalah sebahagian daripada yang akan terlibat di dalam operasi ESSCOM walaupun ianya tidak terletak di ESSZONE. Jadi memandangkan ianya adalah satu pusat ketenteraan, ia juga adalah satu tempat yang boleh dikatakan sebagai sasaran ataupun *target*. Pada masa yang sama Labuan juga mempunyai aset-aset negara yang lain terutamanya aset-aset ekonomi. Jadi saya ingin tahu sekiranya kementerian bersetuju bahawa Labuan sekurang-kurangnya satu batalion Tentera Darat sebab *respond time* Tentera Darat yang sekarang ini berada di Sabah dan Sarawak adalah agak lama. Saya difahamkan paling cepat empat jam.

#### ■ 1950

Satu lagi *strength* ataupun dengan izin, kekuatan yang ada pada tentera udara yang kita di Labuan, bolehkah ianya digunakan ataupun kita cari satu jalan ataupun kerjasama dengan syarikat-syarikat minyak dan gas yang beroperasi di lautan Sabah dan Sarawak dan juga Labuan supaya ianya boleh memberikan keyakinan yang tinggi, satu. Kedua supaya boleh menjimatkan kos kepada operasi-operasi minyak dan gas disebabkan minyak dan gas ini selalunya mereka memang begitu *concern* dengan keselamatan. Jadi, dengan penggunaan *strength* yang kita ada akan membolehkan mereka membuat *saving* yang besar dengan izin, dan mungkin ianya boleh dijadikan *deal* di mana mereka pula akan memulangkan kembali kepada negara dalam bentuk yang lain seperti CSR dan sebagainya.

Ianya termasuk juga selain daripada keselamatan pekerja di laut untuk tujuan *rescue* dan sebagainya, ianya juga ada *benefit* kembali kepada ketenteraan kita sekiranya kerjasama yang baik dapat dilakukan di mana informasi yang awal boleh kita dapat sekiranya ada pencerobohan datang dari sebelah laut sebabkan operasi-operasi minyak dan gas di laut itu sudah menjadi *partner* kita di dalam keselamatan. Terima kasih.



**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Labuan mohon menyokong.

**7.52 mlm.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas dalam Butiran 040000 - Pertahanan Maritim. Saya ingin dapat penjelasan, pertama sekali ialah kapal selam yang kita telah beli. kini sepatutnya kalau ikut jawapan yang dulu, Yang Berhormat Menteri menyatakan wang penyelenggaraan untuk dua unit kapal selam ini yang telah, projek penyelenggaraan ini telah diaward kepada *Boustead Heavy Industries* di D.C.M Berhad yang menurut Yang Berhormat Menteri maksimum cap untuk perbelanjaan ialah RM600 juta pada tahun pertama iaitu 2010 iaitu RM270 juta. Saya ingin tahu pada peringkat ini, 2013 berapa telah dibelanjakan? Sama ada RM600 juta ini sudah berapa banyak telah digunakan? Setiap tahun berapa yang dibayar oleh kerajaan untuk penyelenggaraan kapal selam ini?

Tambahan lagi saya juga ingin tahu apakah infrastruktur yang telah dijanjikan untuk kapal selam ini yang berpangkalan di Sabah dan sama ada pembinaan pangkalan ini sudah siap atau tidak dan apakah kosnya? Ini kerana dalam butiran ini tidak langsung sekali tidak dinyatakan sedikit pun apakah kos yang telah diambil untuk tujuan *maintenance* kepada kapal selam ini. Dengan ini saya juga ingin tahu, pada tahun 2009 bila kita telah menerima kapal selam, waktu itu missile dan torpedo tidak ada. Dikatakan *missile* dan torpedo yang berjumlah EURO219 juta ini hanya akan sampai ke Malaysia tahun 2013. Saya ingin tahu apakah status mereka sama ada *missile* dan torpedo ini sudah sampai atau tidak? Kalau tidak, kapal selam yang tidak ada *missile* atau torpedo maksudnya ia bukan kapal selam yang berkesan dan tidak mempunyai senjata.

Dengan isu ini saya juga ingin bangkitkan semula pada Julai 2013 ini, surat khabar, media kita dikejutkan dengan satu berita, satu pendedahan oleh seorang yang bernama Jasbir Singh Chahl yang digambarkan sebagai arkitek untuk kontrak Scorpene ini. Sebelum ini tidak pernah kita dengar nama ini kerana selama ini kita dengar orang yang mengendalikan dan juga menjadi orang yang menguruskan penyeliaan pembelian kapal selam adalah Razak Baginda. Akan tetapi, tiba-tiba muncul nama Jasbir Singh Chahl yang mengaku bahawa dia adalah arkitek dan dia adalah orang yang original menghasilkan konsep, strategi dan mengembangkan projek berikut.

Dalam pengakuan dia yang telah dia beli dalam temu bual di NST, dia mengatakan bahawa beliau adalah orang yang mempunyai kepakaran untuk uruskan ini dan wang yang dibayar kepada Perimekar itu sebanyak EURO115 juta ini di uruskan secara *transparent*. Saya ingin tahu apakah peranan beliau dan bagaimana *transfer* berlaku di mana projek ini di tangan Jasbir, kerajaan tidak tahu apa kriteria yang memilih Jasbir tetapi dua tahun kemudian selepas mengikut Jasbir, selepas telah dipersetujui untuk membeli kapal selam, projek ini diserahkan kepada Perimekar yang dimiliki oleh Razak Baginda? Saya kurang pasti apakah yang telah berlaku di dalam proses ini dan kita minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam perkara ini juga agak pelik kerana ada satu *court case* di mana di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur yang telah difailkan pada 2003 di mana Jasbir telah mendakwa kepada lima pihak. Satu ialah Razak Baginda. Kedua ialah KS Ombak Laut. Ketiga...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau dalam mahkamah berhati-hati.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini sudah habis, kes ini sudah habis. Hanya ada tiga. Ketiga, ialah Perimekar. Keempat ialah 'Teresa C'. Kelima adalah 'Extromax' di mana telah kes ini akhirnya tuntutananya ialah 50% daripada *fees*, komisen, sokongan, faedah dan bayaran dan apa-apa wang sama sekali berlaku melalui *transaction* ini. Akhirnya kes ini telah di *settle* di luar mahkamah di mana saya percaya Jasbir telah dibayar. Kalau mengikut ini mestilah ada komisen atau faedah yang telah berlaku di dalam transaksi ini, 25%.

Saya ingin tahu akhirnya siapa yang bayar kepada Jasbir Singh dan bagaimana kerajaan menjustifikasikan bayaran ini? Akan tetapi yang juga agak pelik kerana beberapa kali, kami, saya dan termasuk dengan ahli-ahli Parlimen yang lain tanya tentang peranan Teresa C. Satu syarikat yang pada mulanya di asas oleh Jasbir Singh yang terima komisen daripada pihak Perancis sebanyak 35 juta yang telah ada rakaman oleh pihak DCN. Pada masa yang sama juga berkhidmat untuk Kerajaan Malaysia.

#### ■2000

Kita ingin tahu apakah peranan 'Teresa C' dalam *due* kapal selam ini. Jawapan kita konsisten setiap kali dikatakan 'Teresa C' tidak terlibat. Akan tetapi di dalam kes ini, mahkamah dalam kes mahkamah ini 'Teresa C' didakwa sebagai defendan dan sudah jelas ada peranannya. Menurut pendaftar syarikat, Perimekar sekarang dimiliki oleh Mazlinda dan Razak Baginda. Mazlinda adalah isteri kepada Razak Baginda. Terasasi kini dimiliki oleh Razak dan ayah kepada Razak Baginda iaitu Abdul Malim Baginda.

Jelas kedua-dua syarikat ini mempunyai pemilik yang sama dan kepentingan sama. Kita ingin sekali lagi dapat penjelasan daripada kerajaan bagaimana *division of labour* di antara Terasasi dan Perimekar di dalam keseluruhan persetujuan untuk pembelian dan perkhidmatan kepada kapal selam ini. Dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis. Lewat malam salah panggil.

#### 8.01mlm.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih. Ada kuala okeylah. Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi membenarkan saya turut serta membahaskan tentang perbelanjaan pengurusan pembangunan Kementerian Pertahanan. Sebelum saya menyentuh secara khusus maksud pembekalan dan pembangunan, terlebih dahulu saya ingin menyarankan agar ada satu kajian jumlah peruntukan pertahanan kita secara umumnya

memandangkan perbelanjaan pertahanan Malaysia berada pada tahap yang ke-46 dunia mengikut data 2012 di belakang Singapura, Thailand, Indonesia, jika dilihat dari negara ASEAN.

Kita juga tahu negara-negara jiran, negara Asia diberitakan dalam berusaha dalam meningkat tahap pertahanan seperti yang dilaporkan oleh badan pemantau antarabangsa. Walau bagaimanapun, mungkin kemampuan kita terhad. Kita perlu sentiasa memantau untuk kita menilai di mana kita di dalam aspek kelengkapan pertahanan di negara serantau. Seperti yang sedia kita maklum dalam isu pertahanan ini, sebenarnya kita tidak ada kompromi memandangkan pernah berlaku seperti peristiwa di Lahad Datu.

Tuan Pengerusi, saya ingin secara khusus menyentuh peruntukan mengurus berjumlah RM13 bilion dan peruntukan pembangunan RM2.7 bilion di bawah Butiran 10000, 20000, 30000, 40000, 50000. Saya difahamkan bekalan pengurusan perbelanjaannya cukup besar sekali. Walau bagaimanapun, kita perlulah mengimbangkan perbelanjaan itu untuk memastikan perbelanjaan pertahanan kita terus progresif. Pada hemat saya, sejajar dengan strategi pertahanan teras pertama memperoleh aset-aset yang terkini dan mengikut perkembangan teknologi semasa ataupun terkini. Untuk keuntungan jangka masa panjang di mana ada kesempatan dan peluang, kita seharusnya membuat satu kajian iaitu tentang teknologi *transfer* ataupun perpindahan teknologi yang seharusnya kita manfaatkan bagi kesediaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang kita tidak tahu mungkin berlaku pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi, oleh demikian saya ingin merujuk kepada perbelanjaan pembangunan bilangan 2030 yang saya lihat menunjukkan penurunan daripada tahun sebelum ini di mana penurunannya daripada yang lepas 3.3 dan sekarang ini 2.7 bilion yang kesemuanya ialah perbelanjaan aset adalah sesuatu yang diperhalusi sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan. Saya sebenarnya ingin menyarankan kajian dibuat untuk memastikan nisbah perbelanjaan pengurusan dan pembangunan adalah nisbah yang sihat. Mungkin sudah sampai masanya kita memperhebatkan industri pertahanan kita dirantau ini. Saya mencadangkan agar Kementerian Pertahanan ini sendiri mewujudkan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan atau pun R&D perlu dititikberatkan.

Ini merupakan aset kepada kita, *investment* yang cukup baik sekali dan kita tidak bergantung pada semata-mata pembelian sahaja. *Investment* ini di dalam bidang pembuatan industri pertahanan. Itu yang saya cadangkan supaya kita seharusnya membuat satu kajian dari segi industri pertahanan ini jika diusahakan bukan sahaja menampung penggunaan pertahanan dalam negara tetapi juga boleh mendatangkan hasil mungkin pasaran di rantau ini. Projek seperti kereta berperisai lapan tayar perlu diperbanyakkan, mungkin sudah sampai masanya pembuatan senjata api kita sendiri. Ia penting bagi memastikan supaya kita tidak terus berbelanja secara hasil langsung dalam industri pertahanan negara. Di samping dapat memastikan pertahanan kita terus berada di tahap yang cukup optimum, cukup kuat untuk memastikan pertahanan negara kita ini.

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan perbelanjaan latihan pertahanan darat Butiran 030300 – Latihan. Seperti yang kita semua ketahui dewasa ini banyak kita dengar terdapat

kumpulan-kumpulan gengster seperti yang dibentangkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kita dapati tidak kira sama ada daripada bangsa Melayu, kaum India, Cina dan sebagainya terlibat dengan masalah gengster. Mungkin ini disebabkan juga masalah-masalah sosioekonomi di negara kita. Saya mencadangkan supaya agar satu kajian dibuat untuk mengadakan kumpulan tentera khas iaitu program khas untuk mendidik- saya cadangkan hari ini adalah kumpulan adalah daripada kumpulan India itu sendiri.

Mereka diberi unit khas di mana mereka yang dipilih, dilatih khas oleh pelatih-pelatih dari kaum India sendiri dalam unit khas mereka. Mereka diberikan latihan menjadi seorang yang patriotik, di samping mereka diberikan imbuhan dan gaji yang sewajarnya sebagai seorang tentera. Sekiranya kita mengkaji kaum India ini, mereka ini sebenarnya mempunyai daya tahan jati diri dan tahap disiplin yang kuat. Sekiranya kita memberi peluang dan latihan patriotik mencintai negara, mereka akan menjadi aset negara yang cukup berharga. Ini juga sebenarnya dapat menolong mereka menaikkan taraf hidup mereka itu sendiri.

Ini juga akan dapat mengurangkan kegiatan seperti gengsterisme yang saya nyatakan dan yang kita dengari daripada KDN sendiri. Untuk persoalan ini, mungkin timbul, mungkin kebimbangan mereka diberikan latihan tentera tetapi satu pelan pemilihan yang baik boleh dilakukan. Mereka ini mungkin boleh dipilih, mungkin dipilih secara teratur lepasan SPM umpamanya dan mereka terdedah kepada anasir yang lebih baik. Lebih baik kita latih mereka dengan disiplin yang baik menjadi seorang anggota tentera. Cadangan ini sebenarnya pernah saya perbincangan bersama rakan-rakan di dalam tentera itu sendiri. Maknanya mereka menyarankan supaya ini salah satu mekanisme yang boleh membantu masyarakat kita yang saya nyatakan sebentar tadi. Jadi itulah pandangan, cadangan yang saya menyokong pembentangan ini.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita akan selesaikan perbahasan jam 8.30 nanti beri ruang kepada Menteri untuk menjawab. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### **8.09 mlm.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin untuk mengambil bahagian dari segi butiran B.60, Butiran 060000 berkenaan dengan Latihan Khidmat Negara iaitu peruntukan yang telah dicadangkan sebanyak RM632,508,800.

#### **■2010**

Program ini yang sudah berjalan pada tahun 2004. Objektif dia cantik dan elok iaitu antaranya ialah untuk meningkatkan semangat patriotik di kalangan generasi muda antaranya. Cumanya kita harapkan supaya benar-benar yang modul yang kita buat itu ialah mereka ini merupakan orang yang patriotik kepada negara. Sekarang ini di Malaysia ini kadang-kadang kita

tengok berlaku sedikit tentang penyelewengan dari segi fakta dan juga anasir-anasir yang tidak berapa baik.

Contohnya waktu kita menyambut kemerdekaan yang kita paparnya ialah bukan dari pejuang-pejuang kemerdekaan. Sebaliknya ialah dari kalangan presiden parti yang memerintah pada hari ini. Maka sebab itu kita harapkan semangat patriotik ini penting kepada anak-anak muda kita kerana sesuai dengan konsep yang kita sebut tentang **hubbul waffat minal iman** iaitu kasih kepada negara itu sebahagian daripada iman.

Begitu juga di antara objektif dia untuk memupuk perpaduan dan juga membentuk integrasi nasional di negara ini. Ini juga merupakan satu objektif yang baik. Cumanya kita harapkan supaya tidak berlakulah lagi unsur-unsur berkenaan dengan – terutamanya di dalam kursus-kursus yang kita buat yang kadang-kadang dibentangkan dan diberitahu berkenaan dengan hal-hal yang bersifat seolah-olah menanamkan sifat satu kaum semata-mata dan akhirnya kita tengok, watak untuk membentuk perpaduan kaum ini rugi kerana kita ingat kebanyakan dalam Dewan ini sudah berumur 50 tahun. Kita akan meninggalkan generasi yang masih hendak hidup lagi. Dia akan bina negara kita, 50 tahun yang akan datang. Maka dengan sebab itu kita harapkan program latihan ini dapat mencapai objektifnya yang baik.

Oleh itu, unsur-unsur yang saya sebut tadi tidak boleh berlaku sepatutnya kerana peruntukan yang kita beri itu agak banyak. Maka begitu juga – kerana kita tahu dalam soal kita membicarakan berkenaan dengan soal keruntuhan moral, kebanyakannya orang fokus ialah kepada anak-anak orang Melayu pada hari ini. Gejala-gejala keruntuhan moral dan sebagainya. Maka memang program latihan yang dibuat melalui PLKN ini merupakan program yang memang sesuai dengan cita rasa anak muda.

Cumanya macam saya pernah sebut di dalam – ketika bersoal dengan Kementerian Belia dan Sukan, cumanya kita harapkan supaya pendekatan itu pendekatan yang boleh menjuruskan kepada pembinaan jati diri, budak-budak atau anak-anak muda ini khususnya program ini kalau boleh kita cadangkan supaya dipisahkan antara lelaki dengan perempuan dan jurulatihnya juga ialah mestilah juga jurulatih yang ada juga integriti dari segi personaliti dia supaya mereka ini dapat menunjukkan suri teladan yang baik.

Kita tidak mahu kes-kes yang begitu trauma berlaku dalam sejarah PLKN ini. Antaranya seperti mana berlaku kes rogol, berlakunya mati dalam bilik air, kes buli, sesak nafas dan macam-macam yang menyebabkan kita sebagai ibu bapa hendak hantar anak kita. bila kita tengok nama anak kita sudah naik dalam senarai PLKN sudah menjadi satu trauma. Ini menyebabkan – kita hendak supaya program itu biarlah yang menyeronokkan. Macam kita hantar anak kita waktu mereka pergi – ikut program sekolah seperti Program Palang Merah yang dianjurkan sekolah. Ibu bapa seronok bila hantar anak dia pergi program itu. Sedangkan apabila pergi program PLKN, kadang-kadang ibu bapa merasakan berada dalam keadaan tidak selesa kerana rekod yang ditunjukkan dalam program PLKN ini menyebabkan ibu bapa agak tidak selesa.

Tuan Pengerusi yang saya kasihi, keduanya ialah berkenaan dengan **Butiran 60000** iaitu Pentadbiran Pertahanan. Antaranya kita hendak supaya soal kebajikan pasukan angkatan tentera terutama yang tidak berpencen yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik tadi.

Saya hendak mencadangkan di sini juga, pasukan tentera yang kadang-kadang berkhidmat 13 tahun, ada yang 18 tahun, kalau boleh berilah kepada mereka imbuhan setiap tahun RM1,000. Saya cadangkan untuk beri RM1,000 setiap tahun. Kita tidak mahulah lima tahun sekali baru kita beri RM3,000 untuk – masa dekat hendak pilihan raya. Kita hendak kalau boleh setiap tahun beri kepada mereka kerana kebanyakan mereka ini pencen awal kadang-kadang memang.

Bila kita tanya mereka ada sebab-sebab yang tertentu menyebabkan mereka pencen. 13 tahun tidak apa, kadang-kadang 18 tahun tidak sabar lagi tiga tahun. Dia kata – adalah sebab-sebab. Saya pun tidak mahu sebut menyebabkan berlaku begitu. Oleh itu, kita harapkan supaya ada satu inisiatif dari kalangan kementerian untuk memberikan wang sekurang-kurangnya RM1,000 kepada mereka ini setiap tahun sebagai imbuhan sebagai perkhidmatan mereka kepada negara.

Saya juga mengharapkan supaya kerajaan *review* baliklah melalui Fasa 17, Akta Veteran 2011 yang telah diluluskan dahulu iaitu bekas tentera yang tidak boleh sertai mana-mana persatuan yang gagal mendaftar dalam ROS. Mungkin kadang-kadang mereka tidak mendaftar ROS sebenarnya tetapi mereka itu duduk di dalam badan-badan seperti mana PAS. Kita ada satu kerabat iaitu gerakan kebajikan di kalangan tentera. Mereka ini daftarkan di bawah parti kita, adakah ini persatuan yang tidak dibenarkan untuk mereka sertai?

Akhir sekali ialah berkenaan dengan **Butiran 060200** di bawah **Butiran 020100** iaitu berkenaan dengan pengurusan. Untuk melahirkan pegawai tentera yang berijazah supaya menjadi pelapis kepimpinan yang berkualiti. Maka kita mengharapkan sekarang ini kita sudah ada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang kita harapkan supaya universiti ini memberikan keutamaan kepada tentera-tentera, pegawai tentera untuk mereka itu memperoleh ijazah dan juga meningkatkan kemahiran mereka. Kita harapkan subjek yang di ajar di Universiti Pertahanan Malaysia ini biarlah subjek yang diajar itu yang boleh memberikan satu nilai tambah kepada anggota kita supaya berlakunya pemindahan teknologi pertahanan kepada anggota tentera kita.

Saya yakin anggota tentera kita ini orang bijak. *Develop* dengan izin untuk kita bangunkan supaya mereka ini macam disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Lipis tadi supaya adanya di sana, esok kita tidak perlu bergantung dengan orang kerana soal tentera ini soal yang penting sangat. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* benda ini penting. Kita hendak supaya kita buat, segala teknologi dan persenjataannya kita yang kita sendiri buat A to Z. Kita habis senjata dan peruntukan banyak pun tidak apa kerana ini ialah masa depan negara kita dan masa depan ini saya rasa Universiti Pertahanan Negara yang sudah sedia ada mesti dibangunkan dengan baik dan kita gunakan kemahiran-kemahiran ini yang telah pun ada kita harapkan ianya akan memberikan impak yang baik kepada negara terutama dari sudut keselamatan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, seorang boleh tidak?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** 10 minit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. 10 minit kita panggil dua orang sahaja. Yang Berhormat Machang dan selepas itu Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Thank you.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Selepas itu Menteri menjawab. Lain itu tumpanglah dengan kawan.

### 8.19mlm

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Bonceng, bonceng. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak menyentuh tentang Butiran 060200 di bawah **Butiran 060000** berkenaan dengan Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mana sejumlah RM585,428,000 telah dicadangkan untuk peruntukan tahun 2014 yang melibatkan 150,000 orang pelajar yang akan dipilih secara rawak daripada 526,280 orang.

#### ■2020

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan kerajaan agar dapat menambahkan bilangan daripada 150,000 kerana ia adalah lebih kurang 28% sahaja sedangkan 70% lagi terpinggir ataupun tidak terpilih, tidak terlibat di dalam program PLKN ini. Ia diwujudkan sejak tahun 2004 yang mana remaja yang dilahirkan pada tahun 1986. Ia perlu ditambah kerana mengikut kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) jelas telah menunjukkan suatu petunjuk yang positif. Sebanyak 78% didapati telah meningkat di dalam semangat kesukarelaan selepas menyertai PLKN, 85% semangat patriotisme dan juga diikuti dengan tahap komitmen sebanyak 95%.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu untuk dipertingkatkan agar setiap ringgit yang telah dibelanjakan oleh kerajaan dapat memberikan kesan yang positif kepada negara. Walaupun PLKN ini memakan belanja ataupun kos yang tinggi, namun kita percaya bahawa ia adalah merupakan satu keperluan yang amat penting ...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Sekalipun kita terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar daripada apa yang diperuntukkan pada masa sekarang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, difahamkan hanya 10% hingga 12% daripada 500,000 pelajar yang dapat kesempatan untuk masuk melalui Latihan Khidmat Negara ini. Bermakna kalau kita hendak memberi hanya 50,000 sahaja semangat patriotisme atau ditanamkan dengan semangat ini, saya rasa kurang adil. Bersetujukah Yang Berhormat Machang sekiranya Program Latihan Khidmat Negara ini di*incorporate* dalam sekolah yang mana ia bermula daripada Tingkatan Tiga, Tingkatan Empat, Tingkatan Lima yang menyebabkan lebih ramai murid-murid. Ini bermakna keseluruhan murid-murid dalam sistem pendidikan kita dapat kesempatan untuk mendapat latihan ala Khidmat Negara ini.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** *[Bangun]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya ingin perbetulkan, 28% dan 72% lagi tidak terpilih. Jadi apa cara sekalipun, saya amat bersetuju supaya kalau pun tidak dapat diperluaskan pengambilannya, maka amat sesuai sekiranya ia dikembangkan di peringkat sekolah-sekolah menengah.

Saya juga ingin mencadangkan di sini tentang beberapa penambahbaikan seperti pertambahan beberapa modul yang amat penting saya kira, contohnya modul pencegahan jenayah yang mana PLKN perlu bekerjasama dengan pihak PDRM di bawah KDN di dalam membentuk pelatih-pelatih ini tentang pendedahan terhadap bahaya jenayah dan bagaimana hukuman-hukuman yang akan dikenakan sekiranya mereka melakukan jenayah seperti demonstrasi bagaimana hukuman rotan dijalankan dan juga modul rawatan kecemasan di dalam menghadapi bencana ribut, banjir dan sebagainya, bencana alam juga perlu diterapkan di sini.

Ketiga ialah, modul pengurusan kewangan juga saya fikir ia perlu diterapkan di dalam program PLKN ini kerana mengikut kajian, hampir 45,000 individu yang berumur di bawah daripada 35 tahun di negara ini diisytiharkan mufliis sejak tiga tahun lalu. Statistik ini berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia. Justeru itu, saya mencadangkan agar pihak PLKN menganjurkan sub modul pengurusan kewangan kepada pelatih-pelatih PLKN agar dapat menguruskan kewangan peribadi mereka dengan lebih baik dan juga teratur.

Keempatnya ialah modul berasaskan kerohanian. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang menyebut tadi bahawasanya sejak mutakhir ini terdapat begitu besar angka golongan belia yang terlibat di dalam kes-kes jenayah dan juga penyalahgunaan dadah. Maka, kita gunakan platform PLKN ini untuk memberikan kesedaran kepada mereka. Jadi bagi saya, modul berasaskan kerohanian ini perlu dimasukkan di dalam program ini.

Kelimanya, modul kenegaraan juga amat penting agar semangat patriotik ini dapat dirasakan oleh pelatih-pelatih ...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** *[Bangun]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Semasa menjalani latihan di PLKN ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelevu bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Jelevu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Machang kerana memberi tumpang. Jadi, saya ingin hendak menambah sedikit daripada pandangan Yang Berhormat Machang tadi itu iaitu program PLKN selepas. Kita banyak bercakap tadi soal semasa latihan tetapi kementerian harus dan wajar memikirkan lanjutan kepada program latihan semasa mereka di dalam pusat latihan PLKN itu iaitu harus diwujudkan kesinambungan, tidak boleh berhenti setakat itu sahaja. Mereka sudah dilatih sekian baik dengan modul-modul yang semakin diperkukuhkan tetapi ia berakhir di situ.

Jadi oleh kerana itu, ia merupakan satu kerugianlah Yang Berhormat Machang kalau kita tidak melanjutkan mereka ini ke dalam program yang berterusan dalam bentuk kesukarelawan,



dalam bentuk menyertai RELA, menyertai askar wataniah dan sebagainya. Oleh kerana itu kalau mereka dijuruskan selepas program itu ke dalam pasukan-pasukan kesukarelawan begini, maka latihan yang diterima itu boleh dilanjutkan dan ia memberi manfaat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]:** Saya fikir dan saya mohon Yang Berhormat Machang masukkan sebahagian ucapan saya itu ke dalam ucapan Yang Berhormat Machang. Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Machang, Lumut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kalau boleh saya tambah sedikit. Tuan Pengerusi, sedikit. Apa kata kalau saya cadangkan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Machang bagi? Ya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Selepas pelatih ini menjalani latihan pelbagai modul yang telah dicadangkan, saya cadangkan graduan PLKN ini, selepas nama mereka, dia boleh tulis PLKN namanya. Contohnya, Mohamad Imran Abd Hamid, di belakangnya ditulis PLKN untuk membezakan mereka yang telah dilatih melalui program PLKN dengan yang tidak dilatih. Mungkin dengan cara ini boleh mengelakkan mereka daripada terjebak daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang memalukan mereka sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Machang? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Dua-dua ini saya bersetujulah. Masa pun sudah tidak ada, kira bersetuju. Memang baik pun. Jadi, kita juga hendak cadangkan supaya pangkalan data, *database* dapat diwujudkan untuk memastikan bahawasanya alumni PLKN ini dapat mengikuti program-program selanjutnya dan juga terlibat dalam NGO-NGO kesukarelawan ini.

Juga akhir sekali Tuan Pengerusi, saya memohon pihak kementerian agar sekali lagi saya menyeru agar memperkembangkan kem-kem latihan PLKN ini agar dapat menarik lebih ramai ataupun melibatkan penyertaan lebih ramai di kalangan pelatih-pelatih. Kalau boleh, satu kem PLKN ini bolehlah kalau boleh dipertimbangkan untuk dibina di dalam kawasan Parlimen saya iaitu Machang. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

■2030

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin.

8.30 mlm.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 080000 dan Butiran 090000. Saya minta Yang Berhormat Menteri minta penerangan secara terperinci kenapakah peruntukan bagi Butiran 080000 adalah sebanyak RM1.7 bilion dan Butiran 090000

adalah sebanyak RM8.36 bilion, di mana jumlah keseluruhannya adalah RM2.5 bilion iaitu 15.8% daripada jumlah peruntukan bagi tahun 2014.

Tuan pengerusi, tahap pertahanan Malaysia dari segi *Deficiently Corruption Index* adalah di D+ pada 29 Januari tahun ini. Hari ini Malaysia jatuh ke tahap E atau pun *very risky of corruption* dari segi perbelanjaan daripada Menteri Pertahanan atau pun MINDEF. Kini Malaysia adalah sama dengan negara-negara seperti China, Afganistan, Bangladesh, Zimbabwe dan lain-lain.

Dalam Perancangan Malaysia Ke-10, RM23 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan pertahanan negara. Ini adalah amat tinggi jika berbanding dengan RM1.1 bilion penjimatan daripada pengurangan subsidi RON95. Ia juga lebih kurang bersamaan dengan keuntungan yang akan kita perolehi iaitu RM32 bilion dengan adanya GST pada masa yang akan datang. Jika berbanding dengan jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 serta tahun 2013, peningkatan sebanyak RM3.45 bilion iaitu RM11.79 bilion ke RM15.251 bilion. Pada tahun 2014 yang akan datang RM16.1 bilion diperuntukkan iaitu peningkatan sebanyak RM4.3 bilion jika berbanding dengan peruntukan pada tahun 2010.

Tuan Pengerusi, sudah menjadi pengetahuan ramai di kalangan rakyat di mana kontrak-kontrak pertahanan adalah lumayan serta kebanyakannya dikawal oleh syarikat-syarikat kepunyaan kroni. Bukannya kita membantah peruntukan demi pertahanan negara tetapi tahap *transparency* ini adalah membimbangkan. Pembaziran yang begitu banyak kerana kerajaan terpaksa membeli alat tan berkali ganda lebih daripada harga pasaran. Jika adanya 'atas', jika, jadi adakah atas nama pertahanan, atas nama teknologi *transfer* demi menjustifikasikan penyelewengan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi saya harap langkah-langkah akan diambil oleh MINDEF supaya tiada pembaziran yang begitu ketara akan berlaku terutamanya pada masa ekonomi sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Stampin, setuju atau tidak Yang Berhormat untuk kita sama-sama tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan Bajet 2014 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan di mana kerajaan akan terus meningkatkan kawalan keselamatan negara dengan memantapkan operasi dan peralatan di perairan. Di antaranya ialah untuk menambah enam buah (OPV) iaitu *offshore petrol vessel* dengan 14 pesawat kargo dan pembelian peralatan sokongan dan semuanya berjumlah RM2.4 bilion.

Dalam masa yang sama kita juga ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri ketika sekitar tahun 2011 dahulu, negara dikejutkan dengan keputusan kerajaan untuk membeli atau untuk membina *second generation petrol vessel* yang berjumlahnya adalah lebih kurang RM6 bilion. Sekali lagi kita bercakap tentang jumlah wang yang cukup besar.

Setuju atau tidak Yang Berhormat Stampin kita tanya secara *detail* kepada Yang Berhormat Menteri, apa sudah jadi dengan projek RM6 bilion ini? Satu masa timbul pertikaian apakah dia *littoral combat ship* atau pun SGPV. Kenapakah kontrak sebesar ini hanya diberikan kepada satu syarikat iaitu yang kita tahu syarikat *Boustead Heavy Industries Cooperation* dan bagaimanakah perkembangannya setakat ini, bagaimanakah perinciannya. Kita dimaklumkan kalau ikut tahun 2012 unjuran kewangan BHIC dan *Boustead Holding* secara keseluruhan ia menunjukkan defisit yang cukup besar. Kenapakah rasional satu saja syarikat diberi untuk projek yang berjumlah sebesar RM6 bilion ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya memang bersetujulah dengan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, ringkaskan ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** ...sahabat saya, mungkin inilah sebabnya kita punya tahap *Defense Anti Corruption Index* ke tahap E. Contohnya Timbalan Menteri pernah memberitahu bahawa kekurangan UAV yang telah dikontrakkan kepada CTRM pada RM10 milion setahun iaitu lebih kurang RM833,000 sebulan menyumbang dengan berkesan terutamanya semasa insiden Lahad Datu.

UAV yang dibekalkan itu boleh menebang sebanyak empat hingga enam jam serta 50 kilometer dari segi jarak penebangan di mana jumlah *coaster line* yang perlu ditinjau seperti yang diberitahu Menteri adalah lebih kurang 1,400 kilometer tetapi kita tidak tahu UAV ini akan *complete the mission* dengan izin.

Selainnya, hakikatnya UAV ini telah pun digunakan dalam misi penjanaan sebelum insiden Lahad Datu berlaku. Jelas ini gagal mengelakkan insiden ini berlaku walaupun...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** ...peruntukan diberikan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Stampin minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Stampin sama ada Yang Berhormat bersetuju isu keselamatan yang mahu saya mengetengahkan bersangkut paut dengan *point* sahabat saya Yang Berhormat Stampin, adalah satu *open secret* bahawa ramai pendatang asing tanpa izin yang berstatus *refugee* atau dengan izin pelarian dilantik oleh syarikat-syarikat *security* dan pengawasan untuk menjadi pengawal atau *security guard* di kawasan perumahan, *apartment-apartment* atau kondominium di negara ini. Baru-baru ini kes seorang tidak ada kad pengenalan diberikan satu senjata dan sekarang dilabelkan sebagai pembunuh dalam kes pembunuhan pegawai Ambank.

Adakah mereka ini mempunyai latar belakang *military* atau pun polis telah menjalani apa-apa latihan dalam pengawalan dan pengawasan untuk memastikan keselamatan negara. Oleh sebab baru-baru ini yang dicari dan di heboh-hebohkan adalah yang memetik picu pistol yang membunuh pegawai bank tersebut. Akan tetapi syarikat yang telah melantik orang-orang ini terutama sekali yang berstatus *refugee* sebagai contoh dari UNHCR, apakah pandangan Yang Berhormat Stampin mengenai isu ini, di mana yang di cari adalah ikan bilis tetapi jerung yang besar, syarikat-syarikat itu dilepaskan. Apa pendapat Yang Berhormat Stampin, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin gulung ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya memang bersetuju dengan sahabat saya. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memperhatikan perkara ini supaya kejadian seperti ini yang berlaku di Pom Pom tidak akan berlaku lagi. Bukannya kita, bersambungan dengan apa yang saya cakap tadi, bukannya kita mempertikaikan penggunaan UAV, tetapi justifikasi terhadap pembayaran yang begitu lumayan kepada CTRM sedangkan peruntukan ini boleh lebih baik digunakan bagi tujuan lebih menguntungkan negara dari segi perkembangan sains pertahanan. Itu pun berapa jumlah sebenarnya peruntukan yang telah pun diperuntukkan? Saya bersetuju dengan saudara daripada sebelah sana iaitu saudara dari Lipis dan saudara Bukit Gantang bahawa kita perlukan teknologi pertahanan kita sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan saudara atau saudari tetapi Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Maaf, Yang Berhormat dari Lipis dan Yang Berhormat dari Bukit Gantang. Saya bersetuju bahawa kita perlukan teknologi pertahanan. Kenapakah *spying* dari US akan berlaku di negara Malaysia? Ini kerana kita tidak ada teknologi pertahanan. Masalahnya bukan kita tidak ada peruntukan tetapi adakah peruntukan itu diberi kepada institusi ataupun syarikat yang betul-betul mengembangkan teknologi pertahanan ini? Jadi minta pengesahan juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang sangat Yang Berhormat Stampin ini.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Gulung, dua minit. Jadi, saya minta pengesahan juga, beberapa buah pesawat *ScanEagle* UAV yang telah pun CTRM beli walaupun banyak peruntukan yang diberi bagi memperkembangkan UAV *Aludra* serta UAV Nyamuk? Dengan harga berapakah *ScanEagle* UAV ini dibeli dan kenapa? Soalan yang terakhir saya, soalan yang kedua. Minta pengesahan, saya difahamkan DCA pernah *grounded* UAV CTRM, berapa lama kah ia di *grounded*? Bila serta kenapa? Nyatakan prestasi *Aludra* sebenarnya, yang telah pun diisytiharkan serta terbukti? Jadi dengan adanya radar yang canggih seperti yang Menteri beritahu, adakah relevan lagi kontrak UAV CRTM ini? kenapa peruntukan ini tidak dibuka kepada institusi serta syarikat yang lain? Ini supaya adanya persaingan, CTRM telah pun menceburi UAV sejak lebih kurang 2003.

Teknologi UAV ini adalah satu perangsang bagi perkembangan sains automasi. Adalah sedih jika Konsortium UAV yang terdiri daripada tiga kompeni iaitu CTRM, *System Consultancy services* (SES) dan *Ikramatic System* menghalang perkembangan sains automasi *flight control* terutamanya dari segi menyumbang kepada teknologi pertahanan. Jadi, dengan ringkasnya, UAV yang dipakai bukannya lebih murah jika kita menggunakan kapal terbang jenis *high-wing generate aviation* bagi tujuan peninjauan di samping biarlah perkembangan R&D UAV dibuka kepada semua institusi dengan komitmen peruntukan yang sama ada serta tidak bias. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri jawab ya.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** [Bangun]

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya beri peluang sahaja. Ringkas sahaja ya Yang Berhormat Jelebu. Satu sahaja, tiga minit sahaja.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ringkas sahaja soalan saya, berkaitan dengan B.60 Butiran 010000 iaitu pertamanya, satu ketika dahulu heboh soal pencerobohan ruang angkasa kita oleh jet pejuang negara jiran Singapura di kawasan Selatan menyebabkan rasa tidak selesa dan rasa tidak senang di kalangan rakyat di kawasan negeri Johor khususnya dan negara kita.

#### ■2040

Jadi, bagaimanakah keadaan dan situasi berkaitan dengan perkara seperti itu sehingga kini?

Keduanya, apakah Kementerian Pertahanan sudah bersedia untuk mendedahkan nama-nama petualang insiden pencerobohan Lahad Datu baru-baru ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 8.40 mlm.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melibatkan diri dalam perbahasan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan akan meneliti cadangan-cadangan dan juga saranan-saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita akan mengambil kira dalam usaha untuk mengurus dan mengawal selia kementerian ini. Mana-mana isu yang dibangkitkan bersifat sensitif dan menyentuh kepentingan strategik dan pertahanan negara yang tidak dapat didedahkan secara terbuka, saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mendapat maklumat yang lanjut, bolehlah bertemu dengan kementerian untuk penjelasan lanjut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa isu yang saya dapat rangkumkan sebentar tadi berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan di antara isu yang paling banyak dibangkitkan ialah berkaitan dengan PLKN iaitu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Setiawangsa dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya nyatakan di sini Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apabila kita mengadakan program PLKN ini pada tahun 2004, ianya adalah merupakan keputusan kerajaan setelah mengambil kira pandangan selepas satu persidangan yang diadakan untuk mengambil pendapat berkaitan dengan keperluan untuk mengadakan satu khidmat negara. Kita telah membuat keputusan pada tahun 2004, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan khidmat negara ini adalah merupakan satu khidmat negara yang unik yang berbeza dengan khidmat negara yang terdapat di negara-negara lain seperti Singapura, Taiwan ataupun Korea Selatan yang bersifat *military conscript* iaitu merupakan satu *military service* yang merupakan diwajibkan kepada semua lelaki.

Akan tetapi dalam perwujudan khidmat negara ini, kita ingin mencapai beberapa objektif. Di antaranya ialah kita ingin mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang mempunyai jati diri. Itu yang pertama. Jati diri iaitu mereka mempunyai dan selain daripada itu mereka harus juga mempunyai semangat patriotisme, mereka mempunyai semangat kesukarelawanan dan selebihnya mereka juga berpeluang untuk dapat bersama-sama di dalam satu kem iaitu dengan mewujudkan suasana integrasi dan perpaduan di kalangan mereka kerana pengambilan peserta-peserta ini adalah berdasarkan kepada peratusan kaum iaitu terdiri daripada lebih kurang 65% terdiri daripada bumiputera, 25% daripada kalangan masyarakat Cina dan 8% daripada masyarakat India dan 2% lagi daripada lain-lain. Dari segi jantina pula 45% adalah terdiri daripada wanita dan 55% adalah daripada peserta-peserta lelaki.

Saya ingin nyatakan di sini bahawa empat modul utama yang ditekankan di dalam Program Latihan Khidmat Negara ini iaitu yang pertama ialah Modul Fizikal iaitu berjumlah 126 jam, Modul Kenegaraan – 47 jam, Pembinaan Karakter – 69 jam dan Khidmat Komuniti – 11 jam. Di bawah daripada modul-modul itu terdapat juga sub-sub modul yang ingin menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama sub modul Kerohanian - Smart Solat bagi Muslim, Program Kewangan dan Pengurusan Kredit, Ceramah Pendidikan dan Kerjaya, Program Penghayatan Sastera dan Budaya, Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata Kod M-16, Program Derma Darah, Program Kesedaran Pre-Productive dan sosial ataupun pekerti, Hari Kesukarelawanan, Program Integrasi, Ceramah 1Malaysia, Program Cegah Jenayah PDRM yang telah ditanya oleh Yang Berhormat tadi program Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan program berkaitan dengan kesedaran HIV dan AIDS dan yang terbaru kita juga memperkenalkan berkaitan dengan Malaysia Berdaulat iaitu satu sub modul baru yang bertujuan untuk meningkatkan patriotisme di kalangan peserta-peserta.

Setelah kita melaksanakan hampir sembilan tahun, sebenarnya kita mendapati bahawa program latihan khidmat negara ini memang dapat mencapai matlamat yang telah kita harapkan

dan kita telah melahirkan lebih kurang 750,000 peserta-peserta walaupun sebenarnya ini adalah satu jumlah yang tidak mencukupi kerana ia hanyalah lebih kerana 20% daripada jumlah kelahiran bagi setiap tahun. Akan tetapi, sekiranya kita ingin menambah, maka kita harus berbelanja dengan perbelanjaan tambahan kerana setakat ini kita membelanjakan lebih kurang RM550 juta hingga RM650 juta bagi setiap tahun dan *average* lebih kurang RM8,000 bagi setiap pelatih. RM8,000 ini adalah merupakan kos keseluruhan iaitu bagi tempoh tiga bulan latihan sama ada perbelanjaan dari segi makanan dan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Jadi, walaupun kita melihat ini mungkin sebagai satu perbelanjaan yang agak besar tetapi kita harus melihat bahawa ini merupakan satu usaha yang dibuat oleh kerajaan dengan melihat bahawa masyarakat Malaysia mempunyai masalah-masalahnya sendiri. Seperti mana yang kita tahu bahawa negara kita mempunyai sistem pendidikan yang berbeza yang telah diwarisi dan kita telah pun menerimanya sebagai satu hakikat dan menimbulkan masalah bahawa ramai daripada masyarakat generasi baru kita terpisah kerana mereka bersekolah di sekolah vernakular masing-masing. Dengan adanya PLKN ini adalah merupakan satu usaha bagi kita memastikan supaya mereka dapat bersama-sama di dalam satu kem dalam tempoh tiga bulan untuk memupuk semangat patriotisme dan juga beberapa objektif-objektif yang kita ingin capai tadi.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Berdasarkan daripada kajian yang telah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2009 menunjukkan bahawa sebenarnya selain daripada persepsi-persepsi yang diwujudkan oleh pihak-pihak tertentu tentang kegagalan latihan ini, sebenarnya apabila kita membuat kajian daripada lebih kurang 61,000 sampel yang kita kaji menunjukkan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia dan JLKN itu menunjukkan bahawa 80% berpuas hati dan melihat bahawa PLKN ini telah pun mencapai matlamatnya dan juga memberikan kegunaan dan faedah kepada mereka. Oleh sebab itu, dalam usaha yang selebihnya juga, untuk meneruskan lagi *off shoot* daripada latihan PLKN ini kita telah pun mewujudkan apa yang dipanggil BSKN (Briged Sukarelawan Khidmat Negara) yang bertujuan untuk menggabungkan alumni-alumni ini dan kita telah dapat mengenal pasti lebih kurang 100,000 yang terlibat dalam BSKN yang terlibat dalam kerja-kerja komuniti. Sila, Yang Berhormat Setiawangsa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah 20% hingga 30% sahaja yang dapat berkesempatan untuk memasuki Latihan Khidmat Negara ini. Persoalan saya ialah lagi 70% kemungkinan ingin masuk tetapi tidak dapat kerana sistem saringan ini. Adakah Kementerian Pertahanan berpandangan bahawa Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ini, modul yang diletakkan dalam khidmat negara selama tiga bulan ini dapat diletakkan di murid-murid daripada Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5? Apabila mereka habis Tingkatan 5, maka modul-modul yang didapati dalam khidmat negara selama tiga bulan ini telah pun diberi kepada mereka ini dan ini menyebabkan keseluruhan murid-murid yang keluar daripada

sistem persekolahan habis Tingkatan 5 ini telah pun mempunyai semangat patriotisme yang telah diletakkan di hanya 30% itu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya percaya itu adalah merupakan satu cadangan yang baik. Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila kita menggubal satu modul khususnya melibatkan sekolah menengah dan sekolah rendah, ia haruslah melibatkan satu penilaian secara komprehensif khususnya melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### ■2050

Saya percaya walaupun tidak ada disebutkan secara spesifik berkaitan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, tetapi saya percaya sekolah kita pun sudah mewujudkan juga sebahagian daripada modul-modul ini di peringkat sekolah. Kita sekarang ini telah pun menjalinkan kerjasama dengan pihak universiti misalnya untuk mewujudkan BSKN. Baru-baru ini pihak Universiti Sains Islam Malaysia telah pun menjalinkan kerjasama dengan JLKN untuk mewujudkan satu kurikulum berunit yang diambil kira dalam pengajian mereka iaitu berkaitan dengan BSKN.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa walaupun PLKN ini mendapat kritikan yang begitu hebat, tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kita melaksanakan PLKN ini. Saya ingat Yang Berhormat Sungai Petani pun ada kata kepada saya, beliau adalah seorang Ahli Parlimen daripada pihak pembangkang minta kita supaya mengkaji supaya PLKN ini diubah kurikulumnya kepada lebih *military conscript* seperti mana yang telah dilaksanakan di negara-negara yang lain. Akan tetapi saya ingin nyatakan di sini kepada Ahli Yang Berhormat bahawa PLKN ini adalah merupakan satu daripada usaha yang kita buat untuk memastikan bahawa generasi kita di masa akan datang akan dapat memenuhi hasrat kita bukan sahaja menjadi negara maju tetapi mempunyai rakyat Malaysia yang mempunyai karakter yang seimbang.

Ahli Yang Berhormat Tuaran ada membangkitkan berkaitan dengan ESSCOM. Memang apabila berlaku pencerobohan di Lahad Datu pada bulan Februari yang lalu dan berlaku *contact* pada 1 Mac, kerajaan telah mewujudkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mewujudkan ESSCOM dan ESSCOM ini diwujudkan bagi memberikan tumpuan khusus kepada kawasan-kawasan keselamatan khususnya daripada Kudat sehingga ke Tawau kerana kawasan ini adalah dikenal pasti sebagai kawasan yang sentiasa terdedah dengan pencerobohan-pencerobohan, penculikan dan sebagainya. Ini adalah merupakan bukan satu isu yang baru tetapi kejadian pada bulan Februari yang lalu itu adalah merupakan satu tindakan yang agak *organized* dan kerajaan terpaksa mengambil tindakan dengan melaksanakan Ops Daulat untuk *flush out* penceroboh-penceroboh ini dan kita telah berjaya untuk menewaskan mereka. Yang Berhormat Putatan, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat ataupun Timbalan Menteri daripada Kementerian Pertahanan dan Ahli Parlimen Kudat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal ESSCOM. Saya berdiri untuk bertanya bagi pihak orang yang selalu bertanya kepada saya.



Soal kem di Kudat ini, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berasalnya mewakili kawasan Kudat.

Soalannya yang sering ditanya oleh rakyat terutama sekali di sebelah utara negeri Sabah adalah adakah pihak kementerian mewujudkan satu kem tentera di Kudat? Jadi ini saya tidak pasti kalau rakyat pengundi Yang Berhormat ada juga bertanyakan sedemikian? Akan tetapi ini sering ditanya oleh sebab ESSCOM telah pun diwujudkan di negeri Sabah, maka soalnya, rakyat yang mahu mendengar ini, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan, menubuhkan, membina satu kem tentera di kawasan Kudat?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat..

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tambah sedikit Yang Berhormat menteri?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, ya,.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jasin, sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak dapat peluang berucap tadi. akan tetapi apabila Yang Berhormat Menteri sebutkan tentang pencerobohan di Sabah tadi adalah satu ancaman dan isu yang patut ditangani oleh negara. Akan tetapi kita lihat daripada peruntukan perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan, kalau kita bandingkan dengan tahun 2013 dan tahun 2014, sedikit pertambahan. Akan tetapi kalau kita lihat, pertambahan ini adalah daripada segi mengurus. Kalau tahun 2014, RM13.3 bilion tetapi tahun 2013, menurun kepada RM11.9 bilion.

Kita dapat faham kerana sekarang peningkatan kakitangan dan juga lain-lain. Akan tetapi kalau kita tengok dari segi pembangunan, kalau tahun 2014 sebanyak RM2.74 bilion sahaja berbandingkan dengan tahun 2013, sebanyak RM3.2 bilion. Adakah dengan ancaman yang kita hadapi pada ketika ini dan isu-isu keselamatan, kita mahu mengesampingkan tentang aset-aset ketenteraan sebagai sebuah negara yang berdaulat, seharusnya kita sentiasa dapat meningkatkan kesiapsiagaan kita. Kalau macam ESSCOM ini, untuk menjaga pantai yang begitu panjang sekali daripada Kudat sampai ke Sandakan. Jadi kita haruslah memberikan perhatian kepada aset-aset ketenteraan. Saya tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih kepada kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan saya cadangkan beliau bertanding di kawasan Kudat untuk pilihan raya akan datang. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau. *Besides the jokes*, kerana memang pun terdapat keperluan untuk mewujudkan kem untuk mewujudkan *omnipresent* kepada anggota-anggota tentera kita. Seperti mana kita tahu dalam perancangan awal ESSCOM telah pun bercadang untuk menempatkan sekurang-kurangnya lima brigid di kawasan ESSCOM dan tiga brigid daripada Angkatan Tentera Malaysia, dua brigid daripada PGA dan selain daripada *existing forces* yang kita sedia ada dan juga beberapa *forward base* yang kita telah pun wujudkan

seperti Angkatan Bersama yang telah pun mengendalikan Ops Pasir Utara dan Ops Pasir Selatan dan juga Ops Daulat Benua.

Akan tetapi yang ingin saya nyatakan di sini bahawa kewujudan kem itu penting kerana seperti mana yang kita tahu bahawa dengan adanya *omnipresent* ini, mereka akan menimbulkan satu suasana *deterrent*. Sempadan- sempadan kita ini memang terlalu dekat. Saya nyatakan di sini misalnya di Dogoton di mana kita menempatkan pos tentera kita di sana. Ia hanya lebih kurang 10 kilometer daripada Pulau Mangsi yang dimiliki oleh Filipina dan sekiranya pencerobohan itu berlaku di situ, kita harus mempunyai respons yang mencukupi. Demikian juga di Lahad Datu. Lahad Datu, daripada Lahad Datu, Tanduo atau yang tempat serangan itu ke Tawi-Tawi hanya lebih kurang 45 kilometer. Bunggao pun lebih kurang begitu. Jadi sebab itu *transborder crime terrorism*, kes-kes pelanunan dan penculikan ini adalah merupakan sesuatu yang kita harus tangani dan kita harus mengambil langkah-langkah.

Walaupun ESSCOM ini sebenarnya adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana penglibatan Kementerian Pertahanan hanyalah dalam aspek pertahanan kerana ada lagi agensi-agensi lain yang terlibat di dalam ESSCOM khususnya APMM dan juga PDRM yang bertanggungjawab juga dalam soal-soal keselamatan di dalam melaksanakan Ops Sanggah di kawasan ESSCOM tersebut.

Walau bagaimanapun, apa yang kita kehendaki adalah satu komitmen yang tinggi daripada kerajaan iaitu selain daripada mewujudkan pos-pos ini, kita juga ingin mewujudkan, membeli, mendapatkan atau memperoleh aset-aset yang sesuai bagi menghadapi kumpulan-kumpulan penceroboh ini. Oleh sebab itu Yang Berhormat Jasin ada membangkitkan bahawa peruntukan pembangunan itu masih di tahap yang belum memuaskan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang disediakan itu adalah sebahagian daripada peruntukan yang telah disediakan, siling melalui Rancangan Malaysia Ke-11 dan ini adalah merupakan yang terakhir yang kita gunakan.

Walau bagaimanapun, berikutan ancaman-ancaman tersebut, beberapa mesyuarat dan juga perakuan-perakuan telah pun dibuat khususnya di bawah ESSCOM untuk menambah keupayaan kita khususnya menghadapi kumpulan-kumpulan penceroboh ini kerana kumpulan penceroboh ini adalah merupakan daripada kumpulan yang kecil ataupun *non-stop actor intruders* dan mereka ini selalunya melakukan jenayah-jenayah pelanunan dan juga melakukan jenayah penculikan iaitu berkait rapat dengan masalah politik di Selatan Filipina. Dengan kerjasama daripada Kerajaan Filipina kita berharap kita akan dapat menangani masalah ini

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Walaupun keperluan-keperluan seperti radar dapat kita tambah dan juga perolehan UAV yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Stampin tadi. Saya nyatakan di sini bahawa keperluan UAV ini adalah merupakan satu keperluan yang penting...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri..

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Kerana apabila kita mempunyai UAV ini, kita, jauhnya..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Sekurang-kurangnya dapat menjimatkan sedikit keupayaan kita, sebentar ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Supaya kita dapat menjimatkan komitmen kita dari segi rondaan kerana kita dapat membuat *surveillance* ataupun *recognition*.

#### ■2100

Walaupun saya ingin mengakui di sini bahawa apa pun sistem yang kita ada ini tidak memberikan *precise* 100% keupayaan kerana mana-mana keupayaan yang kita ada pun sebenarnya ada juga kelemahan-kelemahannya misalnya dari segi cuaca ataupun dari segi kawasan yang diliputi begitu luas. Oleh sebab itu CTRM baru-baru ini telah pun memperoleh satu lagi UAV iaitu ScanEagle yang dibeli daripada Boeing dan ScanEagle ini adalah merupakan satu UAV yang mempunyai *endurance* yang lebih baik yang boleh berkhidmat sehingga 15 jam sehari dan kita berharap dengan adanya perolehan ini akan menambahkan keupayaan kita.

Cuma saya katakan di sini bahawa kawasan kita ini 1,400 kilometer panjangnya dan kawasan *area of operation* lebih kurang 53,000 kilometer persegi dan kita ada 305 buah pulau dan kita adalah merupakan kawasan yang terdedah dengan *border* yang hanya lebih kurang beberapa kilometer sahaja. Ini adalah merupakan satu kekangan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Kalaulah *equipment* ini merupakan satu penanda aras yang penting bererti kejadian-kejadian buruk seperti yang berlaku 9/11 di Amerika tidak akan berlaku tetapi masih ianya berlaku dan ini menunjukkan bahawa sedikit-sebanyak...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Pembedulan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Teknologi sendiri pun ada kelemahan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Jarak jauh dia bukan 1,400 tetapi 1,700 oleh JUPEM.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak kembali kepada ESSCOMM. Yang Berhormat Timbalan Menteri berulang kali kata sempadan kita panjang, pantai kita panjang. Saya agak itu bukan alasan sebab ini sebahagian daripada tanah kita dan ada kewajipan untuk

mempertahankan. Akan tetapi saya ingin kembali kepada soalan koordinasi ini. Sehingga sekarang saya tidak dengar secara jelas termasuk apa yang berlaku di Pulau Pom Pom kumpulan yang melakukan nampaknya kerajaan kita ada pelbagai sistem perisikan.

Kita ada dari tentera, dari polis termasuk juga yang *regional Aouttheast Asia anti terrorist centre* dengan termasuk juga kerjasama kita dengan Amerika Syarikat, dengan negara jiran dan kita juga terlibat dalam perundingan damai di Selatan Filipina. Akan tetapi bila tiba isu keselamatan kita diri sendiri nampaknya kita agak *helpless*. Kita tidak dapat menyelamatkan diri. Itu sebab saya hendak dengar secara jelas apakah bentuk kerjasama di antara *department* ini. Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Batu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Stampin boleh mencekah?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Bila Yang Berhormat Batu kata *helpless* itu saya tidak dapat terima kenyataan itu kerana...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Helpless* kita tidak dapat elakkan perkara ini berlaku.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Kalau kita *helpless* kita tidak boleh *flush out* tentera Sulu dalam Ops Daulat baru-baru ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, selepas ada anggota keselamatan kita terkorban.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini Yang Berhormat Batu Yang Berhormat Timbalan Menteri dia hanya katakan kita berdrاما. Ini satu penghinaan kepada angkatan tentera kita. Saya rasa Yang Berhormat Batu ini..

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh Stampin bagi cadangan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Walaupun mengatakan dalam apa yang berlaku pada bulan Februari yang lalu kononnya adalah sandiwara itulah menunjukkan sandiwara beliau yang sementara berterusan. [*Dewan riuh*]

Jadi saya hendak nyatakan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum pergi tajuk lain.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Jadi saya hendak nyatakan di sini bahawa koordinasi ini Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu kawan saya. Dia tidak marah kalau saya cakap. Saya hendak katakan di sini koordinasi ini memang sentiasa ada. Kita apa juga agensi-agensi yang terlibat sama ada di bawah Kementerian Pertahanan kita sudah ada angkatan bersama yang melibatkan tentera laut, tentera udara, tentera darat. Angkatan bersama ini telah pun kita wujudkan dipanggil Joint Coordination Unit (JCU) yang telah pun kita wujudkan di Tawau dan di bawah Joint Coordination Unit itu banyak aset ketenteraan yang kita sediakan selain daripada kem-kem.

Mungkin Yang Berhormat tidak tahu bahawa kita ada juga kem komando Tentera Laut di Semporna dan juga beberapa aset penting.

Saya hendak nyatakan di sini bahawa kita mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk mempertahankan negara kita. Cuma dalam kes Lahad Datu saya tidak payah berulang berkali-kali kerana tindakan kita itu adalah berdasarkan kepada tindakan berhemah yang kita lakukan dan apabila kita sudah mencapai kepada *accident limit* dan kita mengambil tindakan sehingga mereka ini telah pun di *flush out*.

Walaupun dalam isu berkaitan dengan pencerobohan-pencerobohan seperti yang berlaku di Pulau Pom Pom baru-baru ini adalah merupakan sesuatu kita harus tangani dan kita tidak akan berkompromi dengannya dan kita tidak akan apologetik dengan kelemahan-kelemahan jika ada tetapi kita harus menyatakan bahawa *it takes us 50 years to fight against communist insurgency in Malaya and also in Semenanjung Malaysia* dan di Sarawak dan kita juga mengambil begitu banyak masa.

Jadi kalau dalam soal ini sebab itu kerajaan mewujudkan ESSCOMM kerana dengan adanya ESSCOMM itu bererti kita mempunyai satu *concerted effort* dari pihak kerajaan. Oleh sebab itu apabila ESSCOMM diwujudkan maka semua agensi yang bertanggungjawab dalam soal keselamatan dan pertahanan negara diletakkan di bawah satu bumbung, di bawah satu pemerintahan dan daripada situlah kita dapat mewujudkan koordinasi seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Batu tadi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan daripada Stampin boleh tidak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, mana satu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dahulu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Stampin lah bagi dia. Saya sudah jawab Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa UAV itu memang penting bagi negara kita Malaysia. Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa daripada peruntukan itu diberikan kepada CTRM bagikan peruntukan itu kepada profesor-profesor kita di universiti-universiti. Kita ada UPM, kita ada MMU, kita ada UITM. Mereka semua ada Department of Air Force Engineering dan UAV bagi mereka ini bukan perkara yang biasa. Itu pun saya sudah ketahui bahawa USM telah pun bekerjasama dengan CTRM. Kenapa saya berkata begitu kerana R&D CTRM pada pendapat saya terlalu lambat dan itu pun kita sudah beli ScanEagle UAV seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata ada limitasinya dari segi *weather* atau cuaca. Saya faham.

Jadi dari segi keselamatan bolehkah kita pakai *high wing aircraft general aviations yang fit in padlock* yang telah pun *fit in* di UAV. Itukan lebih murah dan lebih efisien. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Stampin dia minat sangat dengan UAV ini tapi saya hendak nyatakan di sini bahawa seperti mana yang saya jelaskan berkali-kali UAV ini penting adalah untuk membantu operasi-operasi yang dilakukan oleh angkatan tentera kita khususnya bagi *recognition and surveillance* kerana ianya akan lebih tepat dari segi pemungutan data-data ataupun gambar-gambar tersebut. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi memang ada kelemahan. Cuma CTRM ini adalah merupakan satu agensi syarikat GLC kerajaan satu ketika dahulu yang telah diberikan tanggungjawab untuk *mendevlop* ataupun membangunkan UAV ini.

Walaupun mungkin Yang Berhormat tahu bahawa mereka telah mengeluarkan Aludra dan Fulmer tetapi dalam begitu pun ada kelemahan-kelemahan. Sebab itu untuk membolehkan ianya lebih berkesan kerajaan telah pun membeli daripada Boeing iaitu ScanEagle yang telah pun kita laksanakan untuk membolehkan ianya lebih berkesan kerana kalau kita menunggu *researchers* daripada universiti ini sehingga mereka betul-betul berkemampuan untuk mewujudkan UAV yang berkesan saya cakup UAV kita boleh keluarkan UAV. Mana-mana universiti boleh keluarkan UAV tapi setakat mana keberkesanan dan kemampuannya itu adalah merupakan sesuatu yang kita harus pertikai. Akan tetapi yang kita mahu sekarang ini dalam soal ESSCOMM kawasan keselamatan ini ialah soal untuk mewujudkan satu sistem di mana kita dapat mengumpul gambar-gambar dan data-data untuk membantu operasi angkatan tentera kita.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya ingat itu cukuplah Yang Berhormat. Saya sudah jawab...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya boleh *double away* daripada UAV.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ...Macam-macam sudah pasal UAV. Dua tiga kali sudah. / *think is enough*. Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu perolehan. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkaitan dengan isu perolehan. Antaranyalah ialah Yang Berhormat Pokok Sena tadi tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat Pokok Sena ada atau tidak di sini. Kalau dia sudah balik, saya tidak lagi menjawab.

■2110

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak, dia suruh jawab supaya kita boleh [Ketawa]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Esok saya jawab bertulis. Isu perolehan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Memang dia...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Apa yang saya ingin jawab ialah berkaitan dengan kapal selam *in support service* terhadap perkhidmatan kapal selam. Seperti mana yang saya ingin jelaskan di sini bahawa kapal selam ini adalah merupakan- apabila kita beli KD Tunku Abdul

Rahman dan KD Tun Abdul Razak, kita harus mempunyai keupayaan untuk membuat *servicing*. Oleh sebab itu kita ada kontrak yang dipanggil sebagai *in service supports*. Ini biasalah. Kalau kita beli barang, kita mesti ada *after sale service*. *After sale service* ini ialah keupayaan untuk membolehkan ia beroperasi, ia harus ada *maintenance*. Kita telah menubuhkan satu syarikat. Kerajaan telah melalui Boustead. *Boustead* telah menubuhkan syarikat perkongsian dengan DCNS yang merupakan *principle* ataupun pembekal kepada Scorpene ini dan dengan *quantum* 60% Boustead dan 40% lagi DCNS untuk memberikan perkhidmatan *services* kepada kapal selam ini dengan kontrak lima tahun iaitu sebanyak Euro193 juta bagi pembekalan-pembekalan *spare part* dan Euro532 juta untuk *services*.

Syarikat BDNC ini adalah bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan *services* kepada Scorpene ini. Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat berkaitan dengan pembelian tersebut melibatkan pihak lain...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Seperti mana yang telah disebutkan tadi iaitu Jasbir Singh dalam rekod Kementerian Pertahanan, kita tidak ada berurusan dengan beliau kerana pembelian ini adalah dibuat melalui satu konsortium DCNS dan Avantia yang kita beli daripada satu syarikat Perancis dan kerjasama dengan sebuah syarikat daripada Sepanyol. Bagi kerja-kerja yang melibatkan pembelian aset dan manakala bagi *services* untuk memberikan perkhidmatan kepada mereka yang menjalani latihan kapal selam selama enam tahun khususnya kepada kakitangan-kakitangan yang kita tempatkan mereka di Perancis untuk mempelajari bagaimana mengoperasikan Scorpene ini, kita telah memberikan kontrak tersebut kepada Perimekar. Oleh sebab itu, sekiranya ada dakwaan-dakwaan lain itu kita tidak begitu maklum.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan jauh dulu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ini kerana apa yang kita ada dalam laporan kita ialah kontrak puluhan kapal selam ini adalah merupakan di antara Kerajaan Malaysia dengan DCNS Perancis dan Avantia Sepanyol manakala Perimekar adalah merupakan pembekal perkhidmatan koordinasi *team project* dan kargo kapal selam dan kementerian sekali lagi menegaskan bahawa syarikat Terasasi Sdn. Bhd. ini tidak mempunyai sebarang penglibatan dalam perolehan kapal selam dan kementerian tidak pernah berurusan dengan Jasbir Singh dalam perolehan kapal selam ini. Inilah jawapan kementerian...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Belum.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya jawab ini berdasarkan kepada maklumat yang diberikan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum, sebelum...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Jadi saya mengatakan di sini bahawa inilah pendirian dan saya lihat pun dalam *Hansard* sebelum ini bahawa inilah yang kita jawab kepada Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat berkali-kali membuat dakwaan-dakwaan berkaitan dengan perkara-perkara yang lain...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum itu, boleh saya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, saya hendak kembali kepada Boustead ini. Ini kerana jawapan yang diperoleh oleh saya dan pihak kami ialah secara total *cost services* ini atau *maintenance* ini adalah RM600 juta. Untuk tahun pertama ialah RM270 juta bermula dari 2010. Saya ingin tahu selepas tahun 2010, setiap tahun apakah perbelanjaan kita dan sehingga hari ini yang katakan *cap* secara total RM600 juta, berapa peratus sudah dibelanjakan? Ini secara agak spesifik sebab Boustead mengaku bahawa mereka terima satu kontrak yang secara total berjumlah RM600 juta. Itu sebab yang saya dapat tahu dia *buyer*. *What are the expenses?* Saya ingin kembali kepada isu Jasbir Singh. Ini bukan yang direka oleh kami.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin. Yang Berhormat Stampin duduk dulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini adalah laporan oleh *New Straits Times*. Jasbir Singh sendiri mengaku dia yang bermula mencadangkan perkara ini kepada kerajaan dan kerajaan terima. Selepas kerajaan terima, projek itu telah diserahkan kepada Perimekar yang dimiliki oleh Razak Baginda. Saya ingin dapatkan satu penjelasan bahawa apakah peranan Razak Baginda? Razak Baginda ini bekerja untuk Kerajaan Malaysia atau dia bekerja untuk Syarikat Perimekar ini yang diberi komisen atau diberi tugas untuk menyokong *training* dan lain-lain lagi.

Dakwaan kalau Jasbir Singh tidak benar bahawa dia yang mulakan projek ini dan diserahkan kepada Razak Baginda, kita harus ambil tindakan kerana ini telah mencemarkan nama baik kerajaan dan Jasbir Singh harus diperbetulkan dengan *claims* yang tidak berasas ini. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua minit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua minit. *Just for record*. Stampin, Stampin, *just for the record*. Dua minit sahaja...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, *what is that?*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih. *Just for the record*, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya tidak bersetujulah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa institusi kita tidak berkemampuan untuk membuat UAV kerana asas teras teknologi UAV ini adalah dia punya *brain*. *The brain involve in the automation*, dengan izin.



Jadi institusi kita memang berkemampuan. Jadi saya harap Kementerian Pertahanan boleh *open a new channel*, dengan izin. Bagilah institusi kita peluang, profesor-profesor kita yang begitu berpengalaman dari segi aeroangkasa dan *automation* untuk *developed* UAV untuk Malaysia bukan sahaja bagi CTRM. Ini kerana bagi CRTM sudah lebih kurang sepuluh tahun mereka *developed* UAV tetapi kita masih lagi pakai peralatan daripada negara asing. Itu saya tidak mahu jawablah kerana ini *classified information for the country*. So saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh, MINDEF boleh buka satu *channel* baru supaya bagi institusi kita peluang untuk *developed* teknologi UAV.

*The last one*, soalan terakhir iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab saya. Berapa buat *scan* UAV yang telah pun CTRM beli? Apa yang saya ghairah adalah setelah beratusan juta dengan mungkin hampir berbilion kementerian memperuntukkan kepada CTRM, *company* dijual kepada DRB-Hicom pada harga kurang daripada RM300 *million*. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sebenarnya Yang Berhormat silap. Sebenarnya apa yang kita, kita tidak beli *ScanEagle* ini, CTRM beli. Kita cuma- dia *just ada service provider*. Kita bayar berdasarkan kepada kontrak penggunaan. Ini saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat silap bahawa ingat kita beli. Kita tidak beli. Kerajaan tidak beli kerana kita tidak, kita mahu supaya benda ini- apa yang kita mahu ialah maklumat. Maklumat itu ialah *recognition* dan juga *surveillance*. Gambar-gambar itu sahaja. Apa yang kita bayar itu berdasarkan kepada penggunaan. Jadi saya fikir saya sudah menjawab.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa tidak mahu pakai kita punya kapal terbang tinjau seperti Hercules...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** ...CN-235 ataupun *joint efficient* dengan sistem *surveillance*...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Kita tidak - Sebenarnya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap. Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap. Yang Berhormat Stampin, saya perhatikan kerap kali Yang Berhormat Stampin macam ini. Sila bagi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dahulu.

■2120

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, saya tidak akan menjawab beliau lagi sebab... apabila dia tidak faham itu, dia kelirulah. Cuma saya hendak nyatakan di sini Yang Berhormat berkaitan dengan kontrak kapal *in service support* yang telah diberikan kepada DCNS dan juga Boustead BDNC ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat yang telah diberikan kepada saya pada tahun 2010 kita telah membelanjakan sebanyak RM114.8 juta, ada lagilah dia punya ini tetapi saya ringkaskan sahaja. Pada tahun 2011 sebanyak RM473,640 juta, tahun 2012

sebanyak RM237,540 juta dan tahun 2013 sebanyak RM230.5 juta. Ini adalah perbelanjaan yang digunakan untuk membeli kapal selam. Seperti mana yang kita tahu bahawa kapal selam ini adalah merupakan satu aset strategik. Negara kita memerlukan kapal selam ini kerana saya telah nyatakan berkali-kali kita mempunyai kepentingan yang besar di beberapa kawasan-kawasan yang penting khususnya Selat Melaka, Laut China Selatan di mana kita mempunyai banyak aset *oil and gas* dan juga kepentingan-kepentingan ekonomi di EEZ. Kita juga mempunyai kepentingan di Laut Sulu dengan pencerobohan-pencerobohan yang sentiasa berlaku dan satu lagi *spot* yang kita harus pantau ialah kawasan Laut Sulawesi di mana kita kadang-kadang mempunyai sedikit *misunderstanding* dengan negara-negara jiran kita.

Kita harus sedar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berada di tengah-tengah Asia Tenggara. Apabila kita berada di tengah-tengah, *in the heart of South-East Asia* kita bersempadan dengan semua negara jiran kita dan kadang-kadang yang timbul ialah masalah pertindihan dari segi kepentingan. Oleh sebab itu kalau kita tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk melindungi kepentingan *economic interest* kita, maka kita akan berhadapan dengan masalah. Kita mahu menjadi negara maju dan kita harus berkeupayaan untuk melindungi kepentingan kita. Dan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *Last one.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapatkan kenapa ada percanggahan sebab jawapan dari Yang Berhormat Menteri sebelum ini pada tahun 2010 adalah sebanyak RM270 juta. Saya masih boleh *check* balik *Hansard* itu, dimaklumkan kepada kami dan *total ceiling* untuk lima tahun sepatutnya kita dimaklumkan bahawa sebanyak RM600 juta. Akan tetapi kalau mengikut angka-angka yang diberi sudah tentu melebihi daripada RM600 juta. So saya hendak tahu kenapa ada percanggahan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagaimana dengan infrastruktur pangkalan *submarine* di Sabah sama ada sudah siap atau tidak? Juga *missile* yang kita pesan sama ada sudah sampai atau tidak? Oleh sebab perkara-perkara ini tidak guna ada sub-marin, tidak ada pangkalan. Tidak guna ada *submarine* tetapi tidak ada *missile* atau torpedo. So torpedo ini hanya sampai tahun 2013.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih, saya faham.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Kita habis jam 10.30 malam? Ada sedikit lagi. Saya hendak menyatakan di sini saya tidak tahu daripada mana Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, kalau sudah habis boleh kita masuk kementerian yang lain.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Okey. Kita boleh habiskan mungkin dalam sepuluh minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya. Apa maklumat yang saya ada di sini mungkin Yang Berhormat ada maklumat yang berbeza atau pun maklum...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu jawapan Parlimen yang saya terima.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya akan *check* balik dengan pegawai-pegawai saya sama ada ada percanggahan tetapi maklumat terkini yang saya miliki ialah kontrak ini adalah bernilai Euro193 juta satu kontrak dan kontrak kedua Euro532 juta iaitu *services* dan totalnya setakat ini yang kita guna ialah purata Euro264.3 juta iaitu keseluruhannya yang kita sudah pakai ialah Euro1.057 juta. Ini yang kita pakai untuk penyelenggaraan. Purata perbelanjaan daripada tahun 2010 hingga tahun 2013 ialah Euro264.372 juta dan ini adalah merupakan 2.48% daripada jumlah bajet pertahanan yang disediakan oleh negara kita.

Jadi saya fikir saya sudah berkaitan dengan torpedo dan *missile* itu saya ingat perkara ini telah pun di...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri. Soal Yang Berhormat Menteri tadi soal perbelanjaan atau pun pengurusan ATM ini. Saya menunggu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan pun tidak minta izin, terus sahaja ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi izin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini yang bangunan-bangunan yang uzur di mana ESSCOM ada mempunyai sepuluh pos yang perlu dibelanjakan yang saya lihat dalam perbelanjaan ini tidak mencukupi. Walau pun mungkin bukan dalam bajet pihak kementerian tetapi saya melihat juga dalam bajet kementerian ini ada butiran soal perumahan angkatan tentera. Ini yang mana kebanyakannya saya melihat sudah uzur terutama sekali Kem Lok Kawi. Kem Lok Kawi ini perlu diselenggarakan terutama sekali Dewan Kinabalu yang sudah lama yang memerlukan pembaikan. Kita telah pun melihat bahawa telah uzur, cat pun sudah retak, tidak ada *aircond*. Bila majlis hari raya misalnya dari PERKEP dan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ini, kasihan. Dia minta kutipan wang di sini sana.

Saya melihat kalau Yang Berhormat Menteri sendiri melawat kawasan ini supaya adakan satu majlis yang melibatkan BAKAT, PERKEP dan persatuan-persatuan angkatan tentera ini supaya mereka pun senang hati melihat Yang Berhormat Menteri turun padang. Kem Lok Kawi perlu dilihat dan saya mohonlah kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya kalau kita ada ramai Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Putatan ini amanlah negara kita. Ini

kerana beliau ini seorang wakil rakyat yang prihatin kepada kebajikan anggota-anggota tentera kita. Jadi kerana mungkin juga itu adalah pengundi beliau di kawasan beliau, Putatan.

Berkaitan dengan cadangan penambahbaikan dewan tersebut, kita akan mengambil maklum dan juga beberapa cadangan bernas yang dikemukakan kita akan mengambil maklum. Kita berharap kebajikan angkatan tentera ini sentiasa dipelihara kerana kita mahu suruh mereka mempertahankan negara kita, kita haruslah juga memberikan imbuhan kepada mereka. Ini supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada negara kita.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan industri pertahanan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa komitmen negara kita ialah untuk mewujudkan dan memajukan industri pertahanan. Ini kerana kita sedar bahawa industri pertahanan ini bukan sahaja dapat memberikan *transfer technology* dan kebolehan dan kemampuan kita untuk kepentingan pertahanan negara kita, tetapi yang penting sekali ialah industri pertahanan ini adalah merupakan satu industri yang *high end industry* yang boleh memperkasakan negara kita dari segi ekonomi.

Ini kerana dalam proses perindustrian negara kita, kita harus membangunkan industri-industri yang berteknologi tinggi. Oleh sebab itu kita harus memberikan keupayaan kepada syarikat-syarikat tempatan kita untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat asing melalui *offset program* atau *transfer technology program*. Walau pun mungkin program-program ini melibatkan sedikit kos yang agak tinggi tetapi kita harus tahu bahawa *there is no such thing as free lunch*. Kita harus *invest* untuk mendapatkan teknologi kemampuan ini.

Di antara kemampuan yang kita telah peroleh misalnya dalam Kereta Kebal Adnan, Deftech telah pun berjaya melaksanakannya dan kita telah melanjutkan lagi peluang kepada mereka untuk mewujudkan pengeluaran 8x8 bersama dengan syarikat daripada luar iaitu syarikat Turki. Ini adalah merupakan salah satu daripada usaha kita untuk meningkatkan kemampuan syarikat-syarikat tempatan kita supaya satu hari nanti kita menjadi pemain dalam industri pertahanan. Demikian juga Boustead setelah mereka dapat menyiapkan- Yang Berhormat ada membangkitkan tentang OPV yang telah disiapkan sebenarnya oleh Boustead, dalam kos lebih kurang RM6 bilion yang telah pun beroperasi sekarang.

#### ■2130

Di atas kemampuan dan kebolehan mereka inilah menyebabkan kita memberikan keyakinan kepada mereka untuk membolehkan kita meneruskan mereka untuk membangunkan OPV baru generasi baru yang mempunyai kemampuan LCS ataupun *Littoral Combat Ship* yang telah pun kita tandatangani perjanjiannya iaitu di antara Kerajaan Malaysia dengan DCNS dan anak syarikat Boustead. Boustead ini adalah merupakan anak syarikat LTAT iaitu merupakan GLC kita yang telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri pertahanan di negara kita ini. Saya ingin nyatakan juga DCNS ini sendiri pun iaitu sebuah syarikat milik Perancis satu ketika dahulu adalah merupakan GLC Kerajaan Perancis yang memang pun lahir daripada Kementerian Pertahanan...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Boleh, Tuan Pengerusi?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Jadi dengan adanya kontrak ini, kita harap ...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** ....Kita dapat memperkasakan industri pertahanan kita. Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya nak minta penjelasan, tadi Yang Berhormat Menteri beritahu tentang OPV, *Offshore Patrol Vessel* yang katanya telah disiapkan yang semuanya berjumlah RM6 bilion. Seingat saya kalau sekitar tahun 2011, mantan Menteri Pertahanan ada umumkan tentang hasrat kerajaan untuk membina *six sec.* atau SGPV- *Six Second Generation Patrol Vessel* yang jumlahnya RM6 bilion dan menjadi satu isu satu masa dahulu sehinggakan jumlahnya meningkat kepada RM9 bilion. Oleh sebab itu saya ingin tanya kementerian secara *detail*, apakah kapal ini telah pun siap ataupun belum buat sebarang kerja lagi atau bagaimana *progressnya*? Oleh sebab sudah diumumkan dalam Bajet 2014 ingin tambah lagi enam buah *offshore patrol vessel* yang jumlahnya lebih kurang RM2.4 bilion, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan tersebut. Saya ingin nyatakan di sini bahawa Yang Berhormat boleh tanya dengan Yang Berhormat Lumut, sebenarnya yang dulu kita sudah siapkan, telah pun disiapkan yang *the first six* itu, pertama kita beri kepada satu syarikat tetapi syarikat tersebut akhirnya tidak dapat melaksanakannya dengan baik dan diambil alih oleh Boustead dan Boustead telah menyiapkan keenam-enam kapal tersebut dan *is all properly delivered* walaupun ada sedikit peningkatan dari segi kos kerana berlakunya *escalation of price* di dalam beberapa barang-barang yang diperlukan dan itu adalah merupakan satu kejayaan yang telah dicipta oleh BCNS kerana penumpuan mereka yang telah pun dicipta oleh Boustead kerana mereka mampu sebagai sebuah syarikat tempatan, syarikat milik LTAT untuk membangunkan *patrol vessel* tersebut.

Oleh sebab itulah kita akan menganugerahkan lagi satu kontrak di antara dengan kerajaan akan menganugerahkan satu kontrak lagi untuk membina OPV dengan kemampuan LCS ataupun *Littoral Combat Ship* yang mempunyai kemampuan empat dimensi.

OPV ini akan mempunyai gun ataupun meriam, dia akan mempunyai torpedo, misil dan sonar sistem iaitu merupakan satu antara yang terancang di kawasan ini dan ini adalah mampu untuk menyaingi rakan-rakan kita dan khususnya semasa kita mengadakan latihan dengan rakan-rakan pertahanan kita. Jadi...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi, saya hendak mencelah mengenai APC.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *Armored Personnel Carrier* 8x8 yang dibangunkan oleh DefTech. Kita difahamkan baru dua buah sahaja yang siap prototaip. Itu pun saya jumpa dengan kru-kru yang membuat ujian. Mereka maklumkan kepada saya masih lagi menghadapi masalah khususnya daripada segi pemasangan sistem dan juga meriam. Jadi, di waktu yang hening ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh maklumkan kepada Majlis Mesyuarat ini kedudukan dua buah prototaip yang sedang dibangunkan itu. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut, terima kasih di atas perhatian tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun menganugerahkan kontrak pembinaan 257 units 8x8 APC yang akan kita bina dan kontrak ini telah diberikan kepada syarikat DefTech dengan kerjasama syarikat Turki kerana di atas kemampuan mereka membina Adnan dalam kerjasama di antara DefTech dengan syarikat Turki tersebut. Kemampuan ini apabila kita telah *roll out* satu-satu kontrak, pertama sebelum kita menyediakan *mass production* untuk 257, kita kena menyediakan dia punya *seal patent* ataupun dia punya prototaip kerana kita harus memastikan bahawa apa yang kita keluarkan ini benar-benar memenuhi hasrat dan kepentingan kontrak yang telah kita sediakan itu supaya apabila ianya kita sediakan, ianya betul-betul memenuhi hasrat Kementerian Pertahanan.

Oleh sebab itu, kita telah pun mengeluarkan satu prototaip dan satu lagi akan siap dalam masa terdekat ini mungkin dalam bulan Disember ini. Daripada situlah kita akan mengkaji segala keseluruhan kemampuan dan kebolehan 8x8 ini dan selanjutnya apabila kita telah berpuas hati dan kita telah mengesahkan kemampuannya maka kita akan membuat *mass production* 257 unit seperti mana yang termaktub dalam kontrak.

Akan tetapi saya ingin nyatakan di sini Yang Berhormat bahawa kita harus mempunyai kepercayaan terhadap kemampuan syarikat kita kerana inilah caranya kita dapat menyokong mereka supaya satu hari nanti kontrak 8x8 ini sebenarnya adalah merupakan *indigenous* kepada Malaysia. Kita akan mempunyai IPR ataupun *property rights* terhadapnya sehingga apabila kita nanti berkemampuan untuk mengeluarkannya, dengan IPR ini nanti kita boleh pula mengeluarkan bagi maksud-maksud komersial iaitu untuk menjual kepada negara-negara lain yang memerlukannya. Kita akan menjadi pengeluar di dalam pengeluaran 8x8 ini.

Jadi untuk yang terakhir sekali Tuan Pengerusi iaitu berkaitan dengan kebajikan pesara tentera. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan memang sentiasa melihat kebajikan angkatan tentera. Sebab itu kita telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Angkatan Tentera dan Jabatan Hal Ehwal Veteran ini adalah bertanggungjawab untuk melihat kepentingan mereka daripada segi holistik sama ada daripada segi faedah-faedah kebajikan, pemberian pencen ataupun pemberian faedah-faedah perubatan, bantuan-bantuan persekolahan bagi anak-anak mereka, bantuan kepada balu dan bantuan kepada mereka yang daif.

Selain daripada itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga bertanggungjawab untuk memberikan banyak pertolongan dan sokongan terhadap bekas-bekas tentera ini dalam pelbagai bidang dan isu perumahan yang dibangkitkan itu pun saya ingin nyatakan di sini bahawa LTAT ataupun syarikat LTAT sentiasa membangunkan rumah-rumah kepada anggota-anggota tentera ini misalnya yang terdapat di Bukit Jalil dan kita mungkin juga akan membangunkan dalam projek 1MDB di Sungai Besi di mana LTAT adalah sebahagian daripada pembangunnya dan kita berharap juga anggota-anggota tentera akan mendapat agihan dalam projek-projek ini. Kita nyatakan di sini juga kita menyediakan pinjaman perumahan kepada semua anggota tentera yang berkelayakan dan mereka yang berkemampuan boleh membeli rumah-rumah yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Manakala mereka-mereka yang bersara pula, kita juga membantu mereka melalui menyediakan rumah-rumah khususnya kepada mereka-mereka yang kurang berkemampuan melalui projek yang dipanggil projek Jiwa Murni. Kita setakat ini telah pun membina lebih kurang 200 buah rumah projek Jiwa Murni kepada bekas-bekas tentera kita dan kita melihat daripada semasa ke semasa untuk membantu mereka khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa khususnya mereka-mereka yang walaupun tidak menghabiskan perkhidmatan 21 tahun iaitu sebagai tentera yang berpencen, mereka-mereka yang tidak berpencen ini pun kita memberikan banyak bantuan kepada mereka, sokongan-sokongan misalnya seperti mana yang saya sebutkan tadi seperti mana yang dinikmati oleh mereka-mereka yang berpencen cuma kita tidak memberikan pencen kepada mereka. Walaupun ada cadangan tadi mengatakan bahawa kenapa kita tidak berikan pencen. Dalam beberapa tahun sama ada tahun ini ataupun tahun lalu kita telah memberikan RM1,000 *One Off* kepada pesara tentera yang tidak berpencen tetapi ya lah, kita harus ingat bahawa ini adalah bergantung pada keupayaan kerajaan.

■2140

Kita akan menimbang dari masa ke semasa tentang keperluannya. Dalam kita mengadakan Tabung Angkatan Tentera pun kita dapat pungutan-pungutan ini yang digunakan bagi kepentingan pesara-pesara tentera yang menghadapi masalah khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang ini tolonglah kalau boleh Tabung Pahlawan ini bukan setakat kita sahaja yang menjerit untuk minta pertolongan. Yang Berhormat pun kenalah tolong. Kalau boleh masa dalam mana-mana ceramah politik itu bawalah Tabung Pahlawan sekali. Jadi sekurang-kurangnya kalau ada dapat bolehlah bagi tahu kepada berapa juta yang boleh *dicollect* untuk membantu tentera-tentera kita.

Itu sahaja Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi di atas kesabaran. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan saya dengan ini menutup perbahasan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,355,334,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM13,355,334,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,744,901,700 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM2,744,901,700 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 66(6) di mana saya ingin bawa kepada maklumat Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dalam senarai ini kami dimaklumkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan bermula berbahas 26 November, Selasa. Kalau kita mula sekarang ramai di kalangan kita yang sentiasa kita kata *Shadow Cabinet*. *Shadow Cabinet* kita tidak ada di sini. So, agak *unfair* kalau kita mula perbahasan ini sebab...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, usul kita tadi pukul 10.30 malam.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita mesti ikut peraturan.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Kalau mereka tidak ada itu hak mereka.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, bukan.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Kita kena teruskan urusan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Memang ini dijadualkan ikut rancangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau malam ini Yang Berhormat Menteri hendak jawab pun Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab macam itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk Yang Berhormat, saya faham.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebab saya harap kalau untuk keadilan kita sepatutnya bagilah orang balik awal supaya kita boleh teruskan perbahasan. Kita tidak kejar masa sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sekalian, sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan semasa Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan



Mesyuarat persidangan kita dan juga telah dijelaskan bahawa kertas ini kalau kita baca jadual ini hanya untuk panduan am sahaja.

**Maksud B.29 [Jadual] –  
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahaskan.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Hulu Langat, sila.

**9.43 mlm.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada P.29, Butiran 050200 - *Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)* (Aktiviti Pembangunan Teknologi Hijau) bernilai RM11 juta. Saya difahamkan perbadanan berusaha meningkatkan pendidikan kesedaran awam terhadap kepentingan teknologi hijau dan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan teknologi hijau. Jadi saya sangat berharap penjelasan yang lengkap apakah pencapaian yang diperolehi selama ini sejak ia dilancarkan dalam membangunkan teknologi hijau.

Saya juga ingin penjelasan, adakah perbadanan ini juga bertanggungjawab mengaudit dan mengurus penyelenggaraan bangunan *low energy office*, dengan izin ataupun pejabat tenaga rendah (LEO). Merujuk kepada Butiran 070500 – Penyelenggaraan Bangunan LEO (*Low Energy Office*), mohon diberi contoh-contoh bangunan LEO di dalam negara ini, bentuk dan langkah-langkah penjimatan yang diambil dan berapakah penjimatan tahunan.

Tuan Pengerusi, Butiran 070300 – *International Green Tech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2014 (IGEM 2014)* bernilai RM5 juta. Saya memang menyokong penuh usaha yang dibuat dan banyak ilmu yang diperolehi dari pameran ini. Akan tetapi sebagaimana persoalan setiap tahun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai projek-projek yang kita dapat laksanakan sama ada melalui *transfer technology* ataupun pelaburan langsung hasil daripada pameran yang diadakan baru-baru ini.

Butiran 070400 – Program Pendidikan dan Kesedaran Awam Berkaitan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Elektrik dengan nilai RM500,000. Usaha menyebarkan ilmu tenaga dan teknologi nuklear ini adalah baik dan perlu diberi sokongan tetapi malangnya majoriti rakyat Malaysia telah meletakkan persepsi negatif kepada tenaga dan teknologi nuklear sedangkan banyak teknologi nuklear dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah dalam perubatan, kejuruteraan, perkilangan, pertanian dan juga nanti *insya-Allah* tenaga yang akan dihasilkan. Bagaimanakah

bentuk pendidikan yang dirancang untuk disampaikan kepada rakyat dan apakah medium-medium yang digunakan ataupun mungkin telah pun dibuat yang mungkin saya tidak sedar.

Merujuk kepada P.29 Butiran 090100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor bernilai RM156,100,100 juta. Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri Selangor ini. Adakah ia termasuk juga pembinaan Langat 2.

Butiran 80000 – Projek Pembedungan Negara yang berjumlah lebih kurang RM492.6 juta. Apakah projek-projek pembedungan yang akan dilaksanakan di dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik.

**9.48 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin menyertai perbahasan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Pertama soal tenaga dalam B.29 iaitu hendak mendapat penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan teknologi hijau sedangkan kita sudah ada teknologi hijau ini biasanya berasaskan kepada solar seperti hibrid solar dan lain-lain solar tetapi kita bandingkan dengan jana kuasa yang ada dan hidro yang ada belanjanya lebih murah. Kadang-kadang kita tengok bagaimana kementerian boleh menjelaskan kepada kita bagaimana penggunaan solar hibrid ataupun solar yang teknologi hijau ini boleh memberi belanja yang lebih murah sedangkan teknologi hijau ini menjadi satu kempen yang penting untuk kementerian bagi mendapatkan tenaga.

Perkara yang kedua dalam pentadbiran ini, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar dapat menyediakan peruntukan kalau boleh iaitu menyediakan laluan tenaga daripada Gerik ke Kulim kerana sepanjang jalan tersebut tidak ada kabel yang mana memberi kesan kepada pembangunan kiri kanan sepanjang jalan daripada Gerik ke Kulim.

■2150

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah tentang bekalan air mentah dalam Butiran 020000 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor. Setakat ini adakah Kerajaan Negeri Selangor membenarkan pembinaan air dan juga penyaluran air daripada Pahang ke Selangor dan kerana kalau tidak membenarkannya, dia akan memberi kesan kepada kita di Selangor, di Wilayah Persekutuan dan juga di Putrajaya. Jadi tolong pihak kerajaan jelaskan.

Begitu juga dengan perkhidmatan pembedungan dalam Kepala 040000 iaitu kita tahu peruntukan yang besar disediakan untuk pembedungan tetapi pengguna akan membayar melalui IWK dan kita melihat perkhidmatan yang diberikan oleh pihak IWK tidak memuaskan setara mana yang menyebabkan kadang-kadang kalau kita tersumbat, berlaku sumbat di rumah, kita memerlukan memanggil pihak IWK tetapi dalam perkhidmatan pembedungan ini satu bajet yang besar juga disediakan. Apakah bajet yang besar ini untuk pembayaran pada IWK ataupun sebaliknya, minta kerajaan jelaskan. Dalam masa yang sama saya melihat di peringkat negeri bila

mana satu tapak perumahan yang lebih daripada 30 lot memerlukan *report* daripada IWK tetapi kalau kurang daripada 30 lot tidak memerlukan daripada pihak maksudnya pembetulan lah, IWK ini.

Jadi minta polisi ini, pihak kementerian menerangkan supaya tidak menyebabkan di pihak peringkat kerajaan negeri bila buat satu benda dia mula memikirkan cuma hendak buat di bawah lot-lot rumah ini di bawah daripada 30 lot.

Dalam P.29 saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan bekalan air di negeri Perak. Tahun 2013 RM68 juta manakala pada tahun 2014 dijangkakan RM70 juta. Ini maksudnya minta kerajaan, kementerian menjelaskan apakah maksud RM70 juta itu? Apakah pinjaman kepada kerajaan negeri ataupun yang sebaliknya. Untuk itu saya menyokong bajet di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

#### **21.52 mlm**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa di dalam bab tenaga di Butiran 010200. Secara khusus yang ingin saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan tarif harga elektrik di mana berdasarkan laporan berita tempatan, kos tenaga elektrik ini oleh Tenaga Nasional dijangka mengalami kenaikan 14.9%. Sekiranya Petronas mengguna pakai mekanisme *charge* harga gas asli secara berperingkat terhadap industri pembekalan elektrik bagi mengimbangi kesan. Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyatakan dalam salah satu jawapan kepada Yang Berhormat Sarikei bahawa kerajaan akan membuat penyelidikan sebelum menaikkan taraf elektrik.

Soalan saya adakah ini bermaksud kerajaan telah merancang untuk meningkatkan tarif elektrik pada masa yang akan datang? Kerajaan telah menghapuskan RM551 juta subsidi gula oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, pengurangan sebanyak RM505 juta untuk minyak masak melalui skim penstabilan harga minyak masak oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Malah GST juga akan dilaksanakan pada April 2012. Soalan saya pada Yang Berhormat Menteri adakah wajar meningkatkan tarif elektrik sedangkan kerajaan telah merasionalisasikan pelbagai subsidi termasuk petrol, minyak masak dan gula. Adakah BR1M sebanyak RM650 setahun boleh meringankan beban rakyat akibat peningkatan kos-kos tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Butiran P.06400 hingga P.11600 - Perbelanjaan Pembangunan Bekalan Air, dan secara menyeluruhnya Butiran 06400 hingga 11600 merupakan perbelanjaan pembangunan bagi rancangan-rancangan bekalan air negeri masing-masing. Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi bekalan air ialah RM1,208 juta. Antaranya adalah secara langsung sebanyak RM429.9 juta dan pinjaman sebanyak RM778.1 juta. Jumlah

perbelanjaan pembangunan bagi bekalan air bagi tahun ini telah dikurangkan sebanyak RM176.4 juta iaitu pengurangan sebanyak lebih kurang 12.7% daripada RM1,384.4 juta bagi tahun 2013.

Antaranya perbelanjaan pembangunan bagi rancangan bekalan air negeri Kedah, negeri Selangor, Pulau Pinang dan negeri Perlis dan juga penyaluran air antara negeri telah dikurangkan peruntukan RM365.3 juta iaitu pengurangan sebanyak 70.2% jika di banding dengan tahun 2013. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan pengurangan jumlah perbelanjaan pembangunan bagi bekalan air serta penyaluran air antara negeri memandangkan paras air tanpa hasil yang tinggi dan pengguna sering mengalami gangguan bekalan air akibat kebocoran.

Berdasarkan laporan berita tempatan, kebocoran air akibat paip yang sudah berusia menyebabkan negara mengalami kerugian 2 trilion liter air yang dirawat menyebabkan pengguna mendapat kualiti yang tidak berkualiti dan akhirnya menyebabkan pengguna sering mengalami gangguan bekalan air. Misalnya pada tahun 2012, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mendapati 1.994 trilion liter air dibazirkan dan 3.479 trilion liter digunakan oleh pengguna dengan paras air tanpa hasil ialah 36.48% dan ia cukup untuk membekalkan air kepada setiap keluarga di negara ini selama 189 hari atau memenuhi 797,600 kolam renang yang digunakan kejohanan Sukan Olimpik. Begitulah jumlah banyaknya kebocoran dan kebocoran paip ini menyebabkan operator air mengepam lebih banyak demi menampung keperluan pengguna.

SPAN sendiri menganggarkan operator air di seluruh negara mengalami kerugian sebanyak RM618 juta akibat kebocoran ini pada tahun 2012. Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin nyatakan di sini bahawa negara jiran iaitu Singapura hanya mencapai 5% paras NRW ini iaitu salah satu negara yang terendah di dunia. Kerajaan telah menyatakan kadar GST merupakan yang terendah di negara Asean tapi adakah paras NRW juga terendah di negara ASEAN. Pengarah Eksekutif SPAN sendiri berkata pemasangan paip AC ini telah dihentikan sejak awal 90 an dan sudah tiba masanya paip di negara ini perlu digantikan dengan yang baru. Sekiranya penggantian tidak segera dilakukan, kita bimbang paip yang usang ini akan menyebabkan peningkatan pembaziran NRW yang lebih besar dan syarikat konsesi air akan mengalami lebih banyak kerugian.

Presiden Persatuan Air Malaysia misalnya turut menyatakan bilion ringgit dan lebih kurang 20 tahun diperlukan untuk menggantikan semua paip-paip usang tersebut. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah langkah dan rancangan yang akan dijalankan oleh kementerian supaya mengurangkan paras NRW ini kepada 25% menjelang 2020 seperti mana yang disasarkan oleh SPAN. Adakah kerajaan yakin boleh mengurangkan 16.4% paras NRW dalam masa enam tahun.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit tentang konsesi bekalan air di negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor di muktamadkan untuk mengambil alih dan mengurus sepenuhnya empat syarikat konsesi bekalan air di negeri itu. Surat rasmi saya difahamkan telah diterima pada 9 September lepas daripada kerajaan persekutuan menunjukkan

kesepakatan untuk kedua-dua pihak menyelesaikan segera isu pengurusan air demi kesejahteraan rakyat negeri di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Terdapat empat syarikat konsesi air di Selangor. Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPASS) yang merupakan anak syarikat kumpulan Gamuda. Dua anak syarikat Puncak Niaga Holdings Berhad iaitu Puncak Niaga Malaysia Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) serta Konsortium ABAS Sdn. Bhd. Kerajaan negeri telah membuat tawaran RM9.65 bilion untuk mengambil alih ke semua empat syarikat tersebut. Namun rundingan sedang dibuat dengan pihak terlibat tentang bayaran dan nilai pengambilalihan tersebut. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa perundingan pengambilan tersebut memakan masa begitu panjang memandangkan syarikat konsesi air gagal memberi perkhidmatan yang baik. Adakah kerajaan persekutuan seharusnya mempercepatkan perbincangan pengambilalihan bagi menyokong penstrukturan semula industri perkhidmatan air demi kesejahteraan rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sejak awal lagi.

■2200

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin merujuk kepada butiran yang berkaitan dengan teknologi hijau khususnya bagi Butiran 050000 dan juga peruntukan *One Off 070300 – International Green Tech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2014* (IGEM 2014), dan Butiran 070600 – Membangun Pusat Pemulihan Bencana dan Infrastruktur Pusat Data Hijau dan semua yang berkaitan dengan teknologi hijau.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kita membelanjakan sekian banyak peruntukan untuk teknologi hijau ini. Saya ingin bertanya, apakah secara keseluruhannya terdapat kefahaman yang meluas di kalangan kementerian-kementerian yang lain tentang komitmen kerajaan mengenai teknologi hijau ini. Ini kerana kita difahamkan misalnya teknologi *incinerator* yang terdapat pendapatan sama ada teknologi *incinerator* ini adakah baik untuk negara atau pun *whether ia green compliance*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Ini kerana kalau difahamkan oleh kementerian yang berkaitan, kerajaan akan membina tiga buah *incinerator* dan tentunya kalau perkara ini tidak diselesaikan sama ada teknologi ini *green compliance*, saya yakin tentunya ada cadangan-cadangan yang lebih bernas dan komprehensif yang boleh dicadangkan oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan agar ada kaedah alternatif yang lain bagi memastikan kita tidak terjebak dengan masalah *incinerator* ini yang tentunya akan memberikan kesan kepada alam sekitar. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

10.01 mlm.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya juga ingin turut berbahas dalam Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Spesifik bagi maksud perbekalan 29, *One-Off*, Butiran 071000 – Program Majlis Teknologi Hijau

dan Perubahan Iklim (MTHPI) Peringkat Negeri. Saya telah membaca objektif Majlis ini dan saya melihat banyak yang tertera, tertulis dalam artikel-artikel peranan Majlis dan saya bertanya kepada Menteri walaupun Menteri ini baru mengambil tugas kementerian ini selepas PRU-13, maka saya lihat antara objektif adalah *green IT carbon management* iaitu tetapi tidak menyebut soal *carbon emissions* melalui daripada kenderaan-kenderaan, *life-cycle assessment*, perancangan bandar hijau, rawatan kumbahan dan sisa pepejal begitu meluas sekali.

Apa yang kita lihat dalam sektor pengangkutan ini, belum ada perubahan setakat ini walaupun Majlis ini telah ditubuhkan sekian lama. Juga dalam sektor pembinaan, walaupun ada model-model yang telah dibina, diwujudkan. Kita juga melihat dari bentuk tenaga alam sekitar, ekonomi dan sosial. Bagaimana pula program-program yang telah dilaksanakan oleh Majlis ini? Saya belum mendengar keberkesanan soal promosi ataupun kesedaran orang awam tentang teknologi hijau ini Menteri. Keduanya, promosi pendidikan. Adakah murid-murid kita telah pun diberi *exposure* ataupun *to keep them a best soal green technology* ataupun dalam satu mata pelajaran yang diadakan di bilik-bilik darjah ataupun kempen-kempen kesedaran di peringkat sekolah.

Saya minta penjelasan daripada pihak berkenaan, adakah pihak kementerian juga memasuki bidang kuasa Kementerian Pendidikan dalam soal *green technology* apabila kita melihat program-program seperti mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia, kesedaran daripada orang ramai, kesedaran daripada orang awam. Kita baru juga melihat pendedahan TV3 di Putatan. Soal kekotoran, soal sampah misalnya, adakah pihak kementerian telah membuat *engagement* dengan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Soal kesedaran orang awam tentang *green technology*. Satu lagi iaitu mengurangkan degradasi ataupun kualiti persekitaran. Soal pembakaran di merata-rata terutama sekali tempat-tempat kilang yang kita melihat kilang-kilang kelapa sawit pun menglimitkan karbon dioksida kepada udara. Apakah tindakan pihak kementerian soal ini? Saya juga mendedahkan pembakaran sisa-sisa daripada hospital di Lok Kawi. Itu pun telah dihentikan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dalam jagaan kementerian Menteri pada suatu ketika iaitu dua tahun yang lalu. Iaitu juga pembebasan gas rumah hijau, *green house* yang rendah, sifar. Bagaimana ini? Adakah ini sudah dilaksanakan oleh Majlis melalui program-program. Kami mahu juga melihat keberkesanan kempen-kempen ini ataupun pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh Majlis ini. Juga jimatkan tenaga dan sumber asli, apakah program yang telah dilaksanakan? Kita mahu juga dalam program Majlis ini. Satu lagi menggalakkan sumber-sumber yang diperbaharui ini, saya tidak faham apa ini. *Early education* kesedaran kepada murid-murid kita, modal insan, penggunaan modal insan. Bagaimana pihak kementerian boleh memperkasakan kesedaran ini di peringkat murid-murid iaitu kita mulai dari didikan daripada asal atau kita interpretasikan murid-murid ini kesedaran tentang alam sekitar.

Saya beralih kepada satu lagi perkara yang ringkas Tuan Pengerusi iaitu bagi maksud Pembangunan 29, Butiran 03200 – *Sabah Electricity Sdn. Bhd* (SESB) yang telah diperuntukkan berjumlah RM118.5 juta. Kalau kita mendengar rentetan, rintihan penduduk-penduduk terutama

sekali daripada Sandakan, Tawau, dan Lahad Datu, belum ada tanda-tanda yang mana SAIDI di negeri Sabah ini berkurangan walaupun kenyataan oleh Menteri beberapa kali sedang di laksanakan, sedang diatasi masalah-masalah kekurangan bekalan tenaga elektrik di negeri Sabah. Ini satu janji kita semasa pilihan raya Yang Berhormat Menteri. Saya harap perkara ini dapat diatasi dengan segera dan tanda-tanda sekurang-kurangnya ada langkah-langkah yang menunjukkan bahawa kita ini betul-betul serius menangani masalah kekurangan tenaga elektrik di negeri Sabah.

Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri juga seorang sahabat dan Menteri dari Sabah dapat mengatasi perkara ini sebelum kita dikatakan tidak menepati janji kita. Walau bagaimanapun, saya melihat Yang Berhormat Menteri ini sangat rajin turun padang melawat Sandakan, melawat Lahad Datu beberapa kali. Saya harap tanah-tanah yang di mana yang kita letakkan penjana kuasa ini sudah dikenal pasti dan juga menggalakkan proses-proses iaitu melalui *biomass* ataupun *solar energy*. Adakah pihak kementerian sudah mengenal pasti syarikat-syarikat yang membantu kita menjana *electricity* kita di bahagian terutama sekali di bahagian Pantai Timur di negeri Sabah? Itu sahajalah Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya menyokong bajet ini. Sekian.

■2210

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

10.10 mlm.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan sedikit berhubung dengan Maksud Bekalan 29, *One-Off*, Butiran 070000 berhubung dengan pelan komunikasi komprehensif diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Ini merupakan *One Off*. Ia perlu dibelanjakan dalam tahun fiskal 2014. Jadi saya mohon kementerian supaya dapat memperincikan peralatan ataupun keperluan yang akan dilakukan untuk membelanjakan peruntukan sebanyak RM1 juta tersebut. Terima kasih

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

10.11 mlm.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bersama-sama rakan-rakan ingin berbahas bagi Maksud B.29 bagi Butiran 070300 iaitu *International Green Tech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2014* atau IGEM 2014. Jumlahnya adalah RM5 juta. Jadinya, saya cuma hendak minta daripada kementerian untuk menyatakan siapakah peserta-peserta *conference* IGEM ini? Dan saya juga hendak bertanya mengenai sasaran penyertaan yang saya tengok berkurangan pada tahun hadapan kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini iaitu tahun 2013 dan 2012. Mengapakah sasaran ini berkurangan sedangkan saya lihat dalam rekod berdasarkan kepada tiga tahun berturut-turut ini sepatutnya penyertaan itu akan menjadi bertambah bukannya berkurangan.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian bagaimanakah kementerian *evaluate*, dengan izin, sumbangan *conference* ini dalam meningkatkan pendidikan dan juga kesedaran awam terhadap kepentingan teknologi hijau ini? Adakah cara pendidikan dan juga kesedaran ini, selain daripada melalui *conference* yang dianjurkan ini, apakah cara-cara lain yang dibuat oleh kementerian? Apakah penyediaan infrastruktur yang bersepadu yang telah dibuat oleh pihak kementerian? Jadi kerana itu, saya minta juga kementerian untuk menyatakan siapakah sebenarnya peserta-peserta *conference* yang dianjurkan ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Paya Besar. Sudah nampak Yang Berhormat Tanjong Karang, tidak jadi. Sila.

#### 10.13 mlm.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bekalan B.29, Butiran 010200 – Tenaga. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada bantahan lapan orang penduduk di Gambang yang diketuai oleh Encik Ling Kuan Yang beralamat K115, Kampung Melayu, 26300, Gambang. Dia memohon supaya TNB mengalihkan voltan tinggi yang di Lot 42160, Mukim Kuala Kuantan, bagi talian 257 KV, Kampung Awah, Kuantan. Kalau saya tengok di tanda pelan yang diberikan kepada saya, memang kerajaan negeri telah ada merizabkan tanah untuk TNB membina talian ini. Akan tetapi mereka hendak juga masuk ke tanah orang tanpa bayaran. Saya percaya kalau sekiranya TNB mendapati bahawa bayaran untuk mengalih balik ke tiang-tiang ini ke tanah TNB, ianya makan masa dan juga harga yang tinggi.

Oleh itu saya percaya sekiranya TNB boleh berbincang dengan lapan orang tuan tanah yang terlibat, perkara ini boleh diselesaikan dengan segera. Oleh itu saya mohon pihak kementerian dapat menyelesaikan perkara ini dengan sebaik mungkin.

Maksud P.29, Butiran 08100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Boleh dikatakan setiap hari rakyat di negeri Pahang ini mengalami keputusan air khususnya di kampung-kampung di tempat tinggi seperti di Lepar Utara, di Panching dan sebagainya. Oleh itu, mohonlah pertimbangan kerajaan kalau dapat membantu JBA negeri Pahang untuk mengatasi masalah yang sekarang ini menjadi beban kepada JBA negeri iaitu ia juga termasuk di kawasan Bera dan mungkin juga terlibat dengan kawasan Kuala Krau.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, setuju.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Jadi minta Menteri mengambil perhatianlah berhubung dengan perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran. Selepas Yang Berhormat Tuaran Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### 10.15 mlm.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berbahas bagi maksud B.29 – Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air, Butiran 03200 – *Sabah Electricity*



*Sdn. Bhd.* (SESB). Tuan Pengerusi, sebentar tadi sahabat saya daripada Putatan juga berbahas tentang SESB dan bercerita tentang masalah SAIDI, bekalan elektrik yang sering terputus di Sabah. Dalam hal ini, banyak perkara- langkah-langkah kerajaan yang dibuat untuk mengatasi masalah ini terletak di tangan SESB sebenarnya.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah sebenarnya langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperhebatkan lagi SESB ini? Sebab setakat ini dilihat SESB ini masih lagi pada tahap *crisis management*, dari segi pengurusannya. Apakah Yang Berhormat Menteri dan kerajaan berpuas hati dengan pencapaian pengurusan SESB sehingga hari ini? Sebab sehingga pada hari ini, kedudukan kewangan SESB sendiri pun kalau kita tengok pada laporan tahunan TNB tahun 2012, kewangan SESB masih lagi bergantung kepada geran dan subsidi daripada kerajaan, sedangkan SESB ini sudah sendirian berhad. Dia berniaga.

Jadi apakah sebenarnya masa depan SESB? Apakah pihak TNB sebagai pemegang saham yang terbesar dalam SESB ini dapat mempertahankan kedudukan SESB seperti yang ada sekarang ataupun apakah kerajaan khususnya TNB dan kementerian mempunyai perancangan lain untuk memperhebatkan lagi TNB, supaya pelbagai permasalahan bekalan elektrik di Sabah dapat diselesaikan.

Saya beri satu contoh, suatu ketika dahulu kita telah diberi taklimat bahawa dari segi *install capacity*, bekalan penjanaan elektrik di Sabah sampai ke tahap 900 megawatt dan sebagainya dan kita punya *reserve margin* sampai 10%. Selepas itu kita lihat dalam satu laporan lain pula *install capacity* sampai 1,200 hingga 1,900 megawatt dan dikatakan *reserve margin* 91%. Mana satu yang betul? Jadi, dalam keadaan seperti ini Tuan Pengerusi, kedudukan atau pun peranan SESB sebagai peneraju utama penyelesaian bekalan elektrik di Sabah adalah amat penting. Rakyat berhak untuk mengetahui kedudukan yang sebenar dari segi peranan SESB ini, dari segi penyelesaian muktamad dan tuntas dari segi pelbagai masalah berkaitan elektrik di Sabah termasuklah dari segi *transmit ionnya*, dari segi penjanaan elektrik dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita hendak lihat dan kita bincang selama ini ialah dari segi pengurusan dna kepimpinan dalam SESB itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah dasar *fuel* untuk penjanaan elektrik di Sabah ini sudah tamat ataupun tidak? Dalam hal apakah, bahan bakar yang akan digunakan? Adakah pihak kerajaan atau kementerian telah mengatakan bahawa kerajaan yang tidak mahu menggunakan arang batu ataupun got. Adakah ini sudah muktamad ataupun adakah pihak kerajaan sudah muktamad untuk menggunakan L&G? Okey. Apa yang kita lihat dalam pembentangan bajet pada kali ini ada peruntukan yang diberi untuk *degasification time* L&G di Lahad Datu sebanyak RM800 juta dan sebagainya.

■2210

Jadi, adakah ini mengatakan bahawa daripada segi bahan bakar, kerajaan akan menggunakan LNG untuk penjualan ini? Apakah pihak kerajaan juga begitu yakin dengan penjanaan elektrik setakat ini secara untuk menyelesaikan masalah penjanaan elektrik secara

jangka panjang di negeri Sabah iaitu setakat apa yang ada daripada segi penjanaan secara hidro elektrik di Ulu Padas yang dijangka hanya 880 megawatt dan beberapa yang lain tanpa melihat satu penjanaan elektrik yang benar-benar dapat menyelesaikan masalah *base loaded requirement* yang tidak lagi *fragmented*. Maksudnya hanya satu, satu penjanaan elektrik untuk menyelesaikan satu *base loaded requirement*.

Kemudian, daripada segi strategi jangka pendek untuk menyelesaikan masalah *black out* di Sabah, setakat hari ini kalau daripada segi beberapa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, kita pun berpuas hati tetapi bila kita sampai ke kawasan, masalah masih juga berlaku. Jadi, daripada segi jangka pendeknya, apakah penyelesaian yang dibuat? Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan kedudukan bekalan elektrik Sabah sekarang, apakah yang mampu untuk memberikan keyakinan kepada para pelabur yang datang ke Sabah untuk melabur. Dalam hal ini juga, saya berharap, ini soal tarif elektrik. Walaupun dalam kedudukan kewangan SESB yang tidak berapa mengizinkan, saya berharap tarif elektrik di negeri Sabah ini dapat dipertahankan seperti apa yang ada sekarang.

Seterusnya saya beralih kepada Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah. Dalam butiran ini saya lihat ada RM220 juta peruntukan. Saya ingin bertanya, Sabah ini tidak termasuk dalam Suruhanjaya Air Negara (SPAN) tetapi dalam belanjawan kali ini ada RM220 juta. Saya ingin tahu, bagaimanakah peruntukan ini akan dibelanjakan? Adakah ini akan disalurkan melalui Kerajaan Negeri Sabah dan seterusnya kepada Jabatan Air Negeri Sabah? Atau adakah pihak kementerian akan melaksanakan mengikut caranya tersendiri ataupun bagaimana?

Dalam hal ini, memang di negeri Sabah, bekalan air juga menjadi satu perkara yang bermasalah. Di kawasan saya di Tuaran sebagai contoh, untuk bekalan air bersih, kita masih lagi banyak tempat yang amat memerlukan untuk bekalan air bersih dan dalam hal ini, yang paling penting selama ini untuk penyaluran paip dan sebagainya, dahulunya peruntukan ini kita dapat daripada Kementerian Luar Bandar. Memang setakat hari ini belum lagi selesai sepenuhnya. Jadi saya ingin bertanya, apakah RM220 juta ini akan digunakan untuk hal-hal seperti ini iaitu untuk memberi bekalan air ke luar bandar? Atau untuk mengurangkan *non-revenue water* yang memang agak tinggi bagi negeri Sabah.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, daripada segi dasar- kalau di Semenanjung di bawah SPAN, air dari negeri Pahang dibawa ke negeri Selangor. Saya ingat ada royaltinya dan sebagainya. Bagaimana pula kalau di negeri Sabah daripada satu daerah kita bekalkan ke satu daerah? Apakah juga kita berhak untuk mengenakan royalti? Jadi sebagai contoh, kawasan Parlimen Tuaran ini adalah pembekal air kepada Bandaraya Kota Kinabalu dan sekitarnya sehinggakan sebahagian besar daripada kawasan Parlimen Tuaran ini telah diisytiharkan sebagai tadahan air dan permohonan-permohonan tanah pun pada satu ketika dahulu dibekukan kerana untuk memastikan yang tadahan air ini, sungai-sungai di situ tidak akan kering.

Saya sendiri telah meminta pihak kerajaan supaya jangan dijadikan masyarakat kampung ini sebagai mangsa untuk tidak dapat tanah hanya kerana kita ini mahu memastikan bekalan air

untuk bandar raya Kota Kinabalu ini mencukupi. Jadi sehinggakan Yang Berhormat Menteri, barangkali Yang Berhormat Menteri pun rajin juga ke kawasan saya sewaktu dia di kementerian MOSTI dahulu, melihat sungai-sungai yang begitu cantik, kita ada tagal dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya telah memperkenalkan tagal hutan, bukan lagi tagal air tetapi tagal hutan. Di mana *referents reserve* orang kampung sudah membuat peraturan sendiri sebab tidak menebang kayu-kayan di sebelah tebing sungai untuk memastikan supaya sungai-sungai ini tidak kering. Itulah komitmen kami di Tuaran untuk memastikan supaya Sungai Tuaran itu sentiasa mempunyai bekalan air, supaya bandar raya Kota Kinabalu ini mempunyai bekalan air yang mencukupi dan begitu juga di sekitarnya termasuklah di *Kota Kinabalu Industrial Park* tetapi daripada segi pulangan kepada daerah Tuaran tidak ada.

Jadi, cadangan saya Yang Berhormat Menteri ialah supaya biarlah Tuaran itu mendapat sedikit royalti daripada- kita bekalkan air kepada Kawasan Perindustrian Kota Kinabalu, bandar raya Kota Kinabalu, biarlah melalui Majlis Daerah Tuarankah atau ada cara lainkah. Oleh sebab kami ini sudah berkorban untuk semua termasuk dalam hal-hal membuat tagal hutan dan sebagainya. Akhirnya kita ini tidak mendapat apa-apa...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### 10.27 mlm.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bahas Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor. Saya terpanggil untuk mengambil bahagian apabila saya melihat Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Bukit Katil, orang Melaka pun sudah bercakap pasal air Selangor ini. Kalau Yang Berhormat Kapar cakap saya boleh terimalah. Jadi... *[Disampuk] [Ketawa]* Yang Berhormat Kapar dia tidak bercakap...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi Yang Berhormat Bukit Katil sudah bercakap dan saya tengok hujah Yang Berhormat Bukit Katil tadi agak panjang dan tahu secara *detail*. Hanya saya hendak minta pihak kementerian, mesti memperjelaskan kepada rakyat mengenai isu kedudukan bekalan air Selangor kerana di negeri Selangor saya lihat, isu air ini dijadikan isu politik oleh Kerajaan Negeri Selangor terutamanya daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak sebagai Menteri Besar di negeri Selangor.

Tadi kita dengar, dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil kerajaan negeri menawarkan RM9.6 bilion dan memang betul dan itulah yang dihebohkan di Selangor. Keluar dalam Selangor

Kini begitu menjadi *headline* memberikan gambaran kepada rakyat negeri Selangor seolah-olah kerajaan negeri ini telah pun berjaya menyelesaikan masalah air dan mereka juga telah memberikan beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah air di negeri Selangor. Soalnya hari ini ialah, urusan bekalan air Selangor yang mengambil alih empat buah syarikat ini ialah tertakluk kepada *willing buyer, willing seller*. *Willing buyer, willing seller* kalau kerajaan negeri tawar RM9.6 bilion, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah harga itu telah dipersetujui oleh keempat-empat syarikat ini? Adakah dengan memberikan tawaran tersebut, kerajaan negeri telah pun ada hak untuk memberikan beberapa cadangan kepada kementerian?

Saya mengibaratkan tindakan kerajaan negeri ini Tuan Pengerusi, macam orang hendak kahwin. Pinangannya belum lagi diterima. Nikah belum lagi angkat tetapi sudah merancang di mana hendak *honeymoon*, di mana hendak beli rumah. Jadi, yang dia cerita ini perkara belum berlaku. Inilah pembangkang. Benda belum berlaku telah cerita. Hendak contoh lagi, sebab Yang Berhormat Kapar saya difahamkan beli rumah. Perjanjian beli rumah belum lagi tandatangan tetapi sudah beritahu kepada rakyat, "*Rumah ini esok kita hendak buat renovation, hendak buat itu, buat ini*". Apa yang penting ialah *willing buyer, willing seller* harga telah dicapai kata sepakat ataupun belum. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, katalah, pada bulan Disember ini, *the end of December*, lagi sebulan lebih lagi, katalah tidak dapat harga, tidak ada persetujuan di antara harga yang ditawarkan oleh kerajaan negeri dengan syarikat yang hendak menjual, konsesi ini. Apakah tindakan yang diambil?

Saya sudah nampak sekiranya pembelian ini, pengambilalihan ini tidak berjaya, Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi hero. Mereka akan tunjuk kepada rakyat bahawa Kerajaan Persekutuanlah yang bersalah hendak menyelesaikan masalah rakyat, masalah air di negeri Selangor. Air negeri Selangor ini memang dijadikan isu politik. Beri air RM10 percuma pun, dijadikan isu politik.

Kedua, saya hendak tahu juga kedudukan Langat 2. Tadi Ahli Parlimen Kuala Langat ada bangkitkan. Saya rasa Yang Berhormat pun kena tengok apa akan jadi projek Hulu Langat 2 ini. Apakah kedudukan Langat 2? Adakah nanti sekiranya tidak ada pencapaian, persetujuan harga di antara pihak kerajaan negeri dengan pihak syarikat tidak tercapai kata sepakat dan masalah pengambilan air ini tidak dapat diselesaikan, apakah nasib Langat 2? Ini kerana saya tengok Kerajaan Negeri Selangor cuba campuradukkan di antara pembelian konsesi air dengan Langat 2 yang sepatutnya mesti diselesaikan secara berasingan. Langat 2 ini ialah satu- kita tahu dibuat untuk memberikan bekalan kepada air negeri Selangor. Tidak ada kena-mengena pun dengan bekalan air untuk ambil alih syarikat. Kalau sesiapa pun ambil alih syarikat, kalau Langat 2 ini tidak diselesaikan, maka Selangor akan menghadapi masalah air.

Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah tindakan kementerian? Pertama, kalau tidak ada persetujuan daripada segi harga, *willing buyer, willing seller* dan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan mengenai Langat 2? Kalau kita tidak teruskan, Langat 2 akan menjadi 'gajah putih', saya ingat yang termahal dalam dunia ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**10.31 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat malam, salam reformasi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar. Kita sambung esok, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Itu yang hebatnya Tuan Pengerusi kita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh. Dengan segala hormatnya. Silakan.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 26 November 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.32 malam]*